

Bil. 10

**Rabu
21 April 1999**



MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN RAKYAT**

**PARLIMEN KESEMBILAN
PENGAL KELIMA
MESYUARAT PERTAMA**

KANDUNGAN

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

(Ruangan 1)

USUL:

Ucapan Terima Kasih Kepada Seri Paduka Baginda
Yang di-Pertuan Agong
- *Y.B. Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob (Sipitang)*

(Ruangan 19)

Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan
Daripada Peraturan Mesyuarat

(Ruangan 58)

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tun Mohamed Zahir bin Haji Ismail, S.S.M., P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K. J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, D.K.(Brunei), D.K.(Perlis), D.K.(Johor), D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P. (Sarawak), D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.M.N., P.I.S. (Kubang Pasu)

“ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas)

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Dato' Seri Dr. Ling Liong Sik, D.G.S.M., S.P.M.P., D.P.M.S., D.P.M.P. (Labis)

“ Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu, S.P.M.J., S.P.M.P., DPMS, PCM, AMN (Sungai Siput)

“ Menteri Perusahaan Utama, Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik, D.G.P.N., S.P.M.P., D.P.C.M. (Beruas)

“ Menteri Tugas-tugas Khas dan Menteri Kewangan I, Tun Daim Zainuddin, S.S.M., S.P.M.S., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok)

“ Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Leo Moggie anak Irok, P.N.B.S. (Kanovit)

“ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri Rafidah Aziz, S.P.M.P., S.P.M.T., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar)

“ Menteri Pertanian, Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya)

“ Menteri Pendidikan, Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, S.S.A.P., S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S. (Pekan)

“ Menteri Penerangan, Datuk Seri Mohamed bin Rahmat, D.G.S.M., S.P.M.J., S.I.M.P., S.P.D.K., S.S.S.A., S.P.M.T., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Pulai)

“ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Seri Sabbaruddin Chik, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh)

“ Menteri Sumber Manusia, Dato' Lim Ah Lek, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentong)

“ Menteri Pertahanan, Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang)

Yang Berhormat Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Law Hieng Ding,
P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei)

- “ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato’ Dr. Ting Chew Peh,
D.P.M.S., D.P.M.P. (Gopeng)
- “ Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar,
S.P.D.K., D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi)
- “ Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato’ Haji Annuar bin Haji Musa,
S.I.M.P. (Peringat)
- “ Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Dato’ Haji Muhyiddin bin Haji Mohd.
Yassin, P.S.M., S.P.M.J., S.M.J., P.S.I., B.S.I. (Pagoh)
- “ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datin
Paduka Hajah Zaleha binti Ismail, D.P.M.S., S.M.S, K.M.N (Gombak)
- “ Menteri Kesihatan, Dato’ Chua Jui Meng, S.I.M.P, S.M.J, P.I.S (Bakri)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Paduka Dr. Haji Abdul
Hamid bin Haji Othman, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., P.P.T (Sik)
- “ Menteri Pembangunan Usahawan dan Menteri Kewangan II, Dato’
Mustapa bin Mohamed, D.P.M.S. (Jeli)
- “ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk
Seri Megat Junid bin Megat Ayob, S.P.D.K., S.P.M.P., D.P.M.K.,
D.S.S.A, D.S.A.P., D.P.CM., A.M.P., A.M.K (Pasir Salak)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Dr. Siti Zaharah binti Haji
Sulaiman, D.I.M.P. (Paya Besar)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Mohd. Tajol Rosli bin Mohd.
Ghazali, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Ong Tee Keat, P.J.N., S.M.S. (Ampang
Jaya)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin,
P.G.D.K (Kinabatangan)
- “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Dato’ Loke Yuen Yow, D.P.M.P.,
A.M.P. (Tanjong Malim)
- “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Datuk Railey bin Haji Jaffrey, P.G.D.K.,
J.M.N. (Silam)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Dato’ Haji Mohd. Khalid bin Mohd.
Yunus, D.S.N.S. (Jempol)

Yang Berhormat Timbalan Menteri Luar Negeri, Datuk Dr. Leo Michael Toyad, P.G.B.K., J.B.S. (Mukah)

- “ Timbalan Menteri Pertahanan, Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang)
- “ Timbalan Menteri Penerangan, Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed, D.P.M.S. (Titiwangsa)
- “ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Teng Gaik Kwan, D.I.M.P., A.M.N., P.P.N. (Raub)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Peter Chin Fah Kui, P.B.S., A.B.S. (Miri)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Kerk Choo Ting, D.P.M.P. (Taiping)
- “ Timbalan Menteri Pertanian, Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor, S.P.M.T., D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Wong See Wah, D.S.N.S. (Rasah)
- “ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datuk Peter Tinggom anak Kamarau, P.N.B.S., J.B.S., K.M.N., P.B.S., A.M.N., P.P.C. (Saratok)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Dr. Fong Chan Onn, D.M.S.M. (Selandar)
- “ Timbalan Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Dato' Chan Kong Choy, D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato' Ong Ka Ting D.P.M.P. (Pontian)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato' K. Kumaran, D.P.M.P., K.M.N., J.S.M., P.M.P., P.P.T., J.P. (Tengah)
- “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap)
- “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Dr. Ibrahim bin Saad, D.M.S.M. (Tasek Gelugor)
- “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato' Abu Bakar bin Daud, D.S.M.T., D.S.A.P., D.P.M.T., J.M.N., P.J.C., P.J.K. (Kuala Terengganu)

Yang Berhormat Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam, D.C.S.M., D.M.S.M., D.S.M., P.B.M. (Batu Berendam)

- “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' S. Subramaniam, D.S.N.S., D.P.M.J., S.M.J. (Segamat)
- “ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Goh Cheng Teik (Nibong Tebal)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan, Dato' Idris bin Jusoh, P.J.K. (Besut)
- “ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Dato' Hishamuddin bin Tun Hussein, D.P.M.J. (Tenggara)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Dato' M. Mahalingam, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Subang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Mohd. Noh bin Rajab, D.S.N.S. (Tampin)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Datuk Douglas Uggah Embas, A.B.S., P.B.S. (Betong)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Tuan Yong Khoon Seng (Padawan)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Puan Ainon Khariyah binti Dato' Mohd. Abas, P.M.P., A.M.P. (Parit)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Haji Muhammad bin Abdullah, D.I.M.P., S.M.F., P.J.K. (Maran)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Othman bin Abdul, D.S.S.A., A.M.P., P.P.T. (Pendang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, Dato' Chor Chee Heung, D.S.D.K. (Alor Setar)

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria (Jerantut)

- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Dato' Abu Bakar bin Taib, D.S.D.K., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Langkawi)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K. (Semporna)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, Dato' Shahrizat binti Abdul Jalil, D.I.M.P. (Lembah Pantai)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Tuan G. Palanivel, P.J.K. (Hulu Selangor)
- “ Datuk Abdol Mulok bin Haji Awang Damit (Labuan)
- “ Tuan Abdul Aziz bin Mohd. Yassin (Muar)
- “ Tun Abdul Ghafar bin Baba, S.S.M. (Jasin)
- “ Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang (Marang)
- “ Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman (Sungai Benut)
- “ Tuan Abdul Rahin bin Dato' Mohd. Said (Kuala Nerus)
- “ Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman, S.S.A., A.M.N., A.M.S., A.M.P., A.D.K. (Parit Buntar)
- “ Datuk Patinggi Tan Sri Haji Abdul Taib Mahmud, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K., S.S.A.P. (Kota Samarahan)
- “ Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusof, D.M.S.M., J.P., B.K.T. (Alor Gajah)
- “ Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang, D.S.N.S., A.M.N. (Kuala Pilah)
- “ Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun)
- “ Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok)
- “ Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman (Libaran)
- “ Tuan Amihamzah bin Ahmad (Lipis)

Yang Berhormat Datu Amirkahar bin Tun Datu Haji Mustapha (Marudu)

- “ Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, S.P.M.P., S.P.C.M., S.S.A.P., D.U.P.N., S.S.S.A., D.G.S.M., S.P.N.S., S.P.D.K., D.M.P.N. (Permatang Pauh)
- “ Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman, D.S.D.K., S.M.S. (Baling)
- “ Tuan Asmat Nungka (Beluran)
- “ Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin, D.S.D.K., B.K.M., P.J.K. (Yan)
- “ Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz, A.S.A. (Hulu Langat)
- “ Tuan Billy Abit Joo (Hulu Rajang)
- “ Tuan Haji Buniyamin bin Yaakob (Bachok)
- “ Tuan Chang Kon You (Ipoh Timor)
- “ Tuan Chang See Ten (Gelang Patah)
- “ Che Ibrahim bin Mustafa, P.J.K. (Sungai Petani)
- “ Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera)
- “ Tuan Chiew Chiu Sing (Bintulu)
- “ Dato' Joseph Chong Chek Ah, D.S.P.N. (Batu)
- “ Puan Chua Soon Bui (Tawau)
- “ Tuan Fu Ah Kiow (Mentakab)
- “ Tuan Hamzah bin Ramli (Sri Gading)
- “ Dato' Haji Hanafi bin Ramli, D.S.D.K., S.M.S., K.M.N., A.M.K., A.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Jerlun)
- “ Tuan Hashim bin Ismail, P.P.N., P.I.S. (Ledang)
- “ Tuan Haji Hashim bin Jasin (Arau)
- “ Tuan Henrynus Amin, A.D.K. (Kinabalu)
- “ Dato' Hew See Tong, D.P.M.P., J.P., P.M.P. (Kampar)
- “ Tuan Ho Cheong Sing, A.M.N. (Ipoh Barat)
- “ Dato' Hon Choon Kim, D.S.N.S. (Seremban)
- “ Tuan Hoo Seong Chang (Kluang)

Yang Berhormat Tuan Haji Ibrahim bin Mahmood (Kuala Krai)

- “ Tuan Ibrahim bin Pateh Mohamad (Tanah Merah)
- “ Puan Hajah Ilani binti Dato' Haji Isahak (Kota Bharu)
- “ Tuan Jacob Dungau Sagan, P.P.B. (Baram)
- “ Dato' Jamaluddin bin Adnan (Kuala Selangor)
- “ Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis, D.I.M.P., S.A.P. (Rompin)
- “ Tuan James Jimbun Anak Pungga, P.B.S. (Kapit)
- “ Tuan Jawah Anak Gerang (Lubok Antu)
- “ Tuan Jimmy Lim @ Jimmy Donald (Sri Aman)
- “ Tuan Joseph Mauh Anak Ikeh (Selangau)
- “ Datuk Seri Joseph Pairin Kitingan, P.G.D.K., P.N.B.S., S.S.A.P., S.P.D.K. (Keningau)
- “ Dato' Dr. Kamal bin Salleh, D.S.P.N., K.M.N., P.K.T., J.M.N. (Wangsa Maju)
- “ Tuan R. Karpal Singh (Jelutong)
- “ Dr. L. Krishnan, P.M.C., A.M.N. (Telok Kemang)
- “ Datuk Lau Ngan Siew, A.D.K. (Sandakan)
- “ Dr. Lee Chong Meng (Bukit Bintang)
- “ Dr. G. Leelavathi, A.M.N. (Kapar)
- “ Tuan Liew Ah Kim (Seputeh)
- “ Tuan Lim Hock Seng (Bagan)
- “ Tuan Lim Kit Siang (Tanjong)
- “ Tuan Vincent Lim Kuo Phau (Petaling Jaya Utara)
- “ Puan Lim Lay Hoon, P.P.N., B.K.M. (Padang Serai)
- “ Tuan Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan)
- “ Datuk Lim Si Cheng, P.I.S. (Senai)

Yang Berhormat Dato' Haji Mahbud bin Haji Hashim, D.S.S.A., A.S.A., P.J.K. (Sabak Bernam)

- “ Tuan Mansor bin Masikon (Batu Pahat)
- “ Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Bandau)
- “ Tuan Md. Isa bin Sabu (Kangar)
- “ Tuan Michael Lisa Kaya, B.B.S. (Bukit Mas)
- “ Tuan M. Kulasegaran a/l V. Murugeson (Teluk Intan)
- “ Tuan Haji Mohamad bin Sabu (Kubang Kerian)
- “ Tuan Haji Mohamed bin Haji Abdullah (Pasir Puteh)
- “ Tuan Mohamed Khaled bin Nordin P.I.S. (Johor Bahru)
- “ Datuk Mohd. Salleh bin Tun Said, P.G.D.K. (Kota Belud)
- “ Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan, D.I.M.P., P.M.P., A.M.P., J.P. (Larut)
- “ Tuan Mokhtaruddin bin Wan Yusof (Dungun)
- “ Tuan Haji Mustafa bin Muda, A.M.N., A.M.T., P.P.N., P.J.K. J.P. (Hulu Terengganu)
- “ Tuan Haji Nik Mohd. Amar bin Haji Nik Abdullah (Pengkalan Chepa)
- “ Tuan Haji Noh bin Omar, P.J.K. (Tanjong Karang)
- “ Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi (Balik Pulau)
- “ Datuk Nurnikman bin Abdullah (Beaufort)
- “ Datuk Osu bin Haji Sukam, P G.D.K. (Papar)
- “ Dr. Patau Rubis, P.B.S. (Mas Gading)
- “ Tuan Paul Nointien, A.D.K. (Penampang)
- “ Datuk Philip Yong Chew Lip, A.D.K. (Gaya)
- “ Dato' Haji Qamaruz Zaman bin Haji Ismail, D.P.M.P., P.C.M., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Bagan Serai)
- “ Tuan Radin Malleh (Tenom)
- “ Dr. Ramli bin Taib (Kemaman)

Yang Berhormat Mulia Tan Sri Tengku Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K.,
S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang)

- “ Tuan Richard Riot Anak Jaem (Serian)
- “ Tuan Robert Lau Hoi Chew (Sibu)
- “ Puan Rohani binti Haji Abd. Karim, P.P.B. (Santubong)
- “ Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad, P.I.S. (Parit Sulong)
- “ Dato' Salamon bin Selamat, D.P.M.S., S.S.A., A.M.S., P.J.K. (Shah Alam)
- “ Dr. Sanusi bin Daeng Mariok (Rantau Panjang)
- “ Puan Seripah Noli binti Syed Hussin (Sepang)
- “ Cik Siti Zainab binti Abu Bakar, S.M.J. (Tebrau)
- “ Datuk S'ng Chee Hua, D.S.N.S., P.G.D.K. (Julau)
- “ Datuk Song Swee Guan, P.G.D.K. (Bandar Kuching)
- “ Cik Sukinam Domo (Batang Sadong)
- “ Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed, D.J.M.K., J.P. (Machang)
- “ Dr. Tan Chong Keng (Bukit Mertajam)
- “ Dr. Tan Kee Kwong (Segambut)
- “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras)
- “ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)
- “ Dr. Tan Yee Kew (Kelang)
- “ Tuan Tiong Thai King (Lanang)
- “ Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman, B.K.M. (Pokok Sena)
- “ Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, P.B.S. (Batang Lupar)
- “ Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood (Tumpat)
- “ Tuan Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru)
- “ Dato' Yap Pian Hon, D.M.P.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang)
- “ Dr. Yap Yit Thong, A.M.P., A.M.N. (Lumut)

Yang Berhormat Dr. Yee Moh Chai (Tanjong Aru)

- “ Tuan Yeong Chee Wah (Batu Gajah)
- “ Tuan Yunof Edward Marinking (Tuaran)
- “ Tuan Yunus bin Rahmat (Jelebu)
- “ Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob, P.G.D.K., A.D.K. (Sipitang)
- “ Tuan Zainal Abidin bin Osman (Mersing)
- “ Tuan Haji Zainuddin bin Haji Mohamad Nor, S.M.K. (Pasir Mas)
- “ Dato' Haji Zakaria bin Mohd. Said, D.S.D.K., S.M.K., K.M.N., P.J.K.
(Kuala Kedah)

DEWAN RAKYAT**PEGAWAI-PEGAWAI KANAN**

Setiausaha Dewan Rakyat	:	Datuk Mohd. Salleh bin Haji Hassan, P.S.D., J.S.D., K.M.N.
Ketua Penolong Setiausaha	:	Zamani bin Haji Sulaiman Haji Mustakin bin Selamat
Penolong Setiausaha	:	Nor Hayatee binti Abdullah Haji Mustafa bin Abdul Rahman Ruhana binti Abdullah

CAWANGAN DOKUMENTASI

Pegawai Penerbitan	:	Azhari bin Hamzah Monarita binti Mohd. Hassan
Pelapor Perbahasan Parlimen	:	Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop, P.P.N. Hajah Supiah binti Dewak Mohd Saleh bin Mohd. Yusop Mohamed bin Osman Hajah Norishah binti Mohd. Thani Shamsina binti Janor Nora'ini binti Hetam Ramlah binti Mohd. Yusuff Miskiah binti Hassan Rosnani binti Ahmad
Pembaca Pruf	:	Abu Bakar bin Hasan

CAWANGAN BENTARA

Bentara Mesyuarat:	:	Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali Mejar (B) Zakaria bin Salleh Mejar (B) Kamaruddin bin Abdullah
--------------------	---	---

**MALAYSIA
DEWAN RAKYAT**

Rabu, 21 April 1999

Mesyuarat dimulakan pada 10.00 pagi

DOA

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin) *mempengerusikan Mesyuarat*]

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

[Soalan No. 1 – Y.B. Tuan Che Ibrahim bin Mustafa (Sungai Petani) tidak hadir]

2. **Dato' Hon Choon Kim [Seremban]** minta Menteri Kerja Raya menyatakan langkah-langkah yang telah diambil untuk memastikan bahawa bekalan air di seluruh negara adalah mencukupi pada masa yang akan datang.

Timbalan Menteri Kerja Raya [Datuk Railey bin Haji Jaffrey]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk menjawab soalan Ahli Yang Berhormat dari Seremban bersama-sama dengan soalan Ahli Yang Berhormat dari Gelang Patah yang dijadualkan esok 22 April 1999 kerana kedua-dua soalan berkenaan adalah berkaitan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Baiklah.

Datuk Railey bin Haji Jaffrey: Tuan Yang di-Pertua, bagi memastikan krisis kekurangan bekalan air yang berlaku di negara ini khususnya di Lembah Klang pada tahun lepas, 1998 tidak berulang sekali lagi dan untuk memastikan bekalan air yang mencukupi di seluruh negara pada masa yang akan datang, Kerajaan Pusat dengan kerjasama kerajaan-kerajaan negeri telah mengambil tindakan bersepadu untuk menubuhkan Majlis Sumber Air Negara pada 29 Jun 1998. Fungsi utama majlis ini ialah untuk menyelaraskan perancangan pembangunan dan pengurusan sumber air bagi memenuhi permintaan air untuk kegunaan domestik, industri, pengairan, kuasa elektrik hidro dan rekreasi.

Tuan Yang di-Pertua, kesan positif daripada penubuhan Majlis Sumber Air Negara boleh dilihat daripada aspek-aspek seperti berikut:

- (i) Kajian Sumber Air Negara Fasa I telah dijalankan meliputi seluruh negeri di Semenanjung dengan mengambil kira planning horizon, dengan izin, dari tahun 2000 hingga ke tahun 2050. Kajian ini merangkumi aspek pengesanan sumber air baru termasuk sumber air bawah tanah, pemuliharaan sumber air dan pembinaan loji rawatan air baru. Kerajaan berharap melalui kajian ini semua pembangunan sumber air dan projek bekalan air di Semenanjung Malaysia dapat dirancang secara bersepadu dan komprehensif. Selain daripada itu, kajian sumber air negara juga meliputi cadangan skim pemindahan air antara lembangan

sungai dan negeri bagi memenuhi permintaan air untuk setiap negeri di Semenanjung Malaysia.

Secara khusus, satu projek pemindahan air mentah daripada negeri Pahang ke negeri Selangor telah dilancarkan. Kerja-kerja kajian dan reka bentuk akan bermula pada pertengahan tahun 1999 dan dijadualkan siap pada bulan Mac tahun 2000. Kerja-kerja pembinaan terowong pemindahan air mentah dan empangan untuk projek ini dijangka siap pada tahun 2004. Pada masa ini hasil awalan kajian sumber air negara sedang diteliti oleh kerajaan. Memandangkan kajian sumber air negara melibatkan kawasan yang luas dan kos yang tinggi, maka ianya akan dibuat secara berperingkat-peringkat dan akan diperluaskan ke seluruh negara.

- (ii) Selain daripada pelaksanaan kajian sumber air, Majlis Sumber Air Negara juga akan memberi khidmat nasihat kepada kerajaan-kerajaan negeri mengenai perwartaan kawasan tadahan air bagi melindungi kawasan tersebut sebagai satu kawasan sumber air.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada penglibatan Kerajaan Pusat secara langsung dalam perancangan bekalan air, iaitu melalui Majlis Sumber Air Negara, Kerajaan Pusat juga telah meluluskan pelbagai projek pembangunan air di bawah setiap tempoh lima tahun rancangan Malaysia. Projek-projek bekalan air yang dilaksanakan oleh kerajaan-kerajaan negeri adalah untuk menampung permintaan air dalam tempoh sepuluh tahun akan datang bagi sesuatu kawasan. Untuk maksud ini, dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketujuh, Kerajaan Pusat telah memperuntukkan lebih kurang RM3 bilion berupa pinjaman Kerajaan Persekutuan kepada kerajaan-kerajaan negeri.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Timbalan Menteri. Apa yang dijawab tadi saya ucap tahniah kepada kementerian oleh kerana Majlis Sumber Air Negara membuat penyelidikan adanya sumber-sumber air sebagaimana yang telah di buat di negara-negara lain. Saya juga banyak membaca literature berhubung dengan sumber-sumber air di seluruh dunia. Kita lihat bandar-bandar besar, sebagaimana Yang Berhormat sebutkan tadi, tetapi di luar bandar masih banyak orang yang kekurangan air. Bahkan di kawasan saya semua orang masih menakung air daripada air hujan. Kalau Gunung Pinatubo meletup air hujan pun tercemar dan masih meminum air daripada sungai, kalau air sungai itu ada inclusion salt water daripada laut, air tidak boleh diminum, orang menakung air yang diberi oleh Tuhan. Jadi, macam mana penyelidikan oleh kementerian ataupun Majlis Sumber Air Negara ini adakah terlibat wujudnya sumber-sumber air di luar bandar dan kalau ada, adakah sumber-sumber air yang dibuat ini nanti dibuat satu senarai atau buat satu rangka (plan) yang menunjuk di mana adanya sumber dan macam mana untuk menghantar air tersebut di kampung-kampung yang terpencil di luar bandar di seluruh negara, bukan sahaja di Semenanjung tetapi juga di Sarawak dan Sabah.

Datuk Railey bin Haji Jaffrey: Tuan Yang di-Pertua, seperti saya katakan tadi dasar kerajaan sama ada melalui Majlis Sumber Air Negara yang ditubuhkan ataupun yang dijalankan oleh jabatan-jabatan yang berkenaan seperti JKR ataupun jabatan air masing-masing ialah bertujuan untuk memberikan air kepada setiap pelosok negara sama ada bandar mahupun luar bandar, sama ada melalui agensi kerajaan ataupun yang diwastakan secara holistic, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, itu matlamat kerajaan. Itulah sebabnya apabila dibenarkan sesuatu proses penswastaaan diadakan, kerajaan mahu supaya syarikat yang diberikan konsesi untuk melaksanakan sumber air ini mengambil alih daripada semua aspek dan pada semua kawasan yang sepatutnya diberikan air sama ada dalam bandar ataupun di luar bandar, sama ada secara terus ataupun secara berperingkat-peringkat. Soal mendapatkan sumber air seperti apa yang ditanya oleh Yang Berhormat tadi saya katakan bahawa sumber air ini termaktub dalam Majlis Sumber Air Negara yang ditubuhkan ialah satu daripadanya untuk menyalurkan di mana sumber-sumber air yang ada, sebab kita jangkakan semakin lama penduduk bertambah di negara kita semakin kurang bekalan air walaupun banyak sungai.

Oleh yang demikian, sumber-sumber lain perlu dikaji untuk didapati bagi menampung keperluan dari masa ke semasa sama ada melalui sungai ataupun melalui air galian yang dikorek daripada bawah tanah.

Tuan M. Kulasegaran: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa strategi kerajaan yang kita jalankan pada masa ini sudah salah dari segi konsep, kerana yang menjadi masalah bukanlah kita hendak cari jalan macam mana kita hendak dapat lebih air untuk rakyat, tetapi untuk memastikan bahawa air yang sedia ada yang sudah disalahgunakan, macam 40% air yang sedia ada tidak sampai dari tempat yang dihantar ke rumah kerana beberapa paip itu telah putus dan telah patah. Kebocoran ini telah berlaku sejak beberapa tahun dan paip-paip ini tidak diperbaharui. Kenapa aspek ini tidak diberi perhatian. Dan bukankah kerajaan bila menubuhkan Majlis Sumber Air Negara mengatakan bahawa kita akan ada satu sistem di mana semua pembekalan air dari negeri-negeri akan di'centralize' supaya kita ada satu konsep yang sama untuk pengguna-pengguna dalam negara ini. Apa terjadi kepada konsep itu?

Datuk Railey bin Haji Jaffrey: Tuan Yang di-Pertua, pertama saya ingin betulkan Yang Berhormat, bukan 40%. Air yang tidak berbayar (non-water revenue) ialah 30% iaitu national average.

Yang kedua, sebab inilah ditubuhkan Majlis Sumber Air Negara untuk menyelaraskan keadaan. Kerana seperti mana kita ketahui kuasa air semuanya terletak di bawah kerajaan-kerajaan negeri di mana Kerajaan Pusat tidak boleh ikut campur. Kerajaan Pusat hanya boleh ikut campur apabila dikehendaki. Pertama, dari segi pinjaman kewangan yang diberikan untuk membantu kerajaan negeri untuk membangunkan sumber air masing-masing. Kedua, ditubuhkan Majlis Sumber Air Negara untuk menyelaraskan. Kerajaan Pusat hanya mengambil jalan tengah untuk menunjukkan kepada kerajaan-kerajaan negeri supaya umpamanya satu negeri kekurangan air, tidak ada sumber, negeri-negeri lain mesti berikan air kepada negeri yang kekurangan air dengan nasihat dan panduan Kerajaan Pusat.

Jadi, maknanya dalam jangka panjang air yang ada pada negeri-negeri yang air dapat diberikan sama rata. Ini tujuan kerajaan. Jadi, saya fikir bukan soal dasar yang salah, sebab Kerajaan Pusat sebagai kerajaan yang bertanggungjawab hanya mempunyai kuasa tertentu ke atas air di negeri-negeri, hanya dapat menasihatkan, melalui Majlis Sumber Air Negara ini kita dapat memainkan peranan sebagai penyelaras. Kalau Yang Berhormat kata tadi air tidak cukup umpamanya di Negeri Sembilan, hanya yang ada air di negeri Pahang. Kita minta negeri Pahang menyalurkan air ke Negeri Sembilan atau negeri Melaka yang kekurangan air umpamanya.

[Soalan No. 3 – Y.B. Tuan Haji Mohamad bin Sabu (Kubang Kerian) tidak hadir]

[Soalan No. 4 – Datuk Philip Yong Chiew Lip (Gaya) tidak hadir]

5. **Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop [Alor Gajah]** minta Menteri Pembangunan Usahawan menyatakan jumlah pinjaman yang telah diluluskan kepada usahawan-usahawan di bawah tabung yang dikelolakan oleh Kementerian Pembangunan Usahawan bagi tahun 1996, 1997 dan 1998 dan juga nyatakan peratusannya yang diterima oleh usahawan-usahawan bumiputra dan bukan bumiputra bagi tempoh tersebut.

Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan [Dato' Idris bin Jusoh]: Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini terdapat tujuh skim yang dikelolakan oleh Kementerian Pembangunan Usahawan. Skim-skim yang dimaksudkan ialah Tabung Usahawan Kecil (TUK), Tabung Pembiayaan Usahawan Kecil (SEFF), Tabung Usahawan Siswazah (TUS), Tabung Pembiayaan Francais (SPF), Tabung Bantuan Pembangunan Francais (SBPF) dan Skim Pembiayaan Secara Islam yang ditawarkan oleh Majlis Amanah Rakyat dan Skim Modal Asas (SMA) yang dikendalikan oleh Bank Pembangunan dan Infrastruktur Malaysia Berhad.

Jumlah pinjaman yang telah diluluskan kepada usahawan mengikut skim tahun 1996, 1997 dan 1998 adalah seperti berikut:

Tabung/Skim	1996 (RM/juta)	1997 (RM/juta)	1998 (RM/juta)
SEFF	2,300	14,400	19,000
SMA	6,386	10,770	-
MARA	34,869	53,869	79,627
SPF	-	2,300	4,500
SBPF	-	1,372	4,962
TUK	-	-	43,000
TUS	-	-	120,000
SMA	-	-	8,247

Untuk Tabung TUS, SMA dan MARA 100% diberi kepada usahawan bumiputera dan untuk tabung-tabung yang lain sekurang-kurangnya 76% telah diagihkan kepada usahawan bumiputera.

Tuan Zainal Abidin bin Osman: Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha untuk mempertingkatkan kerjasama dalam bidang ekonomi di antara bumiputera dan bukan bumiputera, kerajaan melalui kementerian telah mewujudkan satu skim usaha sama bumiputera dan bukan bumiputera. Oleh kerana perkara ini sudah lama kita tidak dengar, saya hendak dapatkan sedikit maklumat terakhir dari Yang Berhormat Timbalan Menteri, pertama dari segi masalah dan kejayaan dan adakah mereka yang terlibat dalam skim ini juga diberi bantuan pinjaman?

Dato' Idris bin Jusoh: Memang ada bantuan yang disalurkan untuk program-program usaha sama tulen ini. Sejak kita mengalami krisis ekonomi kebelakangan ini nampaknya skim ini adalah tergendala sedikit dan tidak ada perkembangan yang lanjut sejak dari dahulu. Walau bagaimanapun, saya rasa oleh kerana kita lihat ekonomi kita telah mula berkembang dan dijangka 1% dan 2% pada tahun ini, insya-Allah, skim ini akan dapat dipulihkan kembali.

Dr. Maximus Johnity Ongkili: Tuan Yang di-Pertua, dari segi penglibatan usahawan-usahawan bumiputera yang disentuh tadi, bolehkah pihak kementerian

memberitahu sekadar mana penglibatan usahawan-usahawan bumiputera dari Sarawak dan Sabah. Bolehkah pihak kementerian membekal butir-butir tersebut dan adakah pihak kementerian puas hati dengan penglibatan usahawan bumiputera dari kedua-dua negeri dari segi sambutan kepada skim-skim ini?

Dato' Idris bin Jusoh: Saya tidak ada angka-angka yang khusus untuk Sabah dan Sarawak. Walau bagaimanapun, kita rasa program-program di Sabah dan Sarawak ini harus dipertingkatkan lagi dari masa ke semasa dan sambutannya masih lagi rendah jika dibandingkan dengan program-program yang kita laksanakan di Semenanjung. Walau bagaimanapun, kementerian akan memberi perhatian khusus untuk Sabah dan Sarawak. Kita lihat di Sabah bantuan MARA telah meningkat, bukan hanya bantuan tetapi pembayaran balik usahawan-usahawan di Sabah pun agak baik. Kita akan beri perhatian lebih kepada dua negeri tersebut.

6. Tuan Abdul Aziz bin Mohd. Yassin [Muar] minta Menteri Pendidikan menyatakan sama ada kementerian itu hendak menubuhkan banyak lagi kolej-kolej teknikal yang tidak bertaraf universiti untuk menampung kehendak-kehendak industri-industri perkhidmatan, pembuatan dan pertanian.

Timbalan Menteri Pendidikan [Datuk Dr. Fong Chan Onn]: Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini sebanyak sepuluh buah politeknik sedang beroperasi dan lima buah lagi dalam proses perancangan dan pembinaan.

Kementerian Pendidikan sedang dalam proses perancangan awal mengenai pembangunan beberapa buah politeknik dan politeknik cawangan untuk Rancangan Malaysia Kelapan. Jumlah sebenar dan lokasi yang sesuai bagi institusi-institusi berkenaan masih lagi dalam peringkat kajian.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat terangkan bagaimana pihak kementeriannya memastikan standard semua politeknik ini mencapai satu tahap yang tertentu. Ini tidak bermakna standard itu akan mencapai satu tahap universiti, bahkan di antara tahap STPM dan universiti dan adakah kita mempunyai cukup tenaga pengajar dan kemudahan-kemudahan untuk menguruskan semua politeknik ini, sebab saya nampak ada setengah-setengah itu tidak mencukupi tenaga pengajar dan juga kemudahan-kemudahan dan standard tidak dikendalikan dengan baik.

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan memang selalu prihatin tentang kepentingan menjaga kualiti pendidikan yang disediakan oleh politeknik, antara langkah-langkah yang telah diambil termasuklah menentukan bahawa pensyarah-pensyarah yang dilantik mempunyai kelayakan yang sesuai dan juga Kementerian Pendidikan selalu melalui Bahagian Pendidikan Teknologi dan Vokasional membuat kawalan supaya kurikulum yang kita tentukan diikuti.

Selain dari itu juga, setiap politeknik selalunya bekerjasama dengan syarikat-syarikat tempatan atau dengan sektor pengkhususan supaya kualiti politeknik itu boleh ditentukan mengikut keperluan bidang swasta, umpamanya politeknik di Ipoh mempunyai pengkhususan dari segi Marine Science atau dari segi kemahiran yang diperlukan untuk bidang marine dan politeknik itu bekerjasama dengan bidang tersebut dan politeknik di Kuching bekerjasama dengan syarikat-syarikat Shell dan Esso supaya ia boleh mengeluarkan tenaga kemahiran yang diperlukan untuk bidang exploration, dengan izin, dan sebagainya.

Semua ini akan menentukan bahawa graduan dari politeknik itu mengikuti keperluan swasta dan daripada feedback pihak-pihak tersebut, kita akan ubahsuai

kurikulum kita supaya ia boleh mengikut aliran atau kualiti yang diperlukan, yang memenuhi keperluan pihak antarabangsa.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tuan Yang di-Pertua, kalau kita lihat negara yang maju dan dianggap mempunyai tecnician dan technologist yang ramai ialah negeri Jepun dan Germany umpamanya dan negara kita menghala bukan sahaja menumpu kepada bidang akademik tetapi juga kepada bidang pengajian teknikal dan teknologi.

Jadi, persoalan saya adakah kerajaan ataupun kementerian melihat untuk mewujudkan satu dasar yang khusus kerana bidang teknikal ini dibahagi dua, yang di bawahnya satu low technical requirement dan satu lagi very high technologist dan high technical qualification. Jadi, sama ada yang kita ada sekarang ialah very low technical requirement, yang kedua, kita hendak mencari high technical or hi-tech technology. Jadi, adakah kerajaan akan memikirkan persoalan dasar supaya mewujudkan dan mengisikan vacuume yang mungkin akan berlaku seperti yang berlaku di negara-negara lain? Terima kasih.

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan sebanyak terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Batang Lepar kerana cadangan yang bijak ini. Kementerian Pendidikan selalu peka, yang pentingya kita tukar imej politeknik dan sekolah vokasional ini dari segi pada masa dahulu untuk drop out sahaja, pada masa sekarang untuk kecemerlangan dalam bidang teknologi dan informasi dan kerana ini adalah keperluan era abad ke-21. Untuk mencapai tujuan itu, Kementerian Pendidikan sudah mula menaik taraf sekolah-sekolah vokasional kepada sekolah-sekolah teknik antara fokusnya ialah untuk memberi prihatin kepada teknologi informasi, komputer dan juga kepada keperluan akademik yang diperlukan untuk, dengan izin, knowledge workers. Sebagai satu contoh, di sekolah-sekolah teknik ini untuk SPM atau SPMV, mereka boleh memilih mata pelajaran seperti Computer Science, IT dan sebagainya.

Selain dari itu juga, untuk bidang politeknik, kita dalam proses menaikkan taraf kurikulum supaya pelajar-pelajar dari politeknik apabila mereka mempunyai keupayaan, selepas graduate boleh memasuki universiti-universiti tempatan tanpa atau diberi kelulusan dari segi tahun pertama, tahun kedua. Semua ini akan menggalakkan pelajar-pelajar yang mempunyai keputusan yang lebih cemerlang untuk memasuki politeknik, bukan sahaja untuk mempunyai kemahiran, tetapi juga untuk menukar imej politeknik itu.

7. **Tuan Tiong Thai King [Lanang]** minta Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia menyatakan langkah-langkah yang akan diambil untuk membekalkan kemudahan telefon bagi penduduk rumah panjang di pedalaman negeri Sarawak khususnya bagi kawasan Parlimen Lanang, khasnya di kawasan Menyan dan Sengan memandangkan telefon sudah menjadi keperluan asas masyarakat zaman sekarang.

Timbalan Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia [Dato' Chan Kong Choy]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kementerian saya sentiasa memberi galakan kepada pembekal-pembekal perkhidmatan untuk meningkatkan kemudahan telefon ke kawasan-kawasan pedalaman dan terpencil melalui pengendalian teknologi-teknologi telekomunikasi baru seperti, dengan izin, *very high frequency country sets, radio in local loop* dan ATUR.

Bagi kawasan Lanang khasnya di kawasan Menyan seramai 18 penduduk sekitar telah pun diberikan perkhidmatan dengan menggunakan teknologi radio in local loop

(RILL). Usaha-usaha sedang diambil untuk mempertingkatkan lagi kapasiti RILL di kawasan Ahli Yang Berhormat ini agar lebih banyak lagi perkhidmatan dapat ditawarkan.

Tuan Joseph Mauh Anak Ikeh: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada kementerian Yang Berhormat Dato', setakat ini berapa peratuskah kawasan luar bandar di negeri Sarawak yang telah dibekalkan dengan kemudahan telefon awam dan apakah masalah pembekalan kemudahan telefon awam di negeri Sarawak agak lama sedikit?

Dato' Chan Kong Choy: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini kadar pembekalan telefon awam di kawasan luar bandar di Sarawak nisbahnya adalah tujuh telefon bagi setiap 100 orang penduduk di Sarawak dan ini kita akan berusaha untuk meningkatkan nisbah ini kepada 15 telefon bagi 100 orang pada tahun 2005 dan 25 telefon bagi 100 orang pada tahun 2020. Ini adalah merupakan nisbah yang dicadangkan di negara-negara maju di dunia.

Untuk membekalkan perkhidmatan telefon awam dan telefon biasa di kawasan pedalaman dan terpencil memang merupakan satu perkara yang memakan belanja yang amat tinggi sekali.

Walau bagaimanapun, di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia yang diluluskan tahun lepas dan di bawah rejim Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia, pembekal-pembekal perkhidmatan telekomunikasi adalah diwajibkan untuk melaksanakan rancangan tanggungjawab sejagat ataupun universal service obligation di mana semua pengusaha telekomunikasi ini diwajibkan untuk memberikan perkhidmatan telekomunikasi di luar bandar dan bukan sahaja untuk ditumpukan di kawasan bandar sahaja, dengan praktis yang baru ini, kita harapkan rancangan membekalkan perkhidmatan di luar bandar ini akan dipertingkat dan dipercepatkan.

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin minta penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, apakah sebenarnya masalah di peringkat kawasan bukannya di luar bandar tetapi berdekatan dengan bandar, masih lagi tidak dapat disambung talian telefon. Bila kita bertanya dengan pegawai telekom, dia kata: "Tidak ada line atau tidak ada talian!" Dan ini sahaja yang sering kita terima dan jawapan yang sebegitu sudah bertahun-tahun kita dengar, apakah kementerian sedar perkara ini dan apakah langkah-langkah yang diambil untuk menyelesaikan masalah ini?

Dato' Chan Kong Choy: Tuan Yang di-Pertua, perkara ini tidak harus berlaku lagi di kawasan bandar kerana setakat ini pembekal bukan sahaja Telekom Malaysia sahaja tetapi ada beberapa buah syarikat yang lain yang telah pun diluluskan untuk memberikan perkhidmatan (fixed line), dengan izin.

Maka bukan sahaja Telekom Malaysia diberi untuk menjadi pembekal tunggal sahaja dan kalau sekiranya kapasiti di sesuatu kawasan sudah penuh, pembekal selalu digalakkan supaya mempertingkatkan lagi kapasiti ini. Kalau sekiranya Yang Berhormat menghadapi masalah, saya harap boleh ditunjukkan kepada saya dan saya akan mengambil perhatian serius kepada masalah yang dihadapi oleh Ahli Yang Berhormat ini.

8. Tuan Zainal Abidin bin Osman [Mersing] minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada kerajaan bercadang untuk memberi kelonggaran kepada kontraktor kecil membawa masuk pekerja asing bagi tujuan bekerja di ladang kerana pada masa sekarang kebenaran ini cuma diberikan kepada agensi-agensi tertentu dan syarikat-syarikat

besar sahaja. Sejak dasar ini dikuatkuasakan berapa ramai pekerja asing yang telah dibawa masuk oleh agensi-agensi tersebut untuk sektor ladang.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir]: Tuan Yang di-Pertua, dasar umum kerajaan masih tidak menggalakkan kita mengambil pekerja asing dan dasar kita pada ketika ini juga adalah untuk mengurangkan pekerja asing yang sedia ada dalam negara kita.

Namun demikian, dalam bidang-bidang tertentu dan apabila telah dibuktikan bahawa majikan itu telah pun berusaha sedaya upaya untuk mendapat pekerja asing tetapi tidak berjaya maka kerajaan akan membenarkan pengambilan pekerja asing.

Dalam bidang perladangan misalnya, pemilik ladang dibenarkan membawa masuk pekerja asing dalam kes-kes tertentu untuk memastikan supaya ladang mereka dapat diselenggarakan dengan sempurna dan hasil dapat dituai tanpa bergantung kepada para kontraktor.

Oleh itu, tidak timbul sama ada kontraktor besar atau kecil diberi layanan. Yang diberi layanan untuk mengambil pekerja asing adalah tuan tanah yang sah. Kebenaran mengambil pekerja asing perlu diberi kepada pemilik ladang dan bukannya kepada kontraktor ataupun subkontraktor bagi memastikan pemilik ladang dapat mengawal pekerja asing yang diluluskan kepada mereka itu.

Semenjak dasar ini dikuatkuasakan iaitu sehingga 10 Mac 1999, sejumlah 20,756 orang pekerja asing telah dibawa masuk oleh pemilik-pemilik ladang untuk bekerja di sektor perladangan. Tiada pekerja asing yang dibawa masuk oleh mana-mana agensi, kontraktor ataupun subkontraktor.

Tuan Haji Noh bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya mengucapkan tahniah kepada kerajaan yang telah menjalankan pelbagai usaha untuk mengatasi masalah pendatang asing. Dan tahun lepas kita telah meluluskan Akta Imigresen dengan undang-undang yang lebih ketat di mana majikan yang mengambil pekerja-pekerja tanpa izin ini dikenakan hukuman yang lebih berat.

Soalan saya, sejak akta ini diperkenalkan, berapa ramaikah majikan yang telah diambil tindakan kerana melanggar akta yang telah kita luluskan dan apakah usaha-usaha kementerian untuk memastikan penguatkuasaan akta ini dikuatkuasakan?

Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak ada angka yang tepat kepada soalan yang spesifik itu tetapi saya boleh beri secara bertulis. Tetapi kita telah pun mengambil beberapa tindakan mahkamah kepada beberapa orang majikan yang telah pun menggaji pekerja secara haram termasuk yang kena rotan pun ada dan yang kena penjara pun ada.

Usaha untuk menguatkuasakan undang-undang ini memang satu usaha yang berjalan terus-menerus dan kita perlulah kerjasama semua rakyat untuk memberitahu kepada kita jika terdapat mana-mana majikan yang menggajikan pekerja secara tidak sah dan tindakan akan diambil terus-menerus.

Tuan Jimmy Donald: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Di kawasan saya Sri Aman, Trans Borneo Highway adalah hanya dua ataupun tiga kilometer dari sempadan dengan Indonesia. Dan di kawasan itu juga banyak tanah yang boleh digunakan untuk perladangan lebih-lebih lagi kelapa sawit.

Jadi, saya ingin bertanya sama ada orang yang ingin membangunkan ladang di situ boleh mengambil pekerja asing secara harian dengan menggunakan pas harian?

Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang telah saya nyatakan tadi, dasar kerajaan masih tidak menggalakkan kita mengambil pekerja dari luar dan malah pekerja yang ada dalam negeri pun kita sedang berusaha untuk mengurangkan mereka.

Jadi, urusan untuk menggajikan pekerja asing adalah satu soalan yang berat tetapi dalam kes-kes tertentu maka majikan bolehlah membuat permohonan dan kerajaan akan cuba mengkaji secara mendalam mengenai kes-kes tertentu.

9. **Dato' Haji Zakaria bin Mohd. Said [Kuala Kedah]** minta Menteri Pengangkutan menyatakan soal stesen kereta api di Tanjong Pagar yang dipaksa pindah oleh Kerajaan Singapura, sudahkah mendapat penyelesaian muktamad, kalau tidak, usaha sebagaimana sedang dibuat dan apa kesudahannya tanah di Tanjong Pagar masa hadapan.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Dr. Ibrahim bin Saad]: Tuan Yang di-Pertua, isu Operasi KTM di dalam negara Singapura akan ditangani melalui satu pakej seperti yang telah dipersetujui bersama di antara Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad dan Encik Goh Chok Tong, Perdana Menteri Singapura semasa Summit ASEAN di Hanoi pada bulan Disember 1998.

Rundingan pertama di peringkat pegawai telah diadakan di antara wakil Kerajaan Malaysia dan Singapura pada 11 Mac 1999 yang diketuai oleh Kementerian Luar Negeri. Mesyuarat ini telah mengadakan perbincangan mengenai isu Operasi KTMB di Singapura.

Walau bagaimanapun, rundingan belum mencapai sebarang keputusan muktamad. Rundingan susulan dijangka akan diadakan pada 21 April 1999. Sementara itu pihak KTMB akan terus menjalankan semua operasi perkhidmatan kereta apinya seperti biasa di Stesen Keretapi di Tanjong Pagar.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Tuan Yang di-Pertua, adakah dalam pakej rundingan itu dimasukkan iaitu ada tolak ansur terhadap Pulau Batu Putih dan Pulau Pisang supaya Singapura dapat membenarkan perjalanan kereta api kita dan tidak mengusik tanah kita, ada perbincangan masalah tolak ansur terhadap pulau yang dituntut oleh Singapura itu, ada dalam pakej rundingan itu, apakah benar dan tolong beri sedikit ulasan?

Datuk Dr. Ibrahim bin Saad: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak tahu apa detail pakej itu, tetapi sekarang ini belum selesai lagi perundingan itu. Sudah tentulah apabila selesai perundingan itu akan diberitahu nanti.

Tuan M. Kulasegaran: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih, soalan tambahan. Apakah terjadi kepada tanah KTM yang ada di Singapura, adakah ia telah dijual atau diswastakan atau dibangunkan?

Datuk Dr. Ibrahim bin Saad: Tuan Yang di-Pertua, tanah ini belum selesai lagi rundingannya sama ada hendak diletakkan kedudukannya yang sebenar, selepas kedudukannya selesai barulah kita boleh fikirkan sama ada hendak swastakan ataupun hendak dibangunkan atau lain-lainnya.

10. **Tuan Tan Kok Wai [Cheras]** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:-

- (a) apakah dasar imigresen terhadap isteri asing warganegara Malaysia berasal dari Republik Rakyat China; dan

- (b) setakat ini berapa ramai isteri dari China yang memohon dan diluluskan taraf pemastautin tetap dan berapakah yang dihantar balik.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Ong Ka Ting]: Tuan Yang di-Pertua, untuk bahagian:

- (a) isteri asing kepada warganegara Malaysia termasuklah yang berasal dari Republik Rakyat China boleh memohon mendapat kemudahan imigresen negara ini. Setiap permohonan akan ditimbang berdasarkan merit case masing-masing.
- (b) Kementerian ini tidak menyimpan statistik mengenai permohonan isteri asing kepada warganegara Malaysia untuk mendapat taraf pemastautin tetap negara ini dan juga mengenai bilangan orang asing yang dihantar pulang.

Tuan Tan Kok Wai: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya dasar imigresen terhadap isteri-isteri rakyat Malaysia dari Republik Rakyat China adalah agak keras dan berdiskriminasi. Penderitaan yang dihadapi oleh mereka dan keluarga mereka di sini adalah paling menyusahkan. Saya ingin tanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, apakah benar dasar Jabatan Imigresen terhadap isteri-isteri dari Republik Rakyat China ini adalah lebih tidak adil dan apakah anggaran bilangan isteri-isteri ini yang masih berada dalam Malaysia tetapi tempoh lawatan sosial mereka telah pun melebihi had tempoh atau over-stay dan adakah mereka hanya diberikan tempoh selama satu tahun sahaja tetapi selepas tempoh ini isteri-isteri ini mesti balik ke negara mereka dan hanya dibenarkan balik enam bulan kemudiannya barulah mereka layak memohon untuk membaharui pas lawatan sosial? Adakah pihak kerajaan bersetuju untuk memberikan atau menawarkan amnesty kepada mereka yang over-stay itu dan di samping itu memberikan mereka masa dan tempoh yang mencukupi untuk membuat permohonan untuk taraf pemastautin yang tetap. Terima kasih.

Dato' Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, tidak benar Kerajaan Malaysia mendiskriminasikan atau mengamalkan dasar keras ataupun tidak berperikemanusiaan terhadap isteri daripada negara Republik Rakyat China. Apa yang berlaku ialah Jabatan Imigresen semasa memproseskan permohonan mereka, mereka adalah berhati-hati memastikan sesuatu perkahwinan itu adalah sah dan sebagainya. Walau bagaimanapun, apabila terdapat aduan terhadap masalah ini Kementerian Dalam Negeri sudah memberi perhatian dan didapati kini semua kes perkahwinan yang sah, yang terbukti mereka dibenarkan tinggal di sini dilanjut ikut dasar-dasar sedia ada tanpa diskriminasi dan mereka tidak perlu balik selepas satu tahun seperti mana saya katakan kalau perkahwinan itu sah. Pada masa kini soal amnesty tidak timbul kerana bilangan mereka ini adalah sangat kecil. Pasangan perkahwinan yang aktif yang saya tahu adalah hanya lebih kurang 200 pasangan. Itu pun kalau mereka ada apa-apa yang tidak puas hati, mereka boleh merayu kepada Kementerian Dalam Negeri. Jadi kita tidak boleh mempolitikkan isu ini.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun Yang Berhormat Timbalan Menteri menafikan bahawa ada diskriminasi tetapi hakikat kebenaran ialah bahawa ada diskriminasi dalam kes di mana isteri asing warganegara Malaysia yang berasal daripada Republik Rakyat China apabila banding dengan negara-negara yang lain oleh kerana mereka terpaksa untuk balik ke negeri China dan sungguhpun ada anak-anak dan suami mereka rakyat Malaysia pun terpaksa pergi sama dan menimbulkan tanggungan

yang begitu besar, kesusahan yang begitu banyak. Bilakah kerajaan atau Kementerian Dalam Negeri akan memberi layanan yang sama mengenai kes-kes isteri daripada negara yang lain supaya tidak ada diskriminasi. Dan juga tidak menimbulkan masalah kesusahan kepada kategori ini dan bahawa kita menghormati hak asasi rakyat Malaysia.

Dato' Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, cara kita beri perkhidmatan pada rakyat memang berbeza antara pembangkang dengan Barisan Nasional. Yang saya ingin terangkan, saya tahu hal ini betul, benar. Pasangan-pasangan yang tidak menghadapi masalah di jabatan berkenaan kalau mereka ikut prosedur, dia datang jumpa wakil rakyat yang bertanggungjawab. Wakil rakyat telah pun merayu ikut saluran maka tidak timbul masalah ini. Cuma ada pihak-pihak dia tidak bantu mereka buat rayuan. Dia bawa mereka pergi minta sidang akhbar, cakap macam-macam tentang hak asasi. Jadi pasangan ini akan jadi masalah. Sebenarnya pasangan-pasangan itu sudah jadi mangsa tanpa kesedaran. Pada hari ini kementerian ataupun Kerajaan Malaysia memang tidak niat mendiskriminasikan mana-mana satu isteri asing yang sah di negara ini. Jadi hanya pembangkang sahaja hendak timbul pasal hak asasi begitu jauh sekali.

10. **Tuan Lim Kit Siang [Tanjong]** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada kerajaan akan mengundang atau mengalu-alukan rombongan pemerhati untuk memerhatikan pilihan raya umum kelak demi menunjukkan bahawa ia adalah bebas, adil dan bersih memandangkan wujudnya banyak dakwaan bahawa berlakunya penipuan dan penyelewengan dalam Pilihan Raya Negeri Sabah baru-baru ini yang tidak disiasat secara serius oleh pihak berkuasa.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan tidak bercadang untuk mengundang rombongan pemerhati atau mana-mana pihak untuk memerhatikan perjalanan pilihan raya umum negara yang akan datang. Sejarah telah membuktikan bahawa pilihan raya umum di negara ini telah berjalan dengan bebas, adil dan mengikut undang-undang dan peraturan-peraturan yang ditetapkan, termasuklah Pilihan Raya Negeri Sabah yang diadakan pada 12 dan 13 Mac 1999 yang lepas.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana penipuan dan penyelewengan yang beramai-ramai yang berlaku di Pilihan Raya Negeri di Sabah baru-baru ini dan keinginan kerajaan sekarang untuk mengundang atau membenarkan misi antarabangsa untuk memerhati pilihan raya yang akan datang. Oleh kerana penyelewengan dan penipuan yang berleluasa yang berlaku di dalam Sabah State General Elections

Timbalan Menteri Kesihatan [Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam]: Peraturan Dewan!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya.

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Yang Berhormat dari Tanjong tidak boleh menuduh ada penipuan dalam Pilihan Raya Sabah.

Tuan Lim Kit Siang: Apa penipuan, penipuan. Sudah tipu. Jangan lari.

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Tuan Yang di-Pertua,, Tanjong yang menipu. Harap tarik balik!

Tuan Lim Kit Siang: Dan Yang Berhormat pun ada ambil bahagian dalam penipuan dalam Pilihan Raya Sabah.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Tipu kerana kalah! Kalau menang tidak ada tipu!

Tuan Lim Kit Siang: Jangan lari!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, ya. Sudahlah Yang Berhormat.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Kalau pembangkang menang kata tak tipu.

Seorang Ahli: Kalau sudah kalah – kalahlah!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Cukup, Yang Berhormat.

Seorang Ahli: Hoi, sudah kalah, kalahlah. Kalau sudah kalah – pilah, bertanding pun tidak berani.

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Di Sabah pecat Ketua Pembangkang DAP.

Seorang Ahli: DAP penipu!

Tuan M. Kulasegaran: 41(e).

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Setiausaha Agong pecat dia.

Seorang Ahli: PBS pun dacing, PBS pun dacing.

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Ahli DAP di Sabah yang bantah beliau.

Seorang Ahli: Duduklah, duduk DAP.

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Tuan Yang di-Pertua, mana ada tipu. Saya minta dia tarik balik.

Seorang Ahli: Dia ada penyakit JE. Tanding pun tidak berani.

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Pilihan raya di Sabah yang mengikut peraturan undang-undang.

Tuan Lim Kit Siang: Jangan tipu rakyat.

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Saya berada di Sabah, Tuan Yang di-Pertua. Pilihan raya berjalan dengan baik.

Tuan Lim Kit Siang: Guna wang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, cukuplah.

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: DAP bertanding pun tidak berani.

Tuan Lim Kit Siang: Tidak ada duit.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat.....

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Ada pembangkang lawan Lim Kit Siang. Lim Kit Siang pecat dia.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Cukup, cukup Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Saya tanya betul tak, pecat parti pembangkang?

Tuan Lim Kit Siang: Gunakan wangadakah rela dilakukan siasatan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat kawal diri.

Seorang Ahli: Knock out Kit Siang!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat minta duduk, Yang Berhormat.

Seorang Ahli: Mahu pengsan kah?

Seorang Ahli: Dia takut tanding di Sabahlah!

Seorang Ahli: Baik, baik nanti pengsan oh!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Kementerian yang jawab.

Seorang Ahli: Hysterical kah?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Biar kementerian yang jawab.

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Yalah kementerian jawab tetapi mengapa menuduh Barisan Nasional tipu di Sabah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Minta kawal diri Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Ya, sekarang

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Saya minta tarik balik.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, cukuplah, cukup.

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Lawan pun tidak berani di Sabah, kata orang tipu. Bodoh punya DAP.

Seorang Ahli: Sudahlah, sudahlah.

Tuan Lim Hock Seng: *[Bangun sambil menunjukkan buku Peraturan Mesyuarat].*

Tuan M. Kulasegaran: *[Bangun sambil menunjukkan buku Peraturan Mesyuarat]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ada point of order, Yang Berhormat. Minta, minta.

Tuan Lim Kit Siang: Oleh kerana penipuan-penipuan dan penyelewengan-penyelewengan yang berleluasa di Sabah Januari election.....

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Saya minta tarik balik, mana ada tipu?

Tuan Lim Kit Siang:yang sudah dikesani bukan sahaja oleh.....

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Tidak boleh ada sangkaan jahat.

Seorang Ahli: Dia yang jawab, kementerian yang jawab.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:
.....tuduhan-tuduhan jahat itu.

Tuan Lim Hock Seng: Point of order.

Tuan Lim Kit Siang: Point of order, halau dia daripada Dewan ini!

Seorang Ahli: Wah, Lu Speakerkah siapa, mahu halau orang!

Beberapa Ahli: [*Menyampuk*]/[*Sorak*]

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Tuan Speaker, point of order, tidak boleh ada sangkaan jahat, saya minta tarik balik.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, sila, sila.

Seorang Ahli: 36?

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: 36(6)

Tuan Lim Kit Siang: Hah, halau dia! Apa 36(6).

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Tuan Speaker, 36(6), sangkaan jahat. [*Ketawa*]

Tuan Lim Kit Siang: Hai, malulah, malulah, tidak ada standard.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, saya suka menjelaskan kalau ada sangkaan jahat itu ia kena ditujukan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat di sini, bukan secara umum.

Seorang Ahli: Duduklah, Timbalan Menteri!

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Ini sangkaan jahat kepada BN, BN menang secara betul, mana ada tipu!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Itu secara umum.

Tuan Lim Kit Siang: Sangkaan yang betul.

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: DAP bertanding pun tidak berani.

Tuan Lim Kit Siang: Sangkaan yang betul, bukan jahat!

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Orang lawan Lim Kit Siang dia pecat di Sabah, pengecut.

Beberapa Ahli: [*Menyampuk*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:
Mintalah jawapannya.

Tuan Lim Kit Siang: Oleh kerana ada....

Seorang Ahli: Eh, soalan sudah habis, duduklah.

Tuan Lim Kit Siang: Belum tanya, belum tanya, dia ganggu.

Seorang Ahli: Hei, soalan sudah habislah Tanjong.

Tuan Lim Kit Siang: Kaki kacau. Soalan tambahan saya....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, ya.

Seorang Ahli: Sudah berapa banyak soalan?

Tuan Lim Kit Siang: Oleh kerana penipuan dan penyelewengan yang berleluasa yang berlaku dalam Sabah January State Election, kenapa kerajaan sekarang tidak bersedia untuk membenarkan misi antarabangsa untuk memerhati election akan datang apabila dalam tahun 1991, [*Disampuk*] apabila dalam election tahun 1990 kerajaan rela mengundang satu misi pemerhati Komanwel. Adakah ini menunjukkan bahawa dalam election akan datang, mungkin pada bulan Jun, akan berlaku lagi penipuan-penipuan dan penyelewengan-penyelewengan yang lebih berleluasa di Semenanjung Malaysia oleh kerana Barisan Nasional takut hilang kuasa atau hilang majoriti dalam Parlimen ini, sudah hilang sokongan rakyat Malaysia.

Seorang Ahli: Aah, baru cakap....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, Yang Berhormat.

Seorang Ahli: Apa sudah jadi, Tanjong?

Seorang Ahli: Sudah kalah baru pandai cakaplah.

Seorang Ahli: Reformasi.

Seorang Ahli: KeADILan. [*Ketawa*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, ya.

Seorang Ahli: Hentam dia!

Dato' Haji Muhamad bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua

Seorang Ahli: Tibai dia, tibai.

Dato' Haji Muhamad bin Abdullah: Pertama, saya tidak menyangka seorang Ketua Pembangkang yang begitu berpengalaman di dalam Dewan ini berkelakuan seperti budak-budak. [*Sorak*][*Tepuk*] Yang kedua, Ketua Pembangkang adalah juga merupakan rakyat Malaysia, setakat yang saya tahu tetapi hatinya saya tidak tahu dan pandai bercakap mengenai undang-undang. Kita ada undang-undang tersendiri mengenai pilihan raya. Sekiranya ada apa-apa petisyen mengenai pilihan raya untuk membatalkan mana-mana calon yang bertanding, dia boleh membuat aduan ini, memfailkan kes itu kepada Mahkamah Tinggi. Kemudian kita akan mendengar dan sekiranya perkara itu terbukti, maka calon pilihan raya itu akan dibatalkan. Ini memang berlaku di Sarawak – banyak kes. Jadi, kalau sekiranya orang yang berpengalaman di segi undang-undang dan bijak bercakap sepatutnya mestilah menggunakan undang-undang dengan cara yang baik.

Memang betul pada tahun 1990, satu rombongan Komanwel datang memerhati pilihan raya kita di sini. Laporan yang kita dapat ialah mereka berpuas hati kerana semua pilihan raya yang kita jalankan ketika itu adalah mengikut peraturan dan undang-undang. [*Tepuk*] Dengan sebab mengikut peraturan dan undang-undang dan ada keadilan, maka ketika itu juga pembangkang ada menang sama dalam pilihan raya. Sekiranya kita mengetepikan perkara ini sudah barang tentu tidak ada pembangkang di dalam Dewan ini.

Selain daripada itu, kita memerhatikan semua pilihan raya telah berjalan dengan baik. Kalau sekiranya tidak puas hati bolehlah memfailkan kepada Mahkamah Tinggi dan kita akan menentukan sama ada perkara ini betul ataupun tidak.

Keputusan Pilihanraya Sabah telah digazet pada 8 April dan tamat pada 29 April ini – tempoh bantahan ataupun pitisyen – kalau sekiranya ada apa-apa silalah buat dan kita akan menentukan mana yang betul dan mana yang salah tetapi hakikatnya kita telah menjalankan pilihan raya dengan baik dan adil mengikut undang-undang dan peraturan yang ditetapkan.

Dr. Maximus Johnity Ongkili: *[Bangun]*

Seorang Ahli: Hoi, duduklah.

Seorang Ahli: Rompin, Rompin.

Seorang Ahli: Bandau.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, sila Rompin.

Seorang Ahli: Tidak ada telingakah?

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Betul, kalau sebelum Tanjong tadi, mungkin wakil Sabah lebih sesuai bertanya soalan ini, yang DAP sibuk buat apa? Bukan ada calon di Sabah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, sila teruskan Yang Berhormat.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Tidak bertanding pun bukan berani. Saya minta penjelasan, adakah pada pandangan Dato' Setiausaha Parlimen, oleh kerana pembangkang kalah....

Tuan Lim Kit Siang: Point of order, ini soalan tambahan, bukan minta penjelasan. Beri Bandaulah, beri Bandau. Penjelasan nantilah.

Seorang Ahli: Tanjong, duduklah. Kacau daun sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Sila, sila.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Inilah demokrasi ala DAP. Bila peluang saya hendak bercakap dia mempersoalkan. Itu terpulang kepada saya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Beri dia peluang ya. Sila, sila teruskan.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Saya hendak bertanya soalan tambahankah atau penjasankah, itu terpulang kepada saya. Saya bangun diberikan oleh Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya soalan tambahan atau penjelasan terpulang kepada saya tetapi DAP takut soalan yang hendak saya keluarkan. Inilah demokrasi cara Lim Kit Siang dengan KOKS, yang belakang itu belum tahu boleh mewarisi DAP, belum tahu lagi. *[Disampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Sila teruskan.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Dia simpan jawatan itu Soalan tambahan, saya hendak bertanya kepada Dato' Setiausaha Parlimen, mungkin PBS

boleh menerima, adakah kerana pembangkang tidak boleh menerima kenyataan bahawa Barisan Nasional menang di Sabah sebab itu cuba mengalih perhatian rakyat. DAP tidak dapat menerima kemenangan Barisan Nasional di Sabah, cuba mengalih perhatian rakyat kepada kemenangan Barisan Nasional dan membawa isu bahawa tidak bebaslah. Yang sebenarnya pilihan raya itu bebas. Persoalan saya, adakah ini benar pada pandangan kerajaan? *[Disampuk]* PBS pun ada menang. Soalan tambahan saya bermakna sesiapa yang kalah dan tidak berpuas hati, mereka ini berhak untuk membawa perkara ini kepada suruhanjaya ataupun kepada mahkamah. Saya hendak bertanya adakah setakat ini pembangkang membawa perkara ini kepada mahkamah ataupun kepada suruhanjaya? Saya hendak bertanya sebab kalau tidak dibawa perkara-perkara ini perasaan tidak puas hati mereka kalau tidak dibawa kepada mahkamah atau suruhanjaya bermakna isu yang dibangkitkan oleh DAP sana adalah isu politik semata-mata untuk hendak mendapatkan satu mileage politik yang murah. Itulah soalan tambahan saya kepada Dato' Setiausaha Parlimen.

Dato' Haji Muhamad bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, memang saya bersetuju bahawa parti pembangkang ini sengaja mencari sedikit mileage politik untuk mempengaruhi rakyat apatah lagi Pilihanraya Umum akan diadakan tidak lama lagi. Memang tabiat parti pembangkang tidak ada perkara yang kita lakukan baik bagi mereka. Sekiranya mana-mana pilihan raya yang mereka menang, mereka tidak mempertikaikan langsung apa-apa apabila mereka menang tetapi apabila berlaku sahaja kekalahan akan menimbulkan pelbagai cara untuk mengatakan pilihan raya kita ini tidak benar dan adil. Kita mesti ingat bahawa tabiat parti pembangkang sampai bila-bila, inilah keadaannya. Mereka tidak mahu mengaku perkara yang benar, mereka boleh menyelewengkan juga perkara yang benar dan dijadikan tidak benar. Dalam hatinya baik semasa hidupnya ataupun semasa jaganya, bahkan di dalam mimpinya juga berkeadaan demikian rupa. *[Tepuk]*

Jadi, saya tidak tahulah kalau ada orang yang hendak menyokong parti pembangkang yang sedemikian rupa. Mereka semua sudah hilang pedoman dan cuba mengacau negara ini untuk menanggung di air keruh. Oleh itu kita tidak hairanlah sedangkan Ketua Pembangkang berkelakuan sedemikian rupa, apatah lagi anak-anak buahnya sama ada mana-mana parti yang bersekongkol dengan DAP itu sendiri. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya kira sepatutnya mereka mesti mengetahui undang-undang dan setakat ini apabila kita gazetkan keputusan pilihan raya, setakat ini, belum ada lagi parti ini membuat aduan kepada Mahkamah Tinggi mengenai keputusan pilihan raya di Sabah yang telah kita selesaikan. Saya tidak tahulah dalam tempoh hingga 29 April ini, kalau ada apa-apa aduan ataupun petisyen yang dibuat oleh parti-parti yang kalah di Sabah yang telah kita adakan dahulu.

12. **Datuk Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan [Larut]** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan:-

- (a) berapakah jumlah projek terbengkalai yang telah disempurnakan dan jumlah rumah murah/sederhana yang disiapkan pada akhir tahun 1998; dan
- (c) bagaimanakah kerjasama antara Kerajaan Persekutuan dan negeri untuk mendapatkan tanah perumahan.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Peter Chin Fah Kui]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Jumlah projek perumahan swasta terbengkalai yang telah berjaya dipulihkan sehingga akhir tahun 1998 adalah sebanyak 311 projek. Dari jumlah itu, 279 projek telah siap dengan Sijil Layak Menduduki (CF) dan 32 projek lagi masih menunggu sijil kebenaran daripada pihak-pihak berkuasa tempatan negeri.
- (b) Projek perumahan awam kos rendah sebenarnya adalah projek kerajaan negeri sendiri. Pihak kementerian hanya bertanggungjawab memberi khidmat teknikal kepada kerajaan negeri. Maka, hal tanah adalah diuruskan sendiri oleh kerajaan negeri. Ada kalanya tapak yang dipilih oleh kerajaan negeri kurang sesuai dari segi keadaan teknikalnya dan perlu dicari tapak yang lain.

Tuan Chia Kwang Chye: Tuan Yang di-Pertua, di antara lebih daripada 300 projek perumahan yang terbengkalai itu, berapa projek adalah di bawah kategori kos rendah atau kos sederhana rendah. Dalam keadaan kegawatan ekonomi kemungkinan lebih banyak projek kos rendah dalam kategori terbengkalai. Jadi, sama ada kementerian berhasrat menubuhkan satu petugas khas untuk menyelesaikan masalah pembeli-pembeli dalam projek kos rendah atau kos sederhana yang mungkin terbengkalai.

Datuk Peter Chin Fah Kui: Tuan Yang di-Pertua, dari angka yang terdapat di sini, kita tidak memisahkan projek yang di dalam kategori kos rendah atau sederhana rendah kerana setiap projek yang terbengkalai perlu kita beri pertolongan dan juga khidmat nasihat kepada pihak pemaju dan oleh sebab itu maka soalan yang ditanya oleh Yang Berhormat tadi, saya tidak ada angka pecahan itu. Kalau saya dapat cari saya akan beri.

Tuan Yunus bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya hendak tahu, di Negeri Sembilan didapati beberapa projek kos rendah dan sederhana terbengkalai sudah begitu lama terutamanya di Jelevu. Saya menjangkakan masalah ini telah pun diangkat kepada pihak kementerian tetapi sehingga sekarang kontraktor yang berkenaan masih lagi gagal untuk menyiapkan projek tersebut yang telah pun memakan masa hampir satu setengah tahun dan yang lebih malang ialah pihak berkenaan telah pun membuat kutipan 10% bayaran daripada pembeli. Jadi apakah tindakan yang akan dibuat di samping mengenal pasti masalah-masalah kontraktor di tempat-tempat atau di daerah-daerah lain di Negeri Sembilan kerana masalah ini harus diselesaikan dan saya tidak mahu pihak kementerian hanya menerima tetapi tidak mengadakan tindakan susulan kepada masalah yang dibuat.

Datuk Peter Chin Fah Kui: Ya, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, memang kita cuba sedaya upayanya untuk menghidupkan semula projek-projek yang terbengkalai itu dan dari segi urusan itu kita cubalah meminta pihak bank, pemaju dan juga pembeli untuk mengadakan persetujuan antara mereka supaya mereka boleh mengadakan satu cara di mana projek itu boleh diteruskan dengan pembiayaan daripada tiga pihak itu dan ini kadangkala ada juga masalah yang timbul sebab kontraktor-kontraktor itu enggan bekerjasama dengan pihak bank dan juga pihak pembeli dan sebab itulah kadangkala ada projek yang susah hendak kita hidupkan semula dan akhirnya kita menghadapi keadaan yang disebutkan oleh Yang Berhormat dari Jelevu tadi di mana projek itu mengambil masa yang lama untuk dihidupkan semula.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masa untuk Pertanyaan Jawab Lisan telah cukup.

[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Lisan telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 1, 3, 4 dan 13 hingga 37 akan dijilid dalam buku yang berasingan]

USUL

UCAPAN TERIMA KASIH KEPADA SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah:

Bahawa suatu ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:

“Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Rakyat Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapkan berbilang-bilang syukur dan Terima Kasih kerana Titah Ucapan Tuanku semasa membuka Penggal Kelima Parlimen Yang Kesembilan.” [20 April 1999]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Kementerian Pertanian, sila sambung.

Tuan M. Kulasegaran: Tuan Yang di-Pertua, point of order.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya.

Tuan M. Kulasegaran: Saya bangun atas Peraturan Mesyuarat 18(7) di mana saya telah mengemukakan satu usul tetapi usul itu telah ditolak atas asas 17(7) tetapi tidak ada kandungan di mana atas alasan apa telah ditolak. Tuan Yang di-Pertua, saya telah mengemukakan perkara ini kerana pada hari Isnin, lebih 1,000 orang pekerja di seluruh Malaysia telah datang untuk menyuarakan bahawa keperluan memberi gaji bulanan dan skim perumahan tetap kepada pekerja ladang. Perkara ini amat mustahak supaya dibincangkan di dalam Dewan yang mulia ini akan tetapi atas sebab-sebab tertentu yang tidak diberikan di surat yang dikembalikan kepada saya, perkara ini telah ditolak. Saya mohon agar kebenaran Tuan Yang di-Pertua untuk mengusul perkara itu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, seperti Yang Berhormat sedia maklum bahawa peruntukan Peraturan Mesyuarat 18(7) itu menjelaskan Yang di-Pertua boleh menolak satu-satu permohonan di bawah Peraturan Mesyuarat 18 dalam Kamar. Saya tidak dapat menimbang semula keputusan ini. Kita ada peraturan bahawa keputusan Yang di-Pertua itu pertamanya, muktamad. Keduaanya, kalau ada Ahli-ahli Yang Berhormat tidak bersetuju dengan keputusan itu, kita ada peraturan mesyuarat yang membolehkan Yang Berhormat mengemukakan usul persendirian berkaitan dengan perkara ini.

Tuan M. Kulasegaran: Tuan Yang di-Pertua, tidak pernah dalam sejarah Malaysia dalam 42 tahun ini sebanyak lebih 2,000 orang telah datang ke Parlimen untuk membawa perkara. Ini sangat mustahak.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, Yang Berhormat tidak payah berucap kerana perkara ini telah kita teliti dan

kita telah buat keputusan. Sepertimana yang saya katakan dalam peraturan mesyuarat kita ada peruntukan sekiranya ada Ahli-ahli Yang Berhormat tidak berpuas hati dengan keputusan Yang di-Pertua boleh mengemukakan usul persendirian untuk minta ditimbang semula. Kita ada peraturan ya.

Tuan M. Kulasegaran: 2,000 datang pun tidak cukup.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Sila, sila terus.

11.07 pagi.

Timbalan Menteri Pertanian [Datuk Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor]: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memohon untuk menyambung jawapan saya pada petang semalam.

Ahli-ahli Yang Berhormat dari Marang, Kuala Pilah, Arau, Tanjong Karang dan Kemaman ada menyentuh perkara yang berkaitan dengan nelayan dan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM). Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, LKIM sentiasa memperkenalkan sistem pemasaran ikan yang bercorak free enterprise. Ini bermakna setiap pihak bebas untuk memasuki perniagaan dalam sektor ini dan langkah tersebut dapat mengurangkan peranan orang-orang tengah.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, kerajaan telah menangguhkan program penswastan LKIM sehingga satu tarikh yang belum ditetapkan lagi. Penangguhan ini dibuat bagi membolehkan kerajaan menyemak dan mengkaji program penswastan ke atas LKIM dan kesan keseluruhan ke atasnya. Kerajaan sentiasa menjaga kepentingan para nelayan dalam usaha meningkatkan lagi industri perikanan negara.

Ahli-ahli Yang Berhormat dari Sipitang, Sibul, Cheras, Batu Gajah dan Sandakan telah membangkitkan perkara-perkara yang berkaitan dengan perairan dan saliran khususnya sungai-sungai di negara ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Tanjong Karang bangun.

Datuk Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa seorang ini sahajalah, saya rasa masa saya sudah banyak, ini kali yang terakhir.

Tuan Haji Noh bin Omar: Baik, terima kasih. Saya bangun di sini kerana daripada jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi yang menyatakan bahawa penswastan LKIM ini ditangguhkan. Saya ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada pihak kerajaan yang begitu peka dengan masalah nelayan yang mana mereka rata-rata tidak bersetuju bahawa LKIM ini diswastakan. Jadi, tindakan kerajaan menangguhkan penswastan ini adalah langkah yang bijak. Jadi, saya bagi pihak nelayan mengucapkan terima kasih kepada pihak kerajaan.

Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan memang sedar akan keperluan sungai-sungai termasuk longkang-longkang, parit-parit dan kolam dipelihara supaya terurus dan sentiasa bersih.

Untuk maksud ini, dua program kejuruteraan sungai di bawah Jabatan Pengairan dan Saliran iaitu program pemeliharaan sungai dan program pemulihan sungai telah diluluskan di bawah Rancangan Malaysia Ke-7 dengan jumlah peruntukan RM93 juta.

Objektif utama kempen Cintailah Sungai Kita adalah untuk meningkatkan kesedaran orang ramai mengenai kepentingan sungai supaya bersama-sama terlibat dalam memelihara sungai. Sejak dilancarkan pada tahun 1993 beberapa aktiviti telah diadakan

seperti ceramah kepada murid-murid sekolah dan orang ramai, ekspedisi sungai dan sungai angkat.

Ahli-ahli Yang Berhormat dari Selangau, Marang, Gelang Patah, Arau dan Tanjong Karang ada menyentuh tentang tanaman makanan asasi dan kaitannya dengan security crop khususnya tanaman padi. Aktiviti-aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D) bagi tanaman pertanian akan terus dipergiatkan di bawah DPN3 termasuk untuk security crop seperti padi bagi meningkatkan produktiviti dan membolehkan negara mencapai tahap sara diri sekurang-kurangnya 65% bagi beras.

Pada masa ini negara telah pun berjaya mencapai tahap sara diri sebanyak 72% dan usaha-usaha R&D, negara pasti akan dapat meningkatkan tahap sara diri ini. Memandangkan projek Barat Laut Selangor adalah di kalangan IADP jelapang padi yang termaju terutamanya dari segi kemudahan-kemudahan infrastruktur dan mempunyai pengeluaran melebihi purata hasil padi negara serta intensiti tanaman 200% maka sama ada peruntukan tambahan akan diberi untuk memperbaiki lagi kemudahan-kemudahan infrastruktur di IADP tersebut adalah tertakluk kepada kedudukan kewangan kerajaan.

Dalam hubungan ini, peruntukan tersebut adalah terhad dan ianya perlu diagihkan kepada IADP jelapang padi yang lain. Bagi menangani masalah ini, usaha-usaha perlu diambil untuk mengurangkan kos pengeluaran padi dan satu daripada kaedahnya adalah menerusi pengurangan kadar kehilangan lepas tuai.

Salah satu daripada objektif industri beras negara adalah untuk meningkatkan pengeluaran beras yang berkualiti tinggi, beras wangi dan beras istimewa termasuk padi bukit. Kerajaan memang peka dan prihatin dengan masalah-masalah yang dihadapi oleh petani padi bukit terutamanya mengenai hasil keluarannya yang rendah.

Tuan Haji Hashim bin Jasin: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, Arau bangun, nak beri jalan?

Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor: Tak beri dah, minta maaf, Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya.

Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor: Oleh itu, satu kajian akan dijalankan untuk mengkaji masalah ini supaya langkah-langkah yang sewajarnya boleh diambil oleh kerajaan. Jabatan Pertanian Negeri Sarawak sedang dan akan terus membekalkan benih padi bukit jenis Buntar 'B', Sarasan Puteh dan Sempangan 'B' kepada petani-petani bukit yang mengusahakan tanaman padi bukit.

Harga minimum terjamin padi telah dinaikkan kepada RM550 setan metrik mulai Disember 1997. Ianya telah ditetapkan setelah mengambil kira kos pengeluaran padi yang merupakan faktor utama dalam penetapan harga beras di samping kegawatan ekonomi dan hasrat kerajaan untuk membendung inflasi. Memandangkan harga minimum terjamin padi telah dikemas kini kira-kira satu suku tahun yang lalu dan bagi memastikan bahan-bahan makanan boleh diperolehi pada setiap masa dengan harga yang berpatutan, maka adalah perlu cadangan untuk menaikkan harga padi kepada paras RM770 setan metrik dikaji dengan lebih terperinci.

Ini adalah memandangkan kenaikan harga padi akan mengakibatkan kenaikan harga beras yang merupakan makanan asas rakyat jelata. Sebagaimana yang termaktub di bawah Dasar Pertanian Negara 3 (DPN3) tahap sara diri beras negara ialah sekurang-

kurangnya 65%. Ini tidak bermakna bakinya sebanyak 35% itu perlu diimport. Jumlah ini boleh dikurangkan dengan peningkatan pengeluaran padi dalam negara.

Walaupun terdapat tanah-tanah yang masih kosong, yang boleh ditanam dengan padi akan tetapi kita menghadapi beberapa masalah di antara kos pengeluaran padi yang tinggi. Peningkatan kos in-put, kekurangan buruh dan terdapat peluang pekerjaan yang lebih menarik di lain sektor, di samping pendapatan daripada pengeluaran padi adalah rendah disebabkan saiz sawah yang kurang ekonomik. Namun demikian, kerajaan tiada halangan terhadap usaha-usaha untuk memajukan tanah-tanah kosong untuk tanaman padi sekiranya pengusaha-pengusaha tidak memerlukan bantuan dari kerajaan terutama bantuan baja dan harga.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan juga amat peka dengan masalah kekurangan bekalan kelapa yang dihadapi baru-baru ini seperti yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dari Bagan Datok dan Selangau. Di dalam usaha untuk meningkatkan pengeluaran hasil kelapa serta pendapatan pekebun kelapa, Kementerian Pertanian melalui jabatan dan agensi-agensi di bawahnya telah menggariskan beberapa strategi antaranya adalah:-

- (i) meningkatkan produktiviti kawasan kelapa yang sedia ada;
- (ii) menambahkan tanaman dan kawasan kelapa yang baru;
- (iii) meningkatkan pendapatan pekebun kelapa melalui integrasi tanaman; dan
- (iv) mewujudkan projek integrasi tanaman dan pemprosesan kelapa.

Dasar Pertanian Negara 3 yang baru dikaji semula memang mempunyai peruntukan untuk membangunkan komoditi kelapa dari segi pemulihan kawasan kelapa yang berproduktiviti rendah. Ini adalah bertujuan untuk meningkatkan hasil kelapa bagi memenuhi permintaan dalam negara di samping memberi pendapatan yang lebih lumayan kepada pekebun-pekebun kelapa.

Sekarang ini banyak hasil kelapa pekebun kecil dibeli oleh kilang-kilang pemprosesan dengan harga yang amat rendah sekali. Oleh itu sekiranya pekebun sendiri memproses kelapa mereka dan menjual terus produk kelapa yang dikeluarkan, sudah tentu mereka akan memperolehi pendapatan yang lumayan. Dalam hal ini, Kementerian Pertanian menerusi Jabatan Pertanian Negeri akan mengenal pasti pekebun kecil secara berkelompok yang berminat untuk menceburi projek pemprosesan kelapa. Projek pemprosesan kelapa ini akan dilaksanakan oleh peserta-peserta secara berkelompok di bawah bimbingan Jabatan Pertanian.

Ahli-ahli Yang Berhormat dari Selangau, Baram, Marang, Gelang Patah, Seputeh dan Pasir Putih ada menyentuh tentang perkara-perkara yang berkaitan dengan Dasar Pertanian Negara Ketiga dan kaitannya dengan industri makanan dan pelbagai sumber tanah, manusia, teknologi, kewangan, penyelidikan dan pembangunan (R&D) dan penglibatan sektor swasta dalam pertanian.

Di dalam Dasar Pertanian 3, peningkatan sekuriti makanan dan memerangi inflasi adalah di antara 5 isu yang dianggap penting kepada pembangunan negara. Justeru itu, langkah-langkah sedang dan akan diambil untuk memenuhi kepentingan ini. Program-program jangka pendek, sederhana dan panjang telah dikenal pasti untuk meningkatkan pengeluaran makanan negara bagi mengurangkan import.

Kementerian Pertanian telah menggariskan beberapa langkah yang akan diambil untuk meningkatkan lagi penggunaan dan pembangunan tanah-tanah terbiar. Langkah-

langkah tersebut termasuk usaha mengenal pasti dan menggazetkan tanah-tanah kerajaan yang terbiar dan sesuai untuk dimajukan sebagai kawasan tetap pengeluaran makanan, mempergiatkan pelaksanaan projek-projek berkelompok di tanah-tanah terbiar milik petani dan menggalakkan pihak swasta termasuk pertubuhan-pertubuhan peladang untuk mengusahakan kawasan tersebut. Di samping itu, pangkalan data mengenai tanah terbiar diwujudkan dan dikemas kini dari masa ke semasa untuk disebar kepada usahawan dan pihak swasta yang berminat bagi menyewa dan membangunkannya untuk pengeluaran makanan.

Menyedari bahawa teknologi meningkatkan pengeluaran makanan negara maka Kementerian Pertanian sentiasa memberi tumpuan kepada aspek penyelidikan dan pembangunan (R&D) pertanian untuk membangunkan teknologi-teknologi terkini bagi memajukan lagi sektor pertanian di negara ini. Antara penyelidikan-penyelidikan baru yang diberi tumpuan termasuk pembangunan varieti dan klon baru yang lebih produktif, teknologi "precision agriculture" iaitu sistem pengurusan bersepadu untuk pengeluran tanaman menggunakan data tempatan bagi meningkatkan hasil, penggunaan input pertanian dengan lebih cekap, pengurangan impak pada alam sekitar dan peningkatan pendapatan petani, teknologi untuk pemuliharaan sumber dan pengawalan pencemaran serta teknologi pengendalian lepas tuai.

Bagi menggalakkan sektor swasta melabur dalam R&D pertanian, kerajaan telah menyediakan pelbagai insentif. Ini termasuk faedah untuk boleh mendapat potongan bagi cukai pelaburan (Investment Tax Allowance) di bawah Akta Penggalakan Pelaburan 1986 bagi semua syarikat R&D serta syarikat-syarikat yang melaksanakan R&D secara kontrak dan dalaman (in-house), dengan izin. Di samping itu, syarikat-syarikat yang melaksanakan R&D secara kontrak boleh memohon taraf perintis atau pioneer status, dengan izin, bagi mendapat pengecualian cukai pendapatan untuk 5 tahun. Potongan berganda (double deduction) juga dibenarkan ke atas perbelanjaan untuk menggunakan perkhidmatan yang disediakan oleh syarikat-syarikat dan institusi-institusi penyelidikan serta syarikat yang mengendalikan secara kontrak.

Kita mengucapkan terima kasih di atas segala saranan dan teguran Ahli-ahli Yang Berhormat, walau bagaimanapun perkara yang tidak dapat diberi jawapan pada masa ini akan terus diberi perhatian oleh Kementerian Pertanian. Insya-Allah, kita akan melaksanakannya demi agama, bangsa dan tanah air. Sekian.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat kita mempunyai lima belas kementerian lagi, kita kena menghabiskan jawapan daripada menteri-menteri pada hari ini. Dengan demikian, saya berharaplah timbalan-timbalan menteri dan menteri-menteri lain yang menjawab supaya menjimatkan sedikit masa. Selain daripada itu dalam Aturan Urusan Mesyuarat kita mempunyai banyak lagi agenda-agenda yang kita kena habiskan dalam masa sesi ini. Saya meminta Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menjawab. Sila.

11.22 pagi.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Dato' S. Subramaniam]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dari kawasan Ledang, Teluk Intan dan Tambun yang telah mengambil bahagian dalam ucapan Titah Diraja dan membangkitkan isu-isu yang berkaitan dengan bidang tugas Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari kawasan Ledang telah membangkitkan isu berhubung dengan penyelewengan dan penyalahgunaan kuasa oleh

CEO dan pengarah-pengarah syarikat termasuk syarikat-syarikat yang disenaraikan di BSKL. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kementerian ini melalui Pendaftar Syarikat sentiasa mengambil perhatian yang berat berhubung dengan perkara tersebut. Siasatan dijalankan ke atas setiap aduan dan laporan yang diterima bagi tujuan mengenal pasti sekiranya terdapat unsur-unsur penyelewengan dan penyalahgunaan kuasa yang bertentangan dengan Akta Syarikat 1965. Berasaskan kepada kesalahan yang dilakukan pendaftar syarikat akan mengambil tindakan sama ada mengenakan kompaun atau mendakwa di mahkamah, tindakan akan diambil ke atas nama individu CEO atau pengarah jika didapati beliau bertanggungjawab ke atas kesalahan yang dilakukan.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari kawasan Teluk Intan pula telah membangkitkan isu mengenai program Insentif Petrol yang telah dihentikan dan berpandangan kerajaan tidak perlu menghentikan persaingan. Beliau mengesyorkan kerajaan hanya perlu menetapkan harga bumbung dan memberi alasan ke atas perhentian program tersebut. Berhubung dengan soalan di atas, suka saya maklumkan di dalam Dewan yang mulia ini bahawa tindakan awal Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwat Pengguna membuat keputusan untuk menghalang perang harga di kalangan syarikat-syarikat minyak adalah kerana ia akan memberi kesan jangka panjang yang negatif kepada semua pihak, khususnya pengusaha stesen minyak dan pengguna keseluruhannya dalam jangka masa panjang. Walaupun pengguna menikmati harga diskaun dan pemberian-pemberian dalam bentuk benda, namun bagi stesen minyak yang terjejas dan terpaksa tutup perniagaan disebabkan kehilangan pelanggan. Ia akan menyukarkan pengguna stesen-stesen yang dahulunya membekalkan minyak kepada mereka kerana telah tidak beroperasi lagi.

Walau bagaimanapun, kerajaan telah menimbang semula hal ini dan memutuskan supaya dibenarkan promosi penurunan harga dengan syarat kos promosi tersebut ditanggung sepenuhnya oleh syarikat minyak. Syarikat-syarikat tersebut tidak mengenakan sebarang surcaj kepada pengusaha stesen minyak dan diskaun harga diberi kepada pengguna. Kementerian ini akan sentiasa mengawal selia sepanjang promosi itu dijalankan dan akan mengambil tindakan sewajarnya jika terdapat aduan-aduan bahawa caj-caj tertentu dikenakan ke atas pengusaha-pengusaha stesen minyak dan pengguna.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari kawasan Tambun pula menyentuh

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Teluk Intan bangun Yang Berhormat.

Tuan M. Kulasegaran: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Saya berterima kasih kerana kerajaan telah bersetuju kepada pandangan rakyat termasuk selepas saya membangkitkan perkara ini bagi pihak pembangkang bahawa sistem yang sedia ada yang berinsentif dan baik kepada pengguna digalakkan dan diteruskan tetapi adakah kerajaan telah membuat penyiasatan bahawa tidak berapa lama dahulu di Thailand, di mana bila insentif-insentif diberi seperti yang berlaku di negara kita sekarang telah mengakibatkan beberapa stesen minyak ditutup oleh kerana persaingan harga dan yang mustahak adalah kita perlu mengurangkan harga (price control). Adakah penyiasatan telah dibuat dan apakah cadangan kerajaan supaya stesen-stesen petrol tidak akan mengalami perkara seperti yang telah terjadi di Thailand dan juga kedua, alat-alat yang diberi kepada pengguna-pengguna apabila membeli petrol. Apakah ada standard yang akan diarahkan oleh kerajaan atau apabila ada kompetitor daripada pengguna-pengguna baru kerajaan akan mengambil tindakan bahawa barang-barang yang diberi oleh stesen-stesen petrol itu adalah munasabah dan patut.

Dato' S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat mengenai dengan pandangan-pandangan tetapi sebenarnya bukan selepas Ahli Yang Berhormat yang menyuarakan kerajaan menimbang semula, sebenarnya adalah pihak Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna membenarkan promosi, tanpa kebenaran promosi, mana-mana syarikat minyak tidak boleh menjalankan promosi. Cuma, ada rayuan daripada pengusaha-pengusaha stesen minyak dan ada juga syarikat-syarikat minyak yang tidak senang hati dengan perang harga. Jadi perkara ini masih dalam perhatian kita, ada badan-badan pengguna dan juga banyak pihak yang terlibat. Akhirnya kita telah berfikir, kalau syarikat-syarikat minyak ingin meneruskan penurunan harga dan promosi pihak kerajaan akan membenarkan dan perkara ini akan juga di'monitor' sehingga tidak berlaku sesuatu.

Saya telah membuat penjelasan bahawa pada mulanya kita tidak senang hati perang harga ini diteruskan oleh kerana berkemungkinan stesen-stesen minyak itu yang tidak mendapat pelanggan yang ramai akan tutup. Perkara ini adalah satu tanggungjawab syarikat-syarikat minyak, tempat di mana mereka mahu buka stesen minyak atau mahu ditutup adalah tanggungjawab dan peranan syarikat-syarikat minyak. Dia buat kajian, di mana kalau stesen minyak dibuka, ramai pelanggan dan selepas dia mencadangkannya, baru kita memberikan kelulusan. Jadi dari segi mana-mana stesen minyak yang akan ditutup itu adalah perkara tanggungjawab bersama daripada syarikat minyak dan juga pengguna yang berminat perang harga ini diteruskan termasuk Ahli Yang Berhormat. Oleh kerana saya telah sebutkan dari awal kita tidak begitu senang kerana akan ada pengusaha stesen minyak yang akan mengalami kerugian oleh kerana tidak termasuk dalam promosi dan perang harga.

Jadi, walau bagaimanapun perkara ini akan di'monitor' oleh kementerian sehingga ke satu tahap dan kita akan ambil tindakan sewajarnya apabila sampai 'we will cross the bridge when we come to it', dengan izin. Tentang barang-barang yang dipromosikan jika terdapat – sehingga sekarang belum ada mana-mana pengguna yang melaporkan mengenai barang-barang yang diberi sebagai hadiah atau barang promosi dalam tempoh masa ini.

Walau bagaimanapun, kita juga berharap syarikat-syarikat minyak tidak menipu pengguna. Kalau janji akan memberi barang sekian banyak, sekian lama, perlu diberi, kalau ada maklumat daripada pengguna yang ada resit mengisi minyak tetapi tidak mendapatkan barangan promosi, mereka boleh membuat laporan kepada kementerian dan kita akan mengambil tindakan terhadap pihak syarikat minyak atau pengusaha stesen yang lalai atau yang melakukan kesalahan itu.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Tambun pula menyentuh tentang,.....

Tuan Yang di-Pertua: Teluk Intan bangun.

Dato' S. Subramaniam: Sekali lagi, boleh.

Tuan M. Kulasegaran: Terima kasih kepada jawapan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu kenapa kerajaan pada masa ini ada sistem 'controlled item' dengan izin, item itu dikontrol, bukan price control kerana FOMCA – Federation of Consumer Association berpendapat dan juga pengguna-pengguna bahawa kalau kita ada price control ia akan memberi manfaat kepada pengguna-pengguna dan apakah sebab harga minyak kita ini tidak turun sekian lama walaupun harga satu barrel minyak di pasaran dunia telah turun lebih kurang 50%? Terima kasih.

Dato' S. Subramaniam: Mengenai harga minyak petrol, suka saya menjelaskan bahawa di negara kita harganya adalah lebih rendah daripada negara-negara jiran, iaitu daripada Singapura, Thailand dan juga lain-lain negara. Oleh kerana kerajaan kita dengan adjusted price mechanism mengenai harga petrol kita menurunkan cukai duti apabila harga minyak petrol naik di peringkat antarabangsa.

Maka dengan price mechanism ini harga petrol yang dijual dalam negara kita adalah paling rendah. Sebenarnya kerajaan memberi subsidi iaitu kepada pengguna dari segi duti yang hilang oleh pihak kerajaan. Umpamanya bagi tahun 1998, sebenarnya kerajaan mengenakan duti terhadap petrol tetapi dikecualikan adalah sebanyak RM1.3 bilion.

Bagi tahun 1997 duti sebanyak RM867 milion telah dikecualikan cukai yang telah diberikan oleh kerajaan ke atas petrol di bawah APM. Maka harga petrol itu adalah price controlled item di dalam negara kita. Tiap-tiap bulan kementerian membuat cadangan dan pihak Jemaah Menteri memutuskan harga petrol is the price controlled item.

Yang satu lagi adalah tentang apakah price controlled item dan juga controlled item. Ini adalah dua jenis. Sebagai satu negara yang mengamalkan sistem perniagaan bebas kita tidak bercadang untuk menjadikan semua item di dalam negara sebagai price controlled item. Kita cuma ada 12 barang yang kita kawal dari segi harga dan yang lain-lain ada juga lebih kurang 21 jenis barang yang dikawal dari segi bekalan yang memerlukan lesen untuk dijual dan diedar dan sebagainya dan dari masa ke semasa kita akan tambah atau mengurangkan senarai ini. Jadi saya berharap Ahli Yang Berhormat dapat penjelasan yang mencukupi.

Ahli Yang Berhormat dari kawasan Tambun pula, menyentuh tentang tabung-tabung dan dana dikendalikan oleh beberapa kementerian termasuk Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwat Pengguna. Sukacita dimaklumkan bahawa kementerian ini tidak mempunyai sebarang tabung seperti yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya ingin mengulangi ucapan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi cadangan serta pandangan ke atas isu-isu yang berkaitan dengan bidang kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwat Pengguna. Bagi perkara-perkara yang tidak diberi jawapan yang sewajarnya di dalam Dewan yang mulia ini, sukacita saya memaklumkan perkara-perkara yang berkaitan itu akan diambil perhatian oleh kementerian. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Kementerian Pendidikan.

11.38 pagi

Timbalan Menteri Pendidikan [Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus]: Tuan Yang di-Pertua, saya bagi pihak Yang Berhormat Menteri mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbincangan Titah Ucapan Diraja dan telah membangkitkan belbagai perkara, isu serta cadangan yang menyentuh Kementerian Pendidikan.

Ahli-ahli Yang Berhormat dari Parit Sulong, Gelang Patah, Ledang dan Tambun telah membangkitkan tentang keperluan pelajar sekolah diberi pendedahan terhadap bidang sains, teknologi dan ilmu teknologi maklumat terutamanya pengetahuan dalam penggunaan komputer.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Dasar Pendidikan Negara memberi fokus kepada penggunaan teknologi maklumat di dalam aspek pengajaran dan

pembelajaran. Untuk menjayakan perancangan tersebut, antara langkah-langkah yang telah dilaksanakan adalah memperkenalkan program pengkomputeran, membekalkan kelengkapan komputer, mengadakan program latihan teknologi maklumat untuk guru dan menghasilkan pengisian kursus untuk pengajaran dan pembelajaran serta pengubahsuaian kurikulum persekolahan supaya relevan dan kemas kini dengan keperluan masa depan.

Yang Berhormat dari Parit Sulong dan Santubong juga telah menimbulkan masalah pelaksanaan sekolah bestari di kawasan luar bandar. Untuk makluman, Kementerian Pendidikan telah memulakan pembelajaran bestari secara terhad dengan menggunakan kemudahan yang sedia ada. Namun begitu, bagi sekolah-sekolah di kawasan luar bandar, masalah untuk mendapatkan bantuan teknikal dan penyelenggaraan perkakasan merupakan antara masalah utama yang perlu diatasi. Kementerian Pendidikan akan terus memberi sokongan untuk memastikan agar semua sekolah di seluruh negara mencapai tahap sekolah bestari.

Yang Berhormat dari Gelang Patah mencadangkan agar Kementerian Pendidikan memastikan pelajar-pelajar yang memilih bidang teknologi maklumat sebagai mata pelajaran elektif SPM mempunyai komputer dan keperluan buku rujukan yang mencukupi. Saya ingin menjelaskan bahawa 15 buah sekolah yang terlibat dalam percubaan mata pelajaran teknologi maklumat dipilih berdasarkan kemudahan komputer dan guru yang berkelayakan akan mengajar mata pelajaran tersebut.

Kementerian Pendidikan juga bercadang untuk menaik taraf kemudahan komputer di sekolah-sekolah berkenaan supaya pelaksanaan mata pelajaran tersebut dapat berjalan dengan lebih sempurna dan berkesan. Di samping itu....

Tuan Yang di-Pertua: Ada penjelasan, Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Mengenai pengkomputeran dan sekolah bestari yang sepatutnya dilancarkan awal tahun ini untuk 90 buah sekolah yang dipilih dan sekarang ditunda sehingga bulan Jun oleh kerana software yang diperlukan tidak siap dan sekarang bukannya benar bahawa tarikh ini perlu lagi ditunda oleh kerana sampai sekarang semua persiapan untuk mengadakan software yang perlu belum sampai satu tahap di mana program sekolah bestari sepenuhnya boleh dilaksanakan mulai bulan Jun. Apakah tarikh yang terbaru sekarang sebelum program 'smart school' sebenarnya boleh dilancarkan semacam dijadualkan?

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya saya telah menjelaskan perkara ini dalam Dewan yang mulia ini waktu Yang Berhormat tidak ada tetapi tak apa, saya boleh ulang balik secara ringkas sahaja. Benar, apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat dari Tanjong dan kita sedang meminta daripada pihak konsortium yang telah diberikan tugas ini supaya menyelesaikan perkara ini secepat mungkin. Cuma dalam suasana begitu kita kena jelas bahawa dalam soal pelaksanaan sekolah bestari, penggunaan komputer itu merupakan sebagai salah satu kaedah ataupun cara sahaja.

Bukanlah apabila tidak ada komputer itu, kita tidak boleh laksanakan langsung perjalanan sekolah bestari ini. Apa yang kita telah buat ialah kita telah pun memanggil semua 83 orang pengetua-pengetua yang terlibat dengan pelaksanaan sekolah bestari ini dan kita telah memberi garis panduan supaya sementara kita menunggu software yang diperlukan dan juga alat-alat yang lain, pihak sekolah diminta menggunakan apa jua peralatan-peralatan yang sudah sedia ada seperti komputer yang sudah sedia ada di sekolah itu, video-video yang ada, buku-buku yang ada dan apa sahaja perkara yang boleh meneruskan proses pelaksanaan sekolah itu.

Kita telah pun memberi garis panduan tentang perkara-perkara dan cara-cara yang patut dilaksanakan sementara kita menunggu perkara ini diselesaikan oleh konsortium tersebut. Kalau Yang Berhormat

Tuan Lim Kit Siang: Bila tarikh baru akan selesai perkara ini?

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Ya, I'm coming to that.

Jadi kalau Yang Berhormat bertanya pada saya bila tarikh baru ini, saya tidak dapat menjawab sekarang kerana konsortium ini masih menguruskan perkara ini dan cuma kita telah memberi tekanan kepada konsortium supaya dapat mencapai matlamat iaitu bulan Jun seperti yang kita kehendaki. Setakat itu dapat saya jelaskan pada Yang Berhormat pada peringkat ini.

Tuan Yang di-Pertua, kalau boleh saya sambung. Di samping itu, pihak kementerian juga meneruskan usaha melatih seramai 30,000 guru seluruh negara dalam kemahiran asas komputer serta memasukkan mata pelajaran Teknologi Maklumat ke dalam kurikulum latihan guru di semua peringkat dalam latihan perguruan. Setakat ini seramai 37,446 orang guru lepasan maktab perguruan, bermula keluaran Disember 1995 telah mempunyai sekurang-kurangnya kemahiran asas komputer.

Yang Berhormat dari Marang telah mencadangkan agar Bahasa Kebangsaan perlu dimantapkan sebagai bahasa ilmu. Perlu dijelaskan antara fungsi utama Dewan Bahasa dan Pustaka adalah untuk membina dan memartabatkan bahasa kebangsaan bukan sahaja sebagai bahasa rasmi dan bahasa kebangsaan negara ini tetapi berusaha mengembangkan sastera kebangsaan serta menerbitkan sebanyak mungkin bahan bacaan bagi keperluan pendidikan dan keperluasan ilmu pengetahuan.

Dewan Bahasa dan Pustaka melaksanakan program peningkatan buku secara terancang berasaskan matlamat 70% komersial dan 30% sosial dalam masa memasyarakat dan mendaulatkan bahasa Melayu. Dewan Bahasa dan Pustaka merancang penerbitan 3,397 judul bagi tempoh 1996 hingga 2000 dalam semua bidang dan peringkat. Bagi mencapai matlamat ini, semua pihak termasuk pihak swasta harus memberikan perhatian yang serius, beriltizam teguh dan mengambil bahagian secara aktif dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab mereka terhadap pendaulatan bahasa kebangsaan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Marang, Yang Berhormat dari Arau, Yang Berhormat dari Selangau, Yang Berhormat dari Batu Pahat dan Yang Berhormat dari Ledang telah menyarankan agar aktiviti keagamaan dan moral dipertingkatkan di peringkat sekolah. Kurikulum kebangsaan persekolahan sememangnya memberi penekanan kepada pembentukan akhlak dan keperibadian yang mulia di kalangan pelajar. Pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam serta program nilai-nilai murni merentas kurikulum dan kokurikulum merupakan langkah-langkah yang dikenal pasti ke arah pembinaan warganegara Malaysia yang berakhlak mulia. Sehubungan itu kementerian sedang melaksanakan kurikulum Pendidikan Islam yang baru digubal semula dengan mengambil kira perkembangan semasa dan memberi penekanan yang lebih terhadap penghayatan akidah dan akhlak.

Mengenai memantapkan pendidikan moral yang turut dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Parit Sulong, matlamat Pendidikan Moral ialah untuk melahirkan individu yang berperibadi mulia melalui pemupukan, penghayatan dan amalan nilai murni masyarakat Malaysia. Umumnya, penerapan nilai-nilai murni dilaksanakan melalui dua cara iaitu menerusi aktiviti pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah dan melalui aktiviti kokurikulum di luar bilik darjah. Penerapan nilai-nilai murni haruslah

dilaksanakan secara berterusan dan penglibatan serta sokongan masyarakat setempat amat perlu sejajar dengan hasrat menjadikan sekolah sebagai institusi masyarakat.

Yang Berhormat dari Parit Sulong dan Yang Berhormat dari Jelebu mencadangkan agar unsur-unsur nasionalisme dan disiplin diperkenalkan. Sebenarnya, unsur jati diri dan nasionalisme sudah pun dimasukkan dalam kurikulum persekolahan melalui mata pelajaran Sejarah di peringkat menengah dan menerusi mata pelajaran Kajian Tempatan di peringkat rendah. Unsur-unsur tersebut juga diberi penekanan dalam Pendidikan Islam dan Pendidikan Moral. Seterusnya ia diperkukuhkan lagi dalam aktiviti kokurikulum melalui pasukan beruniform, kelab, persatuan serta sukan yang melibatkan semua pelajar.

Mengenai saranan Yang Berhormat dari Baru Pahat agar mata pelajaran Bahasa Arab dijadikan mata pelajaran wajib, Kementerian Pendidikan perlu mengkaji perkara tersebut dengan lebih mendalam dengan mengambil kira beberapa kekangan khususnya masalah tenaga pengajar yang berkecukupan. Buat masa ini, mata pelajaran tersebut ditawarkan di sekolah-sekolah berasrama penuh.

Saranan Yang Berhormat dari Pasir Puteh agar sistem pendidikan bukan sahaja menitikberatkan teori malah latihan amali memang telah dilaksanakan dalam hampir semua mata pelajaran. Penggunaan komputer, latihan amali di makmal sains, penggunaan bengkel, kerja kursus serta latihan pengucapan umum hari ini merupakan bukti bahawa pendekatan pembelajaran di sekolah-sekolah menggabungkan aspek teori dan latihan amali.

Yang Berhormat dari Ledang menyarankan agar isi kandungan mata pelajaran Sastera dan format peperiksaan mata pelajaran Seni Lukis mengambil kira elemen-elemen dari Sabah dan Sarawak. Untuk makluman, kurikulum KBSM dan soalan-soalan peperiksaan telah digubal berasaskan Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan faktor kepelbagaian kaum, seni dan budaya Malaysia telah diambil kira. Mengenai penekanan kepada mata pelajaran Sains dan Fizik, strategi pengajaran dan pembelajaran kedua-dua mata pelajaran tersebut adalah berteraskan pendekatan inkuiri dan penemuan di mana pelajar-pelajar dilibatkan secara aktif dalam proses penyelidikan, penilaian dan pembentukan konsep.

Dalam proses ini, pelajar-pelajar dapat mengembangkan kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif, menjana idea serta menyumbang secara positif dalam bidang sains dan teknologi.

Berhubung isu buta huruf yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Batang Lupar, Kementerian Pendidikan berusaha melaksanakan program berterusan untuk memastikan semua pelajar menguasai kemahiran membaca dan menulis. Guru-guru pemulihan telah ditempatkan di semua sekolah rendah di samping mengadakan kelas-kelas pemulihan di sekolah menengah bagi meningkatkan kadar celik huruf di kalangan pelajar.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Sipitang menyarankan keperluan menambah bilangan sekolah menengah teknik bagi menyediakan tenaga kerja yang terlatih dalam bidang kemahiran teknikal pada masa hadapan. Setakat ini, terdapat 80 buah sekolah menengah teknik dan vokasional di seluruh negara, enam buah sekolah teknik sedang dalam proses pembinaan di Terengganu, Perak, Melaka dan Selangor dan empat buah lagi dalam perancangan. Pada masa yang sama, mata pelajaran teknikal dan kejuruteraan diperkenalkan di sekolah-sekolah menengah biasa untuk menyediakan pelajar-pelajar bagi menyambung pelajaran mereka di politeknik dan institusi pengajian tinggi.

Untuk makluman Yang Berhormat dari Rompin, walaupun sekolah vokasional ini dinaik taraf kepada sekolah menengah teknik, aliran latihan kemahiran masih ditawarkan di sekolah-sekolah ini. Antara kursus-kursus yang ditawarkan ialah elektrik, elektronik, kimpalan, automotif dan binaan bangunan. Keutamaan untuk mengikuti kursus-kursus tersebut adalah kepada pelajar-pelajar yang lemah prestasi akademik dan hanya berminat dalam bidang kemahiran.

Yang Berhormat dari Selangau dan Yang Berhormat dari Kapar telah menimbulkan isu berkaitan keadaan sekolah yang daif terutama di kawasan luar bandar dan ladang. Sememangnya Kementerian Pendidikan sedar masih banyak sekolah terutamanya di kawasan luar bandar yang berada dalam keadaan usang. Kementerian Pendidikan berusaha memperbaharui bangunan-bangunan sekolah tersebut secara berperingkat-peringkat memandangkan peruntukan dalam Rancangan Malaysia Ketujuh adalah agak terhad. Berhubung dengan cadangan untuk mengadakan kursus perubatan di Universiti Malaysia Sabah (UMS) ...

Tuan Yang di-Pertua: Batang Lumar, bangun.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Terima kasih, Dato' Timbalan Menteri mengenai jawapan soalan sekolah-sekolah di luar bandar tadi. Jadi, saya pun ada membangkit soalan yang sama, nampaknya tidak dijawab. Persoalan saya ialah central contract yang telah diberi kepada satu syarikat di Sarawak untuk membina sekolah-sekolah di luar bandar Sarawak. Di kawasan saya pun ada 31 buah sekolah yang telah disenaraikan untuk dibina semenjak tahun 1998 dan pembinaannya dijangka siap pada tahun 2001 tetapi hingga sekarang, sampai one quarter 1999 tidak satu sekolah pun di kawasan saya dibina. Jadi, kalaulah ini satu indicator keseluruhannya di Sarawak bermaknanya sekolah-sekolah di luar bandar yang diberi kontrak dengan satu syarikat tidak mendapat attention daripada syarikat tersebut. Apabila saya berbincang dengan Jabatan Pendidikan di Sarawak, nampaknya tidak ada kawalan ataupun tidak ada perhubungan di antara syarikat tersebut dengan jabatan dan bagaimanakah kementerian memonitor prestasi syarikat ini. Kalau syarikat ini tidak menjalankan tugas dan tanggungjawab mereka sebagaimana yang ditetapkan dalam kontrak tersebut, sepatutnya kementerian mengambil inisiatif agar kontrak itu ditarik balik, terima kasih.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Tuan Yang di-Pertua, saya maklumlah akan pelbagai bentuk masalah teknikal dan kerena pentadbiran yang dihadapi dalam proses kita melaksanakan program-program pembangunan ini dan dari semasa ke semasa saya memang pergi ke setiap negeri. Malahan ke tempat-tempat di mana sekolah-sekolah ini dibina, untuk menyaksikan sendiri akan pelaksanaan sekolah-sekolah tersebut dan usaha ini akan diteruskan insya-Allah, dari semasa ke semasa supaya kerja-kerja yang telah diberikan itu dapat dilaksanakan dengan sebaik mungkin. Saya percaya kontraktor-kontraktor ini sudah maklum tentang hasrat yang disuarakan oleh kementerian supaya pentingnya kerja-kerja itu dilaksanakan seberapa baik yang mungkin dan cuba elakkan masalah-masalah dan juga kerena-kerena pentadbiran itu asasny kukuh. Terima kasih atas pandangan Yang Berhormat.

Berhubung dengan cadangan untuk mengadakan kursus atau sekolah perubatan di Universiti Malaysia Sabah (UMS), seperti yang diutarakan oleh Yang Berhormat dari Sipitang, pada masa ini masih terdapat kekurangan tenaga pakar untuk mengendalikan sebuah fakulti perubatan di UMS dengan sepenuhnya. Sehubungan itu Kementerian Pendidikan bercadang supaya UMS memulakan program praklinikal dengan menawarkan program Sarjana Muda Sains Perubatan. Seterusnya pelajar-pelajar yang berjaya akan menyambung pengajian mereka di peringkat klinikal di IPTA lain seperti Universiti Malaya, Universiti Sains Malaysia atau Universiti Kebangsaan Malaysia.

Yang Berhormat Gelang Patah menyentuh tentang keperluan menilai semula kualiti institusi pengajian tinggi dari aspek penyelidikan, pembelajaran dan pengajaran serta pengiktirafan kursus dan ijazah. Bagi institusi pengajian tinggi swasta, kerajaan telah menubuhkan Lembaga Akreditasi Negara (LAN) yang bertanggungjawab terhadap penentuan kualiti kursus serta menggubal dasar-dasar mengenai kawalan standard sektor pendidikan tinggi swasta. Badan ini merupakan sebuah badan berwibawa yang boleh dirujuk berhubung dengan jaminan kualiti pelbagai kursus yang dikendalikan oleh pihak swasta. Di samping itu, pegawai-pegawai LAN mengadakan lawatan-lawatan penyelidikan setelah sesuatu kursus pengajian diluluskan, lawatan pengesahan untuk memastikan tenaga pengajar dan kemudahan yang disediakan oleh IPTS berkenaan berkualiti dan lawatan penilaian tahunan bagi menentukan tahap minimum dicapai oleh IPTS berkenaan.

Yang Berhormat dari Gelang Patah juga mencadangkan agar pihak swasta memberi grant untuk tujuan penyelidikan di IPT. Kementerian Pendidikan sememangnya mengalu-alukan penyertaan semua pihak dalam usaha meningkatkan kualiti pendidikan di negara ini. Buat masa ini, segala peruntukan penyelidikan dibiayai oleh program, dengan izin, Intensification of Research in Priority Area (IRPA) dan diselaraskan oleh Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar. Hasil penyelidikan tersebut dimanfaatkan oleh pihak universiti dan badan-badan yang berkepentingan.

Sejajar dengan hasrat untuk menjadikan Malaysia sebagai pusat kecemerlangan pendidikan seperti yang diutarakan oleh Yang Berhormat dari Sungai Benut dan Yang Berhormat dari Teluk Kemang, Kementerian Pendidikan telah menggandakan usaha ke arah menjadikan sektor pendidikan sebagai komoditi eksport. Penekanan penting yang diberikan bagi mencapai matlamat tersebut ialah meningkatkan kualiti pendidikan dari segi pengajaran dan pembelajaran, penyelidikan serta penerbitan. Pada masa ini, institusi-institusi pendidikan awam dan swasta menawarkan pelbagai kursus pengajian melalui program berkembar, francais, pengajian luar kampus dan pendidikan jarak jauh. Lebih banyak tempat pengajian di IPTA dan IPTS dirancang bagi menawarkan program pengajian yang mendapat permintaan di pasaran seperti program-program dalam bidang teknologi maklumat serta menggalakkan penyertaan pelajar-pelajar asing di IPTA terutama sekali di peringkat panca-siswazah.

Selain daripada itu, IPTA juga telah diminta supaya menggiatkan lagi usaha-usaha penyelidikan dan pembangunan dengan mengambil pakar-pakar daripada luar negara untuk menjalankan penyelidikan terutama sekali dalam bidang-bidang kritikal seperti teknologi, mikroelektronik, bioteknologi, aeroangkasa dan sebagainya. Program Post-Doctoral dalam beberapa bidang teknologi yang penting yang diwujudkan di universiti tempatan sememangnya menggalakkan penyertaan pakar-pakar daripada luar negara. Dengan kos pengajian yang lebih rendah berbanding dengan kos pengajian di negara-negara seperti Amerika Syarikat, Eropah dan Australia, Malaysia mempunyai peluang yang amat cerah untuk menarik pelajar dari rantau ini untuk melanjutkan pengajian mereka di negara ini.

Berhubung dengan isu pengorporatan IPTA yang digambarkan seolah-olah kerajaan lepas tangan akan tanggungjawab seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Marang, ingin saya jelaskan bahawa sehingga kini pihak kerajaan masih lagi memberi pembiayaan sehingga 90% kos pengendalian sesebuah universiti. Cuma dengan penguatkuasaan perlembagaan baru ini, pihak universiti diberikan kuasa untuk memperolehi pendapatan daripada sumber-sumber lain dalam usaha untuk meningkatkan prasarana pengajaran dan pembelajaran ke arah mencapai kualiti pendidikan yang lebih baik. Selain itu, universiti-universiti ini akan dapat meningkatkan kecekapan dalam

pengurusan dan pentadbirannya dan juga mengurangkan pergantungan kewangan kepada kerajaan.

Mengenai isu Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU) yang dikatakan menyekat kebebasan berfikir staf dan pelajar universiti yang telah beberapa kali dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Marang di dalam Dewan yang mulia ini, ingin saya jelaskan bahawa peruntukan-peruntukan yang terdapat di dalam Akta Universiti dan Kolej Universiti (Pindaan) 1996 tidak menghalang para pelajar daripada bergerak aktif di kampus terutama bagi aktiviti yang dapat memanfaatkan para pelajar. Ini adalah bertujuan untuk memupuk sifat kepimpinan dan keperibadian pelajar sesuai dengan kedudukan mereka sebagai bakal pemimpin negara ini di masa hadapan. Peruntukan-peruntukan di dalam akta juga adalah bagi memastikan pelajar-pelajar menumpukan perhatian kepada pelajaran dan mengambil peluang sepenuhnya untuk menimba pengalaman dan meningkatkan pengetahuan.

Ini adalah sejajar dengan syor Yang Berhormat Bagan Datok agar pemimpin-pemimpin pelajar di pusat-pusat pengajian tinggi diberi pengiktirafan yang sewajarnya bagi melahirkan pemimpin-pemimpin yang bertanggungjawab di kalangan pelajar.

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat] *mempengerusikan Mesyuarat*]

Berhubung tindakan yang bakal diambil terhadap pelajar, guru dan mahasiswa yang terlibat dalam reformasi yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Jelebu, antara tindakan yang boleh diambil ialah diberi amaran, digantung pengajian dan dibuang daripada universiti. Bentuk tindakan adalah bergantung kepada sejauh mana keterlibatan mereka. Bagi pemegang-pemegang biasiswa, mereka adalah tertakluk kepada syarat-syarat perjanjian biasiswa. Bagi guru pula, tindakan tatatertib boleh diambil mengikut peruntukan-peruntukan yang terdapat dalam Perintah-Perintah Am.

Yang Berhormat Santubong telah membangkitkan isu francais program Matrikulasi. Untuk makluman, program Matrikulasi pada tahun ini akan dijalankan di pusat-pusat Matrikulasi Kementerian Pendidikan, IPTA dan melalui sistem francais di IPTS. Untuk makluman, kriteria dalam pemilihan IPTS yang melaksanakan sistem francais ialah dari segi kemudahan fizikal seperti makmal sains, perpustakaan dan bilik-bilik kuliah yang mencukupi dan memuaskan. Pada masa ini kementerian belum menentukan IPTS yang dipilih untuk menjalankan program Matrikulasi.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan isu kekurangan guru Bahasa Cina yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Gaya dan cadangan Yang Berhormat Bintulu agar Kementerian Pendidikan melonggarkan syarat kemasukan guru pelatih ke Maktab Perguruan, seperti yang pernah dijelaskan, setiap tahun Kementerian Pendidikan meningkatkan unjuran pengambilan calon guru pelatih bagi bidang Pengajian Cina. Walau bagaimanapun, kementerian masih menghadapi masalah untuk mendapatkan calon yang mencukupi untuk memenuhi unjuran walaupun setelah memberi kelonggaran dengan menerima kelayakan minimum C6 (peringkat SPM/SPMV/SPVM) dalam mata pelajaran Bahasa China. Mengenai pengiktirafan peperiksaan Senior Middle Three untuk kemasukan ke maktab-maktab perguruan, perlu ditegaskan kelayakan minimum ke maktab perguruan ialah SPM/SPMV/SPVM.

Yang Berhormat Selangau telah menyarankan agar sistem kenaikan pangkat diubahsuai bagi mengelakkan pegawai PPD/JPN ataupun Jabatan Pendidikan Negeri terpaksa ke sekolah untuk tujuan kenaikan pangkat. Proses kenaikan pangkat adalah berdasarkan kepada kekananan dan kecemerlangan prestasi seseorang pegawai.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Rompin an.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Saya minta penjelasan sedikit daripada Yang Berhormat Dato' Timbalan Menteri tentang masalah kekurangan guru ini. Tadi Yang Berhormat secara agak panjang lebar juga menerangkan masalah atau pendekatan yang akan diambil oleh kerajaan untuk menyelesaikan masalah kekurangan guru Tionghua. Diucapkan syabas usaha kementerian. Tetapi kami di luar bandar ada juga masalah, kekurangan guru Bahasa Inggeris, adakah Yang Berhormat dapat sedikit ulasan tentang masalah kekurangan guru ini. Mengenai kekurangan guru dari segi pengajaran Bahasa Tionghua kita alu-alukan usaha kerajaan menyelesaikan masalah ini, tetapi bagaimana pula kekurangan guru dalam Bahasa Inggeris di luar bandar?

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Terima kasih, Yang Berhormat. Kementerian sedar dan insaf selain daripada kekurangan guru dalam Bahasa Cina, kita sebenarnya juga masih kekurangan guru-guru dalam mata-mata pelajaran teras seperti yang disebutkan Bahasa Inggeris, Matematik, Sains dan ini kita sedang usahakan untuk menambah bilangan ini seberapa ramai yang boleh dari satu masa ke satu masa mengikut ambilan yang kita buat pada tiap-tiap tahun. Kita memang sebenarnya seboleh-bolehnya menggalakkan bakal-bakal calon ini ataupun calon-calon yang hendak menjadi guru ini dalam proses temuduga yang kita buat mendorong mereka, kalau boleh sampai begitu kita ikhtiarkan agar dapat kita lahirkan lebih ramai lagi guru-guru yang perlu ini terutama sekali dalam mata pelajaran penting dan utama itu seperti Bahasa Inggeris, Matematik, Sains dan lain-lain khususnya di kawasan-kawasan luar bandar. Ini kami di kementerian amat insaf tentang betapa perlunya tenaga itu ditambah seberapa cepat yang boleh dan digerakkan mana juga tenaga yang ada.

Patut juga saya jelaskan sedikit kadang-kala kita berdepan juga dengan dilema apabila kita menempatkan guru-guru Bahasa Inggeris terutama sekali Sains, Matematik di kawasan-kawasan luar bandar, ada ketikanya guru-guru itu tidak terdaya hendak berkhidmat begitu lama di satu-satu kawasan kerana pelbagai suasana yang menyelubungi diri seseorang guru itu sendiri baik dari segi keluarga dan lain-lain yang kita faham, tetapi prinsipnya kita terima hakikat kita perlukan tenaga ini dan kita sedang berikhtiar seberapa yang terdaya untuk meningkatkan.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Saya setuju dengan pandangan Dato' Timbalan Menteri bahawa kerajaan sudah berusaha berbagai-bagai cara dan mengambil langkah-langkah untuk menyelesaikan masalah kekurangan guru mata pelajaran kor. Saya ingat Ilmu Hisab dengan Sains, alhamdulillah, sudah kurang kita mendengar maklum balas daripada sekolah-sekolah mengatakan kekurangan guru Sains dan Ilmu Hisab. Syabas kepada kementerian, kalau dahulu ketiga-tiga mata pelajaran ini Bahasa Inggeris, Sains dan Ilmu Hisab amat kurang, tidak cukup guru yang mahir tetapi alhamdulillah, saya nampak sudah diselesaikan. Tetapi Bahasa Inggeris ini saya difahamkan masih lagi masalah. Saya difahamkan bukan kurangnya guru di negara kita, cukup guru Bahasa Inggeris, tetapi taburannya itu tidak mencukupi. Selalunya kalau guru Bahasa Inggeris, suami selalunya juga berbahasa Inggeris kerja di dalam bandar. Selepas dua tiga tahun dia hendak balik juga ke bandar-bandar besar dan saya rasa memang kita bersetuju dengan kementerian kita akan menganiayai mereka, sudah tiga tahun, lima tahun national service, dengan izin, duduk di luar bandar sampai masa dia kena juga kembali kepada suami dia ataupun mereka itu mendirikan rumahtangga, duduk dengan suaminya di bandar.

Saya minta kalau ini menjadi masalah, bukannya kurang guru, bukan masalah kurang dilatih guru-guru ini tetapi taburannya. Mengapa tidak kerajaan juga kalau boleh

timbang macam di universiti ada guru part time, sambilan, kita di luar bandar ada pegawai FELDA, macam kawasan saya isteri-isteri pegawai FELDA, isteri-isteri ADO, isteri-isteri orang swasta dia mampu mengajar sebab dia sendiri dulu bekerja ada guru juga mengapa kalau benar-benar satu kawasan itu benar-benar kritikal, tak ada, hantar dua tahun cukup, lepas itu enam bulan tidak ada guru, macam di satu sekolah menengah di Rompin Sekolah Menengah Keratong, kita ada lapan kelas Tingkatan Lima ada guru Bahasa Inggeris seorang sahaja.

Ini saya minta kerajaan timbang sedikit menggunakan pendekatan-pendekatan yang mungkin agak luar biasa tetapi perkara ini sudah dilaksanakan di peringkat universiti bagi mengatasi masalah ini kerana kita tidak mahu menyalahkan kementerian, sudah cuba, jumlahnya cukup tetapi taburannya yang tidak begitu betul, ini kerana lumrah alam. Saya minta sedikit pandangan Dato' Timbalan Menteri.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Sebenarnya dari segi statistik perangkaan itu masih kurang hakikatnya. Dan apabila disebut tentang taburan memang ada kebenaran apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat dari Rompin dan saya kata begini sahaja, ini soal masalah human problem, masalah kemanusiaan, masalah peribadi orang dan kita pula faham masalah-masalah yang dihadapi ini. Namun demikian, apa yang disarankan oleh Yang Berhormat tadi itu sebenarnya kita cuba juga tampung melalui guru-guru yang sedia ada tetapi untuk kita hendak employ guru-guru specific ataupun khusus untuk mata pelajaran itu, itu mungkin agak sugar tetapi pada pandangan saya, kita boleh bantu murid-murid ini melalui cara-cara lain, mungkin kelas-kelas tambahan yang ditaja oleh pelbagai pihak yang saya pun maklum ada dibuat oleh pelbagai lapisan masyarakat. Jadi sementara kita hendak menyelesaikan masalah ini, saya harap biar kita gabung tenaga kita, adun pemikiran kita sama-sama untuk membantu anak-anak ini, pelajar-pelajar ini dalam mengatasi masalah-masalah yang dihadapi oleh mereka itu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Ya, Tenom bagun.

Tuan Radin Malleh: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Timbalan Menteri. Menyentuh tentang kekurangan guru-guru ini kita percaya bahawa kementerian memang sedar bahawa di Sabah memang amat kekurangan guru dan kita difahamkan bahawa guru-guru daripada Semenanjung enggan mahu pergi ke Sabah disebabkan seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat tadi. Tidakkah kerajaan mencadangkan supaya anak-anak tempatan di Sabah dilatih sebagai guru supaya bukan sahaja memberi peluang pekerjaan tetapi mahu mengurangkan kekurangan guru ini? Terima kasih.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Tuan Yang di-Pertua, hendak kata guru daripada Semenanjung enggan hendak pergi ke Sabah itu, tidak berapa tepatlah saya ingat, tetapi ada kebenaran tetapi tidak berapa tepat. Sikit-sikit ada benar. Tinggal lagi, kita tiada masalah setiap kali kita buka permohonan untuk mendapatkan calon-calon guru, kalau lagi ramai orang Sabah minta, kita tidak sekat. Kalau ada mempunyai syarat-syarat yang diperlukan, kita tiada masalah. Tiada hasrat kita hendak menyekat bukan kata Sabah sahaja, Sarawak mana-manalah asalkan dia orang anak Malaysia, dia ada qualification, sesuai, layak, kita tiada niat untuk menyekat mana-mana pihak daripada berkhidmat untuk bidang keilmuan ini, Yang Berhormat, ya. Jadi kalau boleh saya sambung, Tuan Yang di-Pertua....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Jelebu bangun.

Tuan Yunus bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, kekanda saya, Timbalan Menteri, saya ingin minta penjelasan sedikit. Di Negeri Sembilan ini memang kita

rum dan negeri-negeri lain pun kita maklum bahawa bilangan guru Bahasa Inggeris itu memang melebihi daripada yang secukupnya, tetapi berhubung kait dengan apa yang diputuskan Rompin tadi, taburannya itu. Kadang-kadang di Jelebu tidak ada, tidak cukup, Jempol pun sama. Jadi, Timbalan Menteri daripada Jempol. Boleh tak kalau kita buat, kalau guru-guru ini terpaksa mengajar di Jempol atau di Jelebu hantarlah mereka ini. Kalau hendak mengikutkan rasa hati mereka, memang tak hendak, tetapi kita tidak mahu melihat anak-anak kita akan menjadi mangsa. Matematikanya bagus, Sainsnya bagus tetapi Bahasa Inggerisnya akan kandas. Mereka akan menjadi mangsa dan tidak akan dapat naik ke tingkatan yang lebih baik.

Jadi, apakah perancangan sebenarnya. Kadang-kadang kita kesian juga, sekolah memang ada buat motivasi, ada buat kelas tambahan, dan wakil rakyat beri peruntukan, mengadakan kelas-kelas tambahan, motivasi dan sebagainya, Yang Berhormat Timbalan Menteri pun beri peruntukan. Tetapi masih lagi, bilangannya cukup, di Negeri Sembilan melebihi tetapi taburannya di Seremban, di Port Dickson, di bandar besar-besar tetapi di Jelebu, Jempol tidak ada. Dan kalau kita harapkan guru-guru yang sedia ada untuk memberikan pengajaran Bahasa Inggeris tidak sehebat ataupun tidak bersesuaian dengan guru yang sebenarnya untuk kita peruntukkan bagi mengajar Bahasa Inggeris.

Dan satu perkara lagi, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya, adakah pihak-pihak sekolah ataupun sekolah-sekolah berasrama ini diberikan satu penjadualan yang tetap, untuk mereka ini mengadakan sistem pembelajaran yang baik yang boleh diikuti kerana terdapat beberapa sekolah yang berasrama macam di Jelebu itu sehingga bulan empat tidak ada program-program yang menjurus kepada aktiviti yang boleh membantu murid yang tinggal di asrama untuk mengadakan kelas-kelas tambahan ataupun kem-kem motivasi dan sebagainya, kerana ini terdapat aduan di kalangan pelajar-pelajar yang duduk di asrama kerana mereka tidak diberikan satu program ke arah persiapan untuk menduduki peperiksaan. Terima kasih, Yang Berhormat.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Terima kasih kepada Yang Berhormat dari Jelebu. Kita akan cubalah cari jalan macam mana hendak menempatkan guru-guru ini supaya dapat cuba menanamung seberapa yang boleh keperluan pihak-pihak yang berkaitan. Tinggal lagi ini bukan satu perkara yang mudah kerana ia melibatkan manusia itu sendiri dan kita pula kadang-kadang macam-macam timbang rasa. Kalau hendak ikut aturan dan peraturan pada saya cukup mudah, cikgu itu kena pergi tetapi kalau kita keras begitu tidak akan dapat menyelesaikan masalah pada hemat kami di Kementerian Pendidikan tetapi kami tahu akan persoalan yang kita hadapi ini.

Soal sekolah asrama penuh dan sekolah berasrama harian ini, biasanya itu urusan tiap-tiap sekolah. Lazimnya di sekolah-sekolah ini terutama sekali di sekolah asrama penuh dia ada schedule, dia ada jadual, tentang perkara-perkara yang patut dibuat dari satu masa ke satu masa dalam pelbagai perkara.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, kalau boleh saya sambung. Namun begitu, bilangan jawatan di PPD dan JPN adalah terhad berbanding dengan jawatan di sekolah. Seseorang pegawai digalakkan untuk berkhidmat di pelbagai tempat untuk mendapatkan pendedahan agar menjadi seorang pentadbir/pengurus pendidikan yang berwibawa dan berketrampilan.

Yang Berhormat Ledang pula membangkitkan isu hilang kekananan dalam jawatan bagi guru bukan siswazah yang melanjutkan pelajaran ke peringkat ijazah. Perlu dijelaskan, seperti jawatan-jawatan lain dalam perkhidmatan awam, kekananan seseorang pegawai adalah diambil kira dari tarikh mula berkhidmat dalam sesuatu gred jawatan. Walaupun guru-guru bukan siswazah hilang kekananan apabila melanjutkan pelajaran ke peringkat ijazah, guru-guru ini dapat menikmati tangga gaji yang lebih baik di samping

berpeluang melanjutkan pelajaran ke tahap yang lebih tinggi bagi meningkatkan profesionalisme masing-masing.

Berhubung isu penamatan kontrak guru-guru GSTT di Sabah yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tawau, pada masa ini kementerian tidak bercadang untuk mengadakan program khas untuk melatih guru-guru GSTT ini. Namun begitu, guru-guru GSTT yang dapat memenuhi syarat-syarat kelayakan minimum yang ditetapkan akan dipertimbangkan untuk mengikuti Kursus Diploma Perguruan Malaysia (DPM). Bagi sesi ambilan Julai 1999, seramai 500 calon GSTT akan diambil untuk bidang-bidang pengkhususan yang masih kekurangan guru.

Kementerian Pendidikan amat prihatin kepada keperluan persekolahan masyarakat luar bandar dan sentiasa berusaha meningkatkan kemudahan infrastruktur terutamanya pembinaan sekolah-sekolah baru bagi menampung keperluan masyarakat.

Mengenai cadangan oleh Yang Berhormat Sipitang untuk meningkatkan prestasi akademik sekolah-sekolah luar bandar, Kementerian Pendidikan akan terus membina asrama harian di samping meningkatkan kemudahan pengajaran dan pembelajaran serta membekalkan guru-guru yang terlatih di kawasan-kawasan tersebut.

Mengenai kemasukan sekolah-sekolah berasrama penuh (SBP) pula, Kementerian Pendidikan menyedari bahawa tempat di sekolah berasrama penuh adalah terhad. Namun begitu, pada dasarnya Kementerian Pendidikan mengutamakan pelajar-pelajar cemerlang dari kawasan luar bandar dalam proses pemilihan pelajar ke sekolah berasrama penuh. Di samping itu, kementerian akan terus mewujudkan kelas-kelas rancangan khas aliran biasa dan agama di sekolah-sekolah menengah dan mewujudkan sekolah yang berkonsepkan sekolah berasrama penuh dan sekolah-sekolah kawalan yang dikelolakan oleh Jabatan Pendidikan Negeri bagi menempatkan pelajar-pelajar yang cemerlang.

Menyentuh tentang masalah mempercepatkan pembinaan rumah guru di kawasan luar bandar seperti juga diusulkan oleh Yang Berhormat Sipitang, sebanyak 23,400 unit rumah guru telah dibina di seluruh negara sehingga berakhirnya Rancangan Malaysia Ke-6. Kerajaan telah merancang untuk membina 28,092 lagi unit rumah guru di dalam Rancangan Malaysia Ke-7. Di bawah program penswastaaan, pembinaan rumah-rumah guru menggunakan berbagai kaedah seperti secara konvensional, pasang siap, belian terus dan penswastaaan. Dengan ini, adalah diharapkan pembinaan rumah-rumah ini akan dapat disiapkan mengikut jangka masa yang telah ditetapkan. Sekiranya semua projek rumah guru dapat disiapkan, masalah rumah guru di kawasan yang dikenal pasti sebagai amat kritikal dapat diatasi pada akhir Rancangan Malaysia Ke-7.

Tuan Yang di-Pertua, setakat ini sahaja yang dapat saya jelaskan mengenai perkara-perkara yang menyentuh Kementerian Pendidikan yang ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian.

Tuan Hashim bin Ismail: *[Bangun]*

Dr. Maximus Johnnity Ongkili: *[Bangun]*

Dato' Hon Choon Kim: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, ada tiga orang yang minta penjelasan nampaknya. Ya, Ledang dahulu. Hendak beri jalan?

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Boleh.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Ya, Ledang.

Tuan Hashim bin Ismail: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Dalam ucapan saya dahulu, ada saya sentuh mengenai pelajar-pelajar daripada keluarga miskin yang sukar untuk mendaftarkan diri ke IPTA ataupun IPTS dan kadang-kadang mereka enggan diterima atau tidak diterima ke mana-mana institusi kerana gagal membayar wang pendaftaran. Saya mencadangkan dalam ucapan saya supaya pelajar-pelajar seperti ini diterima secara automatik. IPTA atau IPTS boleh mendapat kembali wang pendaftaran itu apabila mereka mendapat pinjaman daripada mana-mana sumber. Terima kasih.

Dato' Haji Mohd Khalid bin Mohd. Yunus: Tuan Yang di-Pertua, saya minta maaf tentang perkara ini. Kalau betul ada seseorang pelajar miskin daripada keluarga yang miskin daripada luar bandar ataupun dari mana-mana pun tetapi dia didapati layak, saya tidak fikir soal hendak masuk ini menjadi masalah. Yang saya nampak mungkin cara dia hendak menguruskan itu. Saya hendak bercakap tentang prinsip hendak mengambilnya.

Kalau betul anak itu, pelajar itu daripada keluarga yang susah tetapi dia layak, ada bantuan, ada cara kita boleh tolong. Tidak patut, dia tidak boleh sampai ke universiti, itu prinsipnya. Tinggal lagi dalam proses itu kadangkala, yang jadi banyak saya tengok, dia isi borang ataupun kursus yang hendak diikuti itu, di situ kadangkala ada benda yang tidak betul, yang kadangkala dia terlepas daripada diambil. Tetapi yang saya hendak kata ini, kalau Yang Berhormat kata ada anak orang kampung, anak Malaysia yang miskin, ada kelayakan, tidak boleh sampai ke universiti, itu saya fikir patut spesifik, boleh, saya sendiri boleh tolong tengokkan, insya-Allah. Tidak patutlah prinsipnya begitu. Ada lagi?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Ya, Bandau.

Dr. Maximus Johnity Ongkili: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Dalam pengumuman Yang Berhormat Timbalan Menteri itu tadi menyentuh dari segi sekolah-sekolah luar bandar dan keperluan rumah-rumah guru. Di peringkat negeri Sabah seperti yang disentuh oleh Yang Berhormat dari Sipitang juga, banyak kawasan di mana masalah guru ini berterusan tahun demi tahun di beberapa tempat misalnya di kawasan Daerah Bintulu, S.K Takibang, S.K Nibang, S.K Bagandai yang Sungai Bagandai belum dibuat sekolah di mana guru-guru masih tinggal dalam rumah guru yang dibuat oleh orang-orang kampung. Jadi, saya ingin bertanya, adakah satu master plan (pelan induk) untuk mengatasi masalah ini supaya ia diambil tindakan secara cepat dan tidak dua, tiga, empat tahun masih lagi berterusan. Ini bukan sahaja di kawasan daerah Marudu malah di kawasan Kinabatangan dan beberapa tempat di luar bandar negeri Sabah.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Tuan Yang di-Pertua, salah satu cara yang sudah kita buat pun untuk cuba mengatasi masalah ini ialah kita telah menaikkan had kelulusan untuk projek-projek kecil di sekolah-sekolah yang di kawasan-kawasan terperinci. Dahulu pengarah-pengarah pendidikan negeri cuma diberi kebenaran kelulusan sebanyak RM50,000 ke bawah, sekarang kita sudah naikkan sampai RM100,000. Tujuannya semata-mata untuk cuba menyelesaikan masalah-masalah begini, misalnya Yang Berhormat banyak sebut sekolah kecil-kecil tadi. Saya hendak sebut satu sekolah contohnya, Sekolah Kebangsaan Pangli di Tenoh. Yang Berhormat pun saya ingat tidak sampai lagi, saya sudah sampai di sekolah itu. Sekolah itu kecil – 60 orang murid, rumah guru ada, kerajaan buat, bukan orang kampung buat, tidak ada kita suruh orang kampung buat rumah guru ini.

Jadi, masalah-masalah macam ini, kita sedar bukan kita tidak sedar, kita cari jalan untuk menolong memastikan supaya anak kita yang belajar di sekolah itu selesa dan juga guru-guru kita. Macam di Pangli, kita buat rumah guru, cikgu pula tidak hendak duduk di

situ, dia takut nyamuk dia kata. Jadi, ini masalah-masalah yang kita hadapi, bukan kata tidak ada, sudah ada kemudahan cikgu pula tidak hendak duduk. Adalah sebab dia pula.

Jadi, untuk maksud itu saya beri jaminan, insya-Allah, Yang Berhormat Menteri Pendidikan sentiasa peka dengan persoalan-persoalan ini dan cari jalan untuk mengatasi ataupun mengurangkan masalah-masalah ini dengan harapan anak kita dapat belajar dengan selesa. Saya, itu sahaja niat saya hendak tengok anak kita belajar dengan selesa dan cikgu kita pun kalau boleh dapat bekerja dengan selesa, itu niat kita. Tinggal lagi masalah ini kita kena faham sama-sama, the human aspect of a problem pun kita kena faham. Jadi, cuai tidak ada, insya-Allah. Ada seorang lagi, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Ya, Seremban.

Dato' Hon Choon Kim: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih. Saya minta penjelasan tentang pemilihan masuk pelatih-pelatih ke maktab perguruan. Saya difahamkan di negara kita ini, kita mengalami kekurangan guru khususnya guru-guru bahasa untuk mengajar Bahasa Cina dan sebagainya. Jadi, pada masa yang sama, saya juga dapat aduan apabila pelatih menghadiri satu temuduga, pada masa temuduga diadakan mereka ditanya macam-macam soalan yang semata-mata tidak menggalakkan mereka untuk masuk perguruan ini. Sama ada ini benar atau tidak dan apa langkah yang akan diambil untuk mengatasi kekurangan guru untuk mengajar Bahasa Cina di sekolah-sekolah ini. Terima kasih.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Tuan Yang di-Pertua, saya sudah jelaskan tadi tentang soal pengambilan guru-guru terutama sekali untuk guru-guru dalam Bahasa Cina. Cuma timbul perkara baru ini, soal macam mana temuduga ini dijalankan. Ada dua jenis temuduga yang kita buat, satu ujian bertulis, satu lagi ujian berdepan. Memang betul macam-macam pertanyaan ditanya dan tujuannya itu ialah hendak tengok sama ada calon ini sesuai ataupun tidak, itu niatnya. Tetapi kalau Yang Berhormat kata, ada pula ditanya seolah-olah untuk tidak mendorong, menggalak, yang ini saya fikir kalau ada cases yang betul-betul spesifik, yang khusus tolong beritahulah, kami tidak tahu. Tetapi ada dua jenis temuduga itu yang memang ditanya calon-calon ini macam-macam aspek, tujuan hendak tengok personaliti, kesesuaiannya itu sebenar. Tetapi kalau ada yang mengatakan soalan-soalan yang dikemukakan itu tidak mendorong, tidak menggalak, ini saya fikir tidak patut, adalah, kalau ada tolong tunjuk bukti-bukti ini supaya dapat kita siasat, saya cuma dapat beri pandangan setakat itu sahaja.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya sedar terdapat beberapa perkara lagi yang tidak sempat saya jelaskan di sini, perkara-perkara tersebut akan diambil perhatian dan akan diambil tindakan sewajarnya. Sekali lagi saya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua rakan Ahli Yang Berhormat yang telah memberikan sokongan berterusan, teguran membina dan pandangan positif kepada Kementerian Pendidikan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Kementerian Penerangan.

12.28 tgh.

Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan [Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh beberapa perkara di bawah tanggungjawab Kementerian Penerangan semasa membahaskan Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Sepang telah mencadangkan supaya Kementerian Penerangan membuat filem dokumentari mengenai pentingnya menjaga kebersihan persekitaran untuk ditayangkan di televisyen, di panggung-panggung wayang

mengedarkan tape-tape dokumentari tersebut kepada wakil-wakil rakyat untuk ditayangkan di majlis mereka yang sesuai.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Penerangan melalui Jabatan Filem Negara memang ada membuat dokumentari dan trailer berkaitan dengan perkara ini untuk tayangan di media elektronik. Di antara filem-filem dokumentari ialah Alam Sekitar Memerlukan Anda, Penyakit Demam Denggi dan filem trailer pula ialah Cintailah Sungai Kita, Utamakan Kebersihan Rakyat Malaysia, Rakyat Bersih Negera Sihat, Alam Terpelihara Hidup Sempurna. Kementerian ini sedia mengedarkan dokumentari dan trailer ini untuk tontonan awam mengikut tatacara yang boleh dirundingkan.

Jabatan Filem Negara tidak ada membuat filem khas mengenai wabak Japanese Encephalitis (JE) kerana tidak ada kepakaran dalam perkara ini. Walau bagaimanapun jabatan tersebut sedia memberi kerjasama kepada mana-mana agensi kerajaan yang mengeluarkannya, jika diperlukan.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Serdang dan Bukit Mertajam telah membangkitkan soal penggunaan bahasa Mandarin dan bahasa Tamil di RTM khususnya di TV2.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, RTM masih mengekalkan penggunaan pelbagai dialek Cina dan bahasa Tamil disiarkan di televisyen. Siaran dalam bahasa Mandarin dipertingkatkan dari masa ke semasa mengikut keperluan. RTM kini dalam perancangan untuk menyiarkan dua lagi program dalam bahasa Tamil iaitu program masakan dan hiburan.

Sekali lagi saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberikan pandangan mengenai hal-hal yang berkaitan dengan Kementerian Penerangan.

Tuan M. Kulasegaran: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Teluk Intan bangun.

Tuan M. Kulasegaran: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih, penjelasan. Kenapakah kita di RTM ini sangat kurang menyiarkan drama-drama Tamil. Adakah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sedar bahawa hanya pada masa perayaan dan sebagainya drama-drama Tamil disiarkan dan kenapa tidak disiarkan untuk setiap minggu dan kenapa dari negeri India, banyak ada drama-drama Tamil yang boleh disiarkan di sini.

Satu lagi, kenapa kita tidak menyiarkan siaran BBC secara langsung, adakah betul bahawa BBC tidak dibenarkan untuk disiarkan di negara ini oleh mana-mana channel termasuk Astro kerana BBC mengenakan satu syarat bahawa jika apa-apa penyiaran mengenai apa yang ditunjukkan oleh BBC tidak boleh ditapis, yang berbeza dengan CNN, STAR TV dan sebagainya. Adakah ini benar dan bagaimanakah masalah ini dapat diatasi supaya rakyat Malaysia sedar yang betul dan yang benar mengenai penyiaran berita-berita?

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Teluk Intan membangkitkan dua perkara iaitu pertama, mengenai dengan filem-filem Tamil, beliau menyatakan bahawa ada kurang kita tayangkan. Kita ada tayangan untuk drama-drama Tamil, maka dengan itu pihak kementerian sering menggalakkan supaya local producer, dengan izin, kita galakkan supaya banyak mengeluarkan filem-filem yang bercorak ada hubungkait dengan budaya negara Malaysia sendiri daripada keturunan Tamil dan India ini.

Maka dengan itu, bila mana kita dapati bahawa agak kurang memuaskan beberapa perkara menurut kehendak dan keperluan masyarakat, kita terpaksa mengambil filem-filem daripada filem-filem luar seperti juga Hindustan, seperti filem *Kuch Kuch Ho Tahe [Ketawa]* yang mana kita rasa mendapat sambutan daripada masyarakat kerana kita mempamerkan dan menyiarkan filem ini hanya berbentuk untuk siaran supaya ada mesej moral yang hendak kita sampaikan. Di samping itu juga, kita hendak hiburan masyarakat India yang ada di negara kita ini.

Yang kedua,

Tuan Jimmy Donald: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Sri Aman bangun.

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Belum lagi, ada dua soalan. Mengenai dengan BBC tadi, memang saya bersetuju bahawa kita tidak siarkan BBC secara langsung dan mengenakan syarat-syarat seperti apa Ahli Yang Berhormat nyatakan, itu adalah tidak benar.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Sri Aman.

Tuan Jimmy Donald: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin minta penjelasan dari Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, di Sarawak penduduk dari kaum Dayak adalah kira-kira 40%. Jadi, setiap 1 Jun kita meraikan Pesta Gawai. Jadi, kita nampak dan ada sungutan juga dari penduduk-penduduk kaum Dayak, apabila Hari Raya ada program istimewa, Tahun Baru Cina ada program istimewa dan Deepavali juga ada program istimewa yang disiarkan melalui RTM.

Jadi, apakah usaha-usaha dari kementerian Yang Berhormat untuk mengadakan program-program yang istimewa untuk rakyat dari kaum Dayak yang meraikan festival Pesta Gawai pada 1 Jun setiap tahun?

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Tuan Yang di-Pertua, persoalan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Sri Aman itu, ia memang bukan mudah bagi negara kita yang mempunyai masyarakat pelbagai kaum. Kita mempunyai lebih daripada 40 suku kaum di negara ini dan kita hanya mempunyai masa yang terbatas untuk penyiaran TV dan radio ini.

Maka dengan itu, untuk bagi slot setiap satu jam pun kepada suku-suku kaum tertentu adalah tidak mencukupi. Namun demikian, kita beri keutamaan kepada kaum-kaum yang terbesar tanpa menyetepikan kaum-kaum yang kecil termasuklah kaum-kaum daripada bukan hanya dari Sarawak bahkan juga dari negeri Sabah, masyarakat Kadazandusun bila mana Pesta Menuai dan begitu juga dengan masyarakat Iban, Dayak dari Sarawak, kita masukkan dalam program-program tertentu seperti *Selamat Pagi Malaysia* ataupun temuramah, bincang-bincang tentang memperkenalkan asal usul budaya ini, di situlah di mana pihak kementerian menekankan untuk supaya ada sedikit sebanyak pengetahuan daripada masyarakat-masyarakat yang lain di negara ini supaya masyarakat yang kecil ini kita tidak akan lupakan.

Di samping itu, semasa kementerian mempunyai kuasa yang memberi kelulusan lesen TV dan radio, kita telah meluluskan satu rangkaian TV iaitu ntv7. Ntv7 ini adalah diwujudkan semata-mata untuk membolehkan rakyat daripada Pantai Timur, rakyat dari negeri Sarawak dan Sabah dapat slot yang begitu besar sekali.

Dr. Maximus Johnity Ongkili: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Ya, Bandau.

Dr. Maximus Johnity Ongkili: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Tadi Yang Berhormat Setiausaha Parlimen menyentuh soal ruang yang diberi kepada bahasa-bahasa ataupun siaran-siaran ditalian seperti bahasa Tamil dan seterusnya. Pihak kerajaan sedar bahawa kekayaan negara ini ialah dari segi kekayaan bahasa dan budaya yang terdapat di sebelah timur juga dan saya ingin minta penjelasan daripada pihak kementerian dari segi radio misalnya, adakah kementerian bercadang untuk memberi lebih banyak masa dari segi pengamalan, pengenalan bahasa-bahasa di negeri Sabah dan Sarawak, misalnya di peringkat negeri Sabah dari segi penggunaan bahasa Bajau, learn a word a day, dengan izin, bahasa Murut, bahasa Sungai, bahasa Kadazandusun diberi perhatian hanya dalam satu, dua tahun ini dengan masa yang begitu singkat sahaja dalam radio.

Adakah pihak kementerian bercadang untuk mengamalkan, memberi ruang dan masa untuk memperkenalkan bahasa-bahasa ini sebagai satu kekayaan kepada negara kita dan seterusnya dalam bidang talian pula, kita sedia maklum semasa pilihan raya itu, talian digunakan sepenuhnya untuk kempen, untuk propaganda dan seterusnya dan siaran langsung dari Kota Kinabalu.

Saya berharap dan ingin minta penjelasan dari pihak kementerian, adakah siaran langsung itu akan diteruskan selama-lamanya untuk diisikan berita-berita pembangunan, berita-berita budaya dan bukan berita propaganda sahaja. Saya dengar barangkali satu minggu lagi tiada siaran langsung lagi. Jadi kalau itu hanya untuk masa pilihan raya, matlamat yang sebenar mahu dicapai dari segi pembangunan negara, adakah pihak kementerian bercadang untuk meneruskan program itu dan diisikan dengan program yang lebih membangun dari segi budaya dan semua kekayaan negara kita dan bukan sekadar untuk tujuan kempen dan propaganda. Terima kasih.

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Ahli Yang Berhormat dari Bandau membangkitkan dua perkara. Satu perkara, mengenai dengan penggunaan bahasa-bahasa tempatan di negeri Sabah iaitu bahasa Kadazandusun, Bajau dan lain-lain. Memang di radio kita sudah pun menyiarkan, di radio di peringkat negeri Sabah kita sering memberi slot untuk penggunaan bahasa-bahasa tempatan ini dan kita rasa ini sudah mencukupi kerana matlamat utama kita ialah untuk supaya anak bangsa kita yang terdiri dari pelbagai kaum, pelbagai budaya dan bahasa ini dapat berbicara dan dapat bertutur dalam Bahasa Malaysia yang fasih tanpa ada pandangan yang begitu negatif dan sempit.

Kadang-kadang kita bimbang, seperti di negeri Sabah, perkauman itu cukup menebal dan penggunaan bahasa-bahasa tertentu hanya ditekankan kepada kelompok-kelompok, walhal tujuan dan matlamat negara, bangsa dan kerajaan kita pada hari ini ialah untuk melahirkan bangsa yang bersatu-padu. Dan untuk melahirkan bangsa yang bersatu-padu ini, kita harus menggunakan kaedah yang tertentu. Bahasa sebahagian daripada mekanisme yang membolehkan kita untuk mendekati bangsa yang pelbagai kaum ini.

Maka dengan itu, kita berharap pendekatan yang kita gunakan ini tanpa mengetepikan walaupun mungkin tidak mencukupi kerana kita bimbang masih lagi bangsa-bangsa yang berada di negeri Sabah ini agak menebal sedikit, masih ada lagi suku kaumnya. Maka dengan itu, dengan adanya pendekatan untuk mempertingkatkan penggunaan Bahasa Kebangsaan, kita akan hapuskan semangat perkauman yang boleh memudaratkan bangsa dan negara kita.

Yang kedua, Ahli Yang Berhormat menyatakan tentang RTM digunakan untuk pilihan raya, ini adalah tidak benar. Kita siarkan langsung berita-berita kerana kita rasa perlu bagi rakyat di negeri-negeri yang lain seperti di Perlis, di Kelantan dan Terengganu

untuk melihat tentang keadilan pilihan raya yang diadakan di negeri Sabah, walaupun Ahli Yang Berhormat dari Tanjong menyatakan pilihan raya yang diadakan di negeri Sabah adalah tidak demokratik, penipuan banyak, tetapi kita lihat di kaca mata TV, menteri-menteri yang bertanggungjawab kita siarkan, di mana kita paparkan tanggungjawab yang sehubungan dan selaras dengan tanggungjawab kerajaan pada hari ini untuk membantu masyarakat di luar bandar dan di dalam bandar.

Kita dapat melihat keadaan ini yang mana Ahli Yang Berhormat menyatakan bahawa kita menggunakan kaedah ini semata-mata untuk pilihan raya, tetapi di sebaliknya ialah untuk kita hendak menyatakan dan menyampaikan maklumat kepada masyarakat-masyarakat dan rakyat Malaysia yang berada di negeri Perlis, di Johor dan di negeri-negeri yang lain.

Dr. Maximus Johnity Ongkili: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Bandau bangun.

Dr. Maximus Johnity Ongkili (Bandau): Tambahan sedikit, Tuan Yang di-Pertua. Dikatakan tadi pilihan raya yang adil dan seterusnya bahawa RTM itu tidak disalahgunakan untuk tujuan itu tetapi kita bertanya kenapa pihak parti-parti pembangkang ini tidak mendapat liputan sama sekali dari segi liputan RTM pada masa pilihan raya seperti yang baru lalu? Jadi ini begitu jelas menjelaskan bahawa berat sebelah, sekadar alat untuk mempengaruhi pandangan ke arah satu sahaja iaitu digunakan penuh untuk Barisan Nasional dan untuk meriuh PBS pada waktu itu. Terima kasih.

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Waktu PBS sebagai pemerintah mengamalkan dasar-dasar yang baik selaras dengan cita-cita negara kita, maka kita pamerkan, siarkan. Tetapi bila mana kita lihat bahawa sudah ada unsur-unsur yang negatif yang dibawa oleh parti-parti pembangkang seperti PBS maka kita rasa bimbang. Bagi Kementerian Penerangan, tanggungjawab kita ialah untuk menyampaikan maklumat yang betul, benar dan tepat kepada rakyat kita. Dan kita tahu bahawa apa yang dibicarakan, diutarakan, disampaikan dalam pilihan raya yang telah lalu oleh puak-puak pembangkang ini kebanyakannya adalah fitnah, cerita yang tidak benar dan cerita yang tidak betul. Maka kita rasa itu tidak perlu bagi kita untuk menyiarkan kerana kita akan mengadakan suasana yang boleh membingungkan, melahirkan kucar-kacir di peringkat negara kita. Saya rasa itu sahaja, Yang Berhormat, dan sekali lagi saya bagi pihak Kementerian Penerangan mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi pandangan....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Ada dua orang bangun, Yang Berhormat.

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Saya rasa last one, last one daripada Batang Lumar. Saya rasa Sri Aman sudah cukup dah.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Batang Lumar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya banyak perkara hendak bercakap. Oleh kerana ada masalah di luar saya keluar sekejap, kawan-kawan datang daripada kawasan. Saya hendak tanya dengan Kementerian Penerangan, sebagaimana saya sebut dengan Yang Berhormat di luar Dewan, satu soalan mengenai penyebaran awam. Penyebaran awam kalau diadakan Astro, ada persoalan mengatakan Astro sepatutnya diguna untuk dua hala, daripada Malaysia untuk dihalakan ke luar negara untuk menjelaskan pandangan masyarakat di luar negara apa yang berlaku di negara kita. Tetapi apa yang berlaku sekarang, khabar yang daripada luar, CNN news umpama disalur ke dalam negara, jadi ini boleh memburukkan pandangan

orang negara kita tetapi sebaliknya pula perkhabaran daripada negara kita yang mungkin beberapa sedikit daripada CNN tidak disalurkan ke pihak luar. Jadi itu soalan yang pertama. Apakah rancangan kementerian supaya perkhabaran dua hala ini boleh disalurkan ke luar negara? Umpamanya, professor saya daripada Universiti di England, dia selalu datang ke Malaysia, tiap-tiap tahun dia datang ke Malaysia, tetapi pada tahun ini dia tidak datang. Dia kata dia rasa tidak sihat, isteri dia datang. Jadi saya jagalah isteri dia, sudah berumur 70 tahun, jangan fikir lainlah. Dia kata kalau sampai ke Malaysia, jaga-jagalah sedikit kata dia kerana haze masih tebal di Malaysia. Jadi ini menunjukkan yang khabaran haze di Malaysia itu masih diterima di England itu sebagai masih berlaku, merebak. Jadi itu yang pertama.

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, khabaran semasa. Pada masa sekarang kita menumpukan khabaran kita, pukul 6.00 dan pukul 8.00. Jadi current news tidak berlaku macam mana yang berlaku on the spot, cut-off dan cerita-cerita lain dan sebagainya. Kita salurkan news pada ketika news itu berlaku, orang kita pergi ke tempat yang berlaku dan terus salurkan news itu secara direct, telecast kepada RTM dan disebarkan ke masyarakat awam supaya kita tidak tunggu pukul 6.00, kita tidak tunggu pukul 8.00. Jadi kalau orang pergi ke masjid dia tidak lihat pukul 8.00. Kalau dia belum sampai ke pejabat, ke rumah, so dari pejabat dia tidak lihat pukul 6.00. Jadi semua rakyat Malaysia tidak akan lihat news, semua lihat yang sudah dengar daripada cerita orang lain. Jadi apakah rancangan kerajaan supaya khabaran-khabaran ini, news ini dibuat di masa ia berlaku oleh pihak RTM bila-bila RTM ada siaran. Cut-off any programme lain walaupun gambar wayang pun cut-off iklan, ceritakan khabar apa yang current, apa yang important dalam negara kita berlaku pada ketika itu supaya orang boleh melihat current news. Terima kasih.

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Terima kasih Yang Berhormat dari Batang Lupar. Satu mengenai persoalan Astro dan saya rasa itu bukan lagi tanggungjawab pihak Kementerian Penerangan kerana Astro adalah di bawah Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia. Di mana memang daripada awal Yang Berhormat telah bangkitkan dan kita pun telah sampaikan masalah ini kepada pihak Astro dan saya rasa ini boleh dibangkitkan kepada Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia.

Yang kedua, mengenai dengan siaran-siaran mengenai maklumat-maklumat terkini dan memang kita ada rancangan seperti Berita Terkini dalam jam 12.00, dalam jam 7.30, tidak semestinya jam 6.00 ataupun jam 8.00 malam. Kita memaparkan itu pada jam 7.30 ataupun jam 12.00, jam 1.00 mengenai dengan berita-berita yang ada hubung-kaitnya dengan kejadian-kejadian terkini, tidak seharusnya terletak kepada Berita Perdana semata-mata. Sekali lagi saya ucapkan jutaan terima kasih, sekian.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan.

12.48 tgh.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan [Dato' Mohd. Noh bin Rajab] : Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu diucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi cadangan, pendapat serta teguran-teguran dalam perbahasan ke atas Titah Ucapan Diraja yang menyentuh Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan.

Yang Berhormat Kubang Kerian telah menyentuh mengenai kedatangan pelancong yang semakin berkurangan disebabkan oleh wabak virus JE yang melanda terutamanya di daerah Sepang.

Tuan Yang di-Pertua, adalah kurang tepat kenyataan Yang Berhormat Kubang Kerian yang menyatakan kedatangan pelancong ke negara ini semakin berkurangan. Sebaliknya daripada perangkaan adalah didapati kedatangan pelancong ke negara ini pada tiga bulan pertama tahun ini, iaitu daripada Januari hingga Mac, semakin meningkat berbanding tiga bulan pertama tahun 1998. Wabak virus JE hanya berlaku di beberapa tempat sahaja iaitu di Bukit Pelandok, Kampung Nipah, Kampung Sawah di Negeri Sembilan, kawasan kecil di Sepang, Selangor dan satu, dua kawasan di negeri Perak dan ianya tidaklah merebak ke seluruh negara. Kalau pun ada kesan hanyalah di kawasan tarikan pelancongan yang berdekatan dengan kawasan tersebut iaitu Port Dickson, misalannya.

Yang Berhormat dari Sipitang telah menyentuh bagaimana untuk meningkatkan jumlah pelancong ke Sabah dan sistem perhubungan jalan raya yang perlu ditingkatkan. Dalam usaha meningkatkan jumlah pelancong ke Sabah, Kerajaan telah mengambil beberapa langkah, antaranya mempertingkatkan promosi dengan menyenaraikan dua destinasi tarikan pelancong di negeri Sabah daripada program pemasaran 12 destinasi khusus seluruh negara. Tempat tersebut ialah Kinabalu dan Lembah Danom.

Keduanya, meningkatkan pembangunan infrastruktur termasuk jalan raya ke tempat-tempat tarikan pelancong dengan perbelanjaan sebanyak RM11.4 juta di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh, berbanding dengan hanya RM5.7 juta di bawah Rancangan Malaysia Keenam.

Ketiga, melaksanakan acara-acara pelancongan bertaraf antarabangsa, yang diharap dapat menarik pelancong ke negeri Sabah. Pada tahun 1998, Kementerian telah membelanjakan sebanyak RM210,000 untuk membantu Kerajaan Negeri Sabah bagi menganjurkan acara-acara pelancongan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi diucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli yang telah mengambil bahagian.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Batang Lupar bangun.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Kalau kita lihat sepuluh pasaran utama pelancong yang datang ke Malaysia – ini untuk laporan kementerian sendiri, Singapura mengatasi yang lain dan salah satu negara luar ialah Britain tetapi Britain sebagaimana yang saya sebut dengan Kementerian Penerangan ialah mengalami masalah misinformation berhubung dengan haze ini dan apakah tindakan kementerian supaya mengatasi information ini disebar meluas yang Malaysia tidak ada lagi kabus dan asap.

Soalan yang kedua ialah soal pelancongan di Sabah. Kalau kita lihat di Sarawak, pelancong yang ramai datang ke Sarawak ialah dari Pontianak menerusi Borneo dan dari Brunei Darussalam ke Sarawak dan di Sabah masalahnya orang Filipina tidak sampai ke Sabah – mengikut laporan daripada kementerian. Jadi, apakah tindakan kerajaan supaya pelancong-pelancong Filipina itu boleh datang ke Sabah. Bukan orang yang illegal sahaja – pelancongnya dapat berbelanja di Sabah itu dan apakah tarikan yang boleh kita buat di Sabah supaya pelancong-pelancong yang berduit dari Filipina boleh sampai, macam mana yang dari Pontianak – orang pun bukan kaya sangat tetapi boleh berbelanja dan datang ke Sarawak dan mendatangkan hasil kepada negara kita.

Jadi, persoalan transportation – kalau Dato' pernah ingat yang saya sebutkan, kos satu batu penerbangan dari Kuala Lumpur ke Sabah ialah 68 sen satu batu. Kos penerbangan dari Kuala Lumpur ke London ialah 24 sen, kos pergi ke Hong Kong dan Taiwan ialah 32 sen, begitu juga ke Australia dan mana-mana jalan ke luar negara itu

adalah double harga internal oleh pihak MAS. Jadi, apakah tindakan yang khusus supaya Sarawak dan Sabah tidak diasingkan daripada itu, walaupun orang kata penerbangan dari Kuala Lumpur ke Sarawak itu digrade sebagai international tetapi ini tidak benar, ini domestic – yang subsidies semua domestic yang losing itu. Ini profit making route dari Sarawak dan Sabah, dari Kuala Lumpur ke Kuching, Kuala Lumpur ke Kota Kinabalu, ini profit making route tetapi dia subsidies yang routes domestic lain yang mendatangkan kerugian. Jadi, ini adalah tidak adil kepada Sarawak dan Sabah oleh kerana pelancong susah hendak datang ke Kuching atau ke Kota Kinabalu. Dahulu saya cadangkan 20% daripadanya patut diturunkan kos penerbangan dari Kuala Lumpur baru buat infrastruktur seperti hotel-hotel dan sebagainya dan apa sekalipun yang dibuat di Sabah dan Sarawak tidak akan maju oleh kerana penerbangan tidak ada dan harganya mahal. Tanya dengan Yang Berhormat-Yang Berhormat di sini, dia kata RM570 hendak pergi ke Sarawak buat apa. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Mohd. Noh bin Rajab: Tuan Yang di-Pertua, nampaknya Ahli Yang Berhormat dari Batang Lupar mempunyai banyak maklumat dan banyak points dalam penggulungan ini. Saya hairan mengapa beliau tidak kemukakan dalam membahaskan yang mana peruntukan lama diberi. Walau bagaimanapun, kita ucapkan terima kasih atas keprihatinan beliau.

Pertamanya berkenaan dengan maklumat tidak tepat yang diperolehi oleh profesor beliau dari UK. Saya tidak tahu bagaimana keadaan profesor beliau ini, mungkin dia ini dahulu bijaklah jadi profesor, mungkin sekarang ini sudah half-senile – beliau tidak terangkan. Walau bagaimanapun, ini adalah menjadi salah satu masalah kita apabila satu-satu perkara yang memburukkan negara itu telah disebar di luar negara, usaha untuk kita hendak mengatasi penyebaran yang buruk itu adalah begitu berat dan dalam kita menjalankan usaha itu kadang-kadang tidak sampai kepada pengetahuan mereka kerana keadaan masa dan peluang. Oleh yang demikian, banyak di antara usaha-usaha kita buat tetapi ada juga masih ramai lagi orang di luar negara menganggap bahawa negara kita ini mengalami jerebu. Ini kita tidak nafikan, namun kita sentiasa melaksanakan kerja-kerja penerangan ini.

Untuk pengetahuan Dewan juga hanya sejumlah kecil sahaja yang tidak mengetahui keadaan ini tetapi pada keseluruhannya mereka yang telah berkesempatan mengikuti penerangan-penerangan kita memahami bahawa jerebu ini bukanlah semacam negeri mereka, negeri sejuk ada autumn, winter, spring, summer. Kita jerebu kadang-kadang ada tetapi beberapa tahun tidak ada dan pada tahun-tahun tertentu sahaja kita mengalami jerebu dan ini mereka sudah faham. Oleh yang demikian, didapati bahawa pada tahun ini jumlah kedatangan pelancong itu nampak bertambah.

Kita memang mengalu-alukan kedatangan jiran kita untuk melancong di negara kita tetapi kita juga menekankan tentang pelancong-pelancong yang berkeupayaan dan mampu untuk berbelanja. Bukan semua pelancong yang kita galakkan datang. Kalau datang ke sini tetapi tidak mampu, itu pun tidak menguntungkan negara kita. Jadi, kita harap Ahli Yang Berhormat dari Batang Lupar kena fahamlah sedikit tentang strategi penggalakan pelancongan kita di luar negara.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Sri Aman bangun.

Dato' Mohd. Noh bin Rajab: Belum habis lagi. Berkenaan dengan tambang. Perkara ini telah banyak diperkatakan oleh ejen-ejen pelancong di Sabah dan Sarawak dan kita telah beberapa kali membawa ke pengetahuan MAS dan pada dasarnya pihak MAS mengatakan bahawa tambang ke Sabah dan Sarawak dari Semenanjung itu adalah

berpatutan dan ada pakej-pakej istimewa yang ditawarkan kepada penumpang-penumpang jika sekiranya tambang-tambang biasa ini kurang memuaskan. Walau bagaimanapun, pihak Yang Berhormat boleh bertanya lebih khusus pada MAS sendiri tetapi kita daripada kementerian sememangnya menggalakkan agar tambang-tambang kapal terbang ini berpatutan supaya pakej-pakej pelancongan kita pun berpatutan (competitive) apabila kita tawarkan kepada mereka dari luar negeri.

Tuan Jimmy Lim: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Nampaknya setiap Menteri Pelancongan di Sarawak dulunya Datuk James Wong dan sekarang Datuk Dr. James Masing, mereka sering kali menyuarakan masalah mereka iaitu landing rights, dengan izin, untuk syarikat kapal terbang yang lain tidak diberi dan oleh kerana itu ramai pelancong yang hendak pergi ke Kuching tidak mempunyai peluang yang luas oleh kerana hanya MAS sahaja yang dibenarkan ke Kuching. Jadi, saya ingin bertanya sama ada Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan ada membantu Jabatan Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan di Sarawak untuk menyelesaikan masalah landing rights ini.

Yang kedua, saya juga ingin meminta penjelasan daripada kementerian apakah bentuk bantuan-bantuan lain yang diberikan kepada Jabatan Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan negeri Sarawak supaya lebih ramai lagi pelancong dapat pergi ke sana.

Dato' Mohd. Noh bin Rajab: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Persekutuan bekerjasama dengan pihak Kerajaan Negeri Sarawak bukan sahaja dalam bentuk transportation tetapi dalam pelbagai bentuk. Sebagai contoh tadi dalam jawapan asal bentuk-bentuk bantuan yang kita beri kepada Kerajaan Sabah. Begitu juga bentuk-bentuk yang kita beri kepada Sarawak, kita tidak ada mengetepikan mana-mana state, misalnya. Malah, untuk Kelantan juga, untuk menggalakkan pelancong domestic dan pelancong antarabangsa pergi ke Kelantan kita juga hulurkan bantuan dan kerjasama.

Saya tidak dapat memberikan maklumat-maklumat tertentu tetapi Sarawak juga adalah satu-satu destinasi pelancongan yang kita tekankan apabila kita buat promosi di luar negara dan walaupun kita membawa penari-penari dan artis-artis kita ke luar negara kita selalu pameran kebudayaan Sarawak, itu menjadi satu tarikan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, masa sudah suntuk. Yang Berhormat boleh sambung petang.

Dato' Mohd Noh bin Rajab: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada semua yang telah mengambil bahagian.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Sudah habis ya?

Dato' Mohd Noh bin Rajab: Habis.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Majlis Mesyuarat ditangguhkan hingga jam 2.30 petang.

Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 tengah hari.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin) *mempengerusikan Mesyuarat*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Minta jawapan dari Kementerian Sumber Manusia.

2.30 ptg.

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada sahabat-sahabat, Ahli Yang Berhormat dari Parit Sulong, Sipitang, Sepang, Kluang, Gelang Patah, Gaya, Teluk Intan serta Ahli-ahli Yang Berhormat lain kerana membangkitkan isu-isu yang berkaitan dengan kementerian ini.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Parit Sulong telah membangkitkan mengenai Tabung Latihan Perindustrian. Sebagaimana termaklum Tabung Latihan Perindustrian akan memberi faedah dan kemudahan kepada pelatih-pelatih dalam bidang teknikal dan vokasional yang mengikuti latihan di peringkat Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) tahap 4 dan 5 atau setaraf dengannya seperti peringkat diploma dan diploma lanjutan di institusi-institusi latihan awam dan institusi-institusi latihan swasta yang diiktiraf.

Permohonan untuk mendapatkan pinjaman daripada tabung ini akan terbuka kepada semua pelatih tersebut yang berwarganegara Malaysia dan tidak menerima pinjaman atau biasiswa daripada mana-mana pihak yang lain. Kerajaan masih menimbang untuk mengenal pasti badan atau jabatan kerajaan yang akan mengurus dan mengawal selia Tabung Latihan Perindustrian kerana cadangan penubuhan tabung ini masih di peringkat perbincangan.

Sumbangan dalam bentuk dana kepada tabung ini yang dijadual dari tahun ke setahun akan bergantung kepada keperluan dan permintaan pelatih tertakluk kepada kelulusan pihak kerajaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Parit Sulong, pemberian sebarang insentif secara khusus untuk aktiviti vokasional bukanlah di bawah bidang kuasa kementerian ini. Berkaitan dengan isu kawalan pengeluaran sijil dan diploma, kementerian ini melalui Majlis Latihan Vokasional Kebangsaan (MLVK) mempunyai mekanisma kawalan pengeluaran sijil. Mekanisma kawalan kualiti persijilan berkaitan dilaksanakan oleh MLVK melalui Standard Kemahiran Kebangsaan (SKK) dan pengeluaran Sijil Kemahiran Malaysia (SKM). Mekanisma ini akan diperkemas lagi melalui Akta Pembangunan Kemahiran Kebangsaan yang kini sedang digubal dan akan dibentangkan di dalam Parlimen tidak berberapa lama lagi.

Tekanan diberi bagi menggalak pengembangan latihan kemahiran di kalangan sektor swasta dan juga sektor awam. Pendaftaran institusi latihan kemahiran dan teknikal, kawalan terhadap mutu latihan yang disediakan dan pengeluaran kelayakan di peringkat sijil, diploma dan bachelor degree adalah di antara peruntukan-peruntukan yang diambil kira untuk dimasukkan di dalam akta baru ini.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Sumber Manusia melalui Jabatan Tenaga Rakyat mempunyai 10 buah Institut Latihan Perindustrian iaitu 9 buah Institut Latihan Perindustrian (ILP) dan sebuah Pusat Latihan Pengajar Kemahiran Lanjutan (CIAST).

Dalam tempoh Rancangan Malaysia Ke-7, Kementerian Sumber Manusia akan membina 10 buah lagi institut latihan baru iaitu 5 buah ILP generasi kedua dan 5 buah Pusat Latihan Teknologi Tinggi (ATTAC), termasuk sebuah Institut Teknikal Jepun Malaysia (JMTI). Di samping itu, institut-institut latihan yang sedia ada juga sedang diperbesarkan kapasitinya untuk menampung lebih ramai pelatih.

Apabila projek-projek pembinaan, institut-institut latihan baru dan pembesaran institut-institut latihan sedia ada ini siap sepenuhnya pada penghujung tahun 2000 nanti

ianya akan dapat melatih seramai 17,000 orang pelatih setahun, berbanding dengan 4,000 orang pelatih pada masa ini, untuk setahun.

Bagi mewujudkan lebih banyak pekerja-pekerja terlatih, kementerian ini melalui Majlis Pembangunan Sumber Manusia telah melatih semula dan meningkatkan kemahiran pekerja yang diliputi di bawah Akta Pembangunan Sumber Manusia 1992. Latihan yang berterusan akan membantu Malaysia untuk terus mengekal atau meningkatkan lagi daya saing barangannya di pasaran antarabangsa.

Pada 2 Ogos 1996, Akta Pembangunan Sumber Manusia 1992 telah dipinda untuk memperluaskan liputan kumpulan wang pembangunan sumber manusia kepada majikan-majikan kecil sektor perkilangan yang mempunyai pekerja seramai 10 orang tetapi tidak melebihi 49 orang dan mempunyai modal berbayar kurang daripada RM2.5 juta. Melalui usaha ini, pembangunan sumber manusia bagi majikan kecil dan sederhana akan dapat diperingkatkan lagi supaya mereka mampu untuk terus berdaya saing.

Tuan Yang di-Pertua, di samping itu kementerian ini telah melaksanakan skim perantisan 'mechatronic', hotel dan pemesinan industri. Skim ini bertujuan untuk melahirkan lebih ramai pekerja mahir dan memberi peluang latihan berterusan kepada belia-belia lepasan sekolah. Sehingga akhir Mac 1999, seramai 780 perantis telah tamat latihan dan 1,173 orang lagi sedang mengikuti latihan. Selain itu kerajaan juga telah memperkenalkan skim latihan pekerja yang diberhentikan kerja dengan yuran latihan dibayar 100% oleh kementerian ini melalui Majlis Pembangunan Sumber Manusia. Setakat ini sebanyak 633 permohonan telah diluluskan.

Bagi menjawab pertanyaan Ahli Yang Berhormat dari Sepang, sebanyak 586 tempat asuhan kanak-kanak dan penjagaan kanak-kanak telah dibina di tempat pekerjaan yang menampung seramai 9,180 orang kanak-kanak di bawah Akta Standard Minimum Perumahan dan Kemudahan Pekerja 1990.

Tuan Yang di-Pertua, bagi isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Kluang, ingin saya jelaskan bahawa seramai 83,865 pekerja telah diberhentikan sepanjang tahun 1998 berbanding seramai 18,863 pada tahun 1997. Dari Januari hingga 10 April tahun ini pula seramai 13,120 telah diberhentikan kerja. Bagi dua bulan pertama tahun 1999 sebanyak 82% daripada pekerja yang diberhentikan telah berjaya mendapatkan pekerjaan-pekerjaan alternatif. Sebagai langkah mengelakkan pemberhentian kerja terdapat juga majikan-majikan yang mengambil alternatif-alternatif seperti perberhentian sementara, menyediakan latihan atau latihan semula dan juga pengurangan gaji pekerja-pekerja. Dari Ogos 1998, tahun sudah hingga Mac tahun ini sebanyak 1,051 majikan telah mengambil tindakan alternatif pengurangan gaji yang melibatkan seramai 32,622 orang pekerja.

Bagi menjawab isu yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Gelang Patah...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat dari Teluk Intan, bangun.

Tuan M. Kulasegaran: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Yang Berhormat Timbalan Menteri, adakah ketahui bahawa baru-baru ini selepas kegawatan ekonomi, ramai di antara pekerja-pekerja yang telah kehilangan kerja. Mana yang tidak mendapat pekerjaan itu tidak mendapat pendapatan apa-apa dan cadangan telah dibuat oleh beberapa kesatuan mengatakan bahawa kita perlu menyediakan satu dana atau satu skim yang dikatakan unemployment benefit scheme seperti yang ada di negara-negara maju di mana negara yang mencapai full – kita telah mencapai full employment lebih kurang tiga -

empat tahun dahulu. Akan tetapi kenapa hingga hari ini kita tidak ada perkara macam itu? Adakah cadangan-cadangan yang dibuat oleh beberapa kesatuan sekerja itu akan dilaksanakan. Kalau ya, bila? Kalau tidak, kenapa? Terima kasih.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, cadangan yang datang daripada union-union dan juga NGO-NGO kepada kementerian sekarang ini sedang dikaji oleh pihak kerajaan untuk pelaksanaannya. Pengkajian ini bukanlah satu pengkajian yang mudah kerana ianya melibatkan legality, melibatkan definisi-definisi baru dan lain-lain lagi. Jadi untuk menjawab soalan Ahli Yang Berhormat dari Teluk Intan, ianya sedang dikaji dan insya-Allah, satu hari kita akan dapat tahu apakah hasil kajiannya dan jikalau viable ianya akan diimplementasikan oleh pihak kerajaan.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat sepertimana yang saya katakan tadi kebanyakan daripada pekerja-pekerja yang diberhentikan kerja ataupun terberhenti ataupun berhenti sendiri, kebanyakan mereka – 82% telah mendapat kerja lain dalam masa yang singkat dan mana yang diberhentikan, berhenti secara sukarela ataupun yang hilang pekerjaan mendapat compensation benefit, 97% mendapat benefit pemberhentian kerja dan ini menunjukkan keadaan yang tidak serius di dalam kegawatan ekonomi kita. Jadi, cadangan-cadangan itu sedang dikaji oleh pihak kerajaan khususnya Kementerian Sumber Manusia dan kita akan lihat apakah 'pros and cons', dengan izin, mengenai dengan wawasan ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya.

Tuan M. Kulasegaran: Terima kasih. Mengenai retrenchment benefit, adakah kerajaan akan mengkaji balik kuantum yang dibayar, ini adalah kerana kuantum iaitu pampasan yang sedia ada, yang akan dibayar adalah taraf yang telah diluluskan oleh kementerian pada tahun 1980, hingga hari ini sudah 19 tahun dan nilai wang telah jatuh lebih daripada 70% daripada apa yang ada pada tahun 1980. Adakah kajian ini telah dibuat dan diimplementasikan supaya lebih berbanding kepada nilai wang sekarang, juga beberapa orang yang diberhentikan kerja di estet-estet yang telah bekerja untuk 25 tahun, 40 tahun, 30 tahun hanya dibayar pampasan RM6,000 yang ini menjadi masalah kepada mereka kerana kuantum itu sangat kurang. Jadi dalam hal ini adakah kerajaan akan membuat sesuatu untuk mengatasi masalah ini?

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sedar tentang nilai wang yang turun dari semasa ke semasa iaitu discount rate wang itu dan kerajaan sentiasa prihatin dan mengkaji dari semasa ke semasa mengenai dengan perlunya diadakan semakan semula kadar-kadar ini.

Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab isu yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Gelang Patah, sememangnya undang-undang membenarkan penggunaan jadual waktu kerja anjal ataupun flexible working time arrangement bagi memenuhi keperluan operasi industri serta keperluan pekerja individu. Dengan adanya kelonggaran tersebut, pihak majikan dapat memaksimumkan penggunaan guna tenaga pekerja dan jentera di samping memberi ruang kepada pekerja untuk merancang dan mendapatkan peluang-peluang meningkatkan pengetahuan mereka seperti menghadiri kelas-kelas atau kursus-kursus pada sebelah petang pada hari-hari tertentu bagi meningkatkan tahap pendidikan dan kemahiran mereka.

Kerajaan menyedari bahawa tenaga kerja yang terlatih akan meningkatkan produktiviti dan dapat membantu majikan menjadi lebih berdaya saing dan berdaya maju. Majikan-majikan digalakkan untuk melatih semula dan meningkatkan kemahiran pekerja-pekerja dalam bidang-bidang yang berkaitan dengan kerja mereka dan selaras dengan pelan perniagaan majikan. Pelaksanaan Skim Kumpulan Wang Pembangunan Sumber

Manusia mulai bulan Januari 1993, adalah sebagai usaha kerajaan menggalakkan majikan melatih semula dan meningkatkan kemahiran pekerja. Majikan-majikan yang berdaftar dan membayar levi pembangunan sumber manusia layak mendapat bantuan kewangan apabila melatih pekerja. Pekerja-pekerja boleh mengikuti kursus-kursus semula pada hari kerja biasa di sebelah petang, hujung minggu ataupun melalui latihan jarak jauh atau latihan terbuka, dengan izin, open learning. Yuran kursus dibayar sepenuhnya oleh majikan yang kemudiannya menuntut perbelanjaan tersebut termasuk perbelanjaan lain seperti elaun harian, bahan latihan dan juga tiket kapal terbang jika berkenaan daripada Kumpulan Wang Pembangunan Sumber Manusia berdasarkan kadar bantuan kewangan yang telah ditetapkan. Setakat 31 Mac 1999, sebanyak 2.19 juta tempat latihan telah diluluskan kepada majikan bagi tujuan latihan semula dan meningkatkan kemahiran pekerja. Bantuan kewangan yang diluluskan adalah berjumlah RM634.98 juta.

Bagi makluman Ahli Yang Berhormat dari Gaya, ingin saya menjelaskan bahawa penggajian pekerja-pekerja asing di negeri Sabah adalah dikawal rapi oleh pihak kerajaan menerusi sebuah Jawatankuasa Pengendalian dan Penggajian Pekerja Asing Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan. Jawatankuasa tersebut adalah terletak di bawah naungan Pasukan Petugas Khas Persekutuan, Majlis Keselamatan Negara di mana Jabatan Buruh Sabah dan pelbagai jabatan dan agensi kerajaan lain yang khususnya bertanggungjawab ke atas kawalan terhadap penggajian pekerja-pekerja asing di Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan menganggotainya dengan dipengerusikan oleh Pengarah Pasukan Petugas Khas berkenaan. Kawalan penggajian pekerja-pekerja asing ataupun immigrant workers, dengan izin, di Sabah adalah juga tertakluk kepada peruntukan-peruntukan beberapa buah perundangan yang ditadbirkan dan dikuatkuasakan oleh pelbagai jabatan dan agensi kerajaan seperti Jabatan Buruh, Jabatan Imigresen, Jabatan Tenaga Rakyat dan Lembaga Kumpulan Wang Perpindahan Malaysia. Dalam hubungan ini setiap majikan adalah dikehendaki untuk memenuhi keperluan-keperluan di bawah perundangan-perundangan yang ditadbirkan dan dikuatkuasakan oleh jabatan dan agensi yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, Jabatan Buruh Sabah mengawal penggajian pekerja-pekerja immigrant mengikut peruntukan Seksyen 118, Ordinan Buruh Sabah, Bab 67. Di bawah peruntukan ini para majikan yang ingin menggaji pekerja immigrant adalah dikehendaki memohon bagi mendapat lesen untuk menggaji pekerja immigrant daripada Jabatan Buruh Sabah. Pengeluaran lesen tersebut adalah tertakluk kepada beberapa dasar dan syarat pengeluaran yang antara lain menitikberatkan akan dasar kerajaan untuk mengawal penggajian pekerja immigrant di samping memberi keutamaan pekerjaan kepada warga pekerja tempatan di Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab isu yang dibangkitkan oleh Ahli Parlimen dari Teluk Intan, ingin saya menjelaskan bahawa Kumpulan Wang Buruh India Selatan telah ditubuhkan di bawah Ordinan Kumpulan Wang Buruh India Selatan tahun 1958, bagi tujuan membantu buruh-buruh India Selatan yang dibawa masuk ke negara ini dari Selatan India satu masa dahulu. Bantuan yang diberi adalah seperti berikut:

- (i) perbelanjaan menghantar pulang buruh-buruh India Selatan yang berhasrat hendak balik ke negara asal mereka;
- (ii) memberi bantuan kepada buruh-buruh India Selatan yang sudah tua yang tidak pulang ke negara asal dan ingin terus tinggal di negara ini;
- (iii) memberi bantuan kepada anak-anak yatim dan lain-lain tanggungan keturunan buruh India Selatan yang memerlukan bantuan; dan
- (iv) sebarang tujuan untuk faedah buruh-buruh India Selatan sebagaimana yang diluluskan oleh Yang Berhormat Menteri Sumber Manusia.

Sumber kewangan kumpulan wang ini hanyalah daripada baki wang terkumpul daripada kutipan ses yang dikenakan ke atas majikan ladang yang menggajikan mereka dahulu. Ses yang dikutip daripada majikan adalah satu pertiga sen setiap hari bekerja bagi pekerja lelaki dan satu perempat sen setiap hari bekerja bagi pekerja wanita. Baki wang ini telah dipindahkan kepada Kumpulan Wang Buruh India Selatan ini berikutan daripada pembubaran Indian Immigration Fund dalam tahun 1958. Kutipan ses telah diberhentikan sejak tahun 1942 lagi, dengan itu sumber kewangan Kumpulan Wang Buruh India Selatan hanyalah terhad kepada wang yang dipindahkan itu dan daripada faedah simpanan tetap wang tersebut dan kadangkala dari sumbangan yang amat kecil daripada penderma-penderma sedangkan tanggungan kumpulan wang ini amat tinggi. Sehingga kini wang ini telah dibelanjakan seperti berikut:

- (i) perbelanjaan menghantar pulang buruh-buruh India Selatan yang berhasrat hendak balik ke negara asal mereka;
- (ii) memberi bantuan kepada buruh-buruh India Selatan yang sudah tua yang tidak pulang ke negara asal dan ingin terus tinggal di negara ini;
- (iii) memberi bantuan kepada anak-anak yatim dan lain-lain tanggungan keturunan buruh India Selatan yang memerlukan bantuan; dan
- (iv) sebarang tujuan untuk faedah buruh-buruh India Selatan sebagaimana yang diluluskan oleh Yang Berhormat Menteri Sumber Manusia.

Sumber kewangan Kumpulan Wang ini hanyalah dari baki wang terkumpul dari kutipan ses yang dikenakan ke atas majikan ladang yang menggajikan mereka dahulu. Ses yang dikutip daripada majikan adalah satu pertiga sen setiap hari bekerja bagi pekerja lelaki dan satu perempat sen setiap hari bekerja bagi pekerja wanita. Baki wang ini telah dipindahkan kepada Kumpulan Wang Buruh India Selatan ini berikutan dari pembubaran Indian Immigration Fund dalam tahun 1958. Kutipan ses telah diberhentikan sejak tahun 1942 lagi. Dengan itu sumber kewangan Kumpulan Wang Buruh India Selatan hanyalah terhad kepada wang yang dipindahkan itu dan dari faedah simpanan tetap wang tersebut dan kadangkala dari sumbangan yang amat kecil dari penderma-penderma sedangkan tanggungan kumpulan wang ini amat tinggi.

Sehingga ini wang ini telah dibelanjakan seperti berikut:

- (i) perbelanjaan menghantar balik buruh-buruh India Selatan yang ingin pulang ke tempat asal mereka di India;
- (ii) menyelenggarakan sebuah rumah orang-orang tua di Nibong Tebal di mana orang-orang tua bekas buruh India Selatan ditempatkan dan dijaga;
- (iii) memberi bantuan wang bulanan kepada orang-orang tua buruh India Selatan yang tidak tinggal di rumah orang-orang tua tersebut dan masih berada di negara ini;
- (iv) memberi biasiswa dan pinjaman pelajaran kepada tanggungan buruh-buruh India Selatan yang memerlukan bantuan untuk melanjutkan pelajaran tinggi.
- (v) memberi bantuan kepada pertubuhan-pertubuhan kebajikan yang lain-lain.

Berikutan dari keputusan Jemaah Menteri pada 29 Mei 1996 supaya Kumpulan Wang ini dibubarkan, kesemua 18 orang buruh India Selatan yang tinggal di rumah orang-orang tua di Nibong Tebal itu telah dipindahkan untuk penjagaan oleh Jabatan Kebajikan

Masyarakat di rumah orang-orang tua jabatan itu di Taiping, Perak dan di Bidong, Kedah mulai April tahun 1998. Jabatan Kebajikan Masyarakat juga sedang dalam proses mengambil alih memberi bantuan kewangan kepada baki buruh-buruh India Selatan yang selama ini sedang menerima bantuan daripada kumpulan wang ini iaitu hanya seramai 50 orang lagi.

Tanpa sumber kewangan yang tetap selain dari yang dinyatakan tadi, kumpulan wang ini sentiasa menghadapi defisit setiap tahun sejak tahun 1983. Oleh itu adalah perlu perbelanjaan dibuat secara berjimat dan mengikut yang perlu sahaja. Meskipun begitu, kumpulan wang ini telah melaksanakan tujuan asal kumpulan wang untuk buruh-buruh India Selatan dengan sebaik-baiknya setakat yang terdaya. Sekarang ini Kumpulan Wang Buruh India Selatan ini adalah dalam proses pembubaran.

Tuan M. Kulasegaran: Terima kasih, penjelasan. Yang Berhormat Timbalan Menteri perlu tahu atau tidak tahu perkara ini sangat sensitif untuk orang-orang South Indian termasuk saya. Ramai di antara rakyat Malaysia keturunan orang India lebih kurang 80% adalah orang Tamil, 'the forefathers' dari South India. Kalau kita tengok balik pada tahun 1958, satu dana telah disediakan oleh kerajaan pada masa itu tetapi sehingga sekarang apakah sebab tertentu kerajaan tidak memberi suntikan yang perlu supaya lebih ramai orang berketurunan South India ini dapat benefit tertentu. Saya tengok pada report yang dikemukakan dalam Dewan Rakyat ini, Laporan Tahunan Lembaga Kumpulan Wang Buruh India Selatan, saya dapat tahu hanya 103 pelajar sahaja yang telah mendapat benefit. Saya sendiri bila saya hendak melanjutkan pelajaran saya dahulu telah menulis kepada dana ini akan tetapi telah diberitahu tidak ada wang untuk mereka memberi pertolongan dan saya difahamkan bukan saya sahaja exception tetapi ramai antara pelajar-pelajar negara ini yang sedang melanjutkan pelajaran di universiti tempatan yang menghadapi masalah kewangan telah menulis kepada pihak ini kerana ini adalah macam kepada orang bumiputera - MARA, yang ini untuk orang India adalah satu perkara yang sangat mustahak. Jadi, kenapakah suntikan wang tidak diberi, nombor satu.

Nombor dua, saya telah cadangkan sebanyak RM500 juta disuntikkan kepada South Indian Labour Fund ini supaya aktiviti yang mula-mula diinginkan akan diimplimentasikan dengan hajat yang benar-benar supaya orang-orang South India ini akan mendapat benefit dari perkara ini.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, ingin saya menjelaskan di sini dana ini ditubuhkan dahulu untuk buruh-buruh India Selatan. Yang Berhormat sebut semua orang India daripada keturunan India Selatan, kebanyakan mamak-mamak yang datang, mereka itu bukan termasuk dalam kategori ini, itu pun India Selatan juga, di Pulau Pinang, di tempat kawasan saya di Tasek Gelugor dan lain-lain lagi. Jadi di sini perlu kita fokus kepada kumpulan target iaitu buruh-buruh India Selatan. 10,398 orang telah meminta balik ke India, Yang Berhormat adalah tergolong dalam kategori yang hendak jadi rakyat Malaysia, jadi di sini dari masa ke semasa bilangan orang-orang yang menjadi beneficiary kepada dana ini berkurangan. Macam saya katakan tadi, yang tinggal dalam rumah orang-orang tua hanya 18 orang sahaja, yang di luar rumah orang-orang tua hanya 50 orang sahaja. Aset yang ada pada dana ini sekarang ialah tanah di Nibong Tebal iaitu 14 ekar dan juga RM2.5 juta wang tunai. Jadi ini, kalau hendak ikut, mencukupi tetapi kerajaan mengambil daya utama untuk menyerap mereka di dalam mainstream welfare ataupun kebajikan umum seluruh rakyat Malaysia tidak didiskriminasikan lagi apakah mereka India Selatan, India Utara ataupun India Tengah. Jadi, persoalannya mereka termasuk di dalam skim National Welfare. Jadi, mengenai dana Yang Berhormat minta tambah RM500 juta untuk siapa? - Takkan untuk hanya 50 orang yang tinggal ini

yang hanya umur 63 tahun ke atas, jadi RM500 juta itu tidak ada sebab untuk kerajaan mewujudkannya.

Mengenai dengan biasiswa, Yang Berhormat, orang yang layak sahaja yang mendapatkan biasiswa, anak orang kaya seperti Yang Berhormat tentu tidak dapat biasiswa. Biasiswa bukan diberi kepada ke semua anak-anak orang beneficiary daripada dana ini, diberi kepada yang miskin dan daif. Yang Berhormat anak dari orang-orang dari golongan 'bourgeoise' walaupun dalam Parti Sosialis. Jadi tidak perlu dapat, macam anak saya tidak dapat biasiswa daripada MARA.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Dia bangun, Yang Berhormat.

Tuan M. Kulasegaran: Pertama, saya hendak buat correction, saya ini anak buruh juga. Saya dapat loan dari beberapa organisasi untuk melanjutkan pelajaran. Saya juga South India. Yang mustahak sangat, bila saya cadangkan RM500 juta itu, saya tengok di antara objektifnya adalah repatriation dan sebagainya adalah untuk memberi bantuan kepada pelajar-pelajar. Objektif itu sedia ada. Jadi, ini adalah yang disuarakan oleh ramai di antara lebih kurang 1.8 juta orang India di Malaysia ini yang menyatakan kerajaan kurang prihatin kepada masalah ini. Jadi, bukankah perkara itu sangat mustahak dan suntikan sebanyak RM500 juta kepada dana untuk menolong penuntut-penuntut sebagai memberi pertolongan kepada mereka. Inilah yang saya katakan, bukan yang sudah balik, itu kita lupakan, yang sedia ada yang menghadapi masalah. Bukankah kewajipan kerajaan dan lagi dana ini lebih tua daripada semua dana yang sedia ada di negara ini. Kalau kita tengok ia punya objektif pada masa itu sangat cemerlang tetapi orang-orang yang mengimplementasikan perkara ini telah terlupa dan Jemaah Menteri hanya pada Mei 1996 telah mengatakan akan membubarkan perkara ini, mencari satu jalan senang tetapi tidak meng'address'kan masalah yang dihadapi oleh masyarakat South India, ini.

Dato- Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat telah membawa kepada satu dimensi yang lain. Yang Berhormat sedang bercakap mengenai keseluruhan rakyat Malaysia keturunan India dan kita bercakap ini tentang beneficiary daripada Kumpulan Buruh India Selatan yang datang di zaman penjajah yang diwujudkan khusus untuk mereka.

Jadi, Yang Berhormat cakap dalam bidang lain, bukan untuk kementerian, kementerian saya menjaga buruh sahaja, buruh India Selatan yang datang 100 juta lagi bukan buruh, tetapi datang sebagai pembuka kedai gunting rambut, jual nasi kandar dan lain-lain lagi yang tidak masuk dalam kategori ini.

Yang kita perbincang ialah kumpulan yang di bawa oleh penjajah British untuk bekerja di plantation, di ladang-ladang kebanyakannya dan juga dalam Jabatan Kerja Raya. Jadi, Yang Berhormat telah lompat kepada satu bidang yang lebih luas yang tidak boleh dicakupi oleh kementerian saya.

Tuan M. Kulasegaran: Saya ingat Yang Berhormat Timbalan Menteri telah salah pandangan itu, bila saya cakap South India itu merangkumi – saya baca definisi yang ada dalam South India Labour Fund Ordinance 1958, dengan izin, "*South India. 'South Indian' means any person whose mother tongue is/or the mother tongue of either of whose parent was Tamil, Telegu, Malayalam, Kanasi, Orea and who was born or is descendant from person who were born in South India*". Macam kitalah.

Kebanyakan rakyat di negara ini yang berketurunan Tamil ini semua dari sana, suka, tak suka dari sana. Jadi, semua ini descendant dan yang mendapat benefit hanya 103 orang penuntut, yang itulah saya tanya. Saya rasa cadangan ini munasabah, cadangan ini

patut di 'investigate' dengan teliti supaya dana seperti ini yang sangat mustahak. Apabila saya baru-baru ini dipanggil oleh universiti tempatan, ramai di antara pelajar itu bukan datang untuk mendengar apa yang kita hendak cakap, dia hendak pinjaman wang. Kita pula ambil alih kerajaan, maklumlah tetapi saya rasa macam ini, objektifnya masa itu baik tetapi telah tidak diimplementasikan, yang itu jadi masalah. Jadi, saya cakap dana itu perlu suntikan pada masa inilah.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tanya Yang Berhormat, definisi 'India Selatan' itu diambil dari Perlembagaan Persekutuan ataupun daripada mana-mana akta?

Tuan M. Kulasegaran: Saya boleh bagi akta tersebut, 'South Indian Labour Fund Ordinance 58' yang tidak ada di sini, buku yang diberi kepada semua Ahli Parlimen. Definisi ini ada di sini, jadi merangkumilah, termasuk ..

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Yang Berhormat cuba bawa keluar daripada konteks. Yang didefinisikan sebagai India Selatan itu adalah di dalam konteks 'buruh yang dibawa oleh penjajah Inggeris'. Ia tidak termasuk keseluruhan orang-orang daripada India Selatan datang ke sini. Jadi Yang Berhormat cuba mengambil ini bawa keluar dan berbincang tentang masalah lain. Yang saya maksudkan, definisi yang Yang Berhormat baca tadi ialah di dalam perbincangan 'buruh India Selatan yang dibawa kerja di dalam ladang'. Jadi itu yang Yang Berhormat cuba hendak membawa hujah antara laut dengan sungai. Tidak boleh, Yang Berhormat. Saya cakap tadi hanya berkenaan dengan buruh India Selatan yang dibawa oleh penjajah Inggeris dan dikhususkan, diwujudkan satu dana khusus untuk membantu mereka.

Tuan M. Kulasegaran: Tetapi saya katakanlah mungkin ada kawan-kawan saya dari MIC yang boleh mengesahkan bahawa South Indian merangkumi semua kita ini dan definisi itu adalah tertakluk kepada ini tetapi dana itu, yang saya kata dana itu untuk orang-orang South India, yang itu saya kata.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Okay, itu terkeluar daripada kementerian saya. Saya cakap kepada Jabatan Perdana Menteri untuk mengadakan dana seperti MARA.

Tuan M. Kulasegaran: Saya telah pun menyuarakan perkara ini dan saya haraplah oleh kerana sudah sedia ada satu body mengenai perkara ini ...

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Itu saya setuju, yang saya mempertikaikan ialah terkeluar daripada bidang yang kita hujahkan hari ini. Saya setuju Yang Berhormat membawanya di dalam mana-mana forum, dalam Parlimen sekalipun tetapi saya jawab untuk kementerian saya yang hanya menjaga buruh-buruh ini. Bukan menjaga keseluruhan India Selatan, Telegu, Malayalam, Tamil dan lain-lain lagi. Faham tak? Saya sokong, kalau saya jadi Menteri Kewangan, saya sokong, minta dari Menteri Kewanganlah. Ini problem.

Tuan M. Kulasegaran: Sokong, terima kasih. Jadi bila yang akan diimplementasikan, RM500 juta? Saya terimalah sokongan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Dengan izin, we are debating about apples, you are bringing in oranges.

Tuan M. Kulasegaran: No, we are debating our mankind, kena these Indian peoples, kita tidak boleh lari, definisi saya semua ada di sini.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Okay, itu tujuan murni Yang Berhormat, kita bawa dalam perbincangan lain. Yang saya maksudkan ialah perburuhan ses, duit ses yang dikutip dulu daripada RM30 juta hingga RM40 juta yang dikutip daripada tahun 1942 lagi ataupun di zaman penjajah, itu yang saya maksudkan. Tetapi kalau Yang Berhormat ingin mengemukakan satu dana macam MARA kepada bumiputera untuk orang-orang India Selatan, itu soal lain.

Saya hendak mempertahankan kementerian saya, saya diberi kementerian ini sahaja, hendak mempertahankan, saya bukan di Jabatan Perdana Menteri. Jadi itu yang saya harap Yang Berhormat faham. Jadi sebelum saya tutup, ada Yang Berhormat hendak bangun apa lagi? *[Ketawa]*

Tuan M. Kulasegaran: Yang Berhormat, kita telah bangkitkan baru-baru ini pada hari Isnin lebih kurang 2,000 orang telah datang ke Parlimen untuk menyerahkan satu memorandum, memohon agar dibayar gaji bulanan untuk orang-orang estet dan ladang-ladang dan juga untuk rumah-rumah yang tetap. Kita ada undang-undang yang tidak adil kepada pekerja-pekerja di mana bargaining power yang berbeza. Walaupun ada union di sana, hanya merangkumi lebih kurang 30%, 70% adalah tidak ada kena mengena dan mereka telah datang pada hari Isnin dulu di seluruh Malaysia menaiki bas akan tetapi memorandum itu telah diserahkan. Adakah kerajaan akan mengambil tindakan supaya gaji bulanan yang mereka sarankan itu diberi supaya kita sama-sama benefit dari perkara ini.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya simpati dengan pekerja-pekerja di mana-mana peringkat sekalipun khususnya pekerja ladang tetapi Yang Berhormat, first think first, dengan izin. Kerajaan menerima union Parti Yang Berhormat, parti DAP selalu membangkitkan soal the right to unionised. Kerajaan hanya mengakui union ataupun kesatuan sekerja untuk berunding dengan kerajaan, satu. Yang datang berpiket di luar Parlimen hari Isnin yang lalu saya fikir Yang Berhormat bawa, saya tengok bas dari Teluk Intan banyak dan mereka adalah bukan ahli-ahli union NUPW, mereka adalah non-unionised workers, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua.

Jadi kalau apa yang dikatakan Yang Berhormat tadi kalau dalam perladangan 70% belum lagi menjadi ahli union, maka Yang Berhormat sebagai satu parti yang memperjuangkan kaum proletariat, kaum marhaen, galakkan mereka masuk NUPW.

Masalahnya begini, Yang Bernormat, soal gaji bulan dengan gaji hari telah dipersetujui oleh NUPW dengan Malaysian Agriculture Producers Association (MAPA) telah ditandatangani pada bulan puasa yang lepas, tiga bulan yang lalu penuh dengan funfair dan lain-lain. Kerajaan melalui kementerian ini hanya menjadi saksi sahaja. Mereka telah bersidang dan mempersetujui berpuluh-puluh persetujuan yang saya tengok perjanjian setebal itu, Tuan Yang di-Pertua. Semuanya dipersetujui oleh NUPW dan MAPA. Jadi kerajaan apabila kedua-dua ini bersetuju apa guna kerajaan masuk campur lagi. Kita hanya tengok sebagai saksi. Kedua-dua ini telah bersetuju dan menandatangani baru tiga bulan yang lalu dan NUPW, bersetuju untuk tidak mengadakan gaji bulan, sebaliknya gaji hari dan lain-lain perks dan benefit dan lain-lain lagi mereka mendapat.

Jadi, persoalannya di sini, Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bagi bola balik kepada Yang Berhormat. Yang Berhormat seharusnya menggalakkan pekerja-perkerja yang datang semalam kebanyakan wanita - 99% wanita mendaftar sebagai ahli union NUPW kerana kerajaan terpaksa memilih union untuk berbincang. Jikalau hendak satu, satu orang, itu tidak mungkin kerajaan lakukan. Jadi di sinilah jikalau NUPW dan MAPA telah bersetuju dengan gaji hari dan lain-lain benefits dan lain-lain lagi, jadi mengapa harus

yang tidak ada union ini datang dengan diketuai oleh Yang Berhormat, NGO dan lain-lain lagi meminta yang lain-lain.

Jadi, di sini biarlah kita ada satu media untuk mengartikulasikan kehendak pekerja dan kerajaan akan memberi layanan yang sepatutnya.

Tuan M. Kulasegaran: Terima kasih. Memang benar banyak bas datang dari kawasan saya, itu saya tidak nafikan. Tetapi yang mustahak adalah saya tidak mahu menyentuh penglibatan mereka dalam union, kerana itu adalah hak mereka, mereka berpendapat tidak ingin menjadi ahli dan sebagainya. Tetapi yang mustahak, mereka telah memberi memorandum ini semalam. Baru-baru ini, kalau tidak salah saya, dua bulan lalu kerajaan telah mengaku bahawa perkara itu telah dibincangkan di Kabinet yang mengatakan gaji bulanan akan ditengok, dengan izin, viable, kerana baru-baru ini National Land Finance Cooperative, satu koperatif yang ada lebih kurang 25 buah estet telah mengimplimentasikan gaji bulanan. Syarikat-syarikat yang lebih besar dari syarikat itu, Guthrie, Harrison, Sime Darby dan sebagainya yang menjadi backbone estet-estet dan ladang-ladang di negara ini yang banyak untung. Kerajaan sendiri telah berkata, bahawa mereka dalam proses final (final process) untuk mengimplimentasikan. Adakah baru-baru ini, dasar ini telah berubah mengatakan gaji bulanan tidak akan diberi? Memandangkan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri, setelah mengadakan Mesyuarat Jemaah Menteri dengan kawan saya dari Sungai Siput yang menyuarakan juga hal-hal India di Kabinet dan mengatakan bahawa kerajaan dalam final process. Adakah satu drastic change, U-turn dalam dasar kerajaan baru-baru ini?

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan akan mengambil cara-cara dan pendekatan yang memberi manfaat khususnya kepada pekerja-pekerja. Seperti mana Yang Berhormat kata tadi, kalau diberi gaji bulanan mengikut analisis Yang Berhormat kata tadi, yang untung ialah company. Jadi, National Union of Plantation Workers (NUPW) telah mengambil pendekatan yang menguntungkan pekerja-pekerja. Satu union yang besar di negara ini telah memastikan bahawa gaji harian itu lebih, dengan segala 'entail' nya, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, adalah lebih memberi manfaat dan pendapatan dan kemudahan kepada pekerja-pekerja. Ingin saya nyatakan banyak pendapat wujud di dalam kalangan ini, tetapi kerajaan terpaksa memegang kepada pendapat NUPW di dalam hal ini, kerana kerajaan hanya recognize, dengan izin, NUPW sebagai badan memperjuang hal ini.

Jikalau ada badan-badan lain, buatlah badan supaya membawa ataupun mengartikulasikan perkara ini kepada kerajaan, bukan melalui kumpulan 200 orang, 300 orang, 400 orang. Persoalannya, ingin saya nyatakan kedudukan sekarang, kerajaan puas hati dengan perjanjian NUPW dengan MAPA. Kalau badan yang mewakili pekerja puas hati, mengapa harus kerajaan masuk campur dan MAPA pun puas hati mengapa kerajaan masuk campur. Soal gaji bulanan dengan gaji harian tidak berbangkit jikalau keduanya bersetuju. Persoalan yang asas, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memberi nasihat kepada Yang Berhormat dari Teluk Intan, wujudkan satu organisasi yang boleh mengartikulasikan pekerja-pekerja. Jikalau orang yang datang dua hari yang lalu tidak diwakili oleh NUPW, dan tidak mahu masuk NUPW, tubuhlah union lain.

Macam dalam politik juga, siapa yang tidak suka kepada UMNO tubuh Keadilan, tidak suka kepada MIC, MCA, tubuh DAP supaya ianya menjadi satu badan yang jitu, yang boleh mengartikulasikan. Ini bukan dengan datang tanpa permit polis, berhimpun di depan Parlimen. Mujurlah polis letih kalau tidak dibelasahnya tanpa permit.

Jadi, persoalan sekarang Yang Berhormat, bukan soal yang mana baik sama ada gaji harian atau gaji bulanan, tetapi persoalannya orang yang datang mestilah bersatu dan

mengartikulasikan masalahnya, kepentingannya kepada kerajaan mengikut medium yang diakui oleh kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ada lagi, Yang Berhormat.

Tuan M. Kulasegaran: Terima kasih. Jadi, kalau saya fahamkan apa Yang Berhormat Timbalan Menteri katakan, nampaknya ada satu wayang yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, sebab baru-baru ini beliau kata beliau sedang kaji adakah mengimplementasikan gaji bulanan rasional atau boleh atau tidak boleh, memandangkan Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan bahawa apa yang dikatakan oleh perjanjian yang telah dibuat kononnya oleh NUPW yang mewakili pekerja-pekerja akan diberi lebih keutamaan dari pendirian kerajaan. Itu yang saya kata, ada satu U-turn yang telah dibuat dan apa yang disuarakan oleh orang-orang dari estet-estet dan ladang-ladang adalah gaji bulanan sebanyak sekurang-kurangnya RM750 sebulan dan asas-asasnya adalah seperti yang terkandung. Kalau kita katakan perlu ada union dan sebagainya, yang itu with the highest aspect bukan material, asalkan ada orang yang menyuarakan perkara itu, perlu diambil kira.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya bukan kata kerajaan goyang. Jikalau badan yang mewakili keseluruhan buruh-buruh ladang bersetuju tanpa kacau kerajaan dengan pihak majikan untuk mendapat ini, mengapa harus kerajaan masuk campur. Apa yang diperkatakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Yang Berhormat dari Sungai Siput ialah kerajaan sedang mengkaji, badan yang mewakili buruh-buruh itu sendiri yang menyatakan dia hendakkan ini. Siapa kerajaan yang kata 'no'. Jadi persoalan Yang Berhormat, sekarang apa yang kita bangkitkan, Yang Berhormat sebagai seorang lawyer tentu belajar logik, bukan.

Jadi, persoalan ini saya bukan tidak mempersetujui cadangan itu tetapi persoalannya orang yang diakui mewakilinya sudah bersetuju. Bersatu badan National Union, bukan Teluk Intan Union of Plantation Workers, National Union of Plantation Workers telah menandatangani, bukan konon tandatangani, Yang Berhormat tidak percaya lagi tandatangani. Saya minta pegawai-pegawai saya daripada kementerian tunjuk satu perjanjian yang tebal di antara NUPW dengan MAPA, jangan kata konon, sungguh, betul Yang Berhormat, konon itu maknanya tidak percaya tetapi ada.

Jadi, soalnya sekarang ini Yang Berhormat, kalau orang-orang itu belum ada lagi union, tubuהל union lagi satu, 'NUPW Kularaja, Kulasegaran'kah, macam India, Congress Party of India, Congress Party of Indera Ghandi, macam-macamlah. Tubuh yang lain, supaya ianya ada badan induk untuk mewakili mereka dan mengartikulasi mereka. Kalau kita dengar 2,000 orang semalam Yang Berhormat kata, esok datang lagi 300 daripada Johor, dia hendak yang lain pula. Jadi, tidak ada satu uniformity, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. Inilah Yang Berhormat, bukan saya tidak bersetuju, saya cukup simpati dengan pekerja-pekerja khususnya pekerja-pekerja ladang. Saya pun dahulu dalam sektor pertanian juga dan saya tahu masalah-masalah mereka. Jadi, biarlah kita hadkan hujah kita kepada prinsip-prinsip yang telah wujud dan jangan lari daripada itu.

Tuan Yang di-Pertua, bagi Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain yang membangkitkan isu dengan Kementerian Sumber Manusia di dalam Dewan yang mulia ini dan tidak sempat saya menjawab dalam masa yang singkat ini. Saya ingin memaklumkan bahawa kementerian ini amat menghargai komen dan cadangan tersebut dan akan mengambil perhatian terhadap cadangan dan isu yang dibangkitkan. Sekian, terima kasih.

USUL

**WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN
DARIPADA PERATURAN MESYUARAT**

3.18 ptg.

Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan [Dato' Idris bin Jusoh]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1) Majlis Mesyuarat hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai semua jawapan dari kementerian dalam perbahasan ke atas Usul Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong”.

Timbalan Menteri Kesihatan [Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah:

“Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12(1) Majlis Mesyuarat ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai semua jawapan dari kementerian dalam perbahasan ke atas Usul Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong”.

Hendaklah disetujui.

Usul dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

“Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12(1) Majlis Mesyuarat ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai semua jawapan dari kementerian dalam perbahasan ke atas Usul Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong”.

[Perbahasan disambung semula]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar.

3.20 ptg.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar [Dato' Abu Bakar bin Daud]: Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dari Sipitang, Teluk Intan dan Cheras yang telah mengambil bahagian serta memberi pandangan dan teguran mengenai perkara-perkara yang melibatkan Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar ketika perbahasan ke atas Titah Diraja yang telah diadakan lebih dua minggu yang lalu di Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Sipitang ada menyentuh mengenai penjagaan alam sekitar dan kebersihan sungai, longkang, tasik dan parit supaya dipelihara dengan lebih terurus dan bersih dengan mencegah semua aktiviti pembuangan sampah dan sisa-sisa industri. Mengenai perkara ini Ahli Yang Berhormat telah merujuk kepada pembuangan sampah di Sungai Klang sebagai contoh. Ahli Yang Berhormat juga turut menyentuh aktiviti pembalakan haram yang masih berlaku dan telah merosakkan hutan simpan.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya memberikan penjelasan terhadap perkara-perkara yang telah disentuh oleh Ahli-ahli Yang Berhormat berkenaan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Sipitang, adalah tidak dapat dinafikan bahawa pencemaran sungai yang disebabkan oleh pembuangan sampah dan sisa-sisa industri ke sungai, longkang, tasik dan parit memang sentiasa berlaku. Walau bagaimanapun dengan penguatkuasaan akta-akta seperti Enakmen Air 1920, Akta Perancang Bandar dan Desa 1976, Enakmen Hutan 1935, Akta Konservasi Tanah 1960, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974, Akta Perkhidmatan Pembetungan 1993 dan akta-akta yang berkaitan, aktiviti ini dapat dikawal dengan lebih berkesan lagi. Di samping penguatkuasaan melalui akta-akta kerajaan melalui Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar juga turut mengambil langkah-langkah untuk mempertingkatkan program-program pendidikan dan kesedaran alam sekitar seperti program 'river-watch', dengan izin, di bawah kempen cintailah sungai kita dan sebagainya yang sentiasa dijalankan oleh agensi-agensi yang berkaitan. Keprihatinan rakyat juga adalah penting terutama untuk meningkatkan kesedaran dan menerapkan sikap bertanggungjawab supaya amalan pembuangan sampah sarap di merata-rata dapat dihentikan. Bagi meningkatkan kesedaran orang ramai mengenai perkara ini, kerjasama semua pihak amatlah diperlukan. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini menyeru orang ramai agar dapat memberi kerjasama sepenuhnya, memikul tanggungjawab memelihara alam sekitar supaya ianya akan sentiasa terpelihara dan tugas ini tidak seharusnya dibebankan kepada kerajaan semata-mata.

Ahli Yang Berhormat dari Teluk Intan pula ingin mengetahui tindakan yang diambil oleh kerajaan berhubung pembukaan hutan bakau di Bagan Datok seluas 400 hektar tanpa laporan EIA.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Teluk Intan, Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar telah menyemak rekod yang ada di kementerian dan mendapati setakat ini tidak ada sebarang laporan tentang pembukaan hutan bakau di Bagan Datok seluas 400 hektar tanpa laporan EIA. Walau bagaimanapun penyiasatan terperinci akan dijalankan dan jika perkara yang dibangkitkan adalah benar, tindakan mengikut peruntukan undang-undang akan disusuli.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perubahan penggunaan kawasan hutan paya laut bagi kegunaan perindustrian, perumahan atau pertanian meliputi kawasan seluas 50 hektar atau lebih perlu mendapat kelulusan laporan EIA sebelum aktiviti ini boleh dilaksanakan. Pihak yang melanggar peraturan dan jika disabit kesalahannya boleh dikenakan tindakan denda tidak lebih RM100,000 atau penjara selama tempoh tidak lebih daripada lima tahun atau kedua-duanya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Bagan Datok bangun, Yang Berhormat.

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana jawapan Dato' Timbalan Menteri adalah menyentuh kawasan Parlimen saya Bagan Datok dan perkara ini dibangkitkan oleh Teluk Intan, saya hendak minta penjelasan sejauh mana maklumat yang diperolehi untuk kawasan Bagan Datok ini menyangkut tentang kawasan yang diwakili oleh rakan saya daripada Teluk Intan. Teluk Intan, Teluk Intan Bagan Datok, Bagan Datok dan saya tahu kawasan saya dan tidak seluas itu dan kalau ada dibuka kawasan pun Yang Berhormat ialah kawasan hutan bakau yang tidak kena mengena dengan kawasan hakisan laut dan saya fikir kalau ada maklumat itu salah saya fikir sesuatu tindakan harus diambil oleh kementerian terhadap Yang Berhormat Teluk Intan.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*].

Dato' Abu Bakar bin Daud: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat daripada Bagan Datok, saya ingat itu faktor-faktor yang diberikan oleh Yang Berhormat sendiri itu barangkali sudah cukup untuk menjawab keraguan yang telah ditimbulkan oleh Yang Berhormat dari Teluk Intan. Terima kasih banyak-banyaklah. We make this thing correctlah, dengan izin Tuan Yang di-Pertua.

Izinkan saya meneruskan, Tuan Yang di-Pertua, jawapan saya. Ahli Yang Berhormat dari Cheras pula ada membangkitkan mengenai pembangunan bukit Sungai Puteh yang menyebabkan kemusnahan alam semulajadi dan mengenai kelulusan laporan EIA bagi pembangunan projek empangan Sungai Selangor.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Cheras, Kerajaan Negeri Selangor telah mengambil langkah-langkah wajar bagi menangani masalah hakisan dan banjir lumpur di kawasan pembangunan bukit Sungai Puteh, Cheras melalui Jawatankuasa Pemantauan yang dianggotai oleh pelbagai agensi kerajaan termasuk pihak berkuasa tempatan, Jabatan Alam Sekitar, Jabatan Pengairan dan Saliran, Pejabat Tanah dan Jabatan Perhutanan. Penyiasatan yang dijalankan oleh jawatankuasa ini mendapati banjir lumpur yang berlaku adalah kerana pihak pemaju tidak melaksanakan langkah-langkah kawalan hakisan mengikut kelulusan yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa tempatan atau Majlis Perbandaran Ampang Jaya. Berikutan daripadanya, pihak Majlis Perbandaran Ampang Jaya telah mengeluarkan notis memberhentikan kerja-stop work order dengan izin, kepada pihak pemaju dan mengarahkan pihak pemaju supaya mengambil langkah-langkah memperbaiki seperti mengukuhkan perangkap mendap, menstabilkan cerun dengan penanaman rumput 'turfing' dan membina kolam takungan air hujan tambahan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, mengikut prosedur EIA yang digunapakai masa kini, laporan EIA disediakan oleh pihak pemaju. Untuk cadangan empangan Sungai Selangor, pemaju projek telah melantik juruperunding SMHB Sdn. Bhd. untuk menjalankan kajian tersebut. Mengikut prosedur yang ditetapkan itu, laporan EIA ini akan disemak oleh satu panel pengulas bebas yang dilantik oleh Ketua Pengarah Kualiti Alam Sekeliling. Panel ini dianggotai oleh lapan orang pakar bebas dalam bidang-bidang hidrologi, sosio-ekonomi, ekologi, geologi, geoteknik, flora dan fauna, kualiti air sungai dan ekosistem hutan. Ahli-ahli panel lain adalah wakil-wakil badan bukan kerajaan (NGO) dan agensi-agensi kerajaan berkaitan. Prosedur ini juga memberi kesempatan kepada orang awam untuk meneliti laporan EIA tersebut dan memberi ulasan masing-masing kepada Jabatan Alam Sekitar. Laporan ini juga sepatutnya membincangkan tentang keperluan pembinaan empangan dan opsyen-opsyen lain untuk bekalan air.

Tuan Yang di-Pertua: Cheras bangun Yang Berhormat, Cheras bangun.

Tuan Tan Kok Wai: Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa laporan EIA itu sebenarnya disediakan oleh syarikat jururunding yang dilantik oleh Gamuda Bhd. Gamuda ialah syarikat yang ditawarkan konsensi membina empangan Sungai Selangor, maka bukannya ini menimbulkan conflict of interest yang paling serius sebab syarikat yang ditawarkan oleh konsesi yang menjalankan EIA juga. Di manakah kewibawaan dan kebebasan - 'independence'nya laporan ini. Maka sungguhpun laporan telah pun dipamerkan untuk ulasan dan komen daripada orang awam tetapi kewibawaannya sudah tiada. Maka lebih baik kementerian Yang Berhormat tidak menerima laporan EIA itu sebab ia langsung tidak ada integriti dan amanah.

Yang kedua, dalam ucapan saya, saya ada mencadangkan ada banyak langkah di mana air boleh dijimat, diselamatkan atau di'recycle'kan daripada banyak sumber. Saya pun ada memaklumkan kepada Dewan ini masalah-masalah yang mengakibatkan

kekurangan air baru-baru ini yang berlaku di Lembah Klang dan kalau langkah-langkah yang bijak dan berkesan diambil misalnya semua paip bocor itu digantikan, sungai itu dijadikan bersih, pencemaran sungai tidak berlaku, kawasan tadahan air, sumber air ini semua diberi perlindungan yang mencukupi, hutan-hutan baik rizab atau bukan rizab tidak dimusnahkan dan sebagainya. Kalau semua langkah ini diambil perhatian, sumber air adalah mencukupi dan tidak memerlukan satu empangan baru dibina, maka apakah pendapat Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Dato' Abu Bakar bin Daud: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat dari Cheras. Perkara ini belum lagi muktamad, perkara ini akan dikaji dan diserahkan kepada badan bebas. Ini belum muktamad lagi, kajian EIA perlu dibuat dan syarikat yang membuat macam Syarikat Syed Muhamad Bina Hui (SMBH). Ini satu syarikat air yang ternama, yang banyak membuat bekalan-bekalan besar dalam negara ini. Projek-projek air dia mengetahui. Kita serahlah kepada mereka yang mengetahui kedudukan ini dan ini akan dikaji oleh satu badan bebas nanti yang dilantik nanti, dan akan disampaikan kepada pihak peringkat ini ianya akan diserahkan balik kepada Kerajaan Negeri Selangor. Belum lagi muktamad, Tuan Yang di-Pertua, janganlah bimbang lagi. Biar dia orang buat kerja dahulu on the ground. Ini untuk rakyat, untuk jangka masa panjang. Ini kita sudah di peringkat ini, hendak dapatkan political mileage. Ini perkara-perkara yang tidak kena, ini pembangunan memerlukan pengorbanan, you need sacrifice for development, dengan izin.

Tuan Tan Kok Wai: *[Bangun]*

Dato' Abu Bakar bin Daud: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak benarkan, belum lagi.

Tuan Tan Kok Wai: 'Sacrifice'kan alam sekitar, 'sacrifice'kan alam semula jadi, 'sacrifice'kan ekologi, nature, ini pengorbanankah?

Dato' Abu Bakar bin Daud: Itu pandangan Yang Berhormat dari Cheras yang cetek, yang tidak tahu apa on the ground, dengan izin. Ini macam mana mahu membangun.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Balik sekolahlah.

Dato' Abu Bakar bin Daud: Mahu memerintah negara, macam mana, kalau perkara-perkara ini dibawa untuk mendapat political mileage. Ini perkara yang murah. Tuan Yang di-Pertua

Tuan Tan Kok Wai: Saya minta penjelasan.

Dato' Abu Bakar bin Daud: Sudah, saya tidak benarkan.

Tuan Yang di-Pertua: Dia tidak beri jalan, Yang Berhormat. Dia tidak beri jalan.

Dato' Abu Bakar bin Daud: Saya tidak benarkan, masa tidak ada, Tuan Yang di-Pertua. Bukan saya takut sama dia, ini orang. *[Ketawa]* Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, keputusan Panel Pengulas Bebas ini, tidak termasuk DAP punya member akan dikemukakan kepada Kerajaan Negeri Selangor untuk diambil kira dalam keputusan pelaksanaan projek tersebut.

Tuan Tan Kok Wai: Hentam sahaja.

Dato' Abu Bakar bin Daud: Tuan Yang di-Pertua, sebagai mengakhiri ucapan saya *[Ketawa]* sekali saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian serta mengemukakan pandangan dan cadangan

di dalam perbahasan kali ini yang menyentuh aktiviti-aktiviti Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar. Sekiranya terdapat mana-mana perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat itu tidak sempat disentuh dalam ucapan saya ini, maka saya akan memberi perhatian mengenai perkara ini dan tindakan sewajarnya akan diambil. *[Yang Berhormat dari Cheras keluar Dewan]*

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Apa lari, lari..

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ya.

Dato' Abu Bakar bin Daud: Apa, jangan lari! *[Ketawa]*.

Tuan Yang di-Pertua: Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia.

3.35 ptg.

Timbalan Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia [Dato' Chan Kong Choy]: Tuan Yang di-Pertua, Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah berucap dan membahaskan beberapa perkara yang menyentuh tanggungjawab Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia semasa perbahasan ke atas Titah Ucapan Diraja di Dewan yang mulia ini. Saya mengucapkan terima kasih kepada saranan Yang Berhormat dari Parit Sulong yang menggesa kerajaan supaya mengambil tindakan tegas kepada mereka yang bertanggungjawab menjadikan laman web atau Internet sebagai alat untuk menyebarkan fitnah. Terima kasih juga saya merakamkan kepada Yang Berhormat dari Sipitang yang mencadangkan supaya tindakan diambil bagi menghindarkan cerita-cerita sensasi yang tidak benar di Internet. Ini adalah untuk mengelakkan anak-anak muda dan golongan belia diajar berbohong melalui Internet.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, di sini perlu saya menekankan sekali lagi bahawa dengan kelulusan Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 yang dikuat kuasa mulai 1 April 1999 lalu, kementerian saya akan berusaha sedaya upaya untuk mencari jalan untuk melaksanakan prinsip, dengan izin, self-regulatory dalam Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 supaya setiap pengguna, pengeluar dan pembekal industri komunikasi dan multimedia lebih bertanggungjawab dan mempunyai sikap akauntabiliti. Dengan adanya garis panduan-garis panduan pengguna, pengeluar dan pembekal yang akan dibentuk sendiri menerusi forum masing-masing secara tidak langsung kawalan ini akan lebih berkesan dan bermakna kerana ianya datang dari pihak yang terlibat secara langsung dalam industri ini.

Kerajaan memang mengambil pendirian tegas untuk tidak menapis bahan-bahan dalam Internet. Walau bagaimanapun, tindakan tidak bertanggungjawab jawab seperti menyebarkan berita-berita palsu dan bahan-bahan yang jelik adalah menyalahi dari segi undang-undang. Kawalan terhadap tindakar yang tidak bertanggungjawab ini jelas termaktub dalam peruntukan-peruntukan yang disediakan dalam Akta Komunikasi dan Multimedia dengan hukuman yang berat jika kesalahan itu disabitkan.

Tuan Yang di-Pertua, kita harus sedar bahawa langkah-langkah pencegahan adalah lebih baik daripada mengubati sesuatu penyakit. Oleh itu, beberapa langkah pencegahan perlu dijalankan oleh kementerian saya. Antaranya ialah:

- (i) memberikan kefahaman tentang perundangan yang ada kepada masyarakat khususnya kepada pengguna-pengguna, pengeluar aplikasi, dan pembekal perkhidmatan Internet. Usaha ini perlu dilaksanakan secara bersepadu supaya setiap golongan sasaran dapat dijangkau dan masalah serta isu semasa dapat ditangani dengan sebaik-baiknya. Penerangan-penerangan di peringkat sekolah, kolej dan universiti perlulah dijalankan

dengan lebih teratur dan berkesan dengan mendapat kerjasama yang rapat daripada pihak Kementerian Pendidikan, kolej dan universiti serta pihak-pihak lain yang terlibat;

- (ii) sesi forum dan dialog dengan pihak pengeluar kandungan, dengan izin, content provider dan pembekal perkhidmatan dan pengguna Internet perlu dijalankan secara telus supaya pihak-pihak ini dapat mencari jalan terbaik untuk mencegah gejala negatif dan tidak bertanggungjawab yang dijalankan melalui Internet ini. Contohnya satu kod etika penggunaan Internet boleh digubal untuk disebarkan kepada masyarakat seluruhnya;
- (iii) pengusaha-pengusaha pusat siber atau Internet dapat mewujudkan suasana bertanggungjawab dan akauntabiliti kepada pengguna-pengguna Internet yang berkunjung ke pusat-pusat siber mereka. Pengusaha-pengusaha ini haruslah sentiasa memupuk sikap pelanggan-pelanggan yang lebih positif supaya menjauhkan daripada tindakan salah laku Internet dan sentiasa patuh kepada etika penggunaan Internet;
- (iv) para ibu bapa di rumah perlu mengawasi anak-anak mereka semasa anak-anak ini menggunakan Internet. Self-discipline, dengan izin, perlu diwujudkan di dalam jiwa anak-anak mereka dengan menerapkan nilai keagamaan dan pendidikan moral yang baik. Cara ini akan dapat mewujudkan satu generasi muda yang lebih bertanggungjawab, berakauntabiliti dan pintar menggunakan kemudahan Internet untuk memanfaatkan dan memperkayakan ilmu pengetahuan.

Jelaslah masalah ini tidak dapat ditangani oleh kementerian saya sahaja, tetapi oleh seluruh negara secara bersama. Ini penting supaya sambil kita melangkah ke hadapan ke era informasi dan masyarakat digital, kita dapat mengelakkan wujudnya gejala-gejala yang boleh memberi kesan-kesan negatif kepada negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya berterima kasih kepada Yang Berhormat dari Sandakan dan Gaya yang mencadangkan agar caj elektrik di Sabah disamakan dengan caj yang dikenakan di Semenanjung supaya harganya, dengan izin, competitive. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, prinsip menentukan caj sesuatu barangan atau perkhidmatan termasuk elektrik adalah ia harus melambangkan kos bekalan. Sekiranya prinsip ini tidak dibenarkan atau dipakai, syarikat yang membekal elektrik akan menghadapi masalah dan dengan itu akan mengakibatkan kegagalannya memberi perkhidmatan dengan baik.

Adalah sukar untuk menyamakan caj elektrik di Sabah dengan caj di Semenanjung kerana kos bekalan di kedua-dua wilayah adalah berbeza iaitu kos di Sabah adalah lebih tinggi daripada kos di Semenanjung Malaysia. Ini adalah disebabkan faktor-faktor berikut:-

- (i) harga bahan api di negeri Sabah adalah lebih tinggi daripada di Semenanjung Malaysia;
- (ii) sistem bekalan elektrik di negeri Sabah juga adalah jauh lebih kecil daripada sistem bekalan elektrik di Semenanjung Malaysia dan oleh itu tidak menikmati, dengan izin, economic of scale; dan
- (iii) sistem bekalan elektrik di negeri Sabah tidak, dengan izin, interconnected sepenuhnya sebagaimana di Semenanjung Malaysia kerana pusat-pusat beban di Sabah adalah masih kecil dan tersebar merata tempat. Keadaan ini memaksa pihak utiliti di Sabah mengekalkan

margin reserved yang tinggi bagi memastikan keutuhan bekalan elektrik terjamin, langkah ini menjadikan kos bekalan elektrik menjadi tinggi.

Saya juga mengucapkan terima kasih di atas pandangan Yang Berhormat dari Sri Aman dan Selangau yang menyentuh mengenai ketiadaan kemudahan bekalan elektrik dan telefon di kawasan berkenaan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, memang masih terdapat kawasan-kawasan yang tidak dapat bekalan elektrik dan kemudahan telefon, walau bagaimanapun kawasan-kawasan ini mempunyai kedudukan yang terpencil dan sukar menyediakan kemudahan berkenaan dengan cara yang lebih ekonomik oleh pembekal-pembekal perkhidmatan utiliti berkenaan.

Bagaimanapun, adalah menjadi dasar kerajaan untuk menyediakan kemudahan berkenaan di semua kawasan di negara ini terutama kawasan-kawasan luar bandar yang terpencil melalui pengenalan pelbagai kaedah dan teknologi yang mudah, dengan izin, viable untuk dilaksanakan.

Tuan Yang di-Pertua, inilah penjelasan yang dapat saya beri ke atas perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat

Tuan Yang di-Pertua: Yan bangun, Yang Berhormat.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Minta penjelasan sedikit, Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak minta penjelasan dari Yang Berhormat Timbalan Menteri, adakah pihak kerajaan berpuas hati dengan caj-caj yang dibuat oleh pihak IPP (Independent Power Plant) ini apabila mereka jual tenaga kepada TNB? Adakah harga itu benar-benar menguntungkan Tenaga Nasional dan adakah sekarang ini keperluan begitu - saya difahamkan agak melebihi, excess of power? Jadi, apakah tindakan kerajaan supaya excess of power ini tidak akan menanggung rugi oleh pihak TNB dan adakah pihak kerajaan bercadang supaya pada masa depan ini privatisation atau Independent Power Plant mestilah bekerjasama dengan TNB - joint venture supaya TNB tidak menanggung bebanan dan kadang-kadang kerugian dari segi pembelian tenaga. Terima kasih.

Dato' Chan Kong Choy: Tuan Yang di-Pertua, dalam beberapa IPP memang TNB telah dipelawa untuk mengambil bahagian dalam ekuitinya. Sebenarnya kebanyakan IPP, di mana TNB memegang ekuiti yang boleh dikatakan substantial. Mengenai margin reserved yang agak tinggi oleh kerana kegawatan sekarang, memang IPP telah diminta supaya mencari jalan dengan TNB supaya dapat meringankan beban yang ditanggung oleh TNB. Memang perundingan masih dijalankan dan beberapa persetujuan telah pun dicapai dan perundingan masih juga diteruskan untuk meringankan beban yang ditanggung oleh TNB.

Satu persetujuan yang telah didapati dipersetujui oleh semua pihak ialah satu tabung ataupun dana telah diwujudkan, di mana semua IPP dikehendaki mengeluarkan 1% daripada turnover mereka. Sumbangan mereka untuk mewujudkan dana ini, dan dana ini akan digunakan untuk membekalkan bekalan elektrik ke luar bandar. Maka dengan cara-cara yang saya sebutkan tadi, IPP memang telah memainkan peranan mereka untuk membantu pihak TNB membangunkan industri bekalan elektrik di dalam negara kita.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: [Bangun]

Dato' Chan Kong Choy: Sekiranya terdapat perkara-perkara lain yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang saya tidak sempat menjawabnya, saya memohon maaf kepada Ahli Yang Berhormat berkenaan. Saya berjanji bahawa Kementerian Tenaga

Tuan Yang di-Pertua: Ada yang bangun pula itu.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, saya minta maaf sedikit Yang Berhormat Timbalan Menteri. Tadi, Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab soalan Yang Berhormat dari Sri Aman dan Selangau berhubung dengan telefon dan elektrik luar bandar. Jadi, sebagaimana Yang Berhormat Timbalan Menteri amat peka iaitu soalan undang-undang multimedia dan telekomunikasi, ada memberi satu sistem kita mempunyai dana yang akan ditubuhkan untuk menyampaikan di mana tidak economically viable di luar bandar umpamanya.

Jadi, persoalan saya, dana ini ditubuh dan mungkin undang-undang dilaksanakan pada bulan April tahun ini juga. Persoalan pertama, apakah skop dana ini, adakah ia tertumpu sahaja kepada penyampaian telefon sahajakah ataupun termasuk elektrik ke luar bandar? Yang kedua, sehingga peringkat ini, berapa banyakkah sumbangan yang telah diterima ataupun dalam jangka kementerian untuk tahun 1999 ini, berapakah banyak sumbangan daripada syarikat-syarikat yang ada penglibatan dengan telekomunikasi dan media ini kepada dana ini. Terima kasih.

Dato' Chan Kong Choy: Tuan Yang di-Pertua, dana yang saya sebutkan tadi, khususnya untuk bekalan elektrik di luar bandar dan ia tidak meliputi telekomunikasi tetapi dalam akta baru iaitu Akta Komunikasi dan Multimedia yang sudah berkuatkuasa pada 1 April ini, di mana semua pengusaha ataupun operator perkhidmatan telekomunikasi diwajibkan melaksanakan USO (Universal Service of Obligation) di mana mereka akan disuruh untuk memainkan peranan sama ada melalui pewujudan satu dana ataupun cara lain, supaya mereka dapat memainkan peranan yang aktif dan secara langsung untuk membekalkan perkhidmatan telekomunikasi di kawasan luar bandar ini.

Garis panduan-garis panduan belum dapat diselesaikan kerana akta ini baru dikuatkuasakan tetapi di bawah akta ini, semua pengusaha perkhidmatan telefon akan diwajibkan untuk memainkan peranan secara langsung dan aktif untuk membekalkan kemudahan. Economic viability ini tidak akan diterima sebagai alasan lagi. Dana yang saya sebutkan tadi adalah lain, dana disumbang oleh IPP ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya berjanji bahawa kementerian saya akan mengambil perhatian terhadap sebarang teguran dan pandangan yang membina dan seterusnya mengambil tindakan yang sewajarnya untuk menangani masalah yang berkaitan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Kementerian Pembangunan Luar Bandar.

3.50 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar [Datuk Douglas Uggah Embas]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi perhatian dan turut membincangkan perkara-perkara di bawah bidang kuasa Kementerian Pembangunan Luar Bandar dalam perbahasan Ucapan Terima Kasih kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Tuan Yang di-Pertua, sepanjang perbahasan ini, isu-isu mengenai pembangunan dan penyediaan infrastruktur luar bandar, program pembasmian kemiskinan, pembangunan dan perancangan tanah, kemas dan risda telah menarik minat seramai tujuh ahli yang terhormat.

Tuan Yang di-Pertua, isu-isu mengenai pembangunan dan penyediaan infrastruktur luar bandar telah menarik minat empat orang Ahli Yang Berhormat. Ahli Yang Berhormat dari Sri Aman, Ahli Yang Berhormat dari Selangau, Ahli Yang Berhormat dari Sibu dan Ahli Yang Berhormat dari Sipitang telah membangkitkan

beberapa isu mengenai program infrastruktur, khususnya program menaiki taraf jalan kampung dan bekalan elektrik luar bandar. Isu-isu yang dibangkitkan dalam penyediaan senarai PJK dan pelaksanaan projek PJK secara konsep payung perlu dikawal selia dengan rapi bagi memberi manfaat sepenuh kepada penduduk luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sememangnya sedar dan memberi sepenuh perhatian dan keutamaan kepada usaha mempercepatkan penyediaan jalan perhubungan yang berkualiti di kawasan-kawasan luar bandar termasuk kampung-kampung terpencil di kawasan-kawasan rumah panjang di negeri Sarawak dan di negeri Sabah. Sebagai contoh, walaupun menghadapi masalah kegawatan ekonomi, kerajaan telah menambah peruntukan PJK daripada RM195 juta pada tahun 1998 kepada RM225 juta pada tahun 1999 dan bagi jalan luar bandar daripada RM155 juta pada tahun 1998 kepada RM250 juta pada tahun 1999. Dengan penambahan peruntukan tersebut adalah dianggarkan lebih kurang 3,500 projek jalan kampung sepanjang 3,000 kilometer dapat dilaksanakan pada tahun 1999 berbanding dengan 2,260 projek sepanjang 1,700 kilometer pada tahun 1998.

Dalam usaha untuk mempercepatkan dan mencekapkan pelaksanaan PJK, kerajaan telah melaksanakan konsep payung mulai bulan Disember 1997. Pelaksanaan konsep payung ini adalah untuk mengatasi kelemahan-kelemahan yang dihadapi dalam pembangunan jalan-jalan kampung, kelemahan-kelemahan tersebut termasuk kualiti jalan yang rendah, jalan cepat rosak, pembinaan tidak mengikut spesifikasi, kurang penyeliaan semasa pembinaan projek, tidak diselenggara dan tidak direkod atau inventory jalan tidak lengkap dan tidak kemas kini. Ianya juga adalah selaras dengan matlamat falsafah dan strategi baru pembangunan luar bandar untuk menyediakan infrastruktur yang berkualiti, di samping mewujudkan sistem penyampaian yang efisien dan berkesan.

Konsep ini telah berjaya menghasilkan banyak kesan positif khususnya dari segi pendekatan kualiti, jalan-jalan yang dibina melalui penyeliaan dan lebih rapi dan juga sistem pemantauan yang lebih kerap. Namun demikian, kerajaan akan terus mengambil langkah-langkah untuk memperkemarkan lagi pelaksanaan projek di bawah sistem ini dengan memperbanyakkan lagi kontraktor anak payung dari 1,380 kepada 2,000, mempercepatkan bayaran oleh kontraktor payung kepada anak payung dan mempertingkatkan pemantauan pelaksanaan projek.

Mengenai cadangan supaya senarai PJK diselaraskan terlebih dahulu dengan Pejabat Daerah dan Wakil Rakyat sebelum dilaksanakan, sukacita dijelaskan bahawa senarai PJK yang diluluskan kepada negeri-negeri adalah berdasarkan kepada permohonan dan perakuan Pejabat Daerah melalui Pejabat Pembangunan Negeri dan Wakil-wakil Rakyat.

Kontraktor payung hanya menerima senarai-senarai projek PJK yang telah diluluskan oleh kementerian setelah dibuat semakan tapak oleh perunding. Ini adalah bertujuan untuk memastikan jalan-jalan yang dilaksanakan itu adalah mengikut keperluan dan keutamaan yang ditetapkan oleh negeri-negeri.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sememangnya sedar dan memberi penuh perhatian dan keutamaan kepada penyeliaan kemudahan utiliti yang berkualiti dan mencukupi di luar bandar. Ini terbukti walaupun dalam keadaan negara mengalami kegawatan ekonomi, kerajaan telah mempertahankan dan bersedia menambah peruntukan bagi keperluan penyediaan kemudahan asas di luar bandar. Umpamanya, bagi projek bekalan elektrik luar bandar, ceiling untuk negeri Sabah dan Sarawak, ceiling peruntukan Rancangan Malaysia Ketujuh telah ditambah daripada RM150 juta dan RM160 juta kepada masing-masing RM1167.5 juta dan RM207.5 juta.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, 93% dari seluruh peruntukan bekalan elektrik luar bandar adalah untuk negeri Sabah dan Sarawak. Peruntukan bagi tahun 1999 bagi kedua-dua negeri ini juga telah ditambah sebanyak RM10.7 juta iaitu daripada RM60.1 juta kepada RM70.8 juta.

Namun begitu, disebabkan kawasan liputannya luas, kedudukan kampung-kampung yang terpencil di pedalaman dan melibatkan kos yang tinggi,

Tuan Yunus bin Rahmat: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ada yang bangun.

Tuan Yunus bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin penjelasan daripada Yang Berhormat Datuk Setiausaha Parlimen. Kita ucap tahniah di atas pencapaian yang begitu cemerlang dalam usaha kementerian untuk memperkemaskan lagi prasarana kepada orang kampung. Melalui konsep payung yang telah dilaksanakan pada tahun lepas, kita lihat bahawa kualiti jalan yang dibina amat memuaskan dan beberapa buah kontraktor payung telah pun berjaya memayungi beberapa kontraktor Kelas 'F' yang ada di seluruh daerah. Tetapi saya ingin bertanya apakah kedudukan kontraktor Kelas 'F' yang telah dirangkumkan bagi diberikan program ataupun projek pada tahun lepas juga diambil kira pada tahun ini tanpa menambah bilangan-bilangan Kelas 'F' yang sepatutnya diberikan juga peluang pada tahun ini.

Tuan Yang di-Pertua, di samping itu, seperkara lagi, apakah kedudukan jalan-jalan di dalam kawasan FELDA yang telah memperolehi hak milik tanah daripada kerajaan negeri dan juga FELDA, adakah pihak Kementerian Pembangunan Luar Bandar bertanggungjawab bagi memperkemas dan memperlengkapkan jalan-jalan yang telah dibina dahulu oleh FELDA memandangkan tanggungjawab FELDA telah pun terlepas kepada pembangunan kawasan di dalam FELDA ini. Terima kasih.

Datuk Douglas Uggah Embas: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat. Mengenai soalan pertama, apakah kedudukan Kelas 'F' sama ada ia hendak ditambah atau sebagainya. Bagi kontraktor Kelas 'F' yang telah masuk dalam mengerjakan projek-projek tahun 1998, prestasi mereka telah pun dinilai dan ada dari beberapa mereka yang mungkin akan disambung dan ada juga oleh kerana pencapaian ataupun prestasi tidak begitu baik, ia mungkin akan diberi amaran dan mungkin tidak ada projek bagi tahun ini.

Seperti yang saya sebutkan tadi, kita akan menambah jumlah kontraktor Kelas 'F' yang membuat kerja pada tahun 1999 dari 1,380 kepada 2,000. Jadi, ada peluang untuk Kelas 'F' yang baru untuk masuk sama terlibat dalam kerja projek jalan kampung program payung ini.

Mengenai soalan yang kedua, bagi kita di kementerian, kita memberi keputusan sama ada jalan itu patut diselenggara oleh kementerian kepada kerajaan negeri kerana Pejabat Pembangunan Negeri yang akan menentukan sama ada sesuatu jalan itu patut dimasukkan ke dalam program ini atau tidak. Kalau didapati ianya harus dimasukkan dan kita tidak ada halangan.

Namun begitu, disebabkan kawasan liputannya luas, kedudukan kampung-kampung yang terpencil di pedalaman dan melibatkan kos yang tinggi, pelaksanaan projek-projek tersebut terpaksa dibuat secara berperingkat-peringkat mengikut keutamaan. Ada juga kampung-kampung tersebut tidak viable untuk disambung kepada talian utama grid, maka sistem alternatif digunakan. Di antara sistem tersebut ialah sistem alternatif perjalan elektrik seperti solar, generator sets, hibrid battery generator dan hibrid mini hidro.

Tuan Yang di-Pertua, isu-isu mengenai program pembasmian kemiskinan pula telah menarik perhatian oleh Ahli Yang Berhormat dari Kluang, Ahli Yang Berhormat dari Sri Aman dan Ahli Yang Berhormat dari Selangau.

Ahli Yang Berhormat dari Kluang telah membangkitkan isu mengenai pertambahan kadar kemiskinan akibat kegawatan ekonomi. Bagi tempoh Rancangan Malaysia Ketujuh, teras pembasmian golongan kemiskinan ialah dengan mensifarkan golongan ini dengan mengurangkan kadar kemiskinan kepada kira-kira 0.5% menjelang tahun 2000. Tidak dapat dinafikan bahawa dengan berlakunya keadaan kegawatan ekonomi, kadar kemiskinan dijangka meningkat.

Strategi dan program di bawah PPRT untuk menghadapi pertambahan kadar kemiskinan ini adalah dengan meningkatkan lagi pelaksanaan projek-projek ekonomi dan komersial seperti program peningkatan ekonomi kampung dan PPRT pertanian. Di samping itu, pelaksanaan projek-projek ladang PPRT melalui pembangunan tanah secara besar-besaran melalui agensi kerajaan atau badan-badan korporat seperti FELCRA Berhad juga digalakkan. Pembangunan ladang-ladang ini dirancang di negeri-negeri yang masih mempunyai simpanan tanah yang belum dibangunkan.

Pelaksanaan projek-projek ini diharap dapat memberikan peluang yang mencukupi untuk membiayai pertambahan golongan termiskin akibat kegawatan ekonomi.

Yang Berhormat dari Sri Aman pula mempersoalkan kaedah pendaftaran keluarga termiskin di bawah Program PPRT di Sarawak. Sehingga kini, daftar dan profail keluarga termiskin 1995/1996 digunakan untuk panduan perancangan projek bagi mengatasi masalah kemiskinan terutama golongan keluarga termiskin. Bagi negeri Sarawak, usaha penyediaan daftar tersebut merupakan percubaan pertama untuk memperolehi maklumat yang selengkap mungkin. Walau bagaimanapun, terdapat masalah penempatan mekanisme yang paling berkesan bagi pengumpulan maklumat, sesi penerangan, borang dan buku panduan yang disediakan oleh kementerian. Masalah kefahaman dan komitmen dari pihak pelaksana untuk mencapai tempoh yang diberikan menghasilkan maklumat yang tidak lengkap dan sebaran yang menyeluruh.

Perancangan dan penyediaan maklumat yang dikutip dalam tempoh yang ditetapkan tidak dapat mengumpulkan semua maklumat dan kementerian tidak dapat memberikan tempoh lebih lama lagi sebab semasa sesi penerangan, kesanggupan telah diberikan oleh agensi jabatan pelaksanaan. Walau bagaimanapun, hasilnya sememangnya tidaklah seperti yang dijangkakan. Ini adalah disebabkan terdapat pelbagai agensi jabatan yang terlibat diselaras oleh pejabat daerah sebelum ianya dibuat kemasukan data di peringkat negeri dan kementerian ini.

Walaupun bagaimanapun, konsep pendaftaran terbuka memberi peluang kepada pejabat daerah serta agensi jabatan di peringkat daerah dan negeri dan kepada Yang Berhormat juga untuk memperakukan keluarga termiskin baru dan layak untuk dipertimbangkan mendapat apa-apa bantuan di bawah PPRT. Walaupun seperti yang dibangkitkan satu keluarga di Lubok Antu ini merupakan senarai yang belum lengkap kerana senarai yang terkini ada 475 keluarga termiskin di daerah Lubok Antu.

Dalam usaha untuk mengemaskinikan maklumat keluarga termiskin seterusnya, kementerian ini tiada pilihan, masih bergantung kepada pejabat daerah dan Jawatankuasa Pembasmian Kemiskinan PPRT di peringkat daerah untuk mengenal pasti mereka dan memperakukan keluarga berkenaan untuk menyampaikan projek PPRT. Sehubungan dengan itu, kementerian ini sentiasa menyemak mekanisme dan melibatkan agensi jabatan kerajaan, pusat dan negeri untuk menyampaikan maklumat di samping melaksanakan projek-projek.

Tuan Yang di-Pertua, sementara Yang Berhormat dari Selangau menyarankan supaya KPLB tidak menerima senarai PPRT yang disediakan oleh Jabatan Kebajikan dengan sewenang-wenangnya. Kementerian ini menggunakan pelbagai sumber untuk mendapatkan maklumat yang bersesuaian berkaitan dengan keperluan projek-projek yang dilaksanakan.

Jabatan Kebajikan Masyarakat merupakan salah satu sumber bagi mengenal pasti keluarga tua, uzur dan cacat. Walau bagaimanapun, ianya tidak semestinya layak untuk projek-projek lain di bawah PPRT tanpa maklumat keluarga lain yang lengkap dan perakuan Jawatankuasa Pembasmian Kemiskinan PPRT di peringkat daerah. Maklumat yang dikemukakan dari mana-mana agensi, jabatan akan disemak oleh agensi lain untuk menentukan kesahihannya. Tambahan pula, pelaksanaan projek PPRT semasa lebih memberi tumpuan kepada kumpulan, kawasan atau kampung tertentu bukan lagi secara individu supaya ramai keluarga termiskin mendapat manfaat daripada projek yang dilaksanakan.

Tuan Yang di-Pertua, isu-isu mengenai permohonan rancangan tanah pula, telah disentuh oleh tiga Ahli Yang Berhormat. Yang Berhormat daripada Sipitang meminta supaya program ekonomi luar bandar dengan penglibatan agensi kerajaan seperti FELCRA dipertingkatkan. Dimaklumkan bahawa aktiviti permohonan FELCRA Berhad di negeri Sabah telahpun mula pada Januari 1995. Sehingga kini FELCRA Berhad wilayah Sabah telah maju ke sembilan buah projek melibatkan keluasan 3,927 hektar dengan tanaman kelapa sawit.

Bagi tahun 1999, FELCRA Berhad telah bercadang memajukan tujuh projek ladang melibatkan keluasan dirancang 3,500 hektar.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Selangau pula minta supaya RISDA dan FELCRA beroperasi di Sarawak. Suka dimaklumkan bahawa aktiviti pengeluaran FELCRA Berhad di negeri Sarawak telah bermula pada tahun 1987 dengan pelaksanaan program pembukaan tanah di kawasan RASCOM. Sementara itu RISDA bersedia mengkaji kesesuaian sama ada boleh melaksanakan projek pembukaan tanah di negeri Sarawak. Sehingga kini FELCRA Berhad Sarawak telah memajukan 73 buah projek ladang melibatkan keluasan 11,940 hektar dengan tanaman kelapa sawit.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Sibiu membangkitkan mengenai peruntukan pembangunan luar bandar Sarawak. Bagi tahun 1999 dari jumlah peruntukan pembangunan luar bandar sebanyak RM1.46 billion, Sarawak telah diperuntukkan sebanyak RM120.59 juta atau 11.5% yang terbanyak. Ini menggambarkan perhatian berat diberi perhatian terhadap usaha-usaha pembangunan luar bandar di Sarawak. Pecahan peruntukan tersebut adalah KEMAS - RM4.87 juta, prasarana - RM97.6 juta, PPRT - RM13.1 juta, tanaman semula getah - RM5.02 juta.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai teguran KEMAS, Yang Berhormat dari Selangau meminta supaya kementerian menjelaskan mengenai rancangan untuk mengenal pasti rumah-rumah panjang dan kampung yang belum mempunyai kelas tabika di Sarawak. Kementerian sedar atas betapa penting kelas tabika kepada penduduk luar bandar termasuk luar bandar Sarawak. Maka perancangan telah dibuat untuk mengembangkan tabika seberapa banyak yang boleh tertakluk kepada peruntukan yang ada.

Pada tahun ini kementerian merancang menubuhkan 28 buah tabika di seluruh Sarawak. Di samping itu juga bagi memastikan kanak-kanak di pedalaman Sarawak mendapat tahap pendidikan prasekolah, KEMAS telah bekerjasama dengan Jabatan Ketua Menteri Sarawak melatih seramai 31 orang sukarelawan Penan dalam pendidikan asas

prasekolah pada tahun 1997. Kerjasama dalam bentuk latihan akan diteruskan dari masa ke semasa.

Tuan Yang di-Pertua, selepas kajian terdapat beberapa kawasan yang tidak dapat diliputi dan tidak dapat ditubuhkan Tabika KEMAS oleh beberapa sebab. Yang pertama, kebanyakan rumah panjang dan bilangan kanak-kanak antara umur empat ke enam tahun kurang dari sepuluh orang. Manakala prosedur penubuhan Tabika KEMAS ialah tidak kurang dari dua puluh orang kanak-kanak.

Yang kedua, jarak antara rumah panjang berjauhan dan tidak dapat dikelompokkan kanak-kanak yang kurang jumlah dalam sebuah kelas tabika.

Tuan Yang di-Pertua, isu mengenai RISDA juga telah menarik perhatian Yang Berhormat dari Mentakab dan Senai. Yang Berhormat dari Mentakab membangkitkan isu mengenai perjanjian yang berat sebelah di antara pekebun kecil dan RSPSB. Adalah tidak benar perjanjian di antara pekebun kecil dengan RSPSB berat sebelah kerana tujuan pembangunan tanah semula dan pengurusan RSPSB mempunyai objektif-objektif tertentu:

- (i) untuk memberi manfaat kepada pekebun kecil dari segi kemudahan pengurusan profesional dan pembayaran penggunaan tanah mereka;
- (ii) untuk membangun dan memajukan tanah pekebun kecil melalui penyatuan tanah. Mereka menjadi satu kawasan yang lebih ekonomi dan jurusan secara profesional;
- (iii) untuk menggembelngkan semua sumber dan mengawal perbelanjaan bagi memaksimumkan pulangan secara berterusan;
- (iv) untuk menjadikan tenaga mahir secukupnya;
- (v) untuk mempercepatkan penggunaan teknologi yang sesuai dalam semua bidang;
- (vi) untuk mempelbagaikan aktiviti ekonomi melalui pelaksanaan projek-projek sampingan; dan
- (vii) meningkatkan kecekapan pemasaran melalui penjualan pukal produk berkualiti.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Senai pula mencadangkan supaya pekebun kecil yang ingin memohon subsidi RISDA diberi pilihan. Sukacita dimaklumkan bahawa sememangnya RISDA memberi pilihan kepada pekebun-pekebun kecil untuk memberi keputusan sendiri sama ada memajukan tanah mereka sendiri atau tidak.

Tuan Fu Ah Fiow: Tuan Yang di-Pertua, walaupun saya terima bahawa tujuan RISDA memang ikhlas untuk manfaat pekebun kecil, tetapi apakah sebab kalau itulah tujuannya, apakah sebab dalam perjanjian RSPSB dengan pekebun kecil tidak terkandung langsung tanggungjawab anak syarikat tersebut dan cara untuk membayar segala pulangan kepada pekebun kecil sebab dalam perjanjian yang diedarkan kepada semua pekebun kecil di mana didapati ada tanggungjawab oleh pekebun kecil menyerahkan tanah kepada pihak RSPSB, tetapi dalam perjanjian tidak langsung terkandung mana-mana tanggungjawab pihak RSPSB untuk membayar kepada pekebun kecil. Misalnya dalam Bahagian II - apa yang terkandung di sini ialah pengurus berjanji akan membelanjakan apa-apa bantuan yang diterima sama ada daripada RISDA atau lain-lain agensi untuk kepentingan dan kebaikan tanah tersebut.

Itu sahaja yang disebutkan tetapi tidak terkandung dalam mana-mana peruntukan bagaimana syarikat ini akan membayar kepada pekebun kecil, langsung tidak disentuh.

Soal kedua ialah adakah ini bermakna kalau pekebun-pekebun kecil enggan menandatangani dengan RSPSB bermakna permohonan untuk mendapatkan tanaman semula tidak akan dipertimbangkan langsung. Minta penjelasan.

Datuk Douglas Uggah Embas: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat dari Mentakab tadi. Mengenai perkara yang pertama, perkara ini telah pun disedarkan kepada kementerian dan untuk makluman Yang Berhormat, beberapa isu perjanjian itu telah pun diubah untuk memberi tanggungjawab kepada RSPSB yang diperlukan supaya perjanjian itu lebih berimbang. Jadi, perkara itu telah pun diselesaikan.

Mengenai perkara yang kedua, memang kalau tuan punya tanah tidak mahu masuk RSPSB kita melihat sama ada program untuk menanam semula itu viable atau tidak kepada pekebun-pekebun kecil itu kerana kita menghadapi pelbagai masalah sehingga seperti sekarang masalah harga getah dan sebagainya dan oleh kerana masalah pengurusan, pemasaran dan juga masalah untuk menggunakan teknologi baru dan juga masalah supaya economy skill dapat juga diambil kira. Jadi, kita memang menggalakkan dengan sedaya upaya dengan merayu kepada pekebun-pekebun kecil untuk masuk bersama-sama di dalam program ini tetapi kalau dia masih memilih untuk tidak masuk dan kita memberi hak itu kepada pekebun kecil.

Tuan Fu Ah Kiow: Tuan Yang di-Pertua....

Datuk Douglas Uggah Embas: Yang Berhormat dari Selangau telah...

Tuan Yang di-Pertua: Beri dia bertanya dahulu ya.

Tuan Fu Ah Kiow: Tuan Yang di-Pertua, satu penjelasan lagi iaitu adakah benar bahawa kebanyakan projek mini estet dan projek TSB yang diuruskan oleh anak syarikat RISDA adalah kurang berjaya? Minta penjelasan.

Datuk Douglas Uggah Embas: Tuan Yang di-Pertua, tidak benar. Kebanyakan projek itu berjaya dijalankan mengikut apa yang dirancangan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Selangau telah mendedahkan bahawa 60% rumah-rumah panjang dan kampung-kampung di seluruh Sarawak dan 70% daripada kawasan beliau belum mendapat kemudahan asas. Tuan Yang di-Pertua, saya berharap Yang Berhormat dari Selangau berhati-hati apabila mendedahkan angka di dalam ucapan khususnya apabila angka itu adalah angka rambang kerana ada pihak pembangkang yang bersedia menggunakan angka tersebut demi kepentingan mereka sendiri.

Misalnya, Yang Berhormat dari Tumpat telah menggunakan angka tersebut untuk mengecam Kerajaan Barisan Nasional tanpa mengkaji sama ada angka itu tepat atau tidak. Tuan Yang di-Pertua, saya menasihatkan Yang Berhormat dari Tumpat untuk melawat Sarawak untuk melihat sendiri perubahan pembangunan di negeri Sarawak hasil usaha Kerajaan Barisan Nasional. Adalah tidak perlu untuk Yang Berhormat menasihatkan penceramah-penceramah UMNO di Kelantan untuk melawat Sarawak kerana mereka telah melawat Sarawak dan melihat sendiri pembangunan di seluruh negeri Sarawak termasuk di luar bandar, malah ada penceramah-penceramah UMNO tersebut membantu Kerajaan Negeri Sarawak membangunkan negeri tersebut.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Tumpat, Sarawak telah berjaya mengurangkan kadar kemiskinan daripada 56.5% pada tahun 1976 kepada 10% pada tahun 1995. Keluarga termiskin telah dikurangkan daripada 18,700 pada tahun 1992 kepada 9,000 pada tahun 1997. Liputan bekalan elektrik luar bandar untuk Sarawak adalah 75%.

Bagi bekalan air pula adalah 70% sehingga tahun 1997. Ini adalah beberapa bukti kejayaan usaha Kerajaan Barisan Nasional membangunkan negeri Sarawak kerana kejayaan tersebutlah, rakyat Sarawak tetap menyokong Kerajaan Barisan Nasional kerana Barisan Nasionallah yang telah berjaya memajukan negeri ini. Inilah sebab BN telah memenangi semua pilihan raya di negeri Sarawak semenjak merdeka.

Tuan Yang di-Pertua, saya menasihatkan Yang Berhormat dari Tumpat untuk mempelajari daripada pengalaman orang Sarawak dan mengikut langkah mereka menyokong Barisan Nasional. Apa yang telah dikatakan oleh penceramah UMNO di Kelantan adalah tepat, benar dan terbukti.

Tuan Yang di-Pertua, akhir kata saya mengucapkan terima kasih sekali lagi kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang memberi pandangan dalam ucapan mereka dan apa-apa perkara yang tidak dibangkitkan.....

Tuan Yang di-Pertua: Jelebu, bangun.

Tuan Yunus bin Rahmat: Sedikit sahaja. Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, mengenai penyelia KEMAS kita ke arah untuk memperlengkapkan lagi tugas-tugas bagi penyusunan semula masyarakat di kawasan luar bandar dan menekankan soal-soal pendidikan kepada anak-anak di kawasan luar bandar. Jadi, kementerian memang maklum – pohon penjelasan sedikit – sedangkan kakitangan dan juga penyelia KEMAS kebanyakan di kawasan Parlimen dan DUN berkurangan. Saya difahamkan satu temu duga sedang berjalan dan mengapakah keadaan ini berlarutan dan seolah-olah kekosongan itu dibiarkan.

Di Jelebu saya mempunyai tiga kekosongan penyelia Dewan Undangan Negeri dan kawasan DUN. Jadi, bilakah agaknya jawatan-jawatan penyelia ini dapat diisi memandangkan kepentingan yang begitu mendesak bagi program-program yang dilaksanakan oleh KEMAS akan dapat dilaksanakan terutamanya memperlengkap dan memperkemaskan program Gerakan Desa Wawasan dan juga pembangunan kutubkhanah dan sebagainya. Terima kasih.

Datuk Douglas Uggas Embas: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat dari Jelebu yang ingin tahu bilakah hendak mengisi kekosongan penyelia-penyelia yang masih kosong. Betul?

Tuan Yang di-Pertua, kementerian telah dan sedang menjalankan temu duga kepada calon-calon untuk mengisi jawatan-jawatan yang kosong dan kita memerlukan mengikut beberapa peraturan tertentu dan selepas peraturan telah dipenuhi, saya percaya kita akan mengisikannya dengan secepat mungkin. Kita tahu dalam keadaan kita hendak membangunkan kampung-kampung kalau tidak cukup pegawai, ianya akan menjadi satu masalah dan kementerian memang sedar perkara ini dan kita akan berusaha dengan sedaya upaya untuk mengisi jawatan ini dengan secepat mungkin. Saya tidak dapat memberi exact date, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah memberikan pandangan. Apa-apa perkara yang tidak disentuh dan tidak dijawab di sini akan diambil perhatian oleh kementerian kerana kita pun bersama-sama untuk berusaha membangunkan kawasan luar bandar. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Kementerian Luar Negeri.

4.18 ptg.

Menteri Luar Negeri [Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar]: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat

yang telah menyentuh perkara-perkara di bawah bidang Kementerian Luar Negeri semasa membahaskan Titah Diraja dari 6 April 1999 sehingga kepada 19 April 1999.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat telah menyentuh beberapa isu, di antaranya ialah berkenaan dengan isu Suruhanjaya Kebangsaan mengenai Hak Asasi Manusia, dengan izin, National Commission on Human Rights. Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bendera telah membangkitkan isu ini pada 15 April. Suka saya maklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa saya bercadang untuk membentangkan, insya-Allah, draf akta penubuhan Suruhanjaya ini di sesi Parlimen yang akan datang pada bulan Julai. Memandangkan keadaan sedemikian, saya berpendapat adalah lebih baik jika kementerian ini membahas isu yang telah dibangkitkan secara terperinci pada sesi tersebut.

Walau bagaimanapun, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat Malaysia memang selama ini telah mengamalkan hak asasi manusia seperti yang terkandung di dalam Perlembagaan kita. Di samping itu kita mengamalkan satu dasar untuk menentukan bahawa hak dan kepentingan rakyat terjamin dan ianya dapat membela nasib dan masa depan rakyat.

Tuan Lim Kit Siang: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Saya baru mulakan, nanti biar saya habis satu para itu baru saya beri Yang Berhormat ya.

Sebagaimana kita ketahui, kita juga mempunyai sistem perundangan dan kehakiman yang bebas, yang membolehkan rakyat untuk mengemukakan apa juga perselisihan dan salah faham ke mahkamah secara bebas, telus demi kepentingan semua peringkat mengikut peruntukan dan lunas perundangan yang ada.

Malaysia selama ini telah mengamalkan langkah-langkah mempertahankan dan menggalakkan hak asasi manusia dan penubuhan suruhanjaya ini merupakan salah satu langkah kerajaan dalam usaha ini.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Lim Kit Siang: Terima kasih. Yang pertama saya mahu tanya, bolehkah Yang Berhormat Menteri menerangkan kenapa National Commission Human Rights di bawah bidang Kementerian Luar Negeri dan bukan kementerian-kementerian yang lain, yang nampaknya agak awkward. Kedua, adakah usaha untuk menubuhkan National Commission Human Rights dibuat antara pakej yang lebih menyeluruh supaya ada satu kajian dan usaha untuk memperbaiki rekod hak asasi Malaysia dan adakah ini diadakan dengan consultation, perundingan dengan semua badan-badan yang prihatin dalam perkara ini, parti-parti politik sama ada dalam kerajaan atau pembangkang dan NGO?

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Yang di-Pertua, persoalan mengenai mengapa ianya di bawah bidang Kementerian Luar Negeri ialah kerana penubuhan ini adalah sejajar dengan apa yang dituntut di peringkat piagam Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu terhadap hak asasi manusia dan persoalan ini selalu ditimbulkan di peringkat antarabangsa. Oleh itu ianya perlu ditangani oleh Kementerian Luar Negeri dan jika ia memerlukan penglibatan mana-mana agensi atau Kementerian Dalam Negeri, ia akan sentiasa diselaraskan oleh Kementerian Luar Negeri. Oleh kerana kerajaan ini adalah satu kerajaan, ia tidak mempunyai masalah, buat masa ini ia diletakkan di bawah Kementerian Luar Negeri.

Saya ingin menjelaskan kepada Yang Berhormat, negara kita tidak perlu apologetic berkenaan soal hak asasi. Selama ini pun kita telah mengamalkan hak asasi dan

kita telah memberikan kebebasan dan hak rakyat di dalam pelbagai perkara. Sebab itu negara kita dapat membangun, ada perpaduan di kalangan rakyat dan ia membolehkan kita untuk bergerak dengan bebas dan menubuhkan parti politik dan mengkritik kerajaan.

Oleh itu, ini bukanlah sesuatu yang bertujuan untuk memperbaiki rekod kita, tetapi untuk terus mempertingkatkan dan mempertahankan soal hak asasi di dalam negara kita. Apabila saya umumkan berkenaan penubuhan suruhanjaya hak asasi, maka mana-mana pihak pun yang ingin memberikan pendapat dia, boleh memberikan pendapatnya. Akhirnya kerajaan yang akan membuat keputusan dan kita akan membentangkan akta itu di Dewan ini untuk dibahaskan dan diperbincangkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Oleh itu ia bukan satu Parlimen perkara yang rahsia, tetapi secara tulus dan terbuka untuk kita sama-sama bincangkan bagi kepentingan kita bersama.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menjelaskan beberapa perkara di antara objektif suruhanjaya ini sebagai secara ringkas untuk menjawab persoalan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat dari Bukit Bendera:

- (i) ianya akan diberikan mandat untuk menyiasat dan mengesahkan salah laku hak asasi manusia;
- (ii) melawat tempat-tempat tahanan;
- (iii) mengeluarkan kenyataan hak asasi apabila perlu.

Seramai tidak lebih 20 ahli suruhanjaya akan dilantik bagi tempoh yang akan ditetapkan oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Itu sedikit sebanyak yang saya ingin jelaskan secara ringkas.

Selain daripada mandat-mandat yang telah disebutkan sebelum ini, suruhanjaya ini kelak akan ditugaskan untuk mengkaji surat cara-surat cara hak asasi manusia yang sedia ada dan selanjutnya diminta mencadangkan kepada kerajaan mana-mana surat cara yang wajar ditandatangani, diratifikasi atau disertai oleh Malaysia.

Surat cara-surat cara yang dimaksudkan adalah termasuk surat cara hak asasi manusia yang telah Yang Berhormat dari Bukit Bendera, iaitu International Governance on Economic Social and Culture Rights and International Governance on Civil and Political Rights, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, adalah kurang tepat jika dikatakan bahawa Malaysia adalah salah satu penandatangan kepada deklarasi sejagat mengenai hak asasi manusia (Universal Declaration on Human Rights). Sebagaimana yang telah dimaklumkan kepada Dewan yang mulia ini pada 19 April 1999, deklarasi ini tidak mempunyai ikatan undang-undang dan tidak perlu ditandatangani seperti surat cara-surat cara lain. Deklarasi tersebut hanyalah satu kenyataan deklarasi sahaja yang mengandungi senarai hak-hak asasi manusia di mana dicadangkan penerimaannya oleh negara-negara.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Kubang Kerian telah membangkitkan isu negara-negara OIC dan D8. Malaysia sentiasa mengambil peranan yang proaktif di dalam OIC dan juga D8 yang menjadi sebahagian daripada OIC. Di forum-forum ini Malaysia telah mengambil daya utama untuk memberi pendapat, pandangan serta memberikan panduan untuk memperbaiki taraf hidup rakyat melalui kerjasama ekonomi dan perdagangan.

Selain dari usaha ini Malaysia juga turut serta memainkan peranan aktif untuk memperbaiki imej umat Islam yang lebih positif di samping mencari usaha-usaha ke arah merapatkan lagi perpaduan ummah di kalangan negara-negara OIC. Malaysia merasa bertuah kerana dapat mengembeling usaha-usaha ini bersama dengan negara-negara Iran,

Turki dan Pakistan ke arah matlamat ini. Negara-negara ini telah memberi sokongan padu kepada Malaysia terutama projek yang dikendalikan oleh Malaysia seperti di dalam kerjasama ekonomi D8.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat daripada Marang membangkitkan persoalan Kosovo ataupun Kosova.

Tuan Yang di-Pertua: Kubang Kerian, bangun.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu [Kubang Kerian]: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat Menteri memberi cadangan kepada OIC supaya D8 ini termasuk juga ke arah mewujudkan satu pasukan tentera, paling kurangnya dimulakan antara Turki, Iran dan Pakistan kerana tanpa kekuatan tentera kita lihat negara-negara atau umat Islam dipermainkan. Bolehkah Malaysia memainkan peranan ke arah wujudkan satu pakatan tentera terutama di kalangan negara D8?

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Kubang Kerian yang memikirkan berkenaan persoalan ketenteraan. Tapi kalau kita tengok keahlian negara-negara D8 kebanyakan negara-negara ini masih memerlukan untuk dibangunkan ekonomi, membaiki taraf hidup dan kualiti hidup rakyatnya. Oleh itu, perkara yang utama sebelum kita memikirkan terhadap soal-soal ketenteraan dengan perbelanjaan yang banyak ialah untuk kita menentukan keupayaan kita, negara-negara Islam supaya kita lebih self-reliance untuk membolehkan kita berinteraksi di dalam ekonomi bebas dan perdagangan yang begitu meluas. Kalau kita miskin, kita terus mundur, tidak usah kita cakap berkenaan tentera kerana ia tidak akan mendatangkan hasil yang kita kehendaki.

Oleh itu, adalah tidak menjadi hasrat kerajaan untuk mencadangkan kita melibatkan diri dalam satu pasukan ataupun pakatan ketenteraan kerana masa ini pendekatan kita dan kesegeraan yang perlu kita ambil adalah terhadap membangunkan negeri dan negara Islam supaya ia dapat memainkan peranan yang berkesan di dalam dunia yang lebih global ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh pula berkenaan perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Marang. Malangnya Yang Berhormat daripada Marang, saya tengok stylenya tiap-tiap kali dia cakap lepas itu dia tinggalkan Dewan, dia tidak hadir untuk dengar jawapan. Tetapi walau bagaimanapun dia membuat ucapan-ucapan yang menunjukkan semangat, keberanian tetapi lebih baik kita berhadapan dengan persoalan-persoalan yang ditimbulkan.

Berkenaan Kosova ataupun Kosovo, ingin saya katakan bahawa adalah tidak betul, tidak tepat dan tidak benar untuk kita mengatakan bahawa Malaysia tidak memainkan peranan di dalam perkara ini. Saya ingin mengatakan bahawa kita telah mengadakan perbincangan OIC Contact Group, dengan izin, di New York. Selepas itu kita mengadakan di peringkat menteri bertemu negara-negara OIC contact group di Geneva, selepas di Geneva kita telah mengadakan mesyuarat di Moscow, Berlin, Rome dan akhirnya di Albania.

Jadi, langkah-langkah yang positif bukan semata-mata membuat ucapan bersemangat, bukan semata-mata hanya membangkitkan isu itu, tetapi kita mengambil langkah yang positif untuk mencapai keadilan di dalam satu kezaliman yang amat dahsyat yang berlaku di dunia selepas Perang Dunia Ke-II ini. Oleh itu, kerajaan kita memainkan peranan yang penting di dalam mencari penyelesaiannya. Sebab itulah juga kita telah menyokong tindakan yang diambil oleh NATO walaupun ianya di luar bidang yang selalu kita menyebut perlu diambil iaitu menggunakan Majlis Keselamatan (Security Council),

Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu ataupun melalui usul di peringkat Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu oleh kerana ada segeranya dan kezaliman yang amat dahsyat, pembunuhan yang beramai-ramai, menyingkirkan rakyat daripada keturunan etnik Albania daripada Kosovo.

Kita telah menyokong tindakan itu, tetapi kita berpendapat tindakan yang dilakukan hanya akan berkesan jika ianya satu tindakan yang berintegrasi iaitu semata-mata mengambil tindakan dengan menggunakan ketenteraan udara untuk menundukkan Milosevic tidak mencukupi, kalau hendak menentukan bahawa orang dan rakyat Kosovo boleh pulang ke tanah air mereka sendiri, ke tempat kediaman mereka sendiri, mereka mesti mengambil langkah yang lebih positif untuk menentukan penglibatan tentera darat supaya segala perkara yang dilakukan melalui udara dapat akhirnya diselesaikan melalui penglibatan tentera darat.

Jadi saya berharap sangat Yang Berhormat dari Marang memahami bahawa setiap tindak-tanduk kita adalah tindak-tanduk yang berasaskan

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: *[Bangun]*

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Nanti sekejap, saya habiskan ayat ini – yang berasaskan perhubungan antarabangsa dan ianya perlu berhati-hati dan teliti, di masa yang sama kita akan sentiasa memperjuangkan soal penindasan dan ketidakadilan yang berlaku.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Malaysia sekali lagi memainkan peranan supaya dilipatgandakan bantuan terhadap orang pelarian dan tidak dibenarkan orang pelarian itu meninggalkan tempat mereka berkhemah iaitu di Albania dan Macedonia, tidak dihantar ke Norway, Jerman, Amerika dan sebagainya, dengan itu dapat mengurangkan khasnya etnik Albania apabila mereka dapat balik negara mereka di Kosovo nanti, supaya mereka berada di negeri sempadan dan tidak dipindahkan ke negara-negara Barat yang lain. Bolehkah Malaysia memainkan peranan supaya etnik Albania ini tidak hilang merata ceruk di seluruh Eropah, dengan itu mereka tidak boleh lagi menuntut negara pada masa yang akan datang.

*[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat] **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Yang di-Pertua, yang pentingnya pada masa ini kalau kita faham dengan kedudukan di Albania, ia adalah salah sebuah negara yang termiskin di Eropah dan oleh itu ia mempunyai beberapa kekurangan dan kemampuan untuk membantu rakyat etnik Albania. Itu pun mereka telah mengambil dengan banyak dan golongan yang ingin berpindah untuk sementara diambil oleh negara-negara di Eropah itu adalah sesuatu perkara yang patut kita ucapkan terima kasih dan di masa yang sama, akhirnya semestinya satu penyelesaian politik dicapai bagi mengembalikan mereka ini ke rumah masing-masing, ke tempat kediaman masing-masing. Kalau kita lihat pada kejadian yang berlaku di Kosova sekarang ini, ialah kalau mereka mahu pulang pun rumah dan kampung halaman mereka telah dimusnahkan. Oleh itu perlu banyak tindakan untuk membangunkan semula Kosova terpaksa dilakukan.

Tuan Lim Kit Siang: Memandangkan bahawa Malaysia ialah anggota di Majlis Keselamatan (Security Council) adakah Malaysia bercadang untuk kemukakan cadangan atau usul supaya tindakan NATO itu menjadi tindakan UN atau Security Council supaya ada landasan antarabangsa yang lebih legitimate dan kedua, memandangkan cadangan Yang Berhormat tadi, bahawa pasukan udara sahaja tidak mencukupi dan patutlah ada pasukan tentera (ground forces), adakah Kerajaan Malaysia rela untuk sumbang

(contribute) kepada ground forces ini dan adakah ini akan dikemukakan di Security Council supaya ada satu penyelesaian yang lebih berkesan.

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Yang di-Pertua, salah satu perkara yang Malaysia perjuangkan ialah supaya Majlis Keselamatan Bangsa-Bangsa Bersatu disusun semula untuk mereka membolehkan mana-mana tindakan diambil melalui Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu ataupun Majlis Keselamatannya (Security Council), ia memerlukan pengundian dan pengundian itu boleh dinafikan apabila ada veto dan di dalam perkara ini ianya tidak mungkin dijalankan melalui Security Council selagi digunakan kuasa veto oleh negara-negara tertentu sebab itu kita menganggap bahawa setelah keamanan diberikan peluang untuk berjaya di Rouen Beauvais di Perancis beberapa kali dan Milosovic tidak mahu tunduk kepada persetujuan untuk mencapai kedamaian, tindakan yang diambil oleh NATO pada masa ini adalah satu tindakan yang penuh dengan justifikasinya dan selepas itu akhirnya, sebagaimana kita katakan, ianya perlu dibawa ke Majlis Keselamatan.

Baru-baru ini satu usul telah dibawa oleh pihak Russia ke Majlis Keselamatan Bangsa-Bangsa Bersatu yang disokong oleh negara China dan disokong juga oleh negara Namibia yang mengusulkan supaya pengeboman diberhentikan oleh Serbia ke atas tempat-tempat, dengan izin, former Republic of Yugoslavia tetapi usul itu telah dikalahkan setelah Malaysia salah sebuah negara yang mengatakan ianya perlu diteruskan selagi Milosovic tidak tunduk dengan kehendak masyarakat antarabangsa. Ini soal keadilan, soal genocide yang perlu kita laksanakan dengan baik.

Berkenaan dengan sumbangan kita kalau akhirnya 'ground forces', sebagaimana Yang Berhormat dari Tanjong sedia maklum kita membelanjakan wang yang banyak semasa kita menyumbangkan di dalam Bosnia-Herzegovina. Pada masa itu keadaan ekonomi kita tidak dalam keadaan sekarang, kalau ada 'ground forces' pun untuk kita menyumbangkan ketenteraan kita dari segi perbelanjaan kalau ianya terpaksa di atas perbelanjaan Malaysia, ini satu perkara yang di luar kemampuan kita. Walau bagaimanapun, kita sentiasa menyumbangkan pemerhati, komandernya apabila diminta oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, bermakna kita punya minat bukan setakat mengatakan di mana setakat kita mampu, kita akan melakukannya. Perkara ini juga telah saya suarakan di dalam mesyuarat di antara negara-negara Asia dan Eropah, berkenaan dengan kedudukan di Kosovo yang perlu kepada penyelesaian dan tindakan yang tegas. Oleh itu kita juga menggalakkan masyarakat Malaysia untuk menyumbangkan kepada tabung ini dan Kementerian Luar Negeri akan menyelaras segala sumbangan yang dibuat oleh rakyat Malaysia untuk kita membantu keadaan kesengsaraan dan kesusahan yang dihadapi oleh masyarakat etnik Albania pada masa ini.

Tuan Yang di-Pertua, jadi sedikit sebanyak telah

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Ya, Kepong bangun.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Tadi ada saya dengar hujah yang panjang lebar mengenai Kosovo. Nampaknya keadaan di Kosovo adalah lebih berbeza berbanding dengan Bosnia-Herzegovina masa dahulu dengan pengeboman sekarang sudah lebih empat minggu tetapi kesan itu tidak nampak sangat. Ini bermakna, keadaan di Yugoslavia sekarang ini kalau hendak adakan ground troops pun memang lebih daripada yang digunakan untuk di kawasan-kawasan yang lain termasuk Bosnia. Apakah pendapat kerajaan sekarang, kalau Amerika misalnya, esok buat keputusan untuk menghantar askar kepada Kosovo, saya percaya mereka mesti hantarkan pasukan yang lebih besar dengan belanja yang lebih tinggi. Apakah pendapat Malaysia, hendaklah kita hantarkan satu pasukan atau dua pasukan dan sebagainya untuk memberi sumbangannya?

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Saya fikir Yang Berhormat masa tadi terlena sekejap, tidak? Oleh kerana saya sudah jawab itu, saya kata buat masa ini untuk melibatkan kita punya 'ground forces', oleh kerana keadaan ekonomi kita amat susah tetapi walau bagaimanapun, kadangkala di dalam keadaan sebegini kita menyumbangkan dari segi beberapa orang jika diminta oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu. Ini sentiasa kita lakukan dari semasa ke semasa, di negara-negara lain pun kita faham bahawa di dalam keadaan yang ada pada masa ini amat susah untuk kita melihat berapa ramai pasukan tentera yang perlu dilibatkan tetapi untuk mengatakan bahawa perkara ini lambat, ianya telah berlaku dan lebih cepat daripada yang mereka lakukan di Bosnia-Herzegovina. Pada masa ini pasukan NATO mengambil tindakan yang cepat, mereka berunding dengan cepat, mencari penyelesaian untuk dipersetujui oleh kedua-dua belah pihak tetapi tidak berjaya.

Dr. Tan Seng Giaw: Maksud saya ini bukan apa kerana ini bukan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, ini NATO sahaja. Kalau dengan NATO sahaja, apakah pendirian kita kalau NATO ada 'ground troops' sekarang, kita akan hantar dengan permintaan daripada NATO.

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Yang di-Pertua, saya sudah jawab macam dahulu di Bosnia Herzegovina, kalau Yang Berhormat ingat, mula-mula ia di bawah UNPROFOR, lepas itu AIFO, lepas itu ESFO. AIFO dan ESFO ini adalah di bawah NATO, di bawah NATO atas perbelanjaan kita sendiri. Buat masa ini di dalam keadaan kegawatan ekonomi kita memerlukan kedudukan ekonomi kita baik, pulih sebagaimana sedia kala sebelum kita boleh melibatkan pasukan tentera kita yang banyak di dalam pasukan keamanan.

Walau bagaimanapun, kalau jumlahnya hanya setakat untuk menghantar pegawai-pegawai tertentu di dalam bidang-bidang tertentu, itu kita boleh fikirkan apabila tiba masanya. Saya tidak mahu speculate buat masa ini oleh kerana perkara ini masih lagi di dalam proses untuk mencapai satu penyelesaian yang menggunakan kuasa ketenteraan.

Tuan Yang di-Pertua, oleh itu saya fikir saya sudah jawab soalan yang dibawa oleh Kepong walaupun dia terkepong pemikirannya, kadangkala susah untuk beri dia kefahaman.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Machang bangun.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri Luar Negeri, kita mendengar banyak kali terutama dari PAS, parti pembangkang, Yang Berhormat dari Marang, Kubang Kerian telah banyak kali, apabila berlaku penindasan ke atas umat Islam sama ada di Palestin, Bosnia dan sekarang di Kosovo melahirkan rasa tidak puas hati atas tindakan kerajaan dan sumbangan kerajaan memainkan peranan dalam krisis-krisis tersebut. Saya ingin mendapatkan penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri, mengenai rekod yang ada di Kementerian Luar Negeri, apakah peranan yang telah disumbangkan oleh parti-parti yang begitu lantang, pada suatu masa dahulu saya pernah mendengar PAS menggerakkan satu gerakan mendaftar kononnya pemuda-pemuda PAS untuk berjuang di Bosnia tetapi habuk pun tiada. Tiap-tiap kali bangkitkan isu ini sentiasa tidak puas dengan kerajaan. Mengikut rekod yang ada di Kementerian Luar Negeri, apakah sumbangan yang diberikan oleh parti ini khususnya PAS dalam memperjuangkan hak umat Islam di arena antarabangsa ini. Jangan sahaja cakap tetapi bikin apa pun tiada. Adakah apa-apa sumbangan setakat ini yang saya hendak tahu.

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Yang di-Pertua, yang saya tahu sumbangan PAS yang paling besar sekali di peringkat antarabangsa ialah bercakap dan mengapi-apikan orang dan ini dilakukan bila dia berjalan ke luar negara, dia bercakap perkara yang sama dan berjumpa dengan penuntut-penuntut kita dan berjumpa golongan-golongan tertentu untuk memutarbelitkan fakta dan tidak pernah sekalipun menyumbang terhadap pencapaian kedamaian di peringkat antarabangsa. Ini saya terpaksa bercakap oleh kerana seperti di Chechnya, Malaysia mengambil langkah walaupun Chechnya adalah sebahagian daripada CIS, kita mengambil langkah dan kerajaan bersetuju untuk membenarkan mereka membuka pejabat mereka di Kuala Lumpur. Itu tindakan kerajaan. Bosnia, ia tidak mempunyai kemampuan, kita memberikan rumah dan memberikan peralatan untuk membolehkan tetapi PAS tidak ada lagi, habuk betullah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Dia bangun, Kubang Kerian.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Datuk janganlah politikkan perkara macam itu, kita bukan kerajaan, kalau saya Menteri Luar Negeri, saya mungkin boleh buat lebih hebat daripada Datuk. Ini 'loyer' Sukri ini, 'loyer buruk', Iran sendiri hendak hantar ground force semasa di Bosnia, 10 ribu dan dia sanggup,

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Machang bangun.

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Nanti, tak boleh capak dia loyar buruk.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Saya mahu letak rekod. Loyer buruk ini yang membebaskan Yang Berhormat.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Saya tarik balik, loyar baru. *[Ketawa]*

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Sudah, Okay.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Jadi, Iran sendiri hendak hantar ground force semasa di Bosnia, itu pun tidak diizinkan oleh masyarakat antarabangsa termasuk Bangsa-Bangsa Bersatu, inikan pula hendak pergi tetapi kalau kita beritahu sukarelawan-sukarelawan dan sebagainya, orang-orang itu balik ke Malaysia sahaja akan dimasukkan ke Kamunting, seperti yang berlaku di Afghanistan dan sebagainya. Jadi antara parti pemerintah dengan kerajaan kena lihat perbezaannya....

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Ini hendak penjelaskan atau ucapan, Tuan Yang di-Pertua. Macam mana ini?

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Jadi, janganlah kita putar belit antara parti dan kerajaan yang berkuasa. Datuk adalah orang yang bijak bistari janganlah ikut suara-suara yang macam itu. *[sambil memandang ke arah Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat Kubang Kerian bukan hendak minta penjelasan.

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Kubang Kerian yang cuba menguasai emosi saya, tetapi apa yang saya katakan adalah kebenaran. Bermakna, sama ada kita dalam pembangkang atau kita dalam kerajaan, bila kerajaan buat sesuatu perkara yang berfaedah, baik untuk kepentingan masyarakat Islam antarabangsa, sokongan kita, jangan kutuk kita, itu yang saya maksudkan.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Saya sokong – lihat ucapan saya. Saya sokong peranan Malaysia...

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Cuba baca... [*sambil menunjukkan Hansard*]

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Baca, baca tengok, baca *Hansard*

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Cuba baca Yang Berhormat dari Marang, Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang, bukankah sebahagian daripada ahli PAS, saya fikir dia Naib Presiden, Timbalan Presiden - besar, takkan dia dari kem lain. Jadi saya minta maaf, tetapi perkara itu yang saya fikir terpaksa jelaskan, oleh kerana saya bercakap, saya memang tidak suka untuk putar belitkan fakta tetapi apabila fakta, saya terpaksa membentangkan dan memberitahu sama ada kita terima atau tidak, itu soal lain tetapi kebenarannya ialah perkara yang baik itu yang dilakukan oleh kerajaan - memperjuangkan hak Palestin, memperjuangkan hak rakyat Chechnya, memperjuangkan penindasan di peringkat antarabangsa sehingga Malaysia menjadi kadangkala dianggap sebagai sebuah negara membangun yang susah untuk diurus dan dikendalikan - kita lakukan, itu pujilah kita sedikit.

Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, kalau ada apa-apa yang tertinggal saya minta maaf, kita akan mengambil perhatian. Sekian.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi.

4.45ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi [Puan Ainon Khariyah binti Dato' Mohd. Abas]: Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat iaitu Ahli Yang Berhormat dari Mentakab, Kemaman, Rompin, dan Jelebu yang telah membangkitkan beberapa isu berkaitan dengan kementerian saya.

Yang Berhormat dari Mentakab membangkitkan berkenaan masalah sosial generasi kedua FELDA. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, FELDA sentiasa prihatin terhadap kesejahteraan masyarakat rancangan lebih-lebih lagi golongan belia dan remaja yang merupakan pasukan pelapis di rancangan. Sukacita dimaklumkan bahawa FELDA memberikan peruntukan sebanyak RM5 juta setahun untuk tujuan melaksanakan program-program kemasyarakatan.

Pendidikan diberi tumpuan yang penting supaya pelajar-pelajar mencapai kejayaan yang cemerlang. Ceramah-ceramah motivasi kepada pelajar dan ibu bapa, kursus-kursus keibubapaan dan teknik menjawab soalan peperiksaan UPSR, PMR dan SPM diadakan untuk tujuan ini.

FELDA juga menyediakan kemudahan asrama untuk anak peneroka yang mendapat keputusan cemerlang dalam peperiksaan UPSR. Asrama-asrama ini terletak di Kuala Lumpur, Kelana Jaya dan Johor Bahru dan mempunyai pelajar berjumlah 608 orang iaitu angka sehingga Februari 1999. Kos untuk menempatkan seorang pelajar ialah kira-kira RM5,000 setahun dan peneroka hanya perlu membayar sebanyak RM50 sahaja sebulan. Baki kos ditanggung oleh FELDA. FELDA membelanjakan kira-kira RM3.5 juta setahun untuk menguruskan asrama-asrama ini.

Kementerian juga ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Rompin di atas kata-kata pujian Ahli Yang Berhormat ini terhadap program-program pendidikan yang dilaksanakan oleh FELDA di kawasan-kawasan rancangan. Insya-Allah, kita akan terus berusaha supaya kejayaan cemerlang yang

ditunjukkan oleh anak-anak peneroka ini akan berterusan dengan mengekalkan program-program yang sedia ada dan dilengkapkan lagi dengan program-program yang bersesuaian.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada pendidikan, aspek kesihatan juga diberi tumpuan yang penting di kalangan belia dan remaja. Aktiviti seperti PROSTAR iaitu Program Sihat Tanpa AIDS Remaja, ceramah-ceramah mengenai penyalahgunaan dadah, kursus-kursus kaunseling dan motivasi dilaksanakan khas untuk remaja dan belia dengan bantuan pihak kesihatan, agensi dadah kebangsaan, polis dan lain-lain pihak yang berkaitan. Kursus-kursus dan ceramah-ceramah kerjaya juga dilaksanakan untuk belia dan remaja lepasan sekolah.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Mentakab juga membangkitkan soal tentang implikasi selepas penerimaan hak milik oleh peneroka. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, selepas menerima hak milik peneroka adalah tuan tanah mereka sendiri. Peranan FELDA di rancangan di mana penerokanya telah menerima hak milik adalah tertumpu kepada urusan kebun iaitu bermula dengan menanam semula kebun. Oleh kerana tanah adalah di bawah bidang kuasa kerajaan negeri dan peneroka telah menerima hak milik mereka, pengurusan kebun peneroka oleh FELDA perlu mendapat persetujuan kerajaan negeri dan peneroka. Ini adalah kerana peneroka boleh mendapat faedah economy of scale dari segi pengurusan dan input-input pertanian dan peneroka boleh menumpukan kepada lain-lain aktiviti yang boleh menambahkan pendapatan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, isu mengenai pentadbiran masyarakat peneroka yang sudah menerima hak milik tanah juga dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Mentakab dan Ahli Yang Berhormat dari Rompin.

Ahli Yang Berhormat dari Rompin tidak bersetuju sekiranya pihak FELDA mengundurkan diri dari semua urusan kemasyarakatan peneroka melalui JKRR apabila peneroka telah diberi hak milik tanah.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, apabila sesebuah rancangan FELDA telah menerima hak milik, FELDA hanya akan bertanggungjawab menguruskan kebun peneroka sahaja. JKRR yang dulunya menguruskan semua urusan kemasyarakatan peneroka akan dibubarkan dan diganti dengan JKKK yang diwujudkan oleh kerajaan negeri melalui pentadbiran daerah. Keadaan ini sama seperti kampung tradisional yang lain. Oleh itu, tidak wujud complete vacuum, dengan izin, seperti yang dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Rompin.

Jika dahulu, di bawah JKRR peneroka mengadu masalah kepada pengurus, maka di bawah JKKK mereka boleh mengadu masalah kepada penghulu atau pegawai daerah dan lain-lain ahli daripada jentera kerajaan negeri dan Persekutuan. Walau bagaimanapun, saya percaya di dalam proses peralihan ini sedikit masalah akan timbul. Mungkin ada rasa tidak puas hati peneroka yang tidak dapat kita atasi sepenuhnya.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, proses peralihan ini tidak akan dibuat secara tergesa-gesa ataupun mengejut. Ia akan dilaksanakan secara berperingkat-peringkat, contohnya ada beberapa rancangan FELDA yang sudah mendapat hak milik tetapi JKRR masih berfungsi dan tidak dibubarkan. Perbincangan demi perbincangan dengan kerajaan negeri akan dibuat. Kerajaan negeri Pahang umpamanya telah bersetuju untuk mewujudkan JKKK di kawasan-kawasan yang penerokanya telah diberi hak milik.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan kekhawatiran Yang Berhormat dari Mentakab tentang ladang-ladang daripada rancangan FELDA yang akan dibahagikan, saya ingin memaklumkan bahawa masalah tanah peneroka dibahagi-bahagikan tidak timbul

sama sekali kerana tanah-tanah peneroka yang telah menerima hak milik ini tidak boleh dipindah milik tanpa persetujuan kerajaan negeri.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, soal berkenaan menarik keluar tanah dari diuruskan oleh FELDA juga tidak timbul kerana peranan FELDA adalah untuk memajukan tanah dan menempatkan peneroka sehinggalah peneroka itu mendapat hak milik masing-masing. Kawasan akan diserahkan kepada kerajaan negeri untuk ditadbirkan di bawah JKKK. Peranan FELDA tertumpu kepada urusan kebun peneroka sahaja, tertakluk kepada kelulusan kerajaan negeri dan persetujuan peneroka itu sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Mentakab dan juga Ahli Yang Berhormat dari Kemaman telah membangkitkan persoalan berkaitan dengan harga kelapa sawit dan getah. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, harga yang ditawarkan oleh kilang-kilang FELDA sama ada sawit ataupun getah adalah harga terbaik setelah mengambil kira harga di pasaran dunia. Walau bagaimanapun bagi minyak sawit, harga semetrik tan di pasaran dunia telah menurun kepada kira-kira RM1,700 setan pada masa ini daripada RM2,300 pada akhir tahun 1998. Harga getah juga turut menurun kepada RM2.20 sekilo iaitu latex dan RM 2.00 sekilo bagi getah sekerap.

Ini menjejaskan pendapatan peneroka. FELDA sedang mengawasi perkembangan ini dan jika penurunan harga ini menjejaskan terus pendapatan peneroka, sukacita dimaklumkan bahawa FELDA akan mengambil langkah untuk menanggung kutipan bayaran kembali jika pendapatan kasar peneroka turun ke paras RM500 atau kurang pada sebulan. Bagi harga sawit pula, sukacita saya maklumkan bahawa dari kajian yang dibuat oleh FELDA, hasil buah tandan segar ataupun BTS yang ditawarkan oleh kilang FELDA adalah setanding dengan harga yang ditawarkan oleh pihak swasta. Untuk makluman, yang membezakan harga ialah mutu BTS setelah BTS itu digred.

Tuan Yang di-Pertua, berkaitan guna tanah bagi tanah-tanah yang diberi hak milik, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, saya ingin menerangkan bahawa peneroka-peneroka yang telah memperolehi hak milik tanah boleh memajukan ataupun mengusahakan tanah mereka sendiri tertakluk kepada kelulusan kerajaan negeri.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian mengucapkan terima kasih di atas cadangan daripada ahli Yang Berhormat dari Mentakab agar satu kajian semula yang menyeluruh dan teliti dijalankan terhadap konsep, objektif dan perancangan FELDA. Buat masa sekarang kementerian tidak bercadang untuk membuat kajian semula. Walau bagaimanapun, cadangan tersebut mungkin akan diambil kira pada masa yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian juga telah menerima beberapa pertanyaan daripada Ahli Yang Berhormat dari Kemaman. Di antara lain, Ahli Yang Berhormat telah membangkitkan masalah Jalan FELDA Cherol di Kemaman ke Bukit Sagu di Pahang. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jalan utama dari FELDA Cherol ke Gugusan FELDA Bukit Sagu di dalam daerah Kuantan, Pahang ialah sepanjang kira-kira 30 kilometer. Adalah benar seperti kata Ahli Yang Berhormat, jalan ini sehingga ke Kilang Pahang Cement Sdn. Bhd. belum ditar. Jalan selepas kilang simen itu hingga ke Gugusan FELDA Bukit Sagu iaitu Bukit Sagu Satu hingga Tujuh telah siap ditar.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jalan ini adalah jalan persekutuan di mana pembaikan, penjagaan dan penurapan jalan ini bukan di bawah tanggungjawab FELDA. Jalan-jalan yang di bawah FELDA ialah jalan-jalan masuk ataupun access road, dengan izin, ke FELDA Gugusan Bukit Sagu. Sebahagian daripada jalan-jalan ini telah ditar dan sebahagiannya lagi di dalam proses untuk ditar. Jalan-jalan yang telah ditar meliputi jalan masuk ke FELDA Bukit Sagu Satu, Bukit Sagu Dua dan Tiga, Bukit Sagu Empat, Bukit Sagu Lima dan Bukit Sagu Enam. Sementara itu, jalan masuk ke FELDA

Bukit Sagu Tujuh iaitu sepanjang kira-kira 6 kilometer akan ditar tidak lama lagi . Tender bagi kerja ini telah dipanggil pada 19 April 1999 dan akan ditutup pada bulan Mei hadapan.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Kemaman juga membangkitkan masalah pengambilan peserta bagi menduduki tanah-tanah lot kosong di Terengganu. Ahli Yang Berhormat membangkitkan isu pembayaran RM13,000 hingga RM14,000 secara tunai seperti yang disyaratkan. Untuk makluman Yang Berhormat, syarat-syarat ini bukan sahaja dilaksanakan di Terengganu sahaja, tetapi kepada semua negeri lain yang turut terlibat di dalam pengisian lot-lot kosong ini. Secara kebetulan Terengganu merupakan negeri yang terawal melaksanakan proses pengambilan ini.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, bakal peneroka yang mengisi lot-lot kosong dikehendaki membayar jumlah yang tertunggak bagi satu-satu lot kosong. Ada terdapat lot kosong ini yang tertunggak bayarannya sehingga RM13,000. Syarat ini telah dimaklumkan kepada bakal-bakal peneroka berkenaan sewaktu surat tawaran dikeluarkan kepada mereka. Jumlah tunggakan ini perlu dibayar oleh bakal peneroka kerana FELDA telah pun menjelaskan jumlah tunggakan ini. Walau bagaimanapun, kementerian amat prihatin jika ada permohonan dari bakal peneroka ini untuk membayar tunggakan dalam satu tempoh yang sesuai FELDA boleh mempertimbangkannya kes mengikut kes dan rancangan mengikut rancangan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Rompin telah memberikan pandangan beliau mengenai pengambilan peneroka-peneroka baru di rancangan-rancangan FELDA. Kementerian mengucapkan terima kasih di atas pandangan beliau, walau bagaimanapun untuk makluman Yang Berhormat dari Rompin, pengambilan peneroka tidak lagi dibuat sejak tahun 1990. Proses pengambilan yang berjalan sekarang ialah pengambilan peserta bagi mengisi lot-lot kosong sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, sekian sahaja maklum balas dari kementerian saya. Sekiranya ada isu-isu yang tidak dibangkitkan ataupun hendak dibangkitkan sekarang, silakan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Jelebu, ya.

Tuan Yunus bin Rahmat: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Kita ucapkan syabas kepada Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi di atas kelicinan mengenai pengurusan peneroka. Walau bagaimanapun, saya mohon penjelasan mengenai perkara yang berkaitan dengan keresahan sebahagian daripada peneroka yang terlibat dengan hasil getah dan juga sebahagiannya kelapa sawit sebagaimana Yang Berhormat telah ulas tadi. Mengenai dengan harga getah yang begitu menurun dan sebahagian, saya tidak tahu sama ada kementerian sedar ataupun tidak, skim FELDA Palong dan juga sebelah Lui di dalam Parlimen Jelebu, di mana terdapat getah-getah yang dihasilkan oleh peneroka ini tidak lagi dibeli secara harian, malah mereka telah memaksa supaya peneroka ini menyimpan stok dan dijual seminggu sekali sahaja kepada pihak FELDA. Apakah tindakan yang akan dibuat kepada pengurusan yang sedemikian kerana masalah yang sedemikian boleh menyebabkan peneroka-peneroka hilang pendapatan harian tetapi seminggu sekali dan menghadapi masalah untuk menyimpan stok berkenaan?

Yang keduanya, Tuan Yang di-Pertua, mengenai dengan terdapat kes di mana pengurus FELDA sendiri yang telah membeli. Saya minta kementerian siasatlah perkara ini sama ada benar ataupun tidak. Membeli tanah milik peneroka yang meninggalkan FELDA berkenaan di Gugusan Lui di dalam Parlimen Jelebu, yang mengambil kira nama peneroka itu sama dengan bin isteri atau pengurus itu sendiri. Jadi, sekiranya perkara ini disiasat mereka mendakwa bahawa ini adalah milik adik-beradik mereka. Jadi, saya mahu

supaya perkara ini dapat disiasat dan disemak, apakah sikap dan tindakan pengurus ini boleh mengelirukan masyarakat peneroka dan mungkin banyak kes ini telah berlaku di skim FELDA yang lain. Saya minta tindakan akan diambil dan siasatan akan diambil dan penjelasan saya mengenai perkara berkaitan dengan harga getah tadi. Terima kasih.

Puan Ainon Khariyah binti Dato' Mohd. Abas: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat dari Jelebu yang telah amat prihatin terhadap nasib peneroka-peneroka yang mempunyai kebun getah. Untuk makluman Yang Berhormat dari Jelebu, saya ingin memaklumkan bahawa Kementerian juga sedar akan keresahan yang dihadapi oleh peneroka-peneroka terbabit. Oleh sebab itu, Kementerian juga telah mengarahkan bahawa peneroka-peneroka yang mempunyai kebun getah yang terjejas pendapatannya sekarang ini iaitu pendapatan di bawah RM500 sebulan tidak perlu membayar bayaran kembali buat masa ini, iaitu kita tangguhkan bayaran kembali. Ini salah satu daripada langkah kerajaan untuk memastikan bahawa peneroka ini mempunyai cukup pendapatan untuk menyara diri dan juga menyara keluarga.

Tentang isu yang kedua, yang disebut tadi berkenaan getah tidak dibeli oleh kilang FELDA, saya ingin hendak menyatakan di sini bahawa Kementerian telah mengarahkan kepada semua kilang untuk membeli getah yang dihasilkan oleh peneroka. Ini juga untuk membantu peneroka.

Yang ketiga tadi, berkenaan dengan pengurus yang membeli tanah milik peneroka, saya tidak jelas sama ada tanah itu sudah tukar hak milik kepada peneroka ataupun belum.

Tuan Yunus bin Rahmat: Belum lagi.

Puan Ainon Khariyah binti Dato' Mohd. Abas: Belum lagi. Kalau belum, perkara ini akan disiasat oleh Kementerian sebab saya belum dapat maklumat lagi berkenaan kes seperti ini. Terima kasih kepada Yang Berhormat kerana membawa kepada pengetahuan FELDA sekiranya tanah ini belum lagi diberi hak milik maka kita ada peraturan-peraturan yang tertentu, yang tidak membolehkan penyelewengan berlaku dan insya-Allah, ini akan kita siasat.

Tuan Yang di-Pertua, sekian sahaja, saya ucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan isu-isu berkaitan dengan FELDA. Sekiranya ada isu-isu yang terlepas daripada pandangan saya, saya ingin memberi jaminan bahawa Kementerian saya akan mengambil perhatian tentang isu-isu itu dan sekali lagi saya ucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi saranan dan juga buah fikiran yang banyak memberi manfaat kepada FELDA dalam usaha FELDA untuk mempertingkatkan lagi pembangunan negara.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Kementerian Belia dan Sukan.

5.08 ptg.

Timbalan Menteri Belia dan Sukan [Dato' Loke Yuen Yow]: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan berbilang-bilang terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberikan perhatian kepada Kementerian Belia dan Sukan dalam tempoh perbahasan ke atas Titah Diraja di Dewan Rakyat kali ini.

Pandangan Yang Berhormat dari Sipitang mengenai perlunya ada program belia yang membangkitkan semangat patriotik, sukacita dimaklumkan bahawa Kementerian Belia dan Sukan sentiasa menekankan aspek menanam semangat patriotik ini dalam program-program pembangunan belia. Secara khusus pula Kementerian Belia dan Sukan

telah memperkenalkan Program Bela Negara dan Program Motivasi Perdana mulai tahun 1998. Kedua-dua program ini menekankan semangat tanggungjawab dan cintakan negara di samping menanam semangat kemasyarakatan dan pembangunan sahsiah diri. Kementerian akan mempertingkatkan lagi keberkesanan kedua-dua program ini terutamanya Program Bela Negara bagi membawa generasi muda sama-sama menangani masalah ekonomi yang dihadapi oleh negara.

Kementerian akan meneruskan pembangunan Program Rakan Muda seperti yang dirancang mengikut fasa. Tindakan susulan kepada program ini ialah memastikan aktiviti gaya hidup Rakan Muda dapat dijalankan secara berterusan di semua peringkat pelaksanaan. Mengikut kesesuaian, peserta-peserta program akan berpeluang mengikuti program-program pembangunan belia yang telah sedia ada seperti Program Latihan dan Kemahiran, Program Pembangunan Ekonomi dan Keusahawanan serta Program Pembangunan Sahsiah.

Program Rakan Muda Sektor Kawasan Kemajuan Tanah diadakan bagi menghubungi kelompok anak-anak muda di tanah rancangan bertujuan untuk membawa aktiviti gaya hidup bagi mencegah golongan belia tersebut terlibat dengan kegiatan tidak sihat. Program ini adalah program yang baru diperkenalkan dan akan dilancarkan pada bulan Jun tahun ini.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Marang, sukacita dimaklumkan bahawa Kementerian Belia dan Sukan sentiasa memberi penekanan dalam mengurangkan berlakunya gejala yang tidak sihat di kalangan belia melalui pelbagai program pembangunan belia yang sentiasa memberi tumpuan kepada elemen pembangunan sahsiah diri, kemasyarakatan, kemahiran dan keusahawanan. Program-program ini telah berjaya melibatkan sejumlah besar remaja dan dengan itu dapat mengisi masa lapang mereka. Kementerian yakin melalui penglibatan remaja dan belia ini dalam program-program pembangunan memberi kesan positif kepada terhindarnya belia dari gejala yang tidak sihat seperti dadah dan maksiat. Kementerian akan sentiasa meningkatkan keberkesanan program-program yang dianjurkan.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan perkara yang dicadangkan dan dibangkitkan oleh Yang Berhormat Bagan Datok, sukacita diberi maklum bahawa Kementerian Belia dan Sukan bersama Majlis Belia Malaysia telah pun melancarkan program mengupayakan pertubuhan-pertubuhan belia. Salah satu komponen yang diberi tumpuan utama ialah mengenai penstrukturan semula organisasi persatuan-persatuan tersebut. Program berkenaan bertujuan untuk membolehkan pimpinan pertubuhan belia menyusun semula peranan dan fungsi organisasi persatuan masing-masing supaya ia lebih aktif dan dapat menarik minat golongan belia dan masyarakat menyokong aktiviti-aktiviti yang dianjurkan.

Kementerian Belia dan Sukan melalui jabatannya di peringkat negeri dan daerah sentiasa memberi panduan dan galakan kepada pemimpinan pertubuhan belia supaya menyediakan aktiviti-aktiviti yang dapat memupuk gaya hidup yang sihat, cergas dan dinamik bagi mewujudkan belia Malaysia yang memiliki peribadi yang bersedia dari segi rohaniah, jasmaniah dan pembangunan mental serta bersemangat patriotik selaras dengan Wawasan 2020.

Selaras dengan amalan berjimat serta pengurangan peruntukan tahunan, Kementerian Belia dan Sukan masih menimbangkan permohonan-permohonan program serta aktiviti persatuan yang benar-benar sesuai dan memberi faedah kepada ramai golongan belia. Walaupun tiada peruntukan tambahan untuk persatuan-persatuan belia tetapi Kementerian Belia dan Sukan masih meneruskan pemberian bantuan pentadbiran

kepada majlis belia negeri-negeri dan majlis belia daerah-daerah bagi membantu sedikit sebanyak sekretariat majlis belia negeri dan daerah bergerak. Kementerian Belia dan Sukan berharap setelah keadaan ekonomi negara kita pulih sepenuhnya, dan kementerian diberi peruntukan tambahan, maka lebih banyaklah program dan aktiviti boleh dilaksanakan oleh persatuan-persatuan belia di peringkat masing-masing.

Penggubalan dasar Kementerian Belia dan Sukan berteraskan kepada Dasar Pembangunan Belia dan Dasar Sukan Negara yang telah dilaksanakan oleh kerajaan. Penggubalan dasar juga merujuk kepada Wawasan 2020 dan lain-lain dasar kerajaan yang berkaitan. Semua draf dasar Kementerian Belia dan Sukan memang dibentangkan terlebih dahulu di dalam mesyuarat Perundingan Belia Negara untuk mendapat pandangan dan ulasan. Kementerian Belia dan Sukan bukan hanya membentangkan draf dasar Kementerian Belia dan Sukan tetapi juga program-program teras pembangunan belia untuk mendapat pandangan dan ulasan. Kementerian Belia dan Sukan juga membentangkan draf dasar Kementerian Belia dan Sukan bersama program-program utama belia kepada Yang Berhormat Exco Belia dan Sukan negeri untuk mendapatkan pandangan dan ulasan sebelum dilaksanakan.

Semua pandangan dan ulasan pihak-pihak berkenaan akan diambil kira sebelum sesuatu dasar dilaksanakan. Di antara contoh ialah penggubalan Dasar Pembangunan Belia yang digubal pada tahun 1985, dikaji semula pada tahun 1996 dan diluluskan oleh Jemaah Menteri pada tahun 1997.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh mengenai kepimpinan persatuan-persatuan belia yang melebihi usia belia, dimaklumkan bahawa di Malaysia takrif 'belia' ialah mereka yang berumur di antara 15 hingga 40 tahun. Dari segi program dan aktiviti tumpuan ialah mereka yang berumur 18 hingga 25 tahun sahaja. Oleh kerana persatuan-persatuan belia adalah satu pertubuhan sukarela dari "autonomous" serta mempunyai perlembagaan sendiri dan berdaftar dengan Pendaftar Pertubuhan maka sehingga hari ini belum ada satu peruntukan dari segi perundangan yang boleh menghalang mereka yang melebihi usia belia tidak dipilih semula dalam mesyuarat-mesyuarat agung untuk memegang jawatan-jawatan tertentu.

Sungguhpun begitu setelah Jemaah Menteri meluluskan Dasar Pembangunan Belia Negara pada tahun 1997 pihak Pendaftar Pertubuhan secara pentadbirannya menimbangkan penubuhan persatuan-persatuan belia yang baru, keahliannya hendaklah mereka yang usianya tidak melebihi 40 tahun, memang tidak dinafikan wujud perbezaan generasi di antara pemimpin dan yang dipimpin seperti yang dibangkitkan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Bagan Datok, juga ada menyentuh mengenai perkara pusat-pusat latihan belia, dimaklumkan bahawa di antara strategi utama di dalam membangunkan belia, Kementerian Belia dan Sukan memberi tumpuan kepada menyediakan program keilmuan dan latihan serta program pembangunan kepimpinan dan bina sahsiah bagi membina kekuatan diri, institusi kekeluargaan, keagamaan dan kemasyarakatan. Di pusat-pusat latihan belia selain daripada memberi tumpuan kepada latihan kemahiran, Kementerian Belia dan Sukan juga memberi tumpuan utama kepada pembangunan sahsiah bagi membina kekuatan dalaman supaya generasi belia kita dapat berperanan dengan lebih berkesan dan menghindarkan diri dari terlibat serta terpengaruh dengan kegiatan-kegiatan yang tidak sihat. Di dalam hubungan ini, Kementerian Belia dan Sukan memang telah menempatkan Pegawai Hal-Ehwal Agama di semua pusat latihan kemahiran dan beberapa program sahsiah diri dan keagamaan dianjurkan. Di antara program itu ialah pertandingan tilawah Al-Quran, Program Cerah Keagamaan dan Nilai-nilai Murni serta aktiviti-aktiviti keagamaan mengikut takwim Islam termasuk khatam Al-Quran dalam bulan Ramadan.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan pandangan Yang Berhormat Bagan Datok, akan perlunya peningkatan taraf pegawai-pegawai Jabatan Belia dan Sukan di daerah dan negeri, dijelaskan bahawa Kementerian Belia dan Sukan memang maklum mengenai perlunya peningkatan taraf pegawai-pegawai JBS di peringkat negeri dan daerah, kementerian sedang menyediakan justifikasi bagi meningkatkan taraf ini untuk pertimbangan serta kelulusan Jabatan Perkhidmatan Awam.

Mengenai cadangan Yang Berhormat agar tumpuan diberikan kepada sukan-sukan yang berpotensi sahaja serta cadangan supaya kecemerlangan atlet negara bukan setakat bidang sukan semata-mata bahkan juga bidang akademik. Suka saya memaklumkan bahawa Program Pembangunan Sukan Pilihan adalah merupakan pembangunan jangka panjang yang melibatkan penubuhan pusat-pusat latihan di peringkat negeri yang dikendalikan oleh jurulatih-jurulatih tempatan dan luar negara, memperbanyakkan bilangan dan meninggikan pengetahuan jurulatih, meningkatkan pengurusan sukan di peringkat negeri dan menambahkan bilangan pertandingan bagi atlet remaja.

Rancangan program persediaan atlet bagi Sukan Asia 2006 dan Sukan Olimpik 2008 juga telah memberi keutamaan kepada 18 jenis sukan yang mempunyai potensi untuk memenangi pingat emas dan berjaya menduduki sekurang-kurangnya tempat ke-4 di Sukan Asia 2006 nanti.

Pada 22 Januari 1996 Majlis Sukan Negara dengan kerjasama Universiti Putra Malaysia telah mengadakan program khas untuk memberi peluang kepada atlet-atlet remaja yang berbakat untuk melanjutkan pelajaran dengan sistem pembelajaran yang 'flexible' supaya mereka dapat menjalankan latihan di antara lapan hingga 10 sesi latihan seminggu di samping menyertai pertandingan-pertandingan di dalam dan luar negara.

Atlet-atlet Program Jaya 1998 iaitu program ke arah Sukan Komanwel 1998 telah juga mendapat manfaat daripada usaha-usaha untuk membantu kecemerlangan atlet di dalam kedua-dua bidang sukan dan juga akademik tersebut.

Mereka telah diterima masuk ke Universiti Putra Malaysia (UPM) walaupun dengan kelayakan yang paling minima. Bagi mereka yang tidak berkelayakan untuk memasuki program ijazah, diploma atau matrikulasi pula diterapkan dahulu dalam program persediaan sebelum program matrikulasi. Atlet-atlet di bawah program disediakan jurulatih sepenuh masa dan juga menyediakan kelas-kelas tuisyen khas oleh tenaga akademik UPM.

Sehingga semesta akhir 1998/1999 seramai 55 atlet daripada 11 jenis sukan sedang melanjutkan pelajaran di peringkat matrikulasi dan ijazah di UPM dalam pelbagai bidang ataupun pengkhususan. Daripada bahagian tersebut, seramai 12 orang adalah daripada atlet-atlet Program Jaya '98 yang telah pun mengharumkan nama negara di Kuala Lumpur '98, - Sukan Komanwel XVI yang baru lalu. Atlet di bawah program ini menerima biasiswa pelajaran dan latihan daripada Kementerian Belia dan Sukan, Kementerian Pendidikan, badan-badan kerajaan negeri dan Majlis Sukan Negara. Pada sesi baru tahun 1999/2000 dijangkakan seramai 30 orang atlet lagi akan melanjutkan pelajaran di UPM yang terdiri daripada atlet remaja bagi persediaan di bawah Program Gemilang 2001 dan di bawah Program Persediaan Sukan Asia 2006 ataupun Olimpik 2008.

Di samping UPM, Universiti Malaya juga memberi peluang kepada atlet yang sedang mewakili negara untuk melanjutkan pelajaran dengan memberi kelonggaran untuk mereka mengikuti latihan-latihan pusat dan pertandingan-pertandingan di dalam dan luar negara.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat mengenai perlunya diwujudkan satu perancangan pengisian agar kemudahan-kemudahan bertaraf dunia kita ini tidak dilihat sebagai gajah putih, Kompleks Sukan Negara yang mempunyai lima buah venue di bukit Jalil dan dua venue di Bukit Kiara telah diurus dan diselenggara oleh Perbadanan Stadium Merdeka iaitu sebuah badan berkanun persatuan di bawah Kementerian Belia dan Sukan Malaysia.

Sebagai pengurus kepada venue-venue berkenaan, Perbadanan Stadium Merdeka (PSM) telah mengadakan pelbagai aktiviti promosi dan jualan bagi memastikan Kompleks Sukan Negara terus aktif dengan pelbagai acara di samping dapat memaksimumkan penggunaannya dan fasiliti yang sedia ada. Antara pendekatan yang telah diambil adalah dengan mengadakan aktiviti-aktiviti setiap hari untuk orang ramai seperti:

- (i) Program Rekreasi Pusat Akuatik;
- (ii) Program Rekreasi Pusat Skuasy;
- (iii) Program Lawatan Stadium (Stadium Tour);
- (iv) Menganjurkan acara-acara secara usahasama dengan pihak tertentu yang berpotensi bagi mempelbagaikan acara di dalam mahupun di luar stadium; dan
- (V) Bertindak sebagai 'in house promoter' dengan menganjurkan sendiri acara-acara berbentuk sukan atau bukan sukan yang sesuai dan mampu dilaksanakan serta boleh disertai oleh orang ramai.

Konsep kepelbagaian guna, multipurpose, dengan izin, adalah konsep yang ditekankan ke atas penggunaan venue 'indoor' seperti Stadium Putra dan Stadium Juara serta venue 'outdoor' iaitu Stadium Nasional. Penggunaan beberapa venue oleh Majlis Sukan Negara (MSN) untuk Projek Gemilang 2001 sempena Sukan SEA 2001 untuk tempoh selama dua tahun sedikit - sebanyak telah menghapus tanggapan bahawa kompleks ini akan menjadi 'Gajah Putih'. Sehingga kini, pengurusan Perbadanan Stadium Merdeka telah pun menerima 40% tempahan venue yang telah disahkan bagi tahun 1999.

Perbadanan Stadium Merdeka juga telah mengambil tindakan mengkaji kadar sewa venue dan kemudahannya dari semasa ke semasa serta menawarkan kadar sewa istimewa kepada persatuan-persatuan sukan, sekolah-sekolah, jabatan-jabatan kerajaan dan Majlis Sukan Negara sebagai insentif dan galakan bagi menarik lebih banyak acara diadakan di Kompleks Sukan Negara.

Cadangan Yang Berhormat dari Jelebu supaya ditempatkan pegawai belia di sekolah-sekolah dan IPTA/IPTS bagi memberikan kesedaran para belia dengan aktiviti-aktiviti yang disediakan, Kementerian Belia dan Sukan pada masa ini belum bercadang untuk menempatkan pegawai belia di sekolah-sekolah dan IPTA/IPTS. Dari segi kepegawaian, Kementerian Belia dan Sukan sedang berurus dengan Kerajaan Pusat untuk mengukuhkan organisasi kepegawaian di peringkat daerah-daerah dengan penambahan bilangan pegawai di daerah-daerah di seluruh negara.

Sungguhpun begitu, melalui pelaksanaan program-program teras kementerian seperti Program Rakan Muda telah pun wujud kerjasama yang erat di antara Kementerian Belia dan Sukan dengan IPTA/IPTS dan telah ada pegawai yang bertanggungjawab menyelia dan membantu pelaksanaan program dan aktiviti yang dirancangan. Pandangan dan perhatian Yang Berhormat mengenai cadangan tersebut diucapkan terima kasih.

Kementerian Belia dan Sukan mengucapkan berbilang terima kasih kepada Yang Berhormat dari Santubong di atas kejayaan kementerian melaksanakan Program Khidmat

Sosial Negara. Kementerian Belia dan Sukan akan mengkaji kesesuaian atas cadangan Yang Berhormat ini pada masa-masa yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, akhir kata saya mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah turut serta di dalam perbincangan dan telah memberi pandangan dan cadangan kepada Kementerian Belia dan Sukan. Segala pandangan dan dari Ahli-ahli Yang Berhormat akan diambil perhatian oleh kementerian ini dalam merancang melaksanakan program ke arah pembangunan belia dan sukan di negara ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat.

5.27 ptg.

Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat [Datuk Peter Tinggom anak Kamarau]: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat iaitu Yang Berhormat dari Senai, Sepang, Tebrau, Bagan Datok, dan Teluk Intan yang telah menyentuh isu-isu yang ada kaitan secara langsung atau tidak langsung dengan peranan Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat semasa perbincangan ke atas Titah Ucapan Diraja Upacara Perasmian Penggal Kelima, Parlimen Ke-9.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin) *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Senai telah menyarankan supaya kerajaan merangka satu rang undang-undang baru bagi menyediakan waktu kerja yang fleksibel kepada wanita supaya ada keseimbangan di antara tugas di pejabat dengan tanggungjawab sebagai suri rumah. Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat belum bercadang untuk merangka rang undang-undang baru yang menyediakan waktu kerja anjal fleksibel kepada wanita terutama kepada wanita-wanita yang sudah berumah tangga.

Sungguhpun begitu, kerajaan telah memperkenalkan waktu bekerja berperingkat di Lembah Klang mulai 1 Mei 1998. Setakat ini kerajaan sedang meneliti dan mengawasi keberkesannya untuk dilaksanakan di negeri-negeri lain di seluruh Malaysia. Daripada maklumat awal yang diterima, pelaksanaan waktu kerja berperingkat ini telah dapat membantu suri rumah yang bekerja menguruskan rumah tangga dengan lebih teratur.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian dan kerajaan amnya memperakui peranan dan sumbangan wanita di dalam semua bidang dan aspek pembangunan negara seperti ekonomi, politik, sosial, pendidikan, pentadbiran, kebudayaan dan sebagainya. Sumbangan ini amat relevan dan menjadi lebih relevan menjelang tahun 2000. Wanita baik yang bekerja dengan mendapat upah atau tidak mendapat upah adalah merupakan aset negara yang amat penting yang perlu ditingkatkan potensi mereka.

Negara akan mengalami kerugian yang amat besar sekiranya potensi yang ada pada wanita tidak digilap. Sebagaimana yang kita sedia maklum kepesatan ekonomi telah menuntut kita mengimport tenaga kerja daripada luar negara seperti Indonesia, Bangladesh, Thailand, Burma, Filipina dan lain-lain. Dengan yang demikian, saya berpendapat sebarang usaha untuk tidak menggalakkan kaum wanita yang merupakan separuh daripada penduduk negara untuk tidak melibatkan diri dalam sektor pekerjaan akan menyebabkan negara kita mengalami kerugian dari segi kepakaran, kemahiran dan kekayaan negara yang dibawa keluar oleh tenaga kerja luar serta akan menyumbang kepada pelbagai masalah sosial di dalam negara.

Perubahan yang berlaku di dalam dan luar negara yang semakin hebat dan ketara menjelang tahun 2000, liberalisasi era teknologi maklumat, krisis ekonomi, menuntut kita untuk menjadi lebih peka dengan sumber yang semakin terhad khususnya sumber tenaga manusia yang terlatih, yang berkepakaran bagi menentukan negara akan terus dapat membangun dan bersaing dalam pelbagai bidang. Dengan sistem pendidikan yang ada di negara kita, ramai wanita telah dilengkapi dengan ilmu pengetahuan dan kepakaran yang sesuai dengan keperluan pasaran buruh semasa dan pasaran buruh yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Bagan Datok telah menggesa supaya dikaji semula konsep Rukun Tetangga selaras dengan pelbagai cabaran yang dihadapi oleh negara mutakhir ini dan disesuaikan dengan keadaan semasa. Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat sentiasa mengkaji dari masa ke semasa segala aktiviti dan program-program supaya selaras dengan hasrat dan cita-cita rakyat dan negara yang sentiasa inginkan keadaan aman dan harmoni.

Untuk makluman Yang Berhormat, Skim Rukun Tetangga mempunyai peruntukan-peruntukan tertentu di bawah Peraturan-peraturan Perlu Rukun Tetangga 1975 bagi membolehkan masyarakat setempat sesuatu kawasan Rukun Tetangga mengadakan aktiviti rondaan di kawasan Rukun Tetangga masing-masing di bawah Skim Rondaan Sukarela. Melalui rondaan-rondaan yang dibuat, pelbagai anasir yang dianggap mengancam keselamatan dan ketenteraman kawasan setempat termasuk penyusupan pendatang asing tanpa izin akan dibanteras melalui kerjasama dengan pihak yang berkuasa.

Pembahagian tugas rondaan dan nilai kepimpinan yang ada pada satu-satu sektor Rukun Tetangga menjadikan maruah dan semangat bermasyarakat akan bertambah jitu di satu-satu kawasan. Perlu saya tekankan di sini bahawa peranan Rukun Tetangga kini semakin berubah. Situasi ini bukan lagi bertindak sebagai pengawal kampung melalui rondaan semata-mata, Rukun Tetangga telah mula mengorak langkah sebagai sebuah organisasi dalam komuniti yang menyediakan pelbagai program kemasyarakatan yang dilaksanakan melalui jawatankuasa di dalam Rukun Tetangga seperti Tadika Perpaduan, taska, 'papap', 'tabilas' dan sebagainya.

Program-program ini dilaksanakan ke seluruh negara sebagai satu mekanisme kepada masyarakat setempat untuk membentuk keluarga dan insan kamil dan seterusnya sebuah masyarakat yang saling kenal antara satu sama lain. Saya amat bersetuju dan menyokong pendapat Yang Berhormat tadi bahawa pihak-pihak pentadbir kampung harus mengenali semua anak buah dan masyarakat kampung atau taman-taman perumahan dan sewajarnya mempunyai rasa kekitaan (sense of belonging) Dengan demikian masyarakat secara tidak langsung akan bertindak sebagai pengawal kampung daripada ancaman-ancaman yang menggugat keamanan dan ketenteraman kampung atau kawasan-kawasan perumahan. Justeru itu, kemasukan orang-orang asing dan anasir-anasir negatif akan dapat dibendung dengan cepat.

Selaras dengan pandangan dan cadangan-cadangan yang telah diberikan, kementerian saya akan terus dan sentiasa mengkaji pelaksanaan dan keberkesanan konsep Rukun Tetangga dari semasa ke semasa bagi menjamin perpaduan dan keharmonian rakyat dan negara agar sentiasa utuh di samping mengambil langkah-langkah konkrit untuk mengelak keamanan dan keharmonian negara daripada diceroboh.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Sepang dan Yang Berhormat dari Tebrau, menyarankan supaya lebih banyak taman asuhan dan tempat penjagaan (nursery) kanak-kanak diadakan, diwujudkan di taman-taman perumahan dan tempat-tempat kerja dengan lebih menyeluruh. Izinkan saya memberi penjelasan yang agak lebih panjang sedikit atas isu ini. Untuk makluman Yang Berhormat, taman asuhan kanak-kanak, taska

memberi perkhidmatan asuhan gantian kepada kanak-kanak yang berumur 6 tahun ke bawah. Mengikut kajian, kanak-kanak di peringkat ini melalui satu proses perkembangan yang sangat pesat, selaras dengan keperluan ini Akta Taska 1984 dan Peraturan-peraturan Taman Asuhan Kanak-Kanak di Institusi 1985 dan Pindaan 1993 telah dilaksanakan dengan tujuan menjamin kanak-kanak di taska menikmati satu program yang sesuai bagi setiap peringkat umur dan menyokong perkembangan menyeluruh kanak-kanak. Mengikut Seksyen 4, Akta Taska 1984, semua taska bercorak institusi yang menerima lebih dari 10 orang kanak-kanak perlu mendaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat. Pengusaha Taska perlu mematuhi syarat-syarat yang digariskan dalam Peraturan-peraturan Akta Taska di Institusi 1985 dan Pindaan 1993. Bayaran untuk perakuan pendaftaran ialah RM50 setahun dan ianya perlu diperbaharui setiap tahun.

Usaha pendaftaran sentiasa digalakkan dan sehingga 1998 sebanyak 730 taska telah didaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat. Satu buku garis panduan proses penubuhan taska oleh JKM telah dilaksanakan mulai 8 Ogos 1998. Dengan sistem baru ini Jabatan Kebajikan Masyarakat tidak lagi menjadi agensi merujuk permohonan kepada agensi teknikal. Selaras dengan pelaksanaan sistem baru ini Pegawai Kebajikan Masyarakat Daerah hanya memainkan peranan sebagai agensi yang menyiasat permohonan dan membimbing pihak pengusaha taska dalam mengendalikan taska dengan sempurna.

Sistem ini dipercayai akan mempercepatkan lagi proses pendaftaran taska. Usaha yang telah diambil untuk menggalakkan taska ditempat kerja. Menurut 324 Pekeliling Perkhidmatan Bil: 6/1989 Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia telah menggalakkan penubuhan taska sebagai satu kemudahan kebajikan untuk anggota Perkhidmatan Awam.

Dengan adanya taska, ibu bapa dapat mengatasi masalah mendapat pembantu rumah serta dapat mengawasi kanak-kanak sendiri semasa waktu rehat. Ini juga akan memudahkan kaum ibu menyusukan anak-anak sehingga satu peringkat umur yang sesuai selaras dengan amalan kesihatan yang digalakkan.

Dengan tujuan menggalakkan penubuhan taska di sektor swasta dan kerajaan, satu jawatankuasa khas telah ditubuhkan pada tahun 1992 oleh Jabatan Buruh di bawah Kementerian Sumber Manusia. Dengan adanya taska majikan dapat membantu mengekalkan pekerja wanita di dalam pasaran buruh dan juga menarik suri rumah menyertai sektor pekerjaan.

Jawatankuasa Penggalakan Pusat Asuhan Kanak-kanak ini telah dianggotai oleh agensi-agensi kerajaan dan NGO yang berkaitan termasuk JKM, satu buku garis panduan penubuhan taska di tempat kerja diterbitkan oleh jawatankuasa ini telah dilancarkan pada tahun 1994. Sebagai insentif menggalakkan penubuhan taska di tempat kerja, mulai tahun 1997 majikan diberi pengecualian cukai 10% setahun selama sepuluh tahun ke atas kos membina bangunan untuk taska.

Bagi sektor kerajaan, taska yang diwujudkan di bangunan sendiri diberi pengecualian dari Majlis Berkuasa Tempatan. Penganjur tidak perlu memohon untuk menukar syarat penggunaan ruang. Penganjur juga boleh memohon untuk peruntukan sebanyak RM50,000 untuk menubuhkan sebuah taska di tempat kerja.

Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat juga telah mengaturkan beberapa perbincangan dengan pihak majikan dan wakil kesatuan sekerja dalam usaha menggalakkan taska di tempat kerja, satu pasukan petugas telah diwujudkan untuk menangani isu ini. Satu perbincangan telah diadakan pada bulan Mac 1999 di antara JKMM dan Jabatan Buruh untuk mengenal pasti cara-cara menggalakkan para majikan menubuhkan taska di tempat kerja.

Setakat ini sebanyak 46 taska di tempat kerja telah didaftarkan dengan JKMM iaitu sembilan anjuran kerajaan dan 37 yang dianjurkan oleh pihak swasta.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Bagan Datok juga mengesyorkan supaya kementerian mengemukakan saranan supaya Jabatan Kebajikan Masyarakat menaikkan peruntukan bantuan kewangan kepada keluarga miskin dan golongan yang tidak berkeupayaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan sedar bahawa perubahan masa dan pembangunan pesat negara menjadikan taraf hidup 'cost of living' meningkat begitu tinggi sekali berbanding 20 tahun dan 30 tahun yang lampau. Perkembangan ini dirasakan oleh semua lapisan masyarakat termasuk golongan yang tidak bernasib baik seperti golongan miskin, orang yang kurang upaya dan sebagainya. Bagi mengatasi keadaan ini, kerajaan telah bersetuju atas cadangan menaikkan kadar bantuan kebajikan masyarakat di mana kadar bantuan am sekarang ialah RM60 seorang dengan kadar maksimum RM250 sebulan satu keluarga. Bantuan kanak-kanak RM60 seorang sebulan dan maksimum RM250 sebulan sekeluarga yang melebihi empat orang anak. Bantuan orang tua dari RM70 naik kepada RM100 sebulan seorang. Elaun pekerja cacat dari RM70 sebulan naik kepada RM100 sebulan seorang.

Kementerian amat menghargai keprihatinan dan saranan bernas dari Ahli Yang Berhormat dari Bagan Datok mengenai tanggungjawab dan peranan menjaga kebajikan masyarakat, tidak semestinya diletakkan di bawah Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat.

Kementerian saya sedar bahawa usaha-usaha kebajikan bukan hanya menjadi tanggungjawab kementerian ataupun kerajaan semata-mata, dengan adanya penglibatan semua lapisan masyarakat khususnya sektor korporat, usaha murni ini pastinya akan lebih berkesan dan membantu ke arah mewujudkan masyarakat penyayang secara total.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jabatan memang menggalakkan kerjasama sektor swasta dan korporat melalui Konsep Perkongsian Bijak (Smart Partnership) dengan sektor swasta dan korporat sejak tahun 1995 lagi. Hasilnya, jabatan mendapat sambutan yang baik dari sektor korporat dalam negeri dan peringkat antarabangsa. Beberapa buah syarikat bukan sahaja memberi sumbangan kepada badan-badan kebajikan sukarela untuk menjalankan aktiviti, malahan juga memberi sumbangan kepada rumah-rumah kebajikan sukarela seperti rumah orang tua, pusat pemulihan dalam komuniti dan pusat aktiviti kanak-kanak.

Dari tahun 1996 hingga 1998 sumbangan sebanyak RM11,829,300 telah diterima untuk diagihkan kepada NGO yang melaksanakan program kepada orang-orang kurang upaya, kanak-kanak dan warga tua di seluruh negara.

Selain dari itu, jabatan juga memperolehi sumbangan dari Kerajaan Jepun dalam program muzik terapi iaitu satu kaedah memulihkan orang kurang upaya melalui muzik. Sumbangan sebanyak 250,000 Yen ini disalurkan melalui foundation dan peralatan muzik oleh Yamaha Music Malaysia Sendirian Berhad.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Teluk Intan telah membangkitkan mengenai penubuhan dana sebanyak RM500 juta untuk menyelesaikan masalah kaum India. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setakat ini kementerian saya tidak bercadang untuk menubuhkan dana atau peruntukan tertentu untuk membantu mengatasi masalah masyarakat India.

Jawatankuasa Kabinet Menangani Masalah Sosial yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan telah diamanahkan oleh kerajaan untuk menjalankan

tanggungjawab mengatasi masalah sosial di samping meningkatkan taraf sosio-ekonomi masyarakat daripada semua kaum. Melalui jawatankuasa ini semua masalah dan gejala sosial daripada semua kaum termasuk masyarakat India akan diatasi.

Sehubungan dengan ini, soal mewujudkan satu suruhanjaya diraja untuk mengenal pasti masalah masyarakat India adalah tidak perlu.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan isu dan cadangan positif berkaitan Kementerian saya dan jika ada yang tidak sempat dijawab, saya ingin memberikan jaminan bahawa saranan-saranan bernas yang dikemukakan akan diambil perhatian. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:
Kementerian Kesihatan.

5.48 ptg.

Menteri Kesihatan [Dato' Chua Jui Meng]: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya mengucapkan berbilang terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi perhatian kepada isu-isu di bawah fungsi dan tanggungjawab Kementerian Kesihatan semasa berucap membahaskan Titah Diraja di Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesihatan ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat dari Sipitang yang menyarankan agar Malaysia dijadikan destinasi untuk mendapatkan rawatan yang canggih dan termoden di rantau ini. Beliau juga telah mencadangkan pengkajian semula skim lebih menarik untuk doktor-doktor bagi membendung penghijrahan ke sektor swasta.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesihatan memang hendak mempromosikan Malaysia sebagai sebuah destinasi terkemuka bagi pelancongan perubatan dan kesihatan. Sehubungan dengan ini, beberapa langkah telah diambil dengan kerjasama dari pelbagai pihak sama ada agensi kerajaan mahupun sektor swasta.

Tuan Yang di-Pertua, sebuah directory of private hospital telah pun diedarkan ke luar negara tahun lepas dengan kerjasama Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE), dan bagi tahun ini hospital persendirian di Malaysia sedang mengumpul maklumat tawaran perkhidmatan penjarangan perubatan serta jenis rawatan untuk diedarkan ke negara pelanggan berpotensi oleh MATRADE dan Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia di luar negara.

Jabatan Imigresen Malaysia pula telah mengkaji, membenarkan dan mempermudah semua permohonan pesakit dari luar negara yang ingin mendapatkan rawatan di Malaysia. Urusan permohonan visa dibuat terus ke Ibu Pejabat Jabatan Imigresen Malaysia dan tempoh pemprosesan hanya seminggu dan mungkin kurang bergantung kepada keadaan pesakit. Laluan pantas juga akan disediakan sekiranya pesakit tersebut memaklumkan ketibaan mereka terlebih dahulu kepada pegawai imigresen bertugas di pintu masuk negara ini.

Satu kertas kerja kepada Kementerian Kewangan untuk dipertimbangkan pemberian insentif cukai kepada hospital persendirian yang terlibat dengan pembangunan pelancongan perubatan dan kesihatan telah dikemukakan. Pihak Telekom pula sedang berusaha mewujudkan satu laman web khusus bagi 'health tourism' agar penyebaran maklumat dan promosi pasaran perkhidmatan lebih meluas lagi.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai cadangan mengkaji semula skim perkhidmatan doktor-doktor bagi membendung penghijrahan ke sektor swasta dan memberi lebih banyak galakan kepada doktor untuk mendapatkan kelulusan kepakaran pula, adalah dimaklumkan

bahawa, kementerian tidak dapat menyekat penghijrahan doktor-doktor ke sektor swasta. Namun kementerian sentiasa memantau keadaan tawaran dan permintaan bagi memastikan terdapatnya bilangan doktor yang mencukupi berkhidmat dengan kementerian agar jumlahnya dapat menampung keperluan perkhidmatan kesihatan yang diperlukan oleh rakyat kita.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Kepong bangun.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan, ada dua perkara di sini. Yang pertamanya, saya nampak medical tourism yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi, bolehkah Yang Berhormat memastikan di dalam medical tourism ini standard perubatan akan terjamin dan bukan sahaja untuk perubatan komersial sahaja, its business venture. Saya sebutkan di sini sebab saya ada terima laporan dan pendapat daripada orang-orang yang sebelum ini pergi ke Taiwan misalnya satu destinasi untuk medical tourism iaitu Singapura dan lain-lain negara. Dan kebanyakannya ialah hanya untuk secara business sahaja, bukan kerana perubatan. Kita tidak mahu lain kali nama Malaysia ada tercemar kerana perubatan hanya untuk perdagangan dan komersial sahaja. Dengan ini saya berharap Yang Berhormat dapat mengambil perhatian untuk perkara ini.

Yang keduanya ialah mengenai perkhidmatan doktor di sektor awam. Perkara ini berulang-ulang kerana masalah yang terdapat di perkhidmatan awam ini memang banyak. Bukan kerana semua doktor hendak berkhidmat di sektor swasta. Bukan sahaja kerana pendapatan sahaja. Suasana, terma dan peluang untuk naik pangkat dan sebagainya semua ini mesti dikaji. Pernahlah satu ketika kita mencadangkan satu Suruhanjaya Diraja untuk mengkaji semua ini bukan sahaja setakat perkhidmatan doktor sahaja daripada segi perkhidmatan perubatan, kejururawatan dan sebagainya secara comprehensive kita kaji semua. Saya berharap kalau Yang Berhormat sebagai Menteri Kesihatan dapat melawat dan mengkaji dengan sendiri, beliau akan mendapati bahawa suasana, terma dan keadaan perkhidmatan doktor awam ini adalah sangat kurang di sebahagiannya. Dan ini bermakna bukan sahaja kerana pendapatan di sektor swasta bahkan juga situasi yang terdapat di perkhidmatan awamnya.

Dato' Chua Jui Meng: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat dari Kepong atas beberapa cadangan dan idea-idea yang telah dikemukakan tadi. Saya hendak katakan di sini standard perubatan di Malaysia sudah bertambah baik dan kita ada pakar-pakar dalam banyak bidang yang pada masa dahulu kita tidak ada, umpamanya heart transplant kita sudah ada sekarang, kita ada standard yang tinggi dalam pemindahan jantung, kita ada standard yang tinggi dalam pembedahan jantung dan lain-lain lagi. Perkara jantung kita yang first in the world mengenai beberapa prosedur yang telah dijalankan di IJN negara kita, memangnya standard-standard di hospital-hospital kerajaan dan hospital-hospital swasta telah bertambah baik dan oleh kerana itu umpamanya Brunei telah menghantar pesakit-pesakit mereka untuk menjalani umpamanya pembedahan jantung ke IJN. Ada orang-orang Malaysia yang datang, daripada Indonesia datang begitu ramai ke Melaka, ke Kuala Lumpur, ke Pulau Pinang untuk memperolehi rawatan perubatan yang baik di negara kita.

Mengenai perkhidmatan doktor saya akan memberikan sedikit maklumat lagi tetapi suasana di hospital kerajaan memang baik. Oleh kerana ada banyak doktor yang berkhidmat begitu lama di Kementerian Kesihatan, di hospital-hospital kita, dia lebih suka kepada suasana di hospital di mana ada banyak anggota yang lain yang bekerja sebagai pasukan untuk menyokong doktor atau pakar yang menjalani tugas di hospital-hospital kerajaan berbanding dengan hospital swasta di mana hanya mungkin satu doktor sahaja yang datang melawat atau satu pakar datang melawat dan sokongan daripada pakar-pakar

lain atau doktor-doktor lain dan jururawat yang begitu banyak tidak boleh dibandingkan dengan hospital kerajaan.

Dan peluang untuk menjalani kursus-kursus untuk menyertai seminar-seminar antarabangsa untuk pergi ke luar negara, untuk memperolehi peluang latihan selanjutnya adalah lebih baik di hospital-hospital kerajaan. Dan kita juga menjaga kebajikan doktor-doktor kita umpamanya mereka yang telah berkhidmat begitu lama di Kementerian Kesihatan dan ingin naik pangkat daripada U3 ke U2. Dan pada tahun 1998, 109 Pegawai Perubatan Pentadbir telah dinaikkan pangkat ke U2. Tetapi oleh kerana hanya 82 jawatan ketika itu, 82 calon yang teratas telah ditawarkan memangku grad U2. Tahun 1997 – 100 Pegawai Perubatan Pentadbir diberi peluang naik pangkat, 1996 – 50 orang, 1995 – 115 orang dan 1994 – 94 orang. Ini menunjukkan keprihatinan Kementerian Kesihatan termasuk juga kerajaan terhadap kebajikan doktor-doktor kita

Dr. Tan Seng Giaw: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, dia bangun lagi, Yang Berhormat.

Dato' Chua Jui Meng: Tidak payahlah. Izinkan saya teruskan dulu.

Tuan Yang di-Pertua, faedah-faedah yang diperolehi oleh doktor-doktor yang berkhidmat dengan kerajaan pada ketika ini adalah lebih baik jika dibandingkan dengan pegawai-pegawai kerajaan yang setaraf dengannya. Antara faedah-faedah tambahan yang dinikmati oleh doktor-doktor pada ketika ini adalah seperti berikut:

- Elaun Kepakaran;
- Insentif Perkhidmatan Kritikal;
- Insentif Pegawai Kesihatan Awam;
- Insentif Pentadbiran Hospital;
- Elaun Kerja di Luar Waktu Bekerja Biasa;
- Hadiah Dua Kenaikan Gaji;
- Gaji permulaan yang lebih tinggi sekiranya pegawai berkenaan mempunyai pengalaman bekerja di luar negara;
- Bayaran Menyediakan Laporan Perubatan.

Tuan Yang di-Pertua, langkah juga diambil untuk memperbanyakkan peluang, memudahkan serta mempercepatkan proses kenaikan pangkat terutama kepada doktor-doktor yang mempunyai kepakaran. Secara perbandingan, kenaikan pangkat doktor-doktor adalah lebih cepat jika dibandingkan dengan pegawai-pegawai yang setaraf dengannya dalam skim perkhidmatan lain.

Tuan Yang di-Pertua, lebih ramai doktor juga berpeluang melanjutkan pelajaran di peringkat sarjana dan mendapat kelulusan kepakaran sama ada menerusi sistem terbuka mahupun sepenuh masa ataupun sistem tertutup. Sistem terbuka bermaksud pegawai-pegawai berkenaan menjalankan perkhidmatan secara biasa di hospital-hospital yang diiktiraf, dalam masa yang sama melanjutkan pengajian dalam disiplin-disiplin kepakaran tertentu.

Sementara sistem tertutup adalah pembelajaran secara sepenuh masa seseorang pegawai di sesuatu pusat pengajian dengan diberi cuti belajar bergaji penuh. Bagi bidang-

bidang 'sub-speciality' yang tidak terdapat dalam negara, kementerian akan menghantar doktor-doktor bagi menjalani kursus berkenaan di luar negara.

Tuan Yang di-Pertua, menambahbaikkan keadaan di tempat kerja dengan melengkapkan hospital dan klinik dengan peralatan berteknologi tinggi serta memperbanyakkan penggunaan teknologi maklumat juga dilaksanakan bagi membantu doktor menghasilkan kerja yang berkualiti. Kemudahan seumpama ini kurang terdapat di hospital dan klinik swasta.

Tuan Yang di-Pertua, permintaan daripada Yang Berhormat dari Selangau akan ditunaikan. Bagi kawasan Parlimen Selangau, di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh dua buah klinik yang diluluskan adalah Klinik Desa Topus dan projek naik taraf Pusat Kesihatan Selangau. Tender untuk membina projek Klinik Desa Topus akan dipanggil dalam bulan Ogos tahun ini dan pembinaan klinik dijangka siap pada bulan Ogos tahun 2000. Bagi projek naik taraf Pusat Kesihatan Selangau, hanya pembelian tanah dilulus dalam Rancangan Malaysia Ketujuh.

Dalam Rancangan Malaysia Ketujuh tiada rancangan untuk menaik taraf klinik desa di kawasan Selangau kepada hospital. Walau bagaimanapun, Pusat Kesihatan Selangau yang sedia ada akan dinaik taraf kepada klinik kesihatan jenis 3. Permohonan tanah untuk kelulusan telah diambil. Pembinaan dijangka akan dimulakan pada awal tahun 2000 dan dijangka siap pada tahun 2001. Klinik Kesihatan Selangau tidak memerlukan perahu sebab ada perhubungan melalui jalan raya ke klinik ini.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Tawau, Kempen Cara Hidup Sihat Tahun 1995 adalah bertemakan penyakit kanser dengan cogan kata "Maju Tanpa Kanser". Antara objektif kempen adalah untuk mendidik masyarakat mengenai penyakit kanser termasuk faktor-faktor risiko dan kepentingan pengesanan awal.

Pelbagai strategi dan aktiviti pendidikan sedang dan telah dilaksanakan di bawah kempen ini seperti:

- Aktiviti komunikasi melalui media massa. Ini termasuk penyiaran treler TV, ceramah radio dan TV, 'jingle radio' serta penerbitan rencana dalam akhbar dan majalah tempatan.
- Pengiklanan melalui papan tanda di seluruh negara.
- Aktiviti komunikasi bersemuka seperti ceramah, dialog dan tunjuk ajar yang dijalankan oleh kakitangan kesihatan.
- Penerbitan dan pengedaran bahan pendidikan kesihatan seperti poster, risalah dan buku kecil.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesihatan masih meneruskan usaha-usaha mendidik dan menyedarkan masyarakat tentang pencegahan penyakit kanser. Tumpuan diberi kepada kawalan hasil-hasil tembakau dan arak yang merupakan di antara faktor risiko utama kepada kanser.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Pasir Putih, Kementerian Kesihatan sentiasa berwaspada dan peka terhadap kemunculan wabak penyakit. Segala langkah dan tindakan segera dan berkesan dirancang serta dilaksanakan bagi mencegah dan mengawal penyakit dari merebak. Salah satu strategi utama ialah pendidikan kesihatan.

Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat dari Bukit Mertajam, pada masa kini, Kementerian Kesihatan mempunyai 89 orang pakar patologi di mana cuma lima orang adalah pakar kontrak daripada luar negara. Berhubung dengan bantuan pakar luar negara

yang diperolehi dalam wabak 'viral Encephalitis' baru-baru ini, cuma seorang pakar patologi sahaja dalam kumpulan pakar yang datang. Ahli-ahli yang lain terdiri daripada pakar epidemiologi dan kumpulan ini terlibat dalam satu bidang kerja yang sangat khusus berkaitan dengan virus baru. Jika sekadar khidmat nasihat dan pakar rujuk sememangnya teknologi teleperubatan banyak membantu akan tetapi bagi kerja-kerja 'hands-on' seperti kerja siasatan, pengambilan spesimen untuk ujian, proses ujian dan sebagainya, masih perlu kehadiran pakar secara fizikal.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Kapar meminta kementerian mengkaji semula pengambilan doktor tempatan dari universiti yang tidak diiktiraf oleh negara agar diberi peluang berkhidmat untuk menampung masalah kekurangan doktor. Kementerian Kesihatan amat peka tentang isu pengambilan doktor tempatan daripada universiti yang tidak diiktiraf oleh negara. Kementerian telah menubuhkan satu jawatankuasa khas untuk mengkaji semula kursus khas yang diadakan bagi graduan-graduan perubatan daripada pusat pengajian yang tidak diiktiraf bagi tujuan menduduki peperiksaan yang dijalankan oleh fakulti perubatan ketiga-tiga buah universiti tempatan iaitu USM, UKM dan UM supaya dapat didaftarkan dengan Majlis Perubatan Malaysia. Langkah ini bertujuan untuk membantu lebih ramai graduan supaya dapat lulus peperiksaan tersebut agar mereka dapat diserapkan ke dalam perkhidmatan awam.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesihatan mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat dari Bagan, Bintulu, Kepong, Tanjong, Teluk Intan dan Seremban di atas pandangan dan teguran yang telah diutarakan mengenai isu wabak Japanese Encephalitis dan virus Nipah semasa membahar Titah Ucapan Diraja di dalam Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak memaklumi bahawa tindakan yang diambil oleh pihak Kementerian Kesihatan dalam menangani wabak ini adalah bertepatan dan teratur. Diagnosis telah dibuat berasaskan bukti saintifik melalui presentasi klinikal, ujian makmal dan kajian epidemiologi yang ada pada masa itu. Sejak wabak bermula sehingga 17 Mac tahun ini bukti-bukti yang ada hanyalah JE. Hanya pada 18 Mac 1999 ditemui dan disahkan wujudnya virus Nipah (Hendra-like) yang pertama kalinya di dunia.

Tuan Yang di-Pertua, tindakan kawalan dan pencegahan secara agresif telah dilaksanakan dengan menghapuskan....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin] : Yang Berhormat, Kepong bangun. Hendak beri jalan?

Dato' Chua Jui Meng: Teruskan dahululah. Tindakan kawalan dan pencegahan secara agresif telah dilaksanakan dengan menghapuskan nyamuk culex, menghapuskan tempat-tempat pembiakan nyamuk culex, memberi vaksinasi kepada golongan berisiko tinggi. Hasilnya kita dapati peratusan kes yang disahkan sebagai JE daripada kes-kes disyaki JE yang dilaporkan dari bulan Disember tahun lalu sehingga Mac tahun ini telah menurun iaitu daripada 50% pada bulan Disember kepada 36% pada bulan Januari tahun ini, 33% pada bulan Februari dan 9.4% pada bulan Mac tahun ini. Ini menunjukkan langkah-langkah kawalan terhadap wabak JE adalah tepat dan berkesan.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, Tanjong bangun.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat Menteri Kesihatan memberi angka yang tepat pada masa ini berapa kematian confirmed oleh kerana JE daripada 100 kes kematian yang sudah berlaku sungguhpun apabila kita ada bahas orang yang mati baru 91, sekarang sudah naik – sejak pukul 6.00 petang semalam

100 orang sudah mati, berapa kes atas JE. Kenapa ada angka-angka yang bercanggah yang diberikan oleh Kementerian Kesihatan dan badan-badan yang lain. Satu contoh, sampai sekarang angka yang diberi oleh Kementerian Kesihatan satu bulan dahulu ialah ada 18 kes kematian confirmed oleh kerana JE – 18 kes tetapi hari ini World Health Organisation yang keluaran satu kenyataan yang ada mengatakan bahawa antara kematian-kematian yang berlaku yang ada diperiksa, dengan izin, a total of 98 people ialah dua hari dahulu, mungkin sekarang 100 orang, a total of 98 people have died out of 256 cases reported – WHO said dari Manila, WHO Asia Western Pacific office. Of the fatality which have been examined, 40 were caused by the Nipah Encephalitis strain, eight by Japanese Encephalitis tetapi kementerian kata 18. Eight by Japanese Encephalitis and 17 had dual infections – adalah dua jenis infection. Bukankah sangat mustahak bahawa kita ada angka-angka yang tepat, oleh kerana akhirnya semua angka-angka ini diberikan oleh kerajaan di sini dan atas perkara itu konflik data-data, figure-figure. Lagi satu konflik mengenai jumlah kematian di mana pada 8 April CNN ada quote CDC di Atlanta yang kata bahawa di Malaysia ada 116 orang sudah mati tetapi masa itu dalam Malaysia angka kematian adalah 92 kalau saya tidak silap. Kenapa ada perbezaan 34. Satu perbezaan yang besar terhadap orang yang mati. Bukan perkara yang lain – kematian dan kita tahu bahawa CDC kata dalam *Far Eastern Economy Review* baru-baru ini bahawa semua angka ini berpunca daripada pihak berkuasa di Malaysia.

Satu, ada angka-angka bercanggah mengenai beberapa kes kematian oleh kerana – confirmed JE. Kedua, konflik figure of figure mengenai berapa orang yang mati dan ketiga, adakah Nipah virus diakui oleh antarabangsa, bukan sahaja diakui di bidang antarabangsa, adakah Nipah virus diakui oleh Kementerian Kesihatan sendiri oleh kerana dalam web site dan baru tadi saya down load mengenai update cases and death yang disebut case suspect JE dan Hendra-like, case confirmed JE dan Hendra-like.

Nampaknya Kementerian Kesihatan sendiri, ada jabatan-jabatan tidak terima nama yang ada diberikan bahawa ialah Nipah virus. Kenapa ini boleh berlaku, mungkin lain-lain negara belum iktiraf tetapi dalam Malaysia pun conflict ini. Bolehkah kita dapat penjelasan?

Dato' Chua Jui Meng: Tuan Yang di-Pertua, wabak berlaku di Malaysia, kalau hendak percaya CNN banyak perkara dipercayai oleh Tanjong umpamanya kalau nampak CNN banyak huru-hara berlaku di Malaysia, banyak haze ada di Malaysia. So, jangan ikut, saya tahu Yang Berhormat ini yakin mengenai kenyataan-kenyataan yang dikeluarkan oleh pihak yang tidak menyebelahi kita di Malaysia tetapi saya hendak katakan kepada pihak Yang Berhormat, wabak di sini, kita yang mengawalinya, kita yang cuba menyelesaikannya.

Kajian dibuat di sini CDC juga datang ke Malaysia untuk membantu kita dan bekerjasama. Jabatan terlalu terpengaruh dengan berita-berita yang diberi oleh CNN, Yang Berhormat, ini nasihat saya kepada Yang Berhormat sebagai seorang warganegara Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, bila Yang Berhormat sebutkan angka, statistik kita hendak berasaskan kepada satu tarikh. Angka yang diberikan satu bulan dahulu tentu tidak sama dengan setengah bulan sebelum ini dan sudah tentu tidak sama dengan hari ini. Saya hendak katakan kepada Yang Berhormat, daripada angka yang ada pada saya daripada Kementerian Kesihatan yang dibuat oleh pakar-pakar kita ialah JE, 8 yang disahkan mati oleh JE, 18 yang disahkan oleh dual-infection, dwi-infeksi iaitu JE dan Hendra-like bermakna 26 yang disahkan mati kerana ada serangan JE.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya meneruskan, mengenai Nipah virus. Nama ini cadangan sahaja. Bila saya menerima nasihat daripada Ketua Pengarah Kementerian Kesihatan dan para pakar virology dari Universiti Malaya, WHO, collaborating Centres for Arboviruses for Western Pacific Region daripada Profesor Lam Sai Kit. Saya bercadang iaitu mengikut nasihat yang diberi, nama ini ialah Nipah virus. Oleh kerana ini adalah satu virus yang terbaru, yang pertama kali dikesan di dunia, tetapi ini satu cadangan sahaja, ini bukan muktamad. Saya tahu ini mesti dikemukakan kepada forum-forum, saintis-saintis antarabangsa dan mereka akan buat keputusan atas nama yang diberikan dan selepas kajian-kajian yang dijalankan oleh pakar-pakar daripada antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman, penyakit viral Encephalitis sama ada disebabkan oleh virus JE atau Nipah tiada rawatan khusus tetapi sekadar diberikan rawatan sokongan serta secara simptomatik. JE walau bagaimanapun mempunyai vaksinasi untuk mencegahnya. Maka pihak Kementerian Kesihatan sudah tentu mahu melindungi penduduk berisiko tinggi dari jangkitan dengan memberikan vaksinasi kepada mereka yang berisiko tinggi iaitu penternak dan mereka yang berumur antara 1 hingga 15 tahun dan tinggal di sekitar 2 kilometer dari kawasan ternakan babi. Sungguhpun dengan ditemuinya virus Nipah (Hendra-like), kita masih perlu terus mengawal kejadian penyakit JE yang sememangnya endemik di negara kita ini.

JE jelas dikenal pasti dalam wabak ini, jika tiada langkah kawalan dan pencegahan yang dilaksanakan sudah tentu lebih ramai lagi nyawa yang mungkin terkorban dan Yang Berhormat dari Tanjong akan mengkritik Kementerian Kesihatan cuai kerana tidak mengambil tindakan terhadap JE. Sebaliknya bila terdapat kes JE dan Yang Berhormat dari Tanjong mengatakan tiada JE, maka Yang Berhormat dari Tanjong bolehlah didakwa kerana telah memberi maklumat yang salah dan hendaklah dipertanggungjawabkan oleh golongan yang berisiko tinggi dalam wabak ini.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Yang di-Pertua, semasa Yang Berhormat dari Tanjong melawat ke Bukit Pelanduk pada 5 Mac 1999, beliau telah menggesa Kementerian menjalankan lebih banyak semburan kabus untuk menghapuskan nyamuk Culex agar wabak JE yang dikatanya pada masa itu tidak meluas lagi. Terima kasih, Yang Berhormat dari Teluk Kemang kerana membawa kepada perhatian Dewan yang mulia ini, bahawa pada 19 Mac 1999, Yang Berhormat dari Tanjong telah menyoal kenapa kementerian tidak mengikut seruan beliau dengan menyembur kabus di kawasan wabak JE di Bukit Pelanduk walaupun dua minggu yang lebih awal beliau membuat seruan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua: Tanjong bangun minta penjelasan, Yang Berhormat.

Dato' Chua Jui Meng: Benarkan saya habiskan dulu. Akhbar *Sin Chew Jit Poh* bertarikh 10 Mac 1999, melaporkan Yang Berhormat dari Tanjong menuduh Kerajaan Negeri Sembilan kerana tidak menjalankan semburan kabus dan ini akan mendedahkan rakyat kepada gigitan nyamuk Culex dan seterusnya akan lebih teruk lagi wabak JE yang dihadapi. *China Press* pada 12 Mac tahun ini turut melaporkan Yang Berhormat dari Tanjong meminta bagi tempoh tiga bulan, semburan kabus melalui udara dijalankan sekurang-kurangnya seminggu sekali untuk menghapuskan nyamuk Culex di kawasan wabak. *Nan Yang Siang Pau* juga ada melaporkan pada 15 Mac, Yang Berhormat dari Tanjong sekali lagi mengulangi perlunya semburan kabus. Kita nampak dari 15 Mac sehingga 19 Mac tahun ini, Yang Berhormat dari Tanjong sendiri bukan main sibuk lagi meminta dijalankan semburan kabus untuk mengawal wabak JE dari menjadi teruk. Yang Berhormat dari Tanjong kerap kali mengatakan adanya JE, hari ini kata tidak ada JE.

Tuan Lim Kit Siang: Minta penjelasan.

Dato' Chua Jui Meng: Ya.

Tuan Lim Kit Siang: Saya rasa tak perlu buang masa mengenai apa yang saya ucap, saya tak nafi. Oleh kerana masa itu, Yang Berhormat Menteri sendiri, Kementerian Kesihatan kata, itulah JE. Apa kepakaran yang kita ada bahawa itulah jenis virus yang lain. Semua itu saya tak nafi, saya confirmed, masa itu saya cadang bahawa perlulah anti forging rasaksa. Itu betul, oleh kerana itulah, apabila ada diagnosis JE yang dibuat dengan rasmi oleh kementerian dan kerajaan bahawa tindakan susulan perlu dibuat, termasuk itu tetapi masa itu sebenarnya kementerian tidak patut, patutlah sudah cukup maklumat bahawa ini bukan JE, itu adalah satu virus yang lain dan sebab itu saya rasa, saya tidak nafikan, saya confirmed oleh kerana itu kita semua diberitahu itulah JE dan kalau JE apa kita perlu buat tetapi kenapa sampai sekarang dalam official web site ada sebut kes, sama ada kes suspect atau kes confirmed JE/Hendra-like dan ini sudah ditegurkan dalam promet bahawa ini silap oleh kerana ini satu guess, tak boleh kata penyakit itu Hendra-like.

Itu bukan satu diagnosis, itu satu guess, kenapa sampai sekarang ada website dengan maklumat-maklumat yang sangat misleading khasnya oleh kerana JE dan Nipah virus sama ada diiktiraf atau tidak adalah dua, dengan izin, 'two entirely different viruses in mafology, gynomic structure, hospathologisitis dan sungguhpun kedua-duanya mengakibatkan dan menyebabkan encephalitis. Kenapa sampai sekarang Kementerian Kesihatan kabur dalam perkara ini?

Dato' Chua Jui Meng: Kementerian tidak kabur, yang kabur adalah Yang Berhormat dari Tanjong. [Ketawa] Satu hari kata ada JE, sekarang oleh kerana political expediency kata tidak ada JE, siapa boleh percaya Yang Berhormat dari Tanjong. Duduk, duduk.

Tuan Lim Kit Siang: Kalau saya Menteri Kesihatan, itu hal yang lain. Itu 'cheap talk'.

Dato' Chua Jui Meng: Yang Berhormat dari Tanjong, pada 19 Mac saya sudah memaklumkan kepada negara selepas diberitahu oleh CDC Atlanta pada 18 Mac, di sebalik wabak JE kita ada satu serangan daripada satu virus yang baru 'Hendra-like virus' – 19 Mac. Saya hendak beritahu Yang Berhormat, *New Straits Times* – 24 Mac, lima hari selepas saya memberitahu negara mengenai virus yang baru. Apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat pada masa itu, dengan izin, "*The Cabinet should send out a clear unmistakable message the Japanese Encephalitis and Hendra-like virus outbreak is a national disaster*", masih katakan JE tetapi hari ini kata tidak JE. Jangan main dengan perkataan, Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: [Ketawa] Okay, okay.

Dato' Chua Jui Meng: Duduk, duduk, tidak payah

Tuan Lim Kit Siang: Lets have the gentlemen debate discussion, janganlah begitu

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, jangan

Dato' Chua Jui Meng: Tidak payah.

Tuan Yang di-Pertua: Dia tidak beri jalan, Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Baru-baru ini

Dato' Chua Jui Meng: Duduk

Tuan Lim Kit Siang: takut mengenai fakta-fakta....

Dato' Chua Jui Meng: Saya sudah beri peluang kepada Yang Berhormat, baru-baru ini Yang Berhormat dari Tanjong pula mengatakan bukannya penyakit JE dan mengatakan langkah kawalan salah.....

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah, Yang Berhormat, kita tidak ada masa lagi Yang Berhormat. Ada tiga lagi kementerian, ya.

Dato' Chua Jui Meng: Okay, saya teruskan. Sekejap beliau kata wabak JE serius, sekejap bukan wabak JE. Sekiranya bukan JE mengapa pula Yang Berhormat dari Tanjong meminta dibuat semburan ubat nyamuk? Inilah sikap Yang Berhormat dari Tanjong, 'Rumah sudah siap, pahat baru berbunyi', dan ia menunjukkan Yang Berhormat dari Tanjong dengan sengaja dan sedar cuba memutarbelitkan fakta seperti peribahasa Cina yang berbunyi, '*Zhi Lu Wei Ma*', iaitu menunjuk kepada seekor pelandok dan mengatakan ia adalah kuda. Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat dari Telok Kemang, sekali lagi kerana mendedahkan percanggahan fakta yang dikeluarkan oleh Yang Berhormat dari Tanjong.

Tuan Yang di-Pertua, teguran daripada Yang Berhormat dari Tanjong yang mengatakan wabak yang berlaku adalah semata-mata disebabkan oleh Hendra-like virus sahaja dan tidak JE adalah tidak tepat. Ini adalah cakap politik yang dibuat oleh Yang Berhormat dari Tanjong sendiri. Ujian makmal oleh "WHO Collaborating Centres for Tropical Diseases" (IMR), bertempat di Universiti Nagasaki dan "WHO Collaborating Centres for Arboviruses for Western Pacific Region", bertempat di Universiti Malaya menunjukkan terdapat kes JE, kes virus Nipah (Hendra-like) dan kes kedua-dua jangkitan.

Teguran Yang Berhormat dari Tanjong mengenai bantuan pakar virologi dari UNIMAS, suka saya jelaskan bahawa pertamanya pihak kementerian tidak pernah menerima sebarang tawaran rasmi dari pakar tersebut.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Kepong bangun.

Dato' Chua Jui Meng: tidak ada masa. Adalah menjadi prinsip kementerian untuk bekerjasama dengan mana-mana pihak atau sesiapa sahaja yang benar-benar jujur untuk membantu. Pihak CDC Atlanta misalnya, pada mulanya dirujuk tetapi kemudiannya telah secara rasmi dan sukarela menawarkan bantuan dan kita amat berterima kasih dan terima tawaran dengan hati yang terbuka.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesihatan memang memandang serius wabak JE/Nipah yang kita hadapi dan segala sumber yang termampu telah dan akan digembelngkan untuk menangani wabak ini. Ini adalah komitmen Kementerian Kesihatan dan kita terbuka kepada cadangan dan teguran yang positif dan membina.

Yang Berhormat dari Tanjong mengatakan bahawa diri beliau sebenarnya bimbang kesihatan dan keselamatan beliau dengan membuat kunjungan ke Bukit Pelandok dan anak beliau turut menyuarakan kebimbangan atas kunjungan bapanya. Menurut maklumat yang diterima, Yang Berhormat dari Tanjong hanya membuat beberapa kunjungan ke kawasan Bukit Pelandok yang tidak berisiko tinggi, sekadar memberi dakyah politik di mana penduduk berkumpul sahaja dan bukannya ke ladang khinzir, wad khas JE/Nipah di hospital-hospital yang berisiko tinggi. Yang Berhormat dari Tanjong cuba masuk dalam bakul dan angkat sendiri.....

Dr. Tan Seng Giaw: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat

Dato' Chua Jui Meng:tidak beri jalan. Untuk makluman Yang Berhormat dari Tanjong, pegawai-pegawai pentadbiran tertinggi

Tuan Yang di-Pertua: Tidak beri jalan.

Dato' Chua Jui Meng: dan ribuan kakitangan Kementerian Kesihatan serta agensi-agensi yang terlibat sejak bermulanya wabak kerap kali pergi ke kawasan berisiko tinggi untuk menilai keadaan, mengatur strategi, melaksanakan strategi, mengambil tindakan menangani wabak dan memberi keterangan serta bantuan.

Sebagai Menteri Kesihatan ingin saya merakamkan terima kasih kepada kakitangan semua kementerian dan agensi yang terlibat dalam operasi kali ini dan telah bertungkus lumus untuk mengatasi wabak ini walaupun terpaksa menghadapi risiko yang tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Tanjong cuba mengelirukan orang ramai dengan menggunakan statistik dan tempoh masa yang berlainan bagi episod-episod kes Encephalitis yang berlaku di masa lampau. Apa yang saya perelaskan kepada Dewan yang mulia ini pada 6 April adalah situasi wabak terkini. Adalah jelas Yang Berhormat dari Tanjong tidak faham apa yang dimaksudkan dengan wabak dan apa yang dimaksudkan dengan kes-kes sporadik dan dengan kejahilan ini beliau membuat dakwaan dan teguran melulu serta memutarbelitkan fakta dengan membuat perbandingan yang tidak relevan. Wabak adalah keadaan di mana berlakunya peningkatan yang ketara kes-kes lebih daripada biasa di sesuatu kawasan, manakala kes sporadik merujuk kepada kejadian kes-kes secara rambang bagi tempoh sembilan tahun daripada 1989 hingga 1997, secara puratanya terdapat tujuh hingga lapan kes setahun Japanese Encephalitis yang berlaku di Perak secara endemik.

Tuan Yang di-Pertua, sememangnya Internet merupakan sumber maklumat zaman ini, walau bagaimanapun tidak semua maklumat adalah tepat dan benar. Nampaknya Yang Berhormat dari Tanjong tidak bijaksana dalam menapis maklumat dan menyamak kesahihannya. Semoga dengan penjelasan yang telah diberikan, ini akan memulihkan semula ingatan Yang Berhormat dari Tanjong agar beliau tidak mengelirukan rakyat dengan kenyataan-kenyataan yang tidak tepat dan rambang. Kita harus berbangga kerana pakar-pakar tempatan telah berjaya menemui virus baru dan mengambil langkah-langkah yang cepat dan proaktif untuk mengkaji virus ini dengan terperinci. Usaha-usaha ini bukan sahaja dilakukan sebagai suatu tanggungjawab kepada profesion mereka tetapi juga untuk memastikan seluruh dunia dapat memahami jangkitan virus Nipah yang pertama kalinya dijumpai di dunia ini. Ini penting agar pengetahuan yang diperolehi akan dijadikan pengajaran dan panduan jika tercetusnya kejadian wabak virus Nipah di negara-negara lain kelak.

Tuan Yang di-Pertua, teguran daripada Yang Berhormat dari Tanjong yang mengatakan bahawa pihak berkuasa Singapura telah dengan cepat membuat kesimpulan bahawa kematian pekerja rumah sembelih tersebut bukannya JE, menunjukkan bahawa Yang Berhormat dari Tanjong tidak berfikir panjang apabila menerima berita tersebut. Sudah tentu mudah bagi pihak Singapura menolak kemungkinan mati disebabkan JE kerana maklumat mengenai virus kedua iaitu Hendra-like virus telah dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan pada 19 Mac tahun ini. Ini berdasarkan kepada kenyataan akhbar *Star* bertarikh 19 Mac tahun ini di mana pihak Singapura hanya memaklumkan terdapat empat kes iaitu seorang dijangkiti 'pneumonia', seorang dijangkiti 'meningitis', sementara dua orang lagi masih disiasat. Hanya pada 25 Mac tahun ini barulah dengan rasminya pihak Singapura mengatakan bahawa terdapat tiga orang pekerja di rumah sembelih disyaki menghidap jangkitan virus Hendra-like.

Janganlah Yang Berhormat dari Tanjong mudah terpedaya dan percaya apa sahaja yang dilaporkan oleh negara luar, itu semuanya baik dan sebaliknya apa yang dilakukan

oleh pakar tempatan semuanya buruk. Sikap Yang Berhormat dari Tanjong yang tidak pernah yakin dengan keupayaan rakyat Malaysia sendiri, sebaliknya lebih percayakan orang asing menunjukkan masih terdapat saki-baki kesan penjajahan dalam fikiran beliau walaupun kita sudah 41 tahun merdeka. Tidak ada pepatah yang lebih secocok daripada 'rumah siap pahat berbunyi',

Tuan Lim Kit Siang: Point of order.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Point of order.

Tuan Lim Kit Siang: Point of order, inilah sangkaan jahat, saya tidak pernah kata begitu, saya kata kita ada pakar tetapi ada menteri yang tidak mahu membenarkan pakar-pakar kita menggunakan kebijaksanaan mereka. Inilah apa standard

Dato' Chua Jui Meng: yang boleh digunakan untuk menyifatkan tindak-tanduk Yang Berhormat dari Tanjong selama ini.

Seorang Ahli: Duduk, duduk.

Dato' Chua Jui Meng: Tuan Yang di-Pertua, pihak Kementerian Kesihatan bersama-sama dengan pakar-pakar daripada CDC Atlanta masih menjalankan kajian terperinci mengenai jangkitan Hendra-like virus. Ini termasuklah daripada mana puncanya, bagaimana ia merebak, [Disampuk] bagaimana ia menjangkiti manusia dan bagaimana untuk mengawal jangkitan ini. Buat masa kini kita tidak dapat memastikan sama ada jangkitan Hendra-like virus bermula dari kawasan Tambun.

Dakwaan oleh Ahli Yang Berhormat dari Teluk Intan mengenai vaksin yang dibeli dengan harga RM9 juta dan tidak digunakan adalah tidak benar. Sehingga 20 April tahun ini, sejumlah 254,615 dos vaksin telah diberikan kepada 83,804 orang penduduk yang digolongkan berisiko tinggi di seluruh negara. Sehingga bulan April ini Kementerian telah membelanjakan sebanyak RM8,263,065 bagi membeli vaksin-vaksin tersebut. Vaksin-vaksin ini dibeli di atas sebab keberkesanannya di dalam menurunkan kadar kejadian penyakit JE di kalangan mereka yang telah melengkapkan suntikan vaksin tersebut telah terbukti di negara Jepun dan Taiwan yang telah terlebih dahulu memberikan vaksin kepada masyarakatnya yang berisiko tinggi.

Semua ubat yang hendak dijual dalam pasaran Malaysia terlebih dahulu mesti dipohon untuk didaftarkan dengan Pihak Berkuasa Kawalan Dadah (PBKD). Kementerian Kesihatan. Pendaftaran akan diluluskan hanya selepas ubat itu didapati selamat dan berkesan untuk digunakan. Selama ini hanya satu produk Vaksin JE (keluaran Foundation for Microbial Diseases, Japan) yang berdaftar dengan PBKD dan dijual di Malaysia. Mulai Mac 1999 tahun ini PBKD telah menerima empat permohonan dari pengeluar yang lain untuk mendaftar ubat mereka dan permohonan ini sedang dalam peringkat ujian di Biro Pengawalan Farmaseutikal Kebangsaan. Oleh itu soalan monopoli import oleh hanya satu pembekal adalah tidak timbul.

Tuan Yang di-Pertua, pihak Kementerian Kesihatan tidak berhasrat memohon peruntukan tambahan bagi membeli vaksin JE untuk manusia memandangkan peruntukan yang telah diluluskan oleh kerajaan adalah mencukupi. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Seremban, kita mempunyai pakar dan kemudahan makmal yang memang diiktiraf oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia, Institut Penyelidikan Perubatan pula ada membuat kajian mengenai penyakit. Namun demikian, sekiranya sebarang kepakaran diperlukan, Kementerian Kesihatan akan mendapatkannya bagi menangani apa juga keadaan yang dihadapi.

Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab Ahli Yang Berhormat dari Kepong bahawa masalah wabak yang berlaku sejak beberapa tahun kebelakangan ini kerana pengurusan kementerian yang tidak cekap tidak berkesan. Pola perubahan penyakit kini dihadapi oleh semua negara di seluruh dunia. Penyakit-penyakit berjangkit yang pada seketika dahulu dapat dikawal kini telah muncul semula dalam bentuk yang lebih membahayakan. Ada mikroba yang mengalami perubahan seperti mutasi dan adaptasi, gangguan keseimbangan alam, perubahan demografi dan tingkah laku manusia, kemajuan sains dan teknologi serta keselesaan perhubungan dan perjalanan yang dijangkakan akan menyebabkan bilangan pengembara meningkat mencapai 400 juta orang menjelang tahun 2000. Semua ini adalah antara sebab-sebab penyumbang kepada senario kemunculan semula penyakit lama dan baru di merata tempat di dunia. Kementerian Kesihatan sentiasa berwaspada dan bersedia untuk apa sahaja keadaan. Walau bagaimanapun adalah sukar untuk menjangkakan sesuatu malapetaka yang akan terjadi.

Dr. Tan Seng Giaw: [*Bangun*].

Tuan Yang di-Pertua: Hendak beri jalan atau tidak?

Dato' Chua Jui Meng: Tidak ada masa.

Dr. Tan Seng Giaw: Satu sahaja saya hendak tanya. Tuan Yang di-Pertua, penjelasan, pendek sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Dr. Tan Seng Giaw: Yang Berhormat mengatakan ini kerana pengembara sampai 400 juta orang menjelang tahun hadapan dan sebagainya dan ini bermakna beliau dengan tidak sengaja mengakui virus ini mungkin diimport, virus baru yang 74% kematian pesakitnya disebabkan virus yang baru ini dan virus ini diimport daripada luar dan bolehkah Yang Berhormat dengan ringkasnya memberitahu di Dewan ini apakah punca virus ini. Saya tidak percaya ini punca daripada Malaysia, reseda di mana, nature, character dan sebagainya. Bolehkah Yang Berhormat terangkannya?

Dato' Chua Jui Meng: Tuan Yang di-Pertua, kalau Yang Berhormat membaca surat khabar atau mendengar berita dalam radio dan televisyen, kita telah beritahu banyak kali, sekarang kita masih menyiasat perkara ini, kita tidak tahu punca dari mana. Kita cuba menyiasat dengan pakar epidemiologi, pakar-pakar dalam negeri, pakar-pakar dari Australia, Amerika Syarikat begitu ramai datang ke negara kita untuk membantu kita, tapi sabarlah, bila kita dapat maklumat yang lebih detail kita akan maklumkan kepada Yang Berhormat dan kepada rakyat Malaysia.

Kenyataan oleh Yang Berhormat Kepong bahawa terdapat kesilapan semasa wabak Cocksackie dengan enterovirus adalah tidak tepat. Ini kerana pada peringkat awal wabak, diagnosis berdasarkan presentasi klinikal adalah jangkitan oleh Cocksackie dan selepas itu Cocksackie B. Walau bagaimanapun, dalam meneruskan penyiasatan, pihak kementerian telah mengenal pasti melalui ujian-ujian makmal bahawa virus yang dikesan tersebut adalah Enterovirus 71 (EV-71) yang mana kedua-duanya adalah dari keluarga yang sama iaitu keluarga enterovirus. Ini membuktikan diagnosis awal dan langkah kawalan yang diambil adalah bertepatan. Berbanding dengan wabak yang sama di Taiwan pada tahun 1998, satu tahun selepas kita menghadapi wabak enterovirus, dari April hingga 3 Julai 1998, seramai 55 kanak-kanak di Taiwan terkorban akibat jangkitan EV-71 berbanding dengan 42 kematian dalam wabak di Malaysia. Ini membuktikan di sebalik pengalaman yang telah dilalui oleh negara kita untuk dijadikan pengajaran pada 1997, kematian masih tidak dapat dielakkan di Taiwan.

Sesungguhnya, negara kita mempunyai ramai pakar dalam bidang kesihatan yang bukan sahaja profesional malah turut mendapat pengiktirafan dan sanjungan dari pihak WHO dan juga CDC. Ini disokong oleh Division of Re-emerging Infectious Diseases, Pertubuhan Kesihatan Sedunia dan juga CDC Atlanta yang telah mengeluarkan kenyataan pada tahun 1997 berkaitan dengan wabak enterovirus, dan menyatakan, "*The response of federal, state and divisional health departments, hospitals and clinics to the enterovirus outbreak has been impressive. The development of protocols for specimen collection and for clinical management of fatal cases, the training of divisional health officers and co-ordination of divisional health offices' activities and the wide dissemination of public health messages, are examples of the co-ordinated response that has been made*", dengan izin. Malang sekali sikap Yang Berhormat dari pembangkang yang tidak pernah yakin dengan keupayaan rakyat Malaysia sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan menubuhkan sebuah suruhanjaya bagi mengkajijalakan kajian terhadap wabak sekarang adalah tidak perlu memandangkan pihak Kementerian ketika ini telah menjalankan kajian dengan dibantu oleh pakar-pakar dari luar negara untuk mengenal pasti dengan tepat bagaimana jangkitan terjadi, penyebarannya serta tindakan kawalan jangkitan virus ini. Kumpulan pakar ini dibahagikan kepada beberapa kumpulan yang terdiri daripada bidang epidemiologi veterinar, bidang epidemiologi perubatan, pakar-pakar klinikal dan pakar-pakar penyelidikan makmal.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Bintulu telah menyarankan agar pihak Kementerian Kesihatan menjalankan kawalan yang lebih serius terhadap sistem perparitan dan longkang serta kebersihan makanan amatlah dihargai. Sememangnya pihak Kementerian Kesihatan ada memantau dan menguatkuasakan aktiviti kawalan mutu makanan seperti mengambil contoh makanan untuk diuji tahap keselamatannya dan mengawasi tahap kebersihan premis serta pengendali-pengendali makanan. Aktiviti semburan kabus kawalan vektor juga dilaksanakan di kawasan luar bandar. Pihak berkuasa tempatan bertanggungjawab ke atas kebersihan, perparitan dan kawalan vektor di kawasan pihak berkuasa tempatan sendiri dan Kementerian Kesihatan ada memberi bantuan dan sokongan ke atas aktiviti yang dijalankan oleh PBT. Baru semalam satu lagi kempen kebersihan dan menghapuskan nyamuk peringkat kebangsaan dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri kita. Ia bertujuan untuk meningkatkan kesedaran dan keprihatinan masyarakat terhadap kepentingan untuk menjaga kebersihan agar kesihatan masyarakat sentiasa terpelihara.

Bagi soalan yang berkaitan dengan kawalan terhadap penyebab wabak virus Nipah dan JE pula, perlu ditegaskan bahawa kedua-dua virus ini mempunyai langkah kawalan yang berbeza. Bagi JE, langkah kawalan yang dilakukan adalah menghapuskan nyamuk culex yang bertindak sebagai vektor atau pembawa kepada penyakit ini. Oleh itu, kawasan ternakan khinzir dan kawasan rumah yang berhampiran ladang khinzir perlu bebas dari pembiakan culex. Aktiviti penyemburan kabus bagi membunuh nyamuk dewasa dan pemusnahan jentik-jentik perlu dijalankan secara berkala. Di samping itu juga, vaksinasi patut diberikan kepada golongan berisiko tinggi iaitu penternak, pekerja ladang dan mereka yang tinggal sekitar 2 kilometer dari tempat ternakan. Sementara itu, pada waktu ini, dengan pengetahuan yang ada, cara jangkitan virus Nipah pula dipercayai melalui hubungan terus (direct contact) dengan cecair dari babi yang dijangkiti. Sehubungan itu, langkah kawalan bagi mereka yang tergolong dalam golongan berisiko tinggi ialah memakai alat perlindungan diri setiap masa apabila mengendalikan khinzir-khinzir.

Pendidikan kesihatan mengenai kedua-dua jangkitan virus ini mesti diteruskan agar masyarakat sentiasa sedar dan mengambil langkah-langkah bagi mengawal penyakit ini dari terus merebak.

Sekian sahaja jawapan yang dapat saya berikan ke atas teguran-teguran Ahli-ahli Yang Berhormat. Bagi teguran-teguran yang tidak dijawab di Dewan yang mulia ini, ia akan diberi perhatian dan pertimbangan yang sewajarnya oleh Kementerian Kesihatan.

Tuan Yang di-Pertua: Kementerian Pembangunan Usahawan. Yang Berhormat, panjang lagi, panjangkah?

6.42 ptg.

Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan [Dato' Idris bin Jusoh]: Pendek, Tuan Yang di-Pertua.

Terima kasih saya ucapkan kepada Yang Berhormat dari Rompin, Tambun, Sipitang, Serdang dan Kluang yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Titah Diraja pada persidangan kali ini. Di antara isu utama yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat ialah berhubung dengan dana yang ada di kementerian untuk membangunkan usahawan dan sambutan-sambutan terhadap dana yang telah diwujudkan. Masa kini ada 41 jenis dana kesemuanya yang mana di antaranya ada di Kementerian Pembangunan Usahawan, daripada Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, daripada Bank Negara Malaysia, Kementerian Pertanian, Kementerian Kewangan, Kementerian Sains dan Teknologi, dan Kementerian Pembangunan Luar Bandar.

Sebenarnya ramai yang tidak faham tentang apa itu dana yang disediakan oleh kerajaan. Yang dimaksudkan dengan dana ialah wang yang disediakan oleh kerajaan yang telah dipinjamkan pada bank-bank. Bank-bank yang telah mengeluarkan dana tersebut menanggung risiko untuk setiap pinjaman melainkan pinjaman yang telah diberi kepada peniaga-peniaga kecil yang telah dijamin oleh CGC. Jenis dana ini telah dikumpul semuanya telah dibukukan oleh kementerian untuk kita memberi penerangan kepada usahawan-usahawan tentang tindakan dan juga kemudahan-kemudahan yang telah dikemukakan oleh kementerian untuk kebaikan dan untuk membantu usahawan-usahawan keseluruhannya. Dari masa ke semasa, untuk pastikan usahawan-usahawan tahu tentang apakah yang telah dilakukan oleh kementerian, kita mengadakan majlis penerangan dan juga Menteri dan Timbalan Menteri samalah, setiap kali kita berucap sentiasa mengatakan dan mempromosikan dana-dana yang wujud.

Satu promosi dana IKS '99 telah diadakan daripada 16 – 18 Mac yang lalu dengan kerjasama Kementerian Kewangan dan telah mendapat sambutan yang baik oleh usahawan-usahawan. Di antara dana-dana yang telah mendapat sambutan yang baik seperti Tabung Usahawan Baru (TUB), Tabung Industri Bumiputera (TIB) dan TUK. Dana-dana ini yang telah hampir 100% digunakan. Ada sedikit kelembapan dalam tabung-tabung yang lain kerana wujudnya krisis ekonomi baru-baru ini dan kerana dalam memberi pinjaman bank-bank perlu menilai daya maju dan kemampuan membayar balik oleh peminjam-peminjam.

Di samping itu juga, ada bank-bank yang sememangnya perlahan di dalam memberi pinjaman. Untuk mengatasi masalah saluran yang selalu dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Rompin, kementerian sedang menilai untuk memperbanyakkan lagi saluran tabung-tabung melalui institusi bukan kewangan ataupun non-financial institution, dengan izin, seperti MARA, PNS dan juga melalui Institut TEKUN. Walau bagaimanapun perkembangan pinjaman sekarang telah bertambah baik kerana mungkin keyakinan telah

bertambah kerana ekonomi negara pun telah menunjukkan prestasi yang baik baru-baru ini, kebelakangan ini.

Yang Berhormat daripada Kluang telah mengatakan sebenarnya tentang sambutan terhadap tabung IKS yang diperuntukkan RM1,500 juta. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, sehingga kini RM1,295 juta telah dikeluarkan. Ada sedikit kelembapan dalam pengeluaran tabung pemulihan IKS yang hanya sekarang RM58 juta dikeluarkan kerana tabung ini hanya baru dilancarkan pada akhir tahun yang lalu.

Yang Berhormat dari Sipitang telah membangkitkan meminta agar diadakan satu MRSM di Sipitang selepas MRSM Kinarut yang akan dibina tidak berapa lama lagi. Insya Allah, untuk Yang Berhormat dari Sipitang yang tidak ada pada petang ini permohonan Yang Berhormat itu akan dipertimbangkan dalam Rancangan Malaysia Kelapan.

Yang Berhormat dari Tambun juga telah mengatakan tentang prinsip core business dalam melaksanakan dana agar hanya satu kementerian sahaja yang melaksanakan dana. Ini saya suka mengatakan dari segi konsep cadangan ini adalah baik. Walau bagaimanapun, Kementerian Pembangunan Usahawan berpendapat memandangkan pada masa ini dari segi membantu kumpulan sasaran setiap kementerian ataupun agensi mempunyai matlamat dan sasaran masing-masing, maka adalah wajar kementerian ataupun agensi berkenaan mengendalikan kemudahan pinjaman yang berkenaan.

Yang Berhormat dari Sepang juga ada membangkitkan agar wujudnya kerjasama, agar diadakan kerjasama di antara Pusat Giat MARA dengan Pusat Serenti di Sepang - dia tunggu sampai petang untuk mendengar jawapan daripada saya. Untuk jangka masa pendek, sebenarnya kerjasama ini boleh dilakukan secara berkala ataupun secara sekali sekala. Pihak Giat MARA juga telah memberi kesanggupan untuk mengadakan kerjasama ini. Tetapi untuk jangka masa panjang, kita harap Yang Berhormat dari Sepang boleh membuat perbincangan ataupun Pusat Serenti boleh membuat perbincangan dengan pihak Giat MARA kerana kerjasama jangka masa panjang ini akan melibatkan peruntukan, tambahan kakitangan dan juga premis yang sesuai.

Terima kasih kepada semua Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Kementerian Dalam Negeri.

6.49 ptg.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Ong Ka Ting]: Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Yang Amat Berhormat Menteri Dalam Negeri, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membahaskan isu-isu berkaitan Kementerian Dalam Negeri. Atas perkara-perkara yang telah dibangkitkan itu, saya akan cuba berikan penjelasan sewajarnya.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Sipitang menggesa kerajaan, demi keselamatan negara dan ketenteraman awam supaya mengambil tindakan tegas ke atas mana jua pihak yang tidak bertanggungjawab yang cuba mewujudkan kekacauan dalam negara secara memulakan dan menyebarkan fitnah, surat layang, tulisan-tulisan tidak tepat dan berniat jahat melalui saluran Internet. Seterusnya, beliau juga mengesyorkan tindakan tegas diambil ke atas penganjur perhimpunan-perhimpunan umum tanpa permit terhadap penceramah-penceramah yang terang-terang menghasut dan berunsurkan fitnah.

Beliau seterusnya menyarankan supaya kerajaan mengambil tindakan sewajarnya dan jika perlu menggunakan Akta Keselamatan Dalam Negeri terhadap mereka. Perkara yang sama juga telah dicadangkan oleh Yang Berhormat dari Yan.

Berhubung dengan perkara ini, kerajaan sedar akan kegiatan-kegiatan pihak tertentu yang menyalahgunakan saluran media elektronik untuk melemparkan tohmahan dan cacian melampau serta tidak berasas. Selain dari itu, kerajaan juga mengawasi mana-mana parti politik atau pihak-pihak tertentu ketika mengadakan ceramah-ceramah dan sebagainya kerana semua pihak yang telah diberi kebenaran mengadakan ceramah-ceramah umum adalah tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan dalam permit yang dikeluarkan baginya.

Untuk peringatan pihak-pihak yang berkenaan, ceramah-ceramah yang disampaikan adalah diamati dengan teliti bagi memastikan syarat-syarat mengadakan ceramah tersebut dipatuhi sepenuhnya. Sekiranya terbukti ada parti-parti politik atau sesuatu pihak yang telah melanggar syarat-syarat yang telah ditetapkan dalam permit, maka tindakan undang-undang yang sedia ada akan diambil. Dalam konteks ini, segala intipati ucapan yang berupa hasutan, isu-isu yang boleh memecahbelahkan perpaduan masyarakat majmuk di negara dan menggugat keselamatan negara dan ketenteraman awam diberi perhatian oleh pihak berkuasa.

Mengenai kawalan keselamatan dalam negeri sebagaimana yang disarankan oleh Yang Berhormat dari Sipitang dan Yang Berhormat dari Sandakan, kerajaan pada setiap masa berusaha memastikan negara sentiasa berada dalam keadaan selamat dan tenteram. Sebarang ancaman atau usaha pihak-pihak tertentu untuk menimbulkan huru-hara dan kekecohan akan dibanteras. Kawalan kawasan sempadan di perairan negara dan di darat juga dipertingkatkan pada setiap masa agar anasir-anasir yang tidak diingini dan gangguan-gangguan dari pihak luar yang boleh menjejaskan keselamatan negara dapat ditentang.

Seterusnya, berhubung dengan kewujudan ramai pekerja asing tanpa izin yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Sipitang, agensi-agensi penguatkuasaan kerajaan memang mengambil tindakan tegas kepada individu, syarikat-syarikat, badan-badan korporat dan penjawat-penjawat dalam syarikat dan badan korporat yang membawa masuk dan menggaji orang asing secara haram ke negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, beralih kepada perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Tanjong, sebagaimana yang kita sama-sama maklum, Suruhanjaya Siasatan Diraja yang menyiasat kecederaan Dato' Seri Anwar Ibrahim telah pun mendapat pengakuan daripada pihak yang bertanggungjawab dan tindakan yang sewajarnya telah dan sedang dijalankan. Selanjutnya, ditegaskan juga kerajaan tidak akan melindungi mana-mana pegawai dan anggota polis yang terlibat di dalam tindakan ganas terhadap pesalah atau tahanan. Semua aduan salah laku terhadap polis akan disiasat. Kerajaan sentiasa memberi jaminan siasatan yang dijalankan adalah bebas dan tindakan serta hukuman yang akan diambil adalah berdasarkan peruntukan undang-undang yang sedia ada. Melalui tindakan-tindakan yang diambil, kerajaan berharap perkara yang sedemikian tidak akan berulang. Bagi menjelaskan teguran Yang Berhormat dari Tanjong dan Yang Berhormat dari Teluk Intan

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Tanjong bangun ya.

Dato' Ong Ka Ting: Sekali sahaja, ya.

Tuan Lim Kit Siang: Mengenai laporan Suruhanjaya Diraja, kenapa laporan itu tidak dibentang di Dewan ini supaya ia boleh diteliti, dikaji oleh Ahli-ahli Parlimen dan

menjadi tajuk perbahasan, bolehkah ini ditimbang dan dibentang di dalam Dewan yang mulia ini?

Dato' Ong Ka Ting: Laporan siasatan suruhanjaya itu memang telah dijual. Sesiapa boleh membeli kerana perkara itu diuruskan oleh suruhanjaya yang berkenaan. Saya rasa Kementerian Dalam Negeri tidak boleh buat apa-apa keputusan tetapi sesiapa sahaja orang awam boleh dapat naskhah dengan membelinya dan pengumuman telah dibuat.

Bagi menjelaskan teguran Yang Berhormat dari Tanjong dan Yang Berhormat dari Teluk Intan terhadap fasiliti di institusi penjara di negara ini, ingin saya memaklumkan pada masa ini terdapat peraturan-peraturan dan undang-undang yang digunapakai bagi menentukan perkara-perkara berkaitan dengan kebajikan dan pengurusan banduan dijalankan sewajarnya. Undang-undang dan peraturan tersebut iaitu Akta Penjara 1995 dan Peraturan Penjara 1952, adalah selari, dengan izin, United Nations standard minimum rules yang digunakan oleh kebanyakan negara dalam menentukan keperluan minimum seseorang banduan. Sehubungan dengan ini juga, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Peraturan Penjara 1952 telah pun selesai dikaji semula dan menunggu ulasan dan kelulusan dari pihak Jabatan Peguam Negara untuk diwartakan. Peraturan baru ini akan dapat meningkatkan lagi usaha ke arah pengurusan banduan dengan lebih baik.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Sepang membangkitkan perihal kesesuaian program-program pemulihan yang dilaksanakan di pusat-pusat serenti termasuk Pusat Serenti Remaja Dengkil.

Untuk makluman Yang Berhormat, kerajaan akan terus berusaha untuk meningkatkan

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: [*Bangun*]

Tuan Yang di-Pertua: Parit Sulong, bangun.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mendapat penjelasan apakah di antara ciri-ciri baru yang terdapat di dalam, dengan izin, revise regulation penjara-penjara tersebut. Adakah semua banduan Muslim Islam akan dibenarkan menunaikan solat Jumaat dan tidak bergantung kepada kategori-kategori tertentu sahaja? Minta penjelasan dari Timbalan Menteri, terima kasih.

Dato' Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, dalam kajian semula itu memang kita memperbaiki perkara-perkara yang ditetapkan lama dahulu yang tidak sesuai lagi pada masa kini, ini termasuk keperluan banduan dari segi agama, dari segi hal-hal kegiatan seharian. Pada masa kini, saya tidak dapat memberitahu secara spesifik kerana perkara ini belum diputuskan. Tidak berapa lama lagi apabila diputuskan, barulah saya dapat memberikan penjelasan yang selanjutnya.

Untuk makluman Yang Berhormat, kerajaan akan terus berusaha untuk meningkatkan lagi keberkesanan program rawatan dan pemulihan kepada penagih-penagih dadah di negara ini. Berhubung dengan rusuhan yang telah berlaku sebagaimana dikatakan oleh Yang Berhormat dari Sepang, perlu dijelaskan di sini, iaitu punca sebenar berlakunya rusuhan di Pusat Serenti Dengkil bukanlah disebabkan pemulihan ala tentera yang dijalankan di Pusat Serenti tersebut. Ianya didapati berlaku berikutan tindakan pihak pengurusan pusat tersebut memperketatkan lagi kawalan ke atas kemasukan barang-barang terlarang, contohnya, barangan tembakau. Selain daripada itu, di kalangan penghuni-penghuni pula, mereka merasa terkongkong kerana mengikuti modul-modul pemulihan di Pusat Serenti.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Ong Tee Keat) *mempengerusikan Mesyuarat*]

Yang Berhormat dari Sepang juga telah mengemukakan cadangan supaya kerajaan melaksanakan program work therapy. Dalam perkara ini, Agensi Dadah Kebangsaan ada memperkenalkan program cottage industry yang melibatkan kerjasama daripada pihak swasta yang menyediakan kemudahan infrastruktur seperti bangunan kilang, peralatan, bahan-bahan dan tenaga penyelia diserahkan kepada pusat serenti.

Mengenai Giat MARA, sebentar tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan telah pun jawab.

Berkaitan perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Marang, kerajaan sedar tentang keadaan masalah dadah yang masih belum dapat dihapuskan sungguhpun usaha-usaha pencegahan telah pun dijalankan sejak pelancaran kempen kesedaran antidadah 1983 hingga sekarang. Kesannya masih menampakkan ianya kekal sebagai satu isu yang serius yang perlu ditangani segera. Justeru itu, usaha masih dijalankan agar masalah ini terkawal terus.

Tuan Yang di-Pertua, usaha-usaha seperti yang disarankan oleh Yang Berhormat dari Marang telah pun dijalankan di seluruh negara sejak dua tahun yang lalu di bawah program Sehari Bersama Masyarakat. Usaha-usaha yang melibatkan masyarakat ini juga selari dengan rancangan strategik kerajaan untuk mewujudkan kawasan (daerah) bebas daripada dadah yang akhirnya akan mencapai objektif mewujudkan Malaysia bebas daripada dadah.

Di samping usaha-usaha kerajaan yang dinyatakan tadi, kerajaan juga telah menjalankan program secara khusus bagi mencegah penggunaan dadah di peringkat sekolah dan di kalangan pekerja-pekerja syarikat dan agensi. Sehubungan dengan itu, setiap syarikat atau agensi dikehendaki mengadai dan melaksanakan program-program in-house dalam pencegahan dadah. Sehubungan dengan itu, sukacita dimaklumkan iaitu daripada maklumat-maklumat yang diperolehi daripada majikan-majikan yang telah melaksanakan program tempat kerja tanpa dadah (drug-free workplace) menunjukkan:

- (i) terdapat keberkurangan dari segi ponteng kerja, kemalangan dan berhenti kerja malah ianya dapat meningkatkan produktiviti dan moral pekerja;
- (ii) keadaan kesihatan di kalangan pekerja dan keluarga adalah baik dan didapati penurunan di dalam menggunakan faedah perubatan;
- (iii) tidak terdapat penagih dadah di tempat kerja;
- (iv) boleh menangani masalah dadah dengan segera.

Dari hasil usaha yang telah dijalankan itu, kerajaan berpendapat bahawa ketiga-tiga program di atas perlu dijalankan serentak dalam mencapai cita-cita negara untuk mewujudkan satu generasi baru, yang bebas daripada dadah dalam tempoh 25 tahun iaitu menjelang tahun 2023 dan penglibatan masyarakat sangatlah diperlukan bagi merealisasikan wawasan negara tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Bintulu ingin tahu sejauh mana pihak polis diberi kuasa menyelesaikan kes jenayah komputer. Sukacita saya memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini, jenayah perdagangan yang membabitkan komputer tidaklah begitu ketara memandangkan kes-kes jenayah ini jauh lebih rendah iaitu cuma 9.29% dari keseluruhan jenayah perdagangan yang berlaku iaitu 22,326 kes untuk tempoh yang sama iaitu 1996 hingga 1998.

Antara langkah-langkah yang telah diambil oleh kerajaan dalam menangani masalah jenayah membabitkan komputer ini adalah dengan mewujudkan Akta Jenayah Komputer 1997 dan menubuhkan Pasukan Penyiasatan Jenayah Teknologi Polis Diraja Malaysia bagi melaksanakan penguatkuasaan akta tersebut di samping memberi pendedahan kepada masyarakat tentang kebaikan dan keburukan penggunaan komputer dalam kehidupan seharian.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Parit Sulong bangun.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya berkaitan hal ini sama ada pihak Polis Diraja cawangan jenayah komersial ataupun commercial crime, dengan izin, bersiap sedia untuk memperkukuh dia punya personel dalam anticipation dengan izin ataupun dengan jangkaan untuk menangani jumlah jenayah crime yang membabitkan komputer oleh kerana perkembangan e-commerce, perdagangan elektronik yang dijangka lebih meningkat di masa akan datang. Sekarang ini berapakah kekuatan tenaga polis dalam konteks ini dan adakah mereka terdiri daripada golongan-golongan profesional IT yang terlatih dalam konteks ini juga. Terima kasih.

Dato' Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, memang pihak Polis Diraja Malaysia telahpun menyediakan ataupun memperkukuhkan dia punya personel dalam beberapa tahun ini untuk menghadapi cabaran baru iaitu era komputer yang masuk ke era e-commerce. Angka yang tepat saya tidak dapat beri sekarang, saya boleh semak dan kemudian saya akan beri tetapi setahu saya pegawai-pegawai polis yang layak telah pun kita hantar untuk dilatih di seberang laut dan di antara mereka telah pun ada yang sudah balik untuk berkhidmat. Pada masa yang sama di peringkat Bukit Aman sudah ada siap sedia pasukan yang boleh sekurang-kurangnya menyiasat dengan menggunakan pengetahuan komputer mereka.

Saranan Yang Berhormat dari Kluang yang menyeru kerjasama semua pihak bersama-sama menjalankan kempen pencegahan jenayah amatlah dihargai dan pihak kerajaan mengucapkan terima kasih. Beliau juga mengalu-alukan langkah Yayasan Pencegah Jenayah Malaysia (YPJM) memperluaskan konsep bandar selamat. (safe city concept), yang telah menunjukkan hasil yang baik. Berkaitan perkara ini, kerajaan juga telah mengambil beberapa langkah tertentu untuk mengurangkan peningkatan kejadian jenayah. Antara tindakan yang diambil termasuklah meningkatkan rondaan pencegahan, mengumpulkan maklumat risikan, meningkatkan operasi pencegahan, mengumpulkan maklumat risikan, meningkatkan operasi pencegahan, memperketatkan keselamatan sasaran penjenayah, menghapuskan atau mengurangkan peluang berlakunya jenayah.

Mengenai kemudahan perkhidmatan Jabatan Imigresen yang dibangkitkan, kerajaan memang sedar penduduk di sekitar daerah Kluang terpaksa ke Batu Pahat atau Johor Bahru untuk mendapatkan perkhidmatan imigresen. Cadangan Yang Berhormat dari Kluang supaya kerajaan menempatkan pejabat imigresen di Wisma Persekutuan di bandar Kluang yang dijangka siap pada tahun hadapan akan diberi perhatian oleh kementerian saya. Sungguhpun begitu, pada masa ini kerajaan belum ada rancangan untuk menempatkan sebuah pejabat imigresen di bandar Kluang kerana ianya melibatkan implikasi kewangan yang besar.

Yang Berhormat dari Gaya dan Yang Berhormat dari Tawau minta kerajaan mengkaji semula kadar bayaran levi pekerja asing. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kadar bayaran levi telah dikaji semula dan telah berkuatkuasa pada 1 Januari 1999 di mana bagi negeri Sabah telah dikurangkan daripada RM1,500 kepada RM960. Walau bagaimanapun, berhubung dengan cadangan supaya cara pembayaran levi dibayar

secara bulanan, kerajaan mendapati ianya adalah tidak praktikal dan lebih menyusahkan majikan kerana terpaksa beberapa kali berurusan dengan Jabatan Imigresen di samping terpaksa menanggung kos tambahan yang lain seperti bayaran pas dan bayaran proses. Selain dari itu, cara tersebut juga akan menambahkan beban tugas kakitangan jabatan berkenaan.

Berhubung dengan aduan bahawa majikan dikehendaki mengemukakan permohonan kepada beberapa agensi kerajaan sebelum dikeluarkan pembaharuan permit kerja, sukacita dijelaskan bahawa ini adalah kehendak jabatan-jabatan yang berkenaan. Walau bagaimanapun, kementerian saya akan berhubung dengan jabatan-jabatan yang terlibat bagi memudahkan majikan berurusan sesuai dengan cogan kata "Mesra Rakyat".

Yang Berhormat dari Tuaran menyentuh mengenai pendatang asing di Sabah, bidang tugas membanteras kemasukan pendatang tanpa izin di Sabah adalah di bawah bidang kuasa Pasukan Petugas Khas. Mereka yang tidak mempunyai dokumen yang sah akan ditangkap dan dihantar pulang ke negara asalnya. Walau bagaimanapun, mereka telah masuk semula ke Sabah kerana kedudukan Sabah yang hampir dengan negara asal mereka. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sejak 31 Oktober 1998 sehingga bulan Februari 1999 seramai 8,576 orang, yang terdiri daripada 4,254 orang rakyat Indonesia, 4,272 orang rakyat Filipina dan 50 orang dari negara-negara lain telah dihantar pulang ke negara asal mereka.

Dalam menangani kemasukan pendatang asing tanpa izin seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Sri Aman dan Yang Berhormat dari Baram, kerajaan sentiasa mengambil langkah yang tegas bagi menyekat kemasukan pendatang tanpa izin ke negara ini seperti mana saya telah berulang kali terangkan di Dewan ini.

Untuk makluman Yang Berhormat dari Bagan dan beberapa Ahli Yang Berhormat yang lain yang telah membangkitkan perkara yang sama iaitu menubuhkan Suruhanjaya Penyiasatan Bebas. Kerajaan tidak bercadang menubuhkan Suruhanjaya Penyiasatan Bebas untuk mengadili kejadian tembak mati di tempat kejadian oleh Polis. Kejadian tembak mati ke atas penjenayah di tempat kejadian bukanlah amalan biasa pihak polis dalam menjalankan tugas mereka. Pegawai dan anggota Polis tidak dibenarkan untuk melepaskan tembakan sewenang-wenangnya kecuali dibenarkan mengikut peruntukan undang-undang, misalnya, apabila nyawa mereka terancam dan terpaksa melepaskan tembakan. Dalam kes-kes yang mana anggota Polis didapati bertanggungjawab mendatangkan kematian di luar garisan peruntukan undang-undang, mereka tetap akan diambil tindakan dengan tuduhan di atas kesalahan yang dilakukan oleh mereka.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Kepong bangun.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Di sini saya bukan hendak mempertahankan penjenayah, saya bukan, cuma bolehkah Yang Berhormat terangkan selain daripada jawapan tadi, bagaimana Yang Berhormat memastikan semua orang yang dibunuh pada akhir-akhir ini, sejak berapa tahun ini, sama ada pencolek atau penjenayah jenis yang lain ditembak dengan begitu sahaja. Kalau jenayah-jenayah yang jijik ini ditembak saya pun tak apalah, saya terima, tetapi bagaimana Yang Berhormat memastikan semua yang ditembak itu benar-benar penjenayah yang tak dapat diterima oleh masyarakat. Sebab itu mungkin kajian polis ada salah sedikit dan kita tidak mahulah orang yang tidak berdosa ditembak mati. Saya berharap Yang Berhormat boleh dengan pihak polis sama-sama mengkaji dengan teliti bagaimana kita boleh elakkan orang-orang yang tidak berdosa ditembak mati.

Dato' Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Dalam Negeri lagi prihatin, perasaan kita lagi kuat kalau dibanding dari Yang Berhormat. Kita memang tidak mahu tengok perkara tembak mati ini berlaku. Itu sebab saya katakan tadi, pihak polis sentiasa diingat, mereka kena ikut peraturan. Setiap kali ada tembakan yang melibatkan nyawa, satu siasatan dalaman akan dijalankan. Kalau sekiranya terdapat kes yang ada kesilapan dari segi pihak polis, siasatan yang adil akan diambil dan tindakan undang-undang kita akan ambil.

Jadi, perkara ini memang sangat dipandang serius dan berat oleh pihak Kementerian Dalam Negeri dan baru-baru ini ibu pejabat polis pun sendiri berhati-hati tentang semua perkara ini selaras dengan kita punya niat hendak pastikan imej kita dapat pulih dengan baik. Imej baik pasukan Polis Diraja Malaysia didakwa telah terjejas pada masa kebelakangan ini. Sehubungan itu ramai Ahli Yang Berhormat ingin tahu apakah langkah yang akan diambil untuk memulihkan imej PDRM yang dikatakan telah tercemar itu.

Saya ingin menjelaskan iaitu Polis Diraja Malaysia sentiasa menyedari kewujudannya sebagai satu badan penguatkuasa undang-undang yang terlung di negara ini. Oleh itu, adalah perlu bagi organisasi tersebut mendapat kepercayaan dan keyakinan bukan sahaja di kalangan rakyat negara ini malahan juga kerajaan. Di peringkat Kementerian Dalam Negeri dan khususnya Jabatan Polis Diraja Malaysia konsep 'Mesra Rakyat' akan menjadi fokus utama dalam merangka program dan strateginya. PDRM sehingga kini telah pun mengambil beberapa langkah untuk mempertingkatkan imej dan perkhidmatannya. Antaranya ialah:

- (i) memperbaharui motto pasukan kepada 'mesra, cepat dan betul' untuk menanamkan sikap budaya mesra dalam perkhidmatan polis tetapi tetap tegas;
- (ii) memakai semula lambang 'Sedia Berkhidmat' mulai 25 Mac 1999 sebagai lambang bahawa polis bersedia memberikan perkhidmatan pada setiap masa dan di mana-mana sahaja;
- (iii) memusatkan Cawangan Tatatertib Polis Diraja Malaysia dari kontinjen-kontinjen ke Bukit Aman bagi memantau setiap tingkah laku anggota dan pegawai polis;
- (iv) menjalankan kursus-kursus peningkatan etika yang menekankan pendidikan dalam aspek moral dan etika kerja berkualiti di samping program-program bercorak kerohanian bagi anggota-anggota polis; dan
- (v) menubuhkan 'Jawatankuasa Polis dan Masyarakat' di peringkat Bukit Aman, di peringkat kontinjen, daerah dan balai-balai di seluruh negara untuk mendapatkan pandangan dan cadangan orang awam terhadap perkhidmatan polis.

Oleh itu, dapat kita perhatikan daripada penjelasan ini bahawa usaha untuk mempertingkatkan khidmat PDRM adalah suatu usaha yang berterusan dan akan diperbaiki dan masa ke semasa.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa Ahli Yang Berhormat telah menyentuh mengenai Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA). Saya suka menyatakan di Dewan yang mulia ini, kerajaan telah berkali-kali mengatakan bahawa Akta Keselamatan Dalam Negeri masih diperlukan dan tidak akan dimansuhkan buat masa ini. Dengan adanya undang-undang tersebut, kerajaan dapat membanteraskan kegiatan-kegiatan yang boleh memudaratkan keselamatan perkhidmatan-perkhidmatan perlu dan kehidupan ekonomi dalam negara.

Walaupun demikian, Kementerian Dalam Negeri memberi jaminan akan menggunakan akta ini secara berhati-hati dan akan sentiasa mematuhi peraturan-peraturan yang ditetapkan. Pandangan-pandangan dan cadangan-cadangan Yang Berhormat mengenai Akta Keselamatan Negeri yang telah dibincang panjang lebar di Dewan ini tetap akan diambil perhatian yang serius.

Tuan Yang di-Pertua, saya telah cuba memberi ulasan kepada semua perkara yang dibangkitkan. Bagi perkara-perkara lain yang belum sempat dijawab saya beri jaminan, ianya akan diberi perhatian oleh Kementerian Dalam Negeri. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Jabatan Perdana Menteri.

7.16 mlm.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu sukacita saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian di dalam perbahasan atas Titah Diraja dan membangkitkan perkara-perkara di bawah tanggungjawab Jabatan Perdana Menteri dan juga telah memberi pandangan, teguran dan syor-syor.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Tanjong dan Tuaran telah membangkitkan perkara-perkara mengenai pilihan raya di Sabah baru-baru ini yang dikatakan tidak adil dan tidak bersih. Di antaranya berlaku pemindahan kawasan mengundi tanpa kebenaran pemilih ke kawasan yang jauh, nama pemilih hilang dari senarai daftar pemilih, dan pendatang haram diberi kad pengenalan untuk membolehkan mereka membuang undi. Untuk makluman Yang Berhormat dari Tanjong dan Tuaran di Dewan yang mulia ini, dakwaan Yang Berhormat itu adalah tidak tepat dan bercanggah dengan fakta yang sebenarnya.

Mengenai dakwaan Yang Berhormat bahawa berlakunya pemindahan pemilih-pemilih tanpa pengetahuan pemilih-pemilih itu sendiri. Ingin saya menjelaskan bahawa Suruhanjaya Pilihanraya (SPR) tidak pernah membenarkan pemindahan pemilih-pemilih dari satu bahagian pilihan raya ke bahagian pilihan raya yang lain kecuali atas permohonan pemilih itu sendiri.

Berhubung dengan dakwaan bahawa berlaku nama-nama pemilih hilang daripada daftar pemilih, ingin saya memaklumkan bahawa SPR tidak memotong nama pemilih daripada daftar pemilih dengan sewenang-wenangnya. Pemotongan nama pemilih-pemilih daripada daftar pemilih hanya dibuat atas sebab-sebab hilang kelayakan, pergandaan dan kematian. Ingin saya menjelaskan bahawa kedua-dua perkara ini akan dapat diatasi, jika orang ramai sentiasa prihatin dengan menyemak rang daftar pemilih apabila ianya dipamerkan.

Sementara itu, mengenai dakwaan Yang Berhormat bahawa terdapat pendatang haram diberikan kad pengenalan bagi membolehkan mereka mengundi. Perkara ini juga tidak benar sama sekali. Pegawai-pegawai SPR telah diberi latihan dan taklimat tentang siapa yang boleh mendaftar sebagai pemilih sebagaimana yang telah ditetapkan oleh Perlembagaan Persekutuan. Sebagaimana Yang Berhormat maklum, syarat utama seseorang itu layak mendaftar sebagai pemilih ialah warganegara Malaysia dan berusia 21 tahun ke atas. Untuk menentukan seseorang itu warganegara Malaysia, Pegawai-pegawai SPR akan menyemak kad pengenalan seseorang itu. Jika pegawai-pegawai SPR berpuas hati dengan kesahihan kad pengenalan seseorang itu, barulah permohonan untuk mendaftarkan sebagai pemilih diterima.

Mengenai dakwaan Yang Berhormat dari Tanjong dan Tuaran bahawa Pilihan Raya Umum Dewan Undangan Negeri Sabah yang telah diadakan baru-baru ini sebagai tidak bersih, suka saya nyatakan bahawa dakwaan Yang Berhormat itu adalah nakal dan tidak berasas sama sekali. Untuk makluman Yang Berhormat, semasa Pilihan Raya Umum Dewan Undangan Negeri Sabah yang telah diadakan pada 12 dan 13 Mac 1999, parti-parti pembangkang dan calon-calon bebas telah mendapat 53.5% undi, sementara Barisan Nasional mendapat 46.4% dari keseluruhan undi yang diterima oleh calon-calon. Ini menunjukkan bahawa pilihan raya umum itu telah berjalan dengan adil dan bebas. Jika terdapat sebarang penipuan adalah mustahil parti-parti pembangkang dan calon-calon bebas boleh mendapat peratusan undi yang begitu tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai saranan Ahli Yang Berhormat dari Tanjong supaya SPR mengadakan persidangan meja bulat dengan parti-parti politik dan badan-badan bukan kerajaan, ingin saya jelaskan bahawa perkara itu tidak perlu. SPR bersedia untuk menerima mana-mana parti politik dan badan-badan yang ingin berdialog dan berbincang. Malah saya difahamkan bahawa baru-baru ini pun parti Ahli Yang Berhormat dari Tanjong telah mengadakan pertemuan dengan Pengerusi SPR untuk membincangkan isu-isu yang berkaitan dengan pilihan raya.

Ahli Yang Berhormat dari Tanjong juga meminta supaya Ketua Audit Negara melakukan pengauditan mengenai jumlah jam yang telah digunakan oleh Yang Berhormat Menteri-menteri, Yang Amat Berhormat Menteri-menteri Besar, Yang Amat Berhormat Ketua-ketua Menteri serta pegawai-pegawai kanan kerajaan di pilihan raya negeri Sabah dan berapa banyakkannya dana awam yang disalahgunakan untuk kempen tersebut dan beliau mencadangkan agar Ketua Audit Negara mengemukakan satu laporan audit khas di Parlimen.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Tanjong, pengauditan terhadap perbelanjaan lawatan dan perjalanan dibuat berdasarkan kepada peraturan kewangan yang sedia ada iaitu dengan menentukan sama ada sesuatu perjalanan rasmi itu telah diluluskan sewajarnya serta mempunyai peruntukan yang mencukupi. Apa-apa perbelanjaan yang dibuat di luar peraturan yang tersebut di atas akan dibangkitkan dengan pihak pengurusan dan di mana perlu akan dilaporkan dalam Laporan Tahunan Ketua Audit Negara.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Tambun telah menyentuh berkenaan sistem pengauditan yang diamalkan oleh Jabatan Audit Negara masih ditakuk lama dan menyarankan supaya dibuat perubahan, misalnya mengguna kaedah, dengan izin, value for money auditing atau performance auditing system.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Ketua Audit Negara dikehendaki mengaudit dan mengesahkan akaun tahunan kerajaan dan agensi-agensi kerajaan berlandaskan kepada antara lain peruntukan dalam Akta Audit 1957 yang menekankan ketepatan akaun-akaun yang diselenggarakan setiap tahun oleh kerajaan dan agensi-agensinya. Oleh itu, auditan kewangan seperti yang didapati sekarang nescaya akan membangkitkan beberapa kelemahan dalam penyediaan akaun dan pengurusan kewangan yang berlaku secara berterusan tahun demi tahun. Suka juga dimaklumkan bahawa kaedah value for money auditing, dengan izin, atau performance audit juga dijalankan oleh Jabatan Audit Negara semenjak beberapa tahun yang lalu.

Ahli Yang Berhormat dari Tambun juga membangkitkan perkara mengenai tahap perkhidmatan awam Malaysia yang menduduki tempat ketiga di dunia tetapi di bawah daripada tahap perkhidmatan awam Singapura. Sukacita dimaklumkan kerajaan sudah semestinya berhasrat agar perkhidmatan awam Malaysia menjadi antara yang terbaik di dunia. Tindakan menambah-baikkan sentiasa dilaksanakan secara berterusan. Sebagai

contoh, beberapa kes seperti kajian mengenai kebakaran hutan, kajian mengenai masalah air, kajian mengenai masalah Kerinchi Link dan lain-lain lagi telah dijalankan. Berasaskan kepada kajian-kajian tersebut, kursus pengurusan krisis telah diadakan untuk mewujudkan kemahiran terhadap, dengan izin, problem anticipation dan crisis resolution di kalangan pegawai-pegawai kerajaan untuk membolehkan mereka menangani sebarang masalah dari peringkat awal dengan lebih berkesan. Selain itu, penekanan juga diberi kepada pengurusan kreatif untuk menjadikan perkhidmatan kerajaan lebih proaktif.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Marang pula telah membangkitkan isu undi pos dan undi Orang-orang Asli di mana tiada ruang bagi parti-parti yang bertanding untuk menyaksikan pelaksanaan undi pos ini dan selalunya ia sebagai pembantu kepada kemenangan parti pemerintah. Begitu juga didapati pengundian oleh Orang-orang Asli tiada berlaku kesilapan, pada hal mereka ini kebanyakannya adalah buta huruf.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pengurusan undi pos di Malaysia dikawal oleh undang-undang iaitu Peraturan-peraturan Pilihan Raya Pengundian Secara Pos. SPR mematuhi sepenuhnya undang-undang tersebut ketika menguruskan pengundian secara pos. Oleh sebab undang-undang itu telah digubal sebegitu rupa, memang tidak ada peruntukan bagi calon-calon atau parti-parti politik yang bertanding untuk menyaksikan proses penandaan atau pemangkahan kertas undi oleh pemilih-pemilih pos. Walau bagaimana-pun, calon-calon dan parti-parti politik yang bertanding masih boleh menyaksikan proses pengeluaran, proses pembukaan sampul yang mengandungi kertas undi pos yang telah dipangkah dan proses pengiraan kertas undi pos.

Berkaitan dengan keraguan yang dibangkitkan Ahli Yang Berhormat mengenai proses undian oleh Orang-orang Asli, ingin saya maklumkan bahawa kumpulan Orang Asli ini mengundi secara biasa dan mana-mana calon dan parti-parti politik yang bertanding boleh menghantar ejen untuk menyaksikan proses pengundian tersebut. Oleh itu, keraguan mengenai dengan pengundian Orang Asli tidak sepatutnya timbul jika parti-parti politik menggunakan hak mereka.

Ahli Yang Berhormat dari Marang juga ingin tahu bilakah Rang Undang-undang Murtagh akan menjadi kenyataan dan dilaksanakan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, draf Undang-undang Perlindungan dan Pemulihan Aqidah Murtagh telah diteliti dan disemak oleh Jabatan Peguam Negara. Bidang kuasa meluluskan draf berkenaan ialah Badan Perundangan Negeri. Dengan demikian, peruntukan-peruntukan yang dicadangkan dalam draf berkenaan perlulah selaras dengan Perlembagaan Persekutuan dan Badan Perundangan Negeri.

Beberapa isu yang ditimbulkan menyentuh Perlembagaan Persekutuan dan bidang kuasa Mahkamah Syariah sedang dikaji semula oleh Jawatankuasa Teknikal Undang-undang Syarak dan Sivil.

Ahli Yang Berhormat dari Marang juga menyarankan supaya Lembaga Tabung Haji (LTH) lebih merupakan perkhidmatan kepada jemaah haji tanpa diskriminasi sama ada jemaah haji yang melalui LTH atau syarikat-syarikat swasta yang lain. Pada masa sekarang, LTH lebih bersifat komersial dan bersaing dengan syarikat swasta tersebut.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, LTH melaksanakan tugas dan fungsinya sebagai badan yang diamanahkan oleh kerajaan untuk menjaga kepentingan umat Islam dan urusan ibadat haji ke tanah suci seperti yang termaktub dalam Akta 535 Lembaga Tabung Haji 1995. Dalam akta ini ada menegaskan tiada seorang pun boleh menjalankan atau membuat transaksi perniagaan melakukan perjalanan ke tanah suci bagi maksud menunaikan haji dan menjadi kesalahan melainkan jika ia memegang lesen pengelola

jemaah haji yang sah, yang dikeluarkan oleh Lembaga Tabung Haji. LTH dalam urusan haji telah pun memberi peluang kepada syarikat-syarikat swasta untuk melibatkan diri dalam pengendalian jemaah haji dalam bentuk konsortium yang merangkumi 25 syarikat swasta dengan tujuan memberi peluang kepada mereka untuk mengendalikan jemaah haji secara profesional.

LTH sebagai badan induk dan bertanggungjawab terhadap kebajikan, kesihatan, keselamatan dan kesejahteraan jemaah haji semasa menunaikan fardu haji meletakkan beberapa syarat kepada syarikat-syarikat swasta ini dengan tujuan untuk menjamin kebajikan dan kesejahteraan jemaah haji semasa menunaikan fardu haji dan peraturan-peraturan yang dikenakan ini bukanlah satu diskriminasi di antara jemaah haji yang dikendalikan oleh LTH sendiri atau syarikat-syarikat swasta ini. Ianya lebih merupakan satu peraturan yang boleh menjamin kebajikan dan kesejahteraan jemaah haji itu sendiri.

Pengendalian haji yang diuruskan oleh Lembaga Tabung Haji telah pun mendapat pengiktirafan Kerajaan Arab Saudi dan antarabangsa sebagai satu organisasi yang terbaik dalam pengendalian jemaah haji dan sudah wajar bagi umat Islam negara ini memilih LTH dalam urusan ibadat haji ke tanah suci di mana organisasi ini selain daripada memberikan perkhidmatan yang terbaik, ianya juga membelanjakan berjuta-juta Ringgit bagi tujuan kebajikan, kesihatan dan kesejahteraan jemaah haji semasa di tanah air dan di tanah suci. Dengan itu, dakwaan Ahli Yang Berhormat bahawa LTH pada masa sekarang bersifat komersial dan bersaing dengan pihak swasta adalah tidak tepat.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Mentakab dan Batu Gajah membangkitkan perkara mengenai syarat dalam perjanjian penswastan seperti mana penswastan lebuh raya bertol dan projek pembedaan IWK yang mempunyai syarat-syarat ketat dan lebih menguntungkan pihak syarikat yang memperolehi konsesi. Beliau meminta kerajaan mengkaji semula projek-projek penswastan agar tidak membebankan rakyat.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan sentiasa memberi perhatian ke atas syarat-syarat dalam perjanjian penswastan agar projek-projek penswastan tidak membebankan rakyat di samping memastikan projek berkenaan berdaya maju.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Marang telah membangkitkan isu penyelewengan Perwaja dan penyiasatan yang dijalankan mengambil masa yang lama. Sehubungan itu, beliau ingin tahu apakah halangan-halangan ke atas penyiasatan tersebut dan apakah penyelewengan itu akan dibiarkan begitu sahaja.

Untuk makluman Yang Berhormat dari Marang siasatan terhadap penyelewengan pengurusan Perwaja Steel di bawah Tan Sri Eric Chia telah dijalankan oleh Badan Pencegah Rasuah dan pihak Polis DiRaja Malaysia. Siasatan Badan Pencegah Rasuah terhadap kes ini masih lagi diteruskan. Dalam menguatkuasakan undang-undang keadilan merupakan prinsip asas yang perlu dijunjung. Walaupun kerajaan menyedari pentingnya mempercepatkan siasatan kes-kes rasuah namun begitu proses memperolehi keterangan dalam sesuatu siasatan tidak boleh dilakukan secara sembrono atau tergesa-gesa disebabkan pelbagai faktor dalaman dan luaran yang kerap kali dihadapi oleh Badan Pencegah Rasuah. Salah satu daripada faktor penting tersebut ialah keperluan standard, beban pembuktian di mahkamah yang perlu dipenuhi dan masalah-masalah perundangan di luar negara yang dihadapi kerana tiada gunanya pendakwaan dibuat jika ianya berakhir dengan kekalahan.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Teluk Intan membangkitkan masalah kekurangan hakim-hakim majistret di mahkamah di negara ini. Rasionalnya

Mahkamah Kuala Kangsar, Perak ditutup dan asas perlantikan majistret bagi menentukan majistret yang dilantik itu berkelayakan dan berpengalaman.

Mengenai bilangan hakim-hakim majistret, suka saya perelaskan pada masa ini terdapat seramai 151 orang majistret di seluruh negara, 122 orang di Semenanjung, 11 di Sabah dan Labuan dan 18 di Sarawak. Bilangan ini adalah mencukupi. Mengenai rasionalnya Mahkamah Sesyen di Kuala Kangsar negeri Perak ditutup adalah disebabkan bilangan kes-kes yang ada terlalu kecil untuk menempatkan seorang Hakim Mahkamah Sesyen secara sepenuh masa dan kes-kes yang sedia ada di Mahkamah Sesyen Kuala Kangsar telah pun dipindahkan ke Mahkamah Sesyen di Ipoh.

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat dari Teluk Intan maklum, majistret adalah merupakan Pegawai Undang-Undang yang berkelayakan di dalam perkhidmatan kehakiman dan perundangan. Sehubungan itu kelayakan dan pengalaman hakim-hakim majistret yang dilantik oleh kerajaan tidak perlu diragukan.

Ahli Yang Berhormat dari Yan meminta kerajaan supaya menguatkuasakan pelaksanaan undang-undang fitnah dan menghina mahkamah serta mencadangkan supaya Kementerian Kehakiman yang bertanggungjawab mengenai pengurusan undang-undang diwujudkan semula.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penguatkuasaan ke atas kesalahan menghina mahkamah adalah di bawah kuasa yang diberikan kepada hakim dan majistret untuk mengenakan hukuman kerana kesalahan menghina mahkamah telah pun diperuntukkan di bawah Akta Mahkamah Kehakiman 1964 dan Akta Mahkamah Rendah 1948.

Mengenai cadangan mewujudkan semula Kementerian Kehakiman ianya akan diteliti dan kajian mengenainya perlu dilakukan sebelum membuat apa-apa keputusan mengenai cadangan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa, itulah sahaja perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang sempat saya jawab. Saya memohon maaf sekiranya masih ada perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak dijawab. Namun demikian, perkara ini telah dicatat oleh pegawai dan akan diambil perhatian oleh Jabatan Perdana Menteri.

Akhir sekali lagi saya mengucapkan ribuan terima kasih pada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengemukakan teguran, komen, pandangan serta syor-syor yang menyentuh perkara-perkara di bawah tanggungjawab Jabatan Perdana Menteri. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Usul Menjunjung Kasih di atas Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, oleh Yang Berhormat dari Sipitang itu hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa suatu ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:

“Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Rakyat di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu

ucapan berbilang-banyak syukur dan Terima Kasih kerana Titah Ucapan Seri Paduka Baginda semasa membuka Penggal Kelima Parlimen Yang Kesembilan.”

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Majlis mesyuarat ditangguhkan hingga jam 10.00 pagi esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 7.35 malam.